JUZU' KE-11

# SURAH YUNUS

SURAH KE

10

# SURAH YUNUS

Surah Nabi Yunus

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

109

**Dengan nama Allah**
**Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

**(Muqaddimah surah)**

Marilah kita kembali sekali lagi hidup bersama ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah dengan suasananya yang khusus, dengan bayangan-bayangan, nada-nada dan saranan-saranannya yang khusus setelah kita selesai hidup dalam tafsir Fi Zilal ini bersama-sama dua Surah al-Anfal dan at-Taubat yang diturunkan di Madinah.

Surah-surah Makkiyah walaupun ia merupakan sebahagiannya dari Al-Qur'an, namun ia turut berkongsi dengan seluruh Al-Qur'an di dalam ciri-ciri Qur'aniyah yang umum dan dalam ciri keunikannya dari segala kalam yang lain, yang tidak berciri Rabbani yang unik dan menarik dari sudut maudhu' pembicaraan dan cara penyampaiannya[1], namun begitu ia mempunyai suasana khusus dan kecapan khusus yang dibantu oleh maudhu' pembicaraannya yang asasi (secara ringkas ialah hakikat Uluhiyah, hakikat 'Ubudiyah dan hakikat hubungan-hubungan di antara keduanya, memperkenalkan kepada manusia Tuhan mereka yang sebenar yang harus mereka patuhi dan mengabdikan diri kepada-Nya di samping mengikut perintah dan undang-undang-Nya, juga menolak segala kekeliruan, keraguan, penyelewengan dan pemesongan yang menyerap ke dalam 'aqidah yang sebenar serta mengembalikan manusia kepada Tuhan mereka yang sebenar yang wajar bagi mereka mematuhi Rububiyah-Nya, juga dibantu oleh uslub pembentangan maudhu' ini, iaitu uslub yang banyak memberi inspirasi, rentak nada yang mendalam dan kesan yang kuat, di mana segala ciri pengungkapan turut serta menyampaikan pembentangan ini, iaitu dari struktur kata-kata kepada berbagai-bagai pernyataan objektif yang efektif sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini di dalam Surah al-An'am[2] yang kami akan bicarakannya semula di sini insya Allah.

Perkenalan kita yang akhir - di dalam tafsir Fi Zilal ini - dengan Surah-surah Makkiyah yang diturunkan di Makkah ialah Surah al-An'am dan Surah al-A'raf yang berturut-turut di dalam tertib susunan mashaf walaupun tidak berturut-turut dalam tertib nuzul, kemudian datang pula Surah-surah Madaniyah iaitu Surah al-Anfal dan Surah at-Taubat dengan suasana, tabiat dan maudhu' pembicaraan yang khusus dengan Surah-surah Madaniyah. Kini sewaktu kita kembali semula menghayati Surah-surah Makkiyah kita dapati kedua-dua Surah Yunus dan Surah Hud adalah berturut-turut dalam tertib susunan mashaf dan di dalam tertib nuzul. Yang menarik ialah di sana terdapat titik keserupaan yang besar di antara dua surah Makkiyah ini dalam maudhu' pembicaraan kedua-duanya dan dalam cara gaya pembentangan maudhu' pembicaraannya. Misalnya Surah al-An'am memperkatakan hakikat 'aqidah Islam itu untuk menghadapi dan menyangkal jahiliyah dari segi 'aqidah, persepsi, ibadat dan amalan. Sementara Surah al-A'raf pula memperkatakan tentang pergerakan 'aqidah Islam di bumi dan kisah perjuangannya menentang jahiliyah di sepanjang sejarah. Begitu juga keadaan kita di sini dengan Surah Yunus dan Hud yang mempunyai banyak titik persamaan dari segi maudhu' dan cara pembentangan kecuali Surah al-An'am berlainan dari Surah Yunus dengan rentak nadanya yang tinggi dan kuat dan dengan kecepatan dan kekuatan degupannya, juga dengan sorotannya yang kuat dari segi penggambaran dan harakat. Sementara Surah Yunus berlangsung dengan rentak nada yang lembut, degupan yang tenang, licin dan gemulai. Surah Hud pula mempunyai titik-titik persamaan yang kuat dengan Surah al-A'raf dari segi maudhu', cara pembentangan rentak nada dan degupan. Kemudian setiap surah masing-masing mempunyai ciri-ciri peribadinya yang tersendiri dan bentuk rupanya yang berbeza di samping titik-titik persamaan dan kelainan ini.

* * * * * *

Maudhu' pembicaraan pokok dalam Surah Yunus ialah maudhu' pembicaraan umum Surah-surah

---

[1] *Lihat kata pengantar cetakan yang kedua tafsir ini yang telah dikemaskinikan dalam juzu' yang pertama di bawah judul "Fi Zilalil-Qur'an", juga lihat kata pengantar Surah Aali 'Imran di dalam juzu' yang ketiga.*

[2] *Lihat kata pengantar Surah al-An'am di dalam juzu' yang ketujuh cetakan ini dan dalam kata pengantar Surah Aali 'Imran dalam juzu' yang kelapan.*

Makkiyah yang telah diterangkan dalam perenggan yang lepas. Surah ini memperkatakan isi kandungannya dengan caranya yang tersendiri yang menjadi ciri syakhsiahnya dan rupa bentuknya. Dalam kata pengantar ini kami hanya menyaripatikan kandungan-kandungannya satu demi satu secara ringkas sehingga tiba pada tempat huraiannya yang terperinci semasa mentafsirkan nas-nas Al-Qur'an nanti:

- Mula-mula surah ini menentang pendirian kaum Musyrikin di Makkah terhadap hakikat wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dan seterusnya terhadap Al-Qur'an itu sendiri. Ia menjelaskannya kepada mereka bahawa wahyu itu tidak mempunyai sesuatu yang aneh dan Al-Qur'an ini bukanlah suatu pembohongan yang diada-adakan oleh pihak yang lain dari Allah:

الٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡحَكِيمِ ﴿١﴾ أَكَانَ لِلنَّاسِ عَجَبًا أَنۡ أَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰ رَجُلٖ مِّنۡهُمۡ أَنۡ أَنذِرِ ٱلنَّاسَ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنَّ لَهُمۡ قَدَمَ صِدۡقٍ عِندَ رَبِّهِمۡۗ قَالَ ٱلۡكَٰفِرُونَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٞ مُّبِينٌ ﴿٢﴾

*"Alif. Lam. Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang penuh hikmat(1). Apakah manusia merasa aneh kerana Kami mewahyukan kepada seorang lelaki (Muhammad) dari kalangan mereka: Berilah peringatan kepada manusia dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman bahawa mereka mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Tuhan mereka. (Tetapi) orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya orang ini (Muhammad) adalah seorang tukang sihir yang amat nyata"(2).*

وَإِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ ءَايَاتُنَا بَيِّنَٰتٖ قَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَرۡجُونَ لِقَآءَنَا ٱئۡتِ بِقُرۡءَانٍ غَيۡرِ هَٰذَآ أَوۡ بَدِّلۡهُۚ قُلۡ مَا يَكُونُ لِيٓ أَنۡ أُبَدِّلَهُۥ مِن تِلۡقَآيِٕ نَفۡسِيٓۖ إِنۡ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّۖ إِنِّيٓ أَخَافُ إِنۡ عَصَيۡتُ رَبِّي عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ﴿١٥﴾ قُل لَّوۡ شَآءَ ٱللَّهُ مَا تَلَوۡتُهُۥ عَلَيۡكُمۡ وَلَآ أَدۡرَىٰكُم بِهِۦۖ فَقَدۡ لَبِثۡتُ فِيكُمۡ عُمُرٗا مِّن قَبۡلِهِۦٓۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ﴿١٦﴾

فَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوۡ كَذَّبَ بِـَٔايَٰتِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلۡمُجۡرِمُونَ ﴿١٧﴾

*"Dan apabila dibacakan ayat-ayat Kami yang jelas kepada mereka, maka berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Bawalah Qur'an yang lain dari Al-Qur'an ini atau gantikannya dengan yang lain. Katakanlah: Tidaklah wajar bagiku menukarkannya dari pihak diriku. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku. Aku takut - jika aku melanggar perintah Tuhanku - kepada keseksaan pada hari Qiamat yang amat besar(15). Katakanlah: Jika Allah kehendaki tentulah aku tidak membacakannya (Al-Qur'an) kepada kamu dan tidaklah pula Dia memberitahukannya kepada kamu. Aku telah tinggal sekian lama di kalangan kamu. Apakah kamu tidak berfikir?(16). Oleh itu siapakah yang lebih zalim dari mereka yang mengadakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ayat-ayat-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu tidak akan beruntung."(17)*

وَمَا كَانَ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانُ أَن يُفۡتَرَىٰ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِن تَصۡدِيقَ ٱلَّذِي بَيۡنَ يَدَيۡهِ وَتَفۡصِيلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَا رَيۡبَ فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٣٧﴾ أَمۡ يَقُولُونَ ٱفۡتَرَىٰهُۖ قُلۡ فَأۡتُواْ بِسُورَةٖ مِّثۡلِهِۦ وَٱدۡعُواْ مَنِ ٱسۡتَطَعۡتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾

*"Al-Qur'an ini tidak mungkin diadakan oleh yang lain dari Allah, tetapi Al-Qur'an (kitab) yang mengesahkan kitab-kitab sebelumnya dan menghuraikan dengan terperinci isi kandungan kitab yang tidak syak lagi diturunkan dari Allah Tuhan semesta alam(37). Apakah wajar mereka mengatakan bahawa dia (Muhammad) telah mengada-adakan Al-Qur'an. Katakanlah: (Jika benar begitu), maka silalah kamu bawa satu surah yang sama setanding dengan Al-Qur'an dan jemputlah sesiapa sahaja yang dapat kamu jemput (untuk membantu kamu) selain dari Allah jika kamu benar."(38)*

- Surah ini menghadapi permintaan para Musyrikin supaya ditunjukkan satu mu'jizat fizikal yang lain dari Al-Qur'an, juga permintaan mereka supaya disegerakan turunnya 'azab yang dijanjikan Allah yang didengar oleh mereka, lalu surah ini menjelaskan kepada mereka bahawa mu'jizat agama ini ialah Al-Qur'an. Ia membawa buktinya yang unik dan berdaya mu'jizat yang mencabar mereka. Dan ayat-ayat Al-Qur'an itu berada di tangan Allah dan di bawah kehendak masyi'ah-Nya, di samping menjelaskan bahawa masa balasan yang dijanjikan kepada mereka adalah bergantung dengan ajal yang ditentukan Allah, sedangkan Nabi tidak mempunyai apa-apa kuasa, kerana ia tidak lebih dari seorang hamba di antara para hamba Allah. Ini merupakan sebahagian dari langkah untuk memperkenalkan Tuhan yang sebenar kepada mereka, juga memperkenalkan hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah:

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا ٱلْقُرُونَ مِن قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا۟ ۙ وَجَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَمَا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْقَوْمَ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٣﴾

ثُمَّ جَعَلْنَٰكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ مِنۢ بَعْدِهِمْ لِنَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

*"Sesungguhnya Kami telah membinasakan umat-umat sebelum kamu apabila mereka melakukan kezaliman, sedangkan rasul-rasul mereka telah datang kepada mereka membawa penerangan-penerangan yang jelas, tetapi mereka tidak juga beriman. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas golongan orang-orang yang berdosa(13). Kemudian Kami jadikan kamu selaku pengganti-pengganti yang memerintah di negeri itu selepas mereka supaya Kami dapat melihat bagaimana kamu bertindak?"(14).*

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولٌ ۖ فَإِذَا جَآءَ رَسُولُهُمْ قُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٤٧﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِى ضَرًّا وَلَا نَفْعًا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۗ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۚ إِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَلَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُهُۥ بَيَٰتًا أَوْ نَهَارًا مَّاذَا يَسْتَعْجِلُ مِنْهُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٥٠﴾

أَثُمَّ إِذَا مَا وَقَعَ ءَامَنتُم بِهِۦٓ ۚ ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ كُنتُم بِهِۦ تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٥١﴾

*"Dan setiap umat mempunyai rasul masing-masing, oleh itu apabila mereka telah didatangi rasul mereka, maka mereka kelak akan diadili di antara mereka dengan adil dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai(47). Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini, jika kamu benar?(48). Katakanlah: Aku tidak berkuasa memberikan kemudharatan dan tidak pula kemanfa'atan kepada diriku sendiri kecuali apa yang dikehendaki Allah. Setiap umat mempunyai ajal masing-masing. Apabila ajal mereka tiba, mereka tidak dapat memohon supaya ditunda dan tidak pula dapat memohon supaya dipercepatkan walaupun sesa'at(49). Katakanlah: Terangkan kepadaku, jika kamu ditimpakan 'azab-Nya di waktu malam atau di siang hari, apakah orang-orang yang berdosa itu masih hendak memohon supaya disegerakan 'azab itu(50). Apakah sesudah berlakunya 'azab itu barulah kamu percaya kepadanya? Apakah sekarang kamu telah percaya kepadanya? Sedangkan dahulunya kamu meminta supaya disegerakannya?"(51).*

وَيَقُولُونَ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۖ فَقُلْ إِنَّمَا ٱلْغَيْبُ لِلَّهِ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٢٠﴾

*"Dan mereka berkata: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) satu bukti mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya urusan ghaib itu kepunyaan Allah. Oleh itu tunggulah dan aku juga bersama kamu termasuk dalam golongan orang-orang yang menunggu."(20)*

• Surah ini menghadapi kekacuan kefahaman mereka terhadap hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah, iaitu suatu persoalan yang dihuraikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada mereka, lalu mereka mendustakan wahyu atau meragui kebenarannya dan meminta Qur'an yang lain dari Qur'an yang ada atau menuntut supaya ditunjukkan suatu mu'jizat fizikal yang dapat membuktikan kebenarannya, sedangkan mereka terus terkeliru menyembah sekutu-kutu yang tidak berkuasa memberi mudharat dan manfa'at dengan kepercayaan bahawa sekutu-sekutu yang disembahkan mereka dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah. Di samping itu mereka juga mendakwa bahawa Allah S.W.T. mempunyai anak tanpa beralaskan ilmu pengetahuan dan keterangan yang jelas, lalu surah ini menjelaskan kepada mereka sifat-sifat Allah yang sebenar dan kesan-kesan qudrat kuasa-Nya di alam di sekeliling mereka dan di dalam diri mereka sendiri, juga di dalam gejala-gejala dan keadaan-keadaan alam yang membuat mereka berubah-ubah dan seterusnya dalam bisikan-bisikan fitrah dan jiwa mereka kepada Tuhan mereka yang benar ketika menghadapi malapetaka yang tiada siapa dapat menolakkannya melainkan Allah. Ini adalah suatu isu yang amat besar, yang menelan sebahagian besar surah ini dan dari isu inilah terbitnya berbagai-bagai cabang isi kandungannya yang lain:

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ ۖ مَا مِن شَفِيعٍ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ إِذْنِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا ۖ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقًّا ۚ إِنَّهُۥ يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ لِيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ بِٱلْقِسْطِ ۚ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ شَرَابٌ

مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٤﴾
هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ ٱلشَّمْسَ ضِيَآءً وَٱلْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُۥ
مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ مَا خَلَقَ
ٱللَّهُ ذَٰلِكَ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾
إِنَّ فِى ٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِى
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

*"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy. Dialah yang mentadbirkan segala urusan. Tiada siapa yang berkuasa memberi syafa'at (kepada seseorang) melainkan selepas mendapat keizinan-Nya. Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran?(3). Seluruh kamu akan kembali kepada-Nya. Itulah janji Allah yang benar. Sesungguhnya Dialah yang memulakan penciptaan insan kemudian Dialah yang akan mengulangi penciptaan-Nya untuk memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dengan adil dan bagi orang-orang yang kafir disedia minuman dari air yang amat panas dan 'azab yang amat pedih kerana mereka melakukan perbuatan yang kufur(4). Dialah yang telah menciptakan matahari selaku cahaya yang terang benderang dan bulan selaku nur yang lembut dan menetapkan manzilah-manzilah perjalanannya supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan perhitungan waktu. Tiadalah Allah ciptakan semuanya itu melainkan dengan hikmat yang benar. Dia menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang mengetahui(5). Sesungguhnya dalam pertukaran malam dan siang dan segala kejadian yang diciptakan Allah di langit dan di bumi merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang bertaqwa."(6)*

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ
وَيَقُولُونَ هَٰٓؤُلَآءِ شُفَعَٰٓؤُنَا عِندَ ٱللَّهِ ۚ قُلْ أَتُنَبِّـُٔونَ
ٱللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ
سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾

*"Dan mereka menyembah selain Allah sembahan-sembahan yang tidak berkuasa memberi mudharat dan manfa'at kepada mereka dan mereka berkata: Mereka (sembahan-sembahan itu) adalah pemberi-pemberi syafa'at kepada kami di sisi Allah. Katakanlah: Apakah kamu hendak menceritakan kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di langit dan di bumi? Maha Suci dan Maha Tinggi Allah dari segala apa yang dijadikan mereka sebagai sekutu-Nya."(18)*

هُوَ ٱلَّذِى يُسَيِّرُكُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا كُنتُمْ فِى
ٱلْفُلْكِ وَجَرَيْنَ بِهِم بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ وَفَرِحُوا۟ بِهَا جَآءَتْهَا
رِيحٌ عَاصِفٌ وَجَآءَهُمُ ٱلْمَوْجُ مِن كُلِّ مَكَانٍ
وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُمْ أُحِيطَ بِهِمْ ۙ دَعَوُا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ
لَئِنْ أَنجَيْتَنَا مِنْ هَٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٢٢﴾
فَلَمَّآ أَنجَىٰهُمْ إِذَا هُمْ يَبْغُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۗ
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّمَا بَغْيُكُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُم ۖ مَّتَٰعَ ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا ۖ ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُكُمْ فَنُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ
تَعْمَلُونَ ﴿٢٣﴾

*"Dan Dialah yang membolehkan kamu melakukan perjalanan di daratan dan lautan, sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera dan ia berjalan dengan laju membawa mereka dengan tiupan angin yang selesa dan menggembirakan mereka, tiba-tiba ia dipukul ribut yang kencang dan mereka dilanda ombak dari segenap penjuru dan mereka yakin telah dikepung bahaya lantas mereka berdo'a kepada Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya. Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari bahaya ini nescaya kami tetap menjadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur(22). Tetapi setelah Kami selamatkan mereka tiba-tiba mereka (kembali) melakukan kezaliman di bumi tanpa alasan yang benar. Wahai manusia! Sesungguhnya (akibat) kezaliman itu akan menimpa ke atas diri kamu sendiri. (Kamu hanya menghayati) keni'matan hidup di dunia sahaja, kemudian kamu akan kembali kepada Kami dan Kami akan memberitakan kepada kamu segala apa yang telah dilakukan kamu."(23)*

قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ أَمَّن يَمْلِكُ
ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَمَن يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ
ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ وَمَن يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ ۚ فَسَيَقُولُونَ ٱللَّهُ ۚ
فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣١﴾
فَذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمُ ٱلْحَقُّ ۖ فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا
ٱلضَّلَٰلُ ۖ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٣٢﴾

*"Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi atau siapakah yang mengurniakan pendengaran dan penglihatan dan siapakah yang berkuasa mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan siapakah yang mentadbirkan segala urusan? Maka mereka akan menjawab: Allah. Oleh itu katakanlah: Mengapa kamu tidak bertaqwa?(31). Itulah*

*sifat Allah Tuhan kamu yang sebenar dan tiada yang lain selepas kebenaran melainkan hanya kesesatan, ke manakah kamu dipesongkan?"(32)*

قُلْ هَلْ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ ۚ قُلِ
ٱللَّهُ يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٣٤﴾
قُلْ هَلْ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ ۚ قُلِ ٱللَّهُ يَهْدِى
لِلْحَقِّ ۗ أَفَمَن يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ أَحَقُّ أَن يُتَّبَعَ أَمَّن لَّا
يَهِدِّىٓ إِلَّآ أَن يُهْدَىٰ ۖ فَمَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٥﴾
وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا ۚ إِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ
شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

*"Katakanlah: Apakah di antara sekutu-sekutu kamu itu ada (yang berkuasa) memulakan penciptaan dan (berkuasa pula) mengulanginya? Katakanlah: Hanya Allah yang berkuasa memulakan penciptaan kemudian berkuasa pula mengulanginya, ke manakah kamu dipesongkan?(34). Katakanlah: Apakah di antara sekutu-sekutu kamu itu ada yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran. Bukankah Tuhan yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran itu lebih wajar diikuti atau apakah (yang wajar diikut itu) ialah sembahan yang tidak berkuasa memberi hidayat kecuali ia diberi hidayat. Oleh itu mengapa kamu jadi begitu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?(35). Dan kebanyakan mereka tidak mengikut kecuali prasangka sahaja. Sesungguhnya prasangka itu tidak sedikit pun dapat menggantikan kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(36)*

أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ ۗ
وَمَا يَتَّبِعُ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ
شُرَكَآءَ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ
إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٦٦﴾
هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ
وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ
يَسْمَعُونَ ﴿٦٧﴾
قَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ۗ سُبْحَٰنَهُۥ ۖ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ۖ
لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ إِنْ عِندَكُم
مِّن سُلْطَٰنٍۭ بِهَٰذَآ ۚ أَتَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾
قُلْ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ لَا
يُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾
مَتَٰعٌ فِى ٱلدُّنْيَا ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ ثُمَّ نُذِيقُهُمُ
ٱلْعَذَابَ ٱلشَّدِيدَ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

*"Ingatlah! Sesungguhnya Allah memiliki mereka yang berada di langit dan mereka yang berada di bumi. Dan tiadalah orang-orang yang menyembah selain dari Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya itu tidak sekali-kali mengikut (jalan yang benar), mereka hanya mengikut prasangka sahaja dan mereka hanya meneka-neka belaka(66). Dialah yang telah menjadikan malam supaya kamu beristirehat dan menjadikan siang terang benderang. Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang mendengar(67). Mereka berkata: Allah mempunyai anak, Maha Suci Allah! Dia Maha Kaya, Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Kamu tidak mempunyai sebarang hujjah (terhadap dakwaan) ini. Apakah wajar kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui(68). Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah itu tidak akan beruntung(69). Hanya keni'matan di dunia sahaja (yang diperolehi mereka) kemudian mereka akan kembali kepada Kami, kemudian Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat dahsyat kerana mereka melakukan perbuatan yang kufur."(70)*

أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ أَلَآ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ
حَقٌّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٥﴾
هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٥٦﴾

*"Ingatlah! Sesungguhnya Allah memiliki segala isi langit dan bumi. Ingatlah sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(55). Dialah yang menghidup dan yang mematikan dan kepada-Nya kamu akan dikembalikan."(56)*

- Surah ini menggambarkan kepada mereka bagaimana Allah hadir dan melihat segala apa yang difikirkan manusia, segala niat dan perbuatan yang dilakukan mereka dan pernyataan ini membuat manusia merasa takut dan bimbang di samping membuat hati mereka dipenuhi rasa berhati-hati dan waspada sebagaimana dijelaskan di dalam ayat-ayat berikut dari surah ini:

وَمَا تَكُونُ فِى شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا۟ مِنْهُ مِن قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ
مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ ۚ

وَمَا يَعْزُبُ عَن رَّبِّكَ مِن مِّثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَلَا أَصْغَرَ مِن ذَٰلِكَ وَلَا أَكْبَرَ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٦١﴾

*"Engkau (wahai Muhammad) tidak berada dalam sesuatu urusan dan tidak membaca sesuatu ayat dari Al-Qur'an dan kamu (wahai umat Muslimin) tidak melakukan sesuatu perbuatan melainkan Kamilah yang melihat kamu ketika kamu membabitkan diri dalam perbuatan itu. Tiada suatu terluput dari pengetahuan Tuhanmu walaupun seberat zarrah baik di bumi mahupun di langit dan tidak pula sesuatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tercatat di dalam buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)."(61)*

• Surah ini juga memenuhkan hati mereka dengan perasaan cemas dan bimbang kepada 'azab Allah pada setiap waktu supaya mereka keluar dari kelalaian yang dicetuskan kemewahan dan kesenangan hidup dan supaya mereka tidak tertipu dengan kemewahan hidup di sekeliling mereka hingga mereka merasa aman dari 'azab Allah yang datang secara mendadak:

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَاهَا أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَ بِالْأَمْسِ ۚ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

*"Sesungguhnya perbandingan hidup dunia sama seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit lalu menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan bumi yang bercampurbaur yang dapat dimakan manusia dan ternakan sehingga apabila bumi telah berhias indah dengan tumbuhan-tumbuhan itu dan para penghuninya yakin bahawa mereka tetap akan memperolehi hasil-hasilnya, tiba-tiba ia dilanda malapetaka Kami di waktu malam atau siang lalu Kami jadikan tanaman-tanaman itu tercantas semuanya seolah-olah ia tidak pernah tumbuh kelmarin. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang berfikir."(24)*

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَتَاكُمْ عَذَابُهُ بَيَاتًا أَوْ نَهَارًا مَّاذَا يَسْتَعْجِلُ مِنْهُ الْمُجْرِمُونَ ﴿٥٠﴾

أَثُمَّ إِذَا مَا وَقَعَ آمَنتُم بِهِ ۚ آلْآنَ وَقَدْ كُنتُم بِهِ تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٥١﴾

*"Katakanlah: Terangkanlah kepadaku, jika kamu telah ditimpakan 'azab-Nya di waktu malam atau di siang hari, apakah orang-orang yang berdosa itu masih hendak memohon supaya disegerakan 'azab itu(50). Apakah sesudah berlakunya 'azab itu barulah kamu percaya kepada-Nya. Apakah sekarang kamu telah percaya kepadanya, sedangkan dahulunya kamu meminta supaya disegerakannya."(51)*

• Surah ini mencabar keyakinan dan ketenteraman mereka terhadap hidup duniawi dan keredhaan mereka mengutamakannya dari hidup Akhirat, juga mencabar perbuatan mereka yang mengingkarkan pertemuan dengan Allah dengan mengingatkan mereka supaya berhati-hati dari keyakinan yang mengelirukan itu dan dari kerugian dalam urus niaga duniawi yang rendah yang di sukai mereka dan seterusnya mengingatkan mereka bahawa kehidupan duniawi merupakan suatu ujian yang akan diberi balasannya pada hari Akhirat... kemudian surah ini mencabar mereka dengan menayangkan berbagai-bagai pemandangan Qiamat terutama pemandangan yang berkaitan dengan sekutu-sekutu yang disembah mereka yang memutuskan hubungan dan berlepas tangan dari mereka yang diumumkannya kepada Allah, juga pemandangan yang membayangkan ketidakmungkinan menebuskan diri dari hukuman 'azab walau sebanyak mana sekali pun tebusan itu:

إِنَّ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا وَرَضُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاطْمَأَنُّوا بِهَا وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ آيَاتِنَا غَافِلُونَ ﴿٧﴾

أُولَٰئِكَ مَأْوَاهُمُ النَّارُ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٨﴾

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ يَهْدِيهِمْ رَبُّهُم بِإِيمَانِهِمْ ۖ تَجْرِي مِن تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٩﴾

دَعْوَاهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ ۚ وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami dan berpuas hati dengan kehidupan duniawi dan yakin dengannya, juga orang-orang yang lalai dari ayat-ayat Kami(7). Mereka adalah ditempatkan di dalam Neraka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka(8). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh mereka dihidayatkan oleh Tuhan mereka dengan sebab keimanan mereka dan di bawah mereka mengalirnya sungai-sungai di taman-taman Syurga yang penuh ni'mat(9). Ucapan tasbih mereka di dalam Syurga ialah dan ucapan penghormatan mereka ialah salam sejahtera, dan penutup ucapan tahmid mereka ialah ."(10).*

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا ٱلْقُرُونَ مِن قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا۟ ۙ وَجَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَمَا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْقَوْمَ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٣﴾

ثُمَّ جَعَلْنَٰكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ مِنۢ بَعْدِهِمْ لِنَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

*"Sesungguhnya Kami telah membinasakan umat-umat sebelum kamu apabila mereka melakukan kezaliman, sedangkan rasul-rasul mereka telah datang kepada mereka membawa penerangan-penerangan yang jelas, tetapi mereka tidak juga beriman. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas golongan orang-orang yang berdosa(13). Kemudian Kami jadikan kamu selaku pengganti-pengganti yang memerintah negeri itu selepas mereka supaya Kami dapat melihat bagaimana kamu bertindak."(14)*

وَٱللَّهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَىٰ دَارِ ٱلسَّلَٰمِ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢٥﴾

لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ ٱلْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ ۖ وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٦﴾

وَٱلَّذِينَ كَسَبُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ جَزَآءُ سَيِّئَةٍۭ بِمِثْلِهَا وَتَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ۖ مَّا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۖ كَأَنَّمَآ أُغْشِيَتْ وُجُوهُهُمْ قِطَعًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مُظْلِمًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧﴾

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ مَكَانَكُمْ أَنتُمْ وَشُرَكَآؤُكُمْ ۚ فَزَيَّلْنَا بَيْنَهُمْ ۖ وَقَالَ شُرَكَآؤُهُم مَّا كُنتُمْ إِيَّانَا تَعْبُدُونَ ﴿٢٨﴾

فَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًۢا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ إِن كُنَّا عَنْ عِبَادَتِكُمْ لَغَٰفِلِينَ ﴿٢٩﴾

هُنَالِكَ تَبْلُوا۟ كُلُّ نَفْسٍ مَّآ أَسْلَفَتْ ۚ وَرُدُّوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ مَوْلَىٰهُمُ ٱلْحَقِّ ۖ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٣٠﴾

*"Dan Allah menyeru (manusia) kepada Syurga Darus-Salam dan menghidayatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus(25). Untuk orang-orang yang mengerjakan amalan yang baik disediakan balasan yang terbaik di samping ganjaran tambahan dan wajah-wajah mereka tidak diselubungi debu hitam dan kehinaan. Merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi(26). Dan orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang jahat akan menerima balasan buruk yang setimpal dengannya dan mereka diselubungi kehinaan dan tiada siapapun yang dapat melindungi mereka dari 'azab Allah. Wajah-wajah mereka seolah-olah ditutupi kepingan-kepingan malam yang gelap-gelita. Merekalah penghuni-penghuni Neraka, di mana mereka hidup kekal abadi(27). Dan ingatlah hari Kami mengumpulkan seluruh mereka kemudian Kami berkata kepada orang-orang yang mempersekutukan Allah: Hendaklah kamu dan sekutu-sekutu kamu jangan meninggalkan tempat kamu (sekarang), lalu Kami hapuskan hubungan yang baik di antara mereka lalu berkatalah sekutu-sekutu itu kepada mereka: Kamu sebenarnya bukan menyembah kami(28). Dan cukuplah Allah menjadi saksi di antara kami dan kamu bahawa kami sebenarnya tidak sedar kamu menyembah kami(29). Di sana (padang Mahsyar) setiap orang menjalani pemeriksaan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan mereka dan mereka dikembalikan kepada Allah Pelindung mereka yang sebenar dan lenyaplah dari mereka penolong-penolong yang diada-adakan mereka."(30)*

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ كَأَن لَّمْ يَلْبَثُوٓا۟ إِلَّا سَاعَةً مِّنَ ٱلنَّهَارِ يَتَعَارَفُونَ بَيْنَهُمْ ۚ قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ ٱللَّهِ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿٤٥﴾

*"Dan ingatlah hari Kami mengumpulkan seluruh mereka (lalu mereka merasa) seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia ini kecuali sesa'at sahaja di siang hari, di mana mereka berkenal-kenalan di antara mereka. Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuan dengan Allah dan mereka sekali-kali tidak mendapat hidayat."(45)*

وَلَوْ أَنَّ لِكُلِّ نَفْسٍ ظَلَمَتْ مَا فِى ٱلْأَرْضِ لَٱفْتَدَتْ بِهِۦ ۗ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٥٤﴾

*"Dan seandainya setiap orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu memiliki segala isi bumi nescaya mereka tebuskan diri mereka dengannya. Dan mereka telah menyembunyikan perasaan menyesal ketika mereka melihat 'azab. Pengadilan di antara mereka telah diputuskan dengan adil dan mereka sekali-kali tidak dianiayai."(54)*

• Kemudian surah ini mencabar amalan-amalan yang timbul kerana kekacauan kefahaman mereka terhadap konsep Uluhiyah, kerana mereka tidak mempercayai kebangkitan semula dan hari Akhirat, kerana mereka mendustakan wahyu dan rasul yang menyampaikan peringatan, iaitu amalan-amalan dalam bentuk tindakan mereka di alam realiti kehidupan mempergunakan sifat-sifat Rububiyah dalam bidang mengaturkan undang-undang dan peraturan-peraturan hidup manusia di samping menggunakan otoriti menghalal dan mengharam dalam urusan rezeki dan muamalah mereka mengikut

kepercayaan paganisme mereka terhadap sekutu-sekutu Allah yang diperuntukkan habuan yang tertentu kepada mereka dari hasil rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka, kemudian habuan ini diambil oleh penjaga-penjaga kuil dan para kahin agar mereka menghalal dan mengharamkan apa yang dikehendaki mereka. Isu ini adalah isu yang paling besar selepas isu i'tiqad dan ia terpancar darinya:

قُلْ أَرَءَيْتُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ لَكُم مِّن رِّزْقٍ فَجَعَلْتُم مِّنْهُ حَرَامًا وَحَلَٰلًا قُلْ ءَآللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ ۖ أَمْ عَلَى ٱللَّهِ تَفْتَرُونَ ﴿٥٩﴾

وَمَا ظَنُّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦٠﴾

*"Katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang rezeki yang telah diturunkan Allah kepada kamu lalu kamu jadikan sebahagiannya halal dan (sebahagian yang lain) haram. Katakanlah: Apakah Allah telah memberi keizinan-Nya kepada kamu atau kamu hanya mengada-adakan pembohongan terhadap Allah?(59). Apakah sangkaan orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah pada hari Qiamat nanti? Sesungguhnya Allah memiliki limpah kurnia yang besar ke atas seluruh manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur."(60)*

* * * * * *

Surah ini mengumpulkan berbagai-bagai pernyataan yang menarik untuk menyampaikan hakikat-hakikat yang terkandung di dalamnya, yang mahu di tegak dan diperdalamkannya, dan mahu dirangsangkan hati dan akal manusia terhadapnya, iaitu pernyataan-pernyataan yang banyak digunakan oleh penyampaian Al-Qur'an yang unik dalam membentang dan mengungkapkan maudhu' pembicaraannya dalam bentuk pemandangan-pemandangan dan kejadian-kejadian menarik dengan pengertiannya yang mendalam, hidup dan bergerak, yang sesuai dengan syakhsiah surah dan tabiatnya yang telah kami bicarakan dalam perenggan pertama surah ini. Di bawah ini kami bentangkan beberapa contoh secara ringkas sebelum mentafsirkannya dengan terperinci.

- Surah ini mengemblengkan pemandangan-pemandangan alam buana dan gejala-gejalanya yang menyarankan kepada fitrah manusia hakikat Uluhiyah dan membuktikan wujudnya pentadbiran Ilahi yang bijaksana dan wujudnya perencanaan yang teratur dalam pembinaan dan pengendalian alam ini, juga wujudnya perencanaan yang teratur di dalam penyesuaian-penyesuaian yang diwujudkan untuk pertumbuhan hayat dan makhluk-makhluk yang hidup dan untuk pertumbuhan hidup insan dan untuk memenuhi kehendak-kehendak keperluan hidupnya. Isu Uluhiyah dikemukakan oleh Al-Qur'an dalam bentuk penjelasan yang hidup, realistik dan menarik. Ia tidak mengemukakannya dalam uslub perdebatan falsafah dan uslub logik mental, kerana Allah Pencipta alam buana dan Pencipta makhluk insan mengetahui bahawa di antara fitrah insan dan pemandangan-pemandangan alam buana dan rahsia-rahsianya terdapat suatu bahasa yang dapat di faham dan suatu respons yang lebih mendalam dari logik mental yang dingin dan kering. Apabila fitrah manusia ini dihadapkan kepada pemandangan-pemandangan alam dan rahsianya dan apabila ia dirangsangkan untuk menggerakkan alat-alat penerima yang ada padanya, maka ini sudah cukup untuk membuatnya bergerak, terbuka, menyahut dan menyambut. Kerana itulah terdapat banyak pembicaraan di dalam Al-Qur'an ditujukan kepada fitrah manusia dengan menggunakan bahasa yang difahaminya, dan inilah contoh-contoh pembicaraan yang mendalam dan menarik:

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ ۖ مَا مِن شَفِيعٍ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ إِذْنِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

*"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy untuk mentadbirkan segala urusan. Tiada siapa yang berkuasa memberi syafa'at (kepada seseorang) melainkan selepas mendapat keizinan-Nya. Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran?"(3)*

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ ٱلشَّمْسَ ضِيَآءً وَٱلْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُۥ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ ذَٰلِكَ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

إِنَّ فِى ٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

*"Dialah yang telah menciptakan matahari selaku cahaya yang terang benderang dan bulan selaku nur yang lembut dan menetapkan manzilah-manzilah (orbit-orbit) perjalanannya supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan perhitungan waktu. Tiadalah Allah ciptakan semuanya itu melainkan dengan hikmat yang benar. Dia menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang mengetahui(5). Sesungguhnya di dalam pertukaran malam dan siang dan segala kejadian yang diciptakan Allah di langit dan di bumi merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang bertaqwa."(6)*

قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمَّن يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَمَن يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَن يُدَبِّرُ الْأَمْرَ ۚ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ ۚ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ (٣١)

فَذَٰلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمُ الْحَقُّ ۖ فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ ۖ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ (٣٢)

*"Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi atau siapakah yang mengurniakan pendengaran dan penglihatan dan siapakah yang berkuasa mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan siapakah yang mentadbirkan segala urusan? Maka mereka akan menjawab: Allah. Oleh itu katakanlah: Mengapa kamu tidak bertaqwa?(31). Itulah sifat Allah Tuhan kamu yang sebenar dan tiada yang lain selepas kebenaran melainkan hanya kesesatan, ke manakah kamu dipesongkan?"(32).*

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ (٦٧)

*"Dialah yang telah menjadikan malam supaya kamu beristirehat dan menjadikan siang terang benderang. Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang mendengar(67).*

قُلِ انظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ عَن قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ (١٠١)

*"Katakanlah: Lihatlah apakah yang ada di langit dan di bumi, sebenarnya bukti-bukti kekuasaan Allah dan peringatan-peringatan tidak berguna kepada golongan orang-orang yang tidak beriman."(101)*

- Surah ini mengumpulkan pemandangan-pemandangan berbagai-bagai peristiwa dan pengalaman-pengalaman yang disaksikan mata mereka dan dihayati diri mereka sendiri, tetapi mereka melaluinya dengan hati yang lalai dari memahami maknanya yang menunjukkan di sana adanya pentadbiran, perencanaan, pengendalian dan kawalan Ilahi. Al-Qur'an membentangkan kepada mereka pemandangan-pemandangan dari realiti hidup mereka ketika menghadapi peristiwa-peristiwa dan pengalaman-pengalaman itu di samping meletakkan cermin peringatan di hadapan orang yang lalai terhadap dirinya supaya ia melihat hakikat dirinya yang sebenar. Inilah contoh-contoh methodologi Al-Qur'an yang unik:

وَإِذَا مَسَّ الْإِنسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنبِهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُ مَرَّ كَأَن لَّمْ يَدْعُنَا إِلَىٰ ضُرٍّ مَّسَّهُ ۚ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (١٢)

*"Dan apabila manusia disentuh malapetaka ia berdo'a kepada Kami (setiap masa) ketika berbaring atau duduk atau berdiri, tetapi setelah Kami hapuskan malapetaka itu darinya ia berlalu selamba seolah-olah ia tidak pernah berdo'a kepada Kami supaya menghapuskan malapetaka itu. Demikianlah orang-orang yang melampau batas itu dipesonakan oleh perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka"(12).*

وَإِذَا أَذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً مِّن بَعْدِ ضَرَّاءَ مَسَّتْهُمْ إِذَا لَهُم مَّكْرٌ فِي آيَاتِنَا ۚ قُلِ اللَّهُ أَسْرَعُ مَكْرًا ۚ إِنَّ رُسُلَنَا يَكْتُبُونَ مَا تَمْكُرُونَ (٢١)

هُوَ الَّذِي يُسَيِّرُكُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ۖ حَتَّىٰ إِذَا كُنتُمْ فِي الْفُلْكِ وَجَرَيْنَ بِهِم بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ وَفَرِحُوا بِهَا جَاءَتْهَا رِيحٌ عَاصِفٌ وَجَاءَهُمُ الْمَوْجُ مِن كُلِّ مَكَانٍ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ أُحِيطَ بِهِمْ ۙ دَعَوُا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ لَئِنْ أَنجَيْتَنَا مِنْ هَٰذِهِ لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ (٢٢)

فَلَمَّا أَنجَاهُمْ إِذَا هُمْ يَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۗ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا بَغْيُكُمْ عَلَىٰ أَنفُسِكُم ۖ مَّتَاعَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُكُمْ فَنُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ (٢٣)

*"Apabila Kami rasakan manusia dengan rahmat selepas malapetaka yang menyentuh mereka, tiba-tiba mereka menunjukkan tipu daya terhadap ayat-ayat Kami. Katakanlah: Allah lebih pantas membalas tipu daya mereka. Sesungguhnya utusan-utusan Kami (malaikat) mencatat segala tipu daya yang dilakukan kamu(21). Dan Dialah yang membolehkan kamu melakukan perjalanan di daratan dan lautan, sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera dan ia berjalan dengan laju membawa mereka dengan tiupan angin yang selesa dan mengembirakan mereka, tiba-tiba ia dipukul ribut yang kencang dan mereka dilanda ombak dari segenap penjuru dan mereka yakin telah dikepung bahaya, lantas mereka berdo'a kepada Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya: Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari malapetaka ini nescaya kami tetap*

*menjadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur(22). Tetapi setelah Kami selamatkan mereka, tiba-tiba mereka (kembali) melakukan kezaliman di bumi tanpa alasan yang benar. Wahai manusia! Sesungguhnya (akibat) kezaliman itu akan menimpa ke atas diri kamu sendiri. (Kamu hanya menghayati) keni'matan hidup di dunia sahaja, kemudian kamu akan kembali kepada Kami dan Kami akan memberitakan kepada kamu segala apa yang telah dilakukan kamu."(23)*

• Surah itu mengumpulkan peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang silam dari golongan orang-orang yang mendustakan rasul kadang-kadang dalam bentuk berita dan kadang-kadang dalam bentuk kisah-kisah setengah-setengah rasul, dan semuanya bertemu ketika ditayangkan pemandangan-pemandangan kebinasaan yang ditimpakan ke atas orang-orang yang mendustakan rasul dan mengancam mereka dengan nasib kesudahan yang sama yang telah diterima oleh umat-umat yang silam itu. Oleh kerana itu, mereka tidak seharusnya terpedaya dengan kehidupan duniawi kerana ianya suatu kehidupan yang pendek untuk menguji manusia atau seakan-akan kehidupan sesa'at di hari siang, di mana mereka dapat berkenalan satu sama lain, kemudian mereka pulang ke negara yang kekal abadi di mana mereka hidup di dalam 'azab atau di dalam ni'mat.

وَلَقَدۡ أَهۡلَكۡنَا ٱلۡقُرُونَ مِن قَبۡلِكُمۡ لَمَّا ظَلَمُواْ وَجَآءَتۡهُمۡ رُسُلُهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ وَمَا كَانُواْ لِيُؤۡمِنُواْۚ كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ﴿١٣﴾

ثُمَّ جَعَلۡنَٰكُمۡ خَلَٰٓئِفَ فِي ٱلۡأَرۡضِ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ لِنَنظُرَ كَيۡفَ تَعۡمَلُونَ ﴿١٤﴾

*"Sesungguhnya Kami telah membinasakan umat-umat sebelum kamu apabila mereka melakukan kezaliman, sedangkan rasul-rasul mereka telah datang kepada mereka membawa penerangan-penerangan yang jelas, tetapi mereka tidak juga beriman. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas golongan orang-orang yang berdosa(13). Kemudian Kami jadikan kamu selaku pengganti-pengganti yang memerintah di negeri itu selepas mereka supaya Kami dapat melihat bagaimana kamu bertindak."(14)*

وَٱتۡلُ عَلَيۡهِمۡ نَبَأَ نُوحٍ إِذۡ قَالَ لِقَوۡمِهِۦ يَٰقَوۡمِ إِن كَانَ كَبُرَ عَلَيۡكُم مَّقَامِي وَتَذۡكِيرِي بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلۡتُ فَأَجۡمِعُوٓاْ أَمۡرَكُمۡ وَشُرَكَآءَكُمۡ ثُمَّ لَا يَكُنۡ أَمۡرُكُمۡ عَلَيۡكُمۡ غُمَّةٗ ثُمَّ ٱقۡضُوٓاْ إِلَيَّ وَلَا تُنظِرُونِ ﴿٧١﴾

فَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَمَا سَأَلۡتُكُم مِّنۡ أَجۡرٍۖ إِنۡ أَجۡرِيَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿٧٢﴾

فَكَذَّبُوهُ فَنَجَّيۡنَٰهُ وَمَن مَّعَهُۥ فِي ٱلۡفُلۡكِ وَجَعَلۡنَٰهُمۡ خَلَٰٓئِفَ وَأَغۡرَقۡنَا ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَاۖ فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾

*"Dan bacakanlah kepada mereka berita Nuh ketika ia berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku, jika kamu merasa keberatan kerana aku tinggal bersama kamu dan kerana aku mengingatkan kamu dengan ayat-ayat Allah, maka aku tetap berserah kepada Allah. Oleh sebab itu bulatkanlah keputusan kamu dan kumpulkan sekutu-sekutu kamu dan janganlah keputusan kamu diselubungi sebarang kekeliruan kemudian segeralah bertindak ke atasku dan jangan sekali-kali kamu menangguhkan tindakan-tindakan terhadapku(71). Jika kamu berpaling (dari da'wahku), maka aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu. Tiada upahanku melainkan terserah kepada Allah dan aku diperintah supaya aku jadikan diriku dari golongan Muslimin (yang berserah kepada Allah) (72). Mereka telah mendustakan Nuh, lalu Kami selamatkannya dan pengikut-pengikutnya dalam sebuah bahtera dan Kami jadikan mereka (pengikut-pengikutnya) pemerintah-pemerintah di bumi dan Kami telah menenggelamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Oleh itu lihatlah akibat orang-orang yang telah diberi peringatan (tetapi tidak menghiraukannya)."(73)*

ثُمَّ بَعَثۡنَا مِنۢ بَعۡدِهِم مُّوسَىٰ وَهَٰرُونَ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ وَمَلَإِيْهِۦ بِـَٔايَٰتِنَا فَٱسۡتَكۡبَرُواْ وَكَانُواْ قَوۡمٗا مُّجۡرِمِينَ ﴿٧٥﴾

فَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلۡحَقُّ مِنۡ عِندِنَا قَالُوٓاْ إِنَّ هَٰذَا لَسِحۡرٞ مُّبِينٞ ﴿٧٦﴾

قَالَ مُوسَىٰٓ أَتَقُولُونَ لِلۡحَقِّ لَمَّا جَآءَكُمۡۖ أَسِحۡرٌ هَٰذَا وَلَا يُفۡلِحُ ٱلسَّٰحِرُونَ ﴿٧٧﴾

*"Kemudian sesudah nabi-nabi itu Kami utuskan Musa dan Harun kepada Fir'aun dan para pembesarnya dengan membawa bukti-bukti yang jelas dari Kami, tetapi mereka berlagak angkuh dan mereka adalah golongan orang-orang yang berdosa(75). Dan apabila kebenaran dari sisi Kami datang kepada mereka lantas mereka berkata: Sesungguhnya ini adalah suatu sihir yang amat nyata(76). Jawab Musa: Apakah wajar kamu berkata kepada kebenaran yang datang kepada kamu itu: Apakah ini suatu sihir? Sedangkan ahli-ahli sihir itu tidak pernah beruntung."(77)*

Sehingga firman Allah di penghujung kisah.

وَجَٰوَزۡنَا بِبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱلۡبَحۡرَ فَأَتۡبَعَهُمۡ فِرۡعَوۡنُ وَجُنُودُهُۥ بَغۡيٗا وَعَدۡوًاۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَدۡرَكَهُ ٱلۡغَرَقُ قَالَ ءَامَنتُ

أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱلَّذِىٓ ءَامَنَتْ بِهِۦ بَنُوٓا۟ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٩٠﴾

ءَآلْـَٔـٰنَ وَقَدْ عَصَيْتَ قَبْلُ وَكُنتَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٩١﴾

فَٱلْيَوْمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ لِتَكُونَ لِمَنْ خَلْفَكَ ءَايَةً ۚ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ عَنْ ءَايَٰتِنَا لَغَٰفِلُونَ ﴿٩٢﴾

*"Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi lautan lalu diikuti oleh Fir'aun dan bala tenteranya dengan tujuan untuk menganiayai dan menindas mereka, hingga apabila ia hampir tenggelam barulah ia berkata: Sungguhnya aku beriman tiada tuhan selain Allah yang diimani Bani Israel dan aku (sekarang) adalah dari golongan Muslimin (yang menyerahkan diri kepada Allah)(90). Apakah sekarang baru engkau beriman? Sedangkan dulunya engkau telah menderhaka dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kerosakan?(91). Pada hari ini Kami selamatkan badanmu supaya menjadi bukti kebenaran kepada mereka yang datang selepasmu. Sesungguhnya kebanyakan manusia lalai dari memikirkan ayat-ayat Kami."(92)*

فَهَلْ يَنتَظِرُونَ إِلَّا مِثْلَ أَيَّامِ ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِهِمْ ۚ قُلْ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿١٠٢﴾

ثُمَّ نُنَجِّى رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ حَقًّا عَلَيْنَا نُنجِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

*"Oleh itu mereka (kaum Musyrikin) tidak menunggu melainkan hanya hari-hari malapetaka seperti yang telah menimpa orang-orang yang telah berlalu sebelum mereka. Katakanlah: Tunggulah kamu! Sesungguhnya aku juga termasuk dari orang-orang yang menunggu bersama kamu(102). Kemudian Kami selamatkan rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman. Demikianlah telah menjadi kewajipan Kami menyelamatkan orang-orang yang beriman."(103).*

- Surah ini juga mengumpulkan berbagai-bagai pandangan Qiamat yang ditayangkan untuk memperlihatkan akibat yang diterima oleh para pendusta dan akibat yang diterima oleh para Mu'minin. Ia menayangkan pemandangan-pemandangan itu dengan tayangan yang hidup, bergerak dan memberi kesan yang mendalam di dalam hati. Ia menayang bersama-sama pemandangan-pemandangan kebinasaan dalam hidup duniawi, pemandangan malapetaka yang menghancurkan para pendosa, pemandangan keselamatan para Mu'minin iaitu dua lembaran hidup di alam dunia dan alam Akhirat yang merupakan titik mula dan titik akhir perjalanan manusia yang tidak dapat dihindari mereka:

لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ ٱلْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ ۖ وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٦﴾

وَٱلَّذِينَ كَسَبُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ جَزَآءُ سَيِّئَةٍۭ بِمِثْلِهَا وَتَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ۖ مَّا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۖ كَأَنَّمَآ أُغْشِيَتْ وُجُوهُهُمْ قِطَعًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مُظْلِمًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧﴾

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ مَكَانَكُمْ أَنتُمْ وَشُرَكَآؤُكُمْ ۚ فَزَيَّلْنَا بَيْنَهُمْ ۖ وَقَالَ شُرَكَآؤُهُم مَّا كُنتُمْ إِيَّانَا تَعْبُدُونَ ﴿٢٨﴾

فَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًۢا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ إِن كُنَّا عَنْ عِبَادَتِكُمْ لَغَٰفِلِينَ ﴿٢٩﴾

هُنَالِكَ تَبْلُوا۟ كُلُّ نَفْسٍ مَّآ أَسْلَفَتْ ۚ وَرُدُّوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ مَوْلَىٰهُمُ ٱلْحَقِّ ۖ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٣٠﴾

*"Untuk orang-orang yang mengerjakan amalan yang baik disediakan balasan yang terbaik di samping ganjaran tambahan dan wajah-wajah mereka tidak diselubungi debu hitam dan kehinaan. Merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi(26). Dan orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang jahat akan menerima balasan buruk yang setimpal dengannya dan mereka diselubungi kehinaan dan tiada siapapun yang dapat melindungi mereka dari 'azab Allah. Wajah-wajah mereka seolah-olah ditutupi kepingan-kepingan malam yang gelap gelita. Merekalah penghuni-penghuni Neraka, di mana mereka hidup kekal abadi(27). Dan ingatlah hari Kami mengumpulkan seluruh mereka kemudian Kami berkata kepada orang-orang yang mempersekutukan Allah: Hendaklah kamu dan sekutu-sekutu kamu jangan meninggalkan tempat kamu (sekarang) lalu Kami hapuskan hubungan yang baik di antara mereka lalu berkatalah sekutu-sekutu itu kepada mereka: Kamu sebenarnya bukan menyembah kami(28). Dan cukuplah Allah menjadi saksi di antara kami dan kamu bahawa kami sebenarnya tidak sedar kamu menyembah kami(29). Di sana (padang Mahsyar) setiap orang menjalani pemeriksaan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan mereka dan mereka dikembalikan kepada Allah Pelindung mereka yang sebenar dan lenyaplah dari mereka penolong-penolong yang diada-adakan mereka."(30)*

وَلَوْ أَنَّ لِكُلِّ نَفْسٍ ظَلَمَتْ مَا فِى ٱلْأَرْضِ لَٱفْتَدَتْ بِهِۦ ۗ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٥٤﴾

*"Dan seandainya setiap orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu memiliki segala isi bumi nescaya mereka tebuskan diri mereka dengannya. Dan mereka telah menyembunyikan perasaan menyesal ketika mereka melihat 'azab. Pengadilan di antara mereka telah diputuskan dengan adil dan mereka sekali-kali tidak dianiayai."(54)*

Di antara pernyataan yang menarik yang digemblengkan oleh surah ini ialah cabaran yang dihadapkan kepada kaum Musyrikin yang mendustakan wahyu supaya mereka menggubahkan satu ayat yang sama setanding dengan Al-Qur'an, kemudian arahan Allah kepada rasul-Nya s.a.w. setelah menyampaikan da'wah dan cabaran kepada mereka supaya beliau tinggalkan mereka menghadapi nasib kesudahan mereka, iaitu nasib kesudahan para pendusta yang zalim sebelum mereka dan meneruskan perjalanannya di jalan yang lurus tanpa menghiraukan mereka dan tindak-tanduk mereka, kemudian cabaran itu diikuti dengan pemisahan diri dari mereka dan menunjukkan sikap unggul terhadap mereka. Sikap yang seperti ini boleh menimbulkan kesan di dalam hati mereka bahawa Rasulullah s.a.w. benar-benar yakin kepada kebenaran yang diperjuangkannya dan benar-benar yakin kepada Allah yang melindunginya dan sekaligus itu juga menggoncangkan hati mereka dan menggugatkan kedegilan mereka:

وَمَا كَانَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ أَن يُفْتَرَىٰ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٧﴾
أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا۟ مَنِ ٱسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾
بَلْ كَذَّبُوا۟ بِمَا لَمْ يُحِيطُوا۟ بِعِلْمِهِۦ وَلَمَّا يَأْتِهِمْ تَأْوِيلُهُۥ ۚ كَذَٰلِكَ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٣٩﴾

*"Al-Qur'an ini tidak mungkin diadakan oleh yang lain dari Allah, tetapi Al-Qur'an (kitab) yang mengesahkan kitab-kitab sebelumnya dan menghuraikan dengan terperinci isi kandungan kitab yang tidak syak lagi diturunkan dari Allah Tuhan semesta alam(37). Apakah wajar mereka mengatakan bahawa dia (Muhammad) telah mengada-adakan Al-Qur'an. Katakanlah: (Jika benar begitu), maka silalah kamu bawa satu surah yang sama setanding dengan Al-Qur'an dan jemputlah sesiapa sahaja yang dapat kamu jemput (untuk membantu kamu) selain Allah jika kamu benar(38). Malah mereka telah mendustakan sesuatu yang belum diketahui mereka dengan sempurna dan sebelum datang penjelasannya kepada mereka. Demikianlah juga cara orang-orang sebelum mereka mendustakan (rasul-rasul). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang zalim itu."(39)*

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمْ فِى شَكٍّ مِّن دِينِى فَلَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِنْ أَعْبُدُ ٱللَّهَ ٱلَّذِى يَتَوَفَّىٰكُمْ ۖ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٤﴾
وَأَنْ أَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٥﴾
وَلَا تَدْعُ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ ۖ فَإِن فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذًا مِّنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠٦﴾
وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَآدَّ لِفَضْلِهِۦ ۚ يُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٧﴾
قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَكُمُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۖ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيْكُم بِوَكِيلٍ ﴿١٠٨﴾
وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ وَٱصْبِرْ حَتَّىٰ يَحْكُمَ ٱللَّهُ ۚ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿١٠٩﴾

*"Katakanlah: Wahai manusia! Jika kamu masih berada di dalam keraguan terhadap agamaku, maka (ketahuilah) bahawa aku tidak menyembah tuhan-tuhan yang disembahkan kamu selain Allah, tetapi aku hanya menyembah Allah yang berkuasa mematikan kamu dan aku diperintah supaya berada dalam golongan orang-orang yang beriman(104). Dan (aku diperintah:) Hendaklah engkau hadapkan mukamu kepada agama Allah dengan mentauhidkan-Nya dan janganlah sekali-kali engkau berada di dalam golongan para Musyrikin(105). Dan janganlah engkau sembah selain Allah sesuatu yang tidak memberi sebarang manfa'at dan tidak pula sebarang mudharat kepadamu. Oleh itu jika engkau lakukan perbuatan itu, nescaya sesungguhnya engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang zalim(106). Dan seandainya Allah menyentuhmu dengan sesuatu bencana, maka tiada siapa yang berkuasa menghapuskannya melainkan Dia. Dan seandainya Allah hendak mengurniakan sesuatu kebaikan kepadamu, maka tiada siapa yang berkuasa menolak limpah kurnia-Nya yang diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya. Dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih(107). Katakanlah: Wahai manusia! Kebenaran telah pun datang kepada kamu dari Tuhan kamu. Oleh itu siapa yang menerima hidayat, maka*

*sesungguhnya ia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan sesiapa yang sesat, maka kesesatan itu hanya membawa kecelakaan ke atas dirinya sendiri, dan aku bukannya penguasa yang menjaga kamu(108). Dan ikutilah perintah diwahyukan kepadamu dan bersabarlah sehingga Allah memberi keputusan-Nya dan Dia adalah sebaik-baik pengadil."(109)*

Dengan pemisahan ini berakhirlah surah ini dan berakhirlah pengemblengan peristiwa-peristiwa, kejadian-kejadian dan pernyataan-pernyataan yang menarik yang telah kami terangkan sebahagian dari contoh-contohnya yang begitu banyak terkandung dalam surah ini. Ia merupakan sebahagian dari methodologi Al-Qur'an yang berbicara dengan hati dan akal manusia.

* * * * * *

Surah ini diturun selepas Surah al-Isra' ketika berlaku perdebatan hangat di sekitar kebenaran wahyu dan kebenaran Al-Qur'an dan pernyataan-pernyataannya yang mencabar mereka, iaitu pernyataan-pernyataan Al-Qur'an yang memperbodohkan 'aqidah-'aqidah mereka, mencela jahiliyah mereka dan mendedahkan titik-titik percanggahan yang jelas di dalam 'aqidah mereka, iaitu percanggahan di antara i'tiqad mereka yang mempercayai bahawa Allah itulah Tuhan Pencipta, Pemberi rezeki, yang mematikan dan menghidup, yang mentadbirkan segala sesuatu, yang berkuasa di atas segala sesuatu, iaitu sisa-sisa akar 'aqidah hanifiyah atau kepercayaan tauhid yang dibawa oleh nabi Allah Ibrahim dan Ismail a.s. dengan dakwaan-dakwaan mereka yang mempercayai bahawa Allah mempunyai anak, di samping mempercayai bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah dan kerana itu mereka jadikan para malaikat sebagai pemberi syafa'at di sisi Allah dan berlandaskan hakikat ini mereka menyembah patung-patung malaikat. Kemudian dari kekacauan 'aqidah ini juga timbulnya kesan-kesan yang buruk di dalam kehidupan mereka terutama amalan-amalan yang dilakukan oleh para kahin dan para pembesar mereka yang menghalal dan mengharamkan hasil-hasil buah-buahan dan ternakan, di mana sebahagiannya dijadikan habuan untuk Allah dan sebahagian lagi untuk sembahan-sembahan yang didakwa mereka.

Di waktu inilah mereka menghadapi serangan Al-Qur'an yang menyelar mereka.

Ketika inilah mereka bangkit menentang serangan Al-Qur'an yang mengecamkan 'aqidah-'aqidah mereka yang lemah dan jahiliyah mereka yang bercanggah dengan bertindak mendustakan Rasulullah s.a.w., menolak kenabiannya dan wahyu yang disampaikan Allah kepadanya dan seterusnya mendakwa bahawa Rasulullah s.a.w. adalah seorang tukang sihir. Mereka menuntut beliau menunjukkan mu'jizat yang membuktikan bahawa Allah menurunkan wahyu kepadanya. Mereka menuntut berbagai-bagai mu'jizat sebagaimana diterangkan Al-Qur'anul-Karim di dalam Surah al-Isra' dalam firman-Nya:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ مِن كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَىٰ أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾ وَقَالُوا لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنبُوعًا ﴿٩٠﴾ أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ الْأَنْهَارَ خِلَالَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾ أَوْ تُسْقِطَ السَّمَاءَ كَمَا زَعَمْتَ عَلَيْنَا كِسَفًا أَوْ تَأْتِيَ بِاللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾ أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّن زُخْرُفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي السَّمَاءِ وَلَن نُّؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَّقْرَؤُهُ ۗ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾ وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَن يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ إِلَّا أَن قَالُوا أَبَعَثَ اللَّهُ بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٤﴾

*"Sesungguhnya Kami ulangi penerangan-penerangan Kami kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan segala macam perbandingan, namun kebanyakan manusia enggan menerima selain dari kekufuran(89). Dan mereka berkata: Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga engkau alirkan untuk kami sebuah matair dari bumi(90). Atau engkau memiliki sebuah kebun kurma dan anggur dan engkau alirkan di celah-celah kebun itu sungai-sungai yang mengalirkan air yang banyak(91). Atau engkau gugurkan langit berkeping-kepingan ke atas kami sebagaimana engkau pernah katakan kepada kami atau engkau membawa Allah dan malaikat sebagai pembelamu(92). Atau engkau memiliki sebuah rumah dari emas atau, engkau naik ke langit dan kami tidak akan percaya kenaikanmu itu sehingga engkau membawa turun sebuah kitab yang dapat kami bacakannya. Katakanlah: Maha Suci Tuhanku! Aku ini hanya seorang manusia yang menjadi rasul sahaja(93). Dan tiada yang menghalangkan manusia dari beriman ketika mereka didatangi hidayat melainkan mereka berkata: Apakah benar Allah telah mengutuskan manusia menjadi rasul?"(94)*

(Surah al-Isra')

Dan seperti mana firman Allah dalam surah ini:

وَيَقُولُونَ لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِّن رَّبِّهِ ۖ فَقُلْ إِنَّمَا الْغَيْبُ لِلَّهِ فَانتَظِرُوا إِنِّي مَعَكُم مِّنَ الْمُنتَظِرِينَ ﴿٢٠﴾

*"Dan mereka berkata: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) satu bukti mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya urusan ghaib itu kepunyaan Allah. Oleh itu tunggulah dan aku juga bersama kamu termasuk dalam golongan orang-orang menunggu."(20)*

Demikianlah mereka menuntut dari Rasulullah s.a.w. supaya membawa kepada mereka sebuah Qur'an yang lain dari Al-Qur'an yang ada ini, yang tidak mencela tuhan-tuhan sembahan mereka dan tidak menyelar 'aqidah-'aqidah jahiliyah mereka supaya mereka dapat menerimanya dan beriman kepadanya sebagaimana diterangkan Allah dalam surah ini:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا ٱئْتِ بِقُرْءَانٍ غَيْرِ هَٰذَآ أَوْ بَدِّلْهُ

*"Dan apabila dibacakan ayat-ayat Kami yang jelas kepada mereka, maka berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Bawalah Qur'an yang lain dari ini atau gantikannya dengan yang lain."(15)*

Jawapan kepada perkataan yang menyeleweng dan dungu ini ialah:

قُلْ مَا يَكُونُ لِىٓ أَنْ أُبَدِّلَهُۥ مِن تِلْقَآئِ نَفْسِىٓ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

*"Katakanlah: Tidaklah wajar bagiku menukarkannya dari pihak diriku. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku. Aku takut - jika aku melanggar perintah Tuhanku - kepada keseksaan pada hari Qiamat yang amat besar."(15)*

قُل لَّوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا تَلَوْتُهُۥ عَلَيْكُمْ وَلَآ أَدْرَىٰكُم بِهِۦ فَقَدْ لَبِثْتُ فِيكُمْ عُمُرًا مِّن قَبْلِهِۦٓ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦﴾ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِـَٔايَٰتِهِۦٓ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿١٧﴾

*"Katakanlah: Jika Allah kehendaki tentulah aku tidak membacakannya (Al-Qur'an) kepada kamu dan tidaklah pula Dia memberitahukannya kepada kamu. Aku telah tinggal sekian lama di kalangan kamu. Apakah kamu tidak berfikir?(16). Oleh itu siapakah yang lebih zalim dari mereka yang mengadakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ayat-ayat-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu tidak akan beruntung."(17)*

Di dalam suasana inilah surah ini diturunkan. Penerangan ayat-ayat surah ini jelas menunjukkan bahawa ia merupakan satu rangkaian yang padu yang sukar hendak dibahagi-bahagikannya kepada beberapa bahagian yang berbeza-beza. Hakikat inilah yang menolak riwayat yang dipegang oleh pihak penyelenggara al-Mushap al-Amiri yang mengatakan ayat-ayat 40, 94, 95 dan 96 sebagai ayat Madaniyah, kerana ayat ini mempunyai hubungan yang begitu erat dengan penerangan surah dan setengah-setengahnya menjadikan penerangan itu sama sekali tidak selaras tanpanya.

Perhubungan erat dalam penerangan surah telah menyatukan awal surah dengan akhirnya. Oleh itu jika di awal surah ini datangnya ayat:

الٓر تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾ أَكَانَ لِلنَّاسِ عَجَبًا أَنْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰ رَجُلٍ مِّنْهُمْ أَنْ أَنذِرِ ٱلنَّاسَ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنَّ لَهُمْ قَدَمَ صِدْقٍ عِندَ رَبِّهِمْ قَالَ ٱلْكَٰفِرُونَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾

*"Alif. Laam. Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang penuh hikmat(1). Apakah manusia merasa aneh kerana Kami mewahyukan kepada seorang lelaki (Muhammad) dari kalangan mereka: Berilah peringatan kepada manusia dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman bahawa mereka mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Tuhan mereka.(Tetapi) orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya orang ini (Muhammad) adalah seorang tukang sihir yang amat nyata."(2)*

Maka pada akhir surah datangnya ayat:

وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ وَٱصْبِرْ حَتَّىٰ يَحْكُمَ ٱللَّهُ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿١٠٩﴾

*"Dan ikutilah perintah diwahyukan kepadamu dan bersabarlah sehingga Allah memberi keputusan-Nya dan Dia adalah sebaik-baik pengadil."(109)*

Di sini jelas bahawa pembicaraan tentang isu wahyu merupakan tema pembicaraan di awal surah dan di akhirnya, di samping menjadi maudhu' yang berhubung rapat di antara awal dan akhir surah.

Demikianlah pertalian yang erat dapat dilihat di antara berbagai-bagai pernyataan yang menarik di dalam surah ini. Sebagai contoh ialah jawapan Allah terhadap permintaan mereka supaya disegerakan penimpaan 'azab yang dijanjikan itu ke atas mereka, dan mereka diancam bahawa 'azab itu akan berlaku secara mendadak dan di waktu itu keimanan dan taubat mereka tidak berguna lagi. Kemudian selepas itu kisah-kisah dikemukakan di dalam surah untuk

menggambarkan pemandangan itu dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan yang menimpa umat-umat yang silam.

Untuk menjawab permintaan mereka Allah menjawab:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾
قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِى ضَرًّا وَلَا نَفْعًا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۗ
لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۚ إِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَلَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً ۖ
وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾
قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُهُۥ بَيَٰتًا أَوْ نَهَارًا مَّاذَا
يَسْتَعْجِلُ مِنْهُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٥٠﴾
أَثُمَّ إِذَا مَا وَقَعَ ءَامَنتُم بِهِۦٓ ۚ ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ كُنتُم بِهِۦ
تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٥١﴾
ثُمَّ قِيلَ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْخُلْدِ هَلْ
تُجْزَوْنَ إِلَّا بِمَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٥٢﴾

*"Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini, jika kamu benar?(48). Katakanlah: Aku tidak berkuasa memberi kemudharatan dan tidak pula kemanfa'atan kepada diriku sendiri kecuali apa yang dikehendaki Allah. Setiap umat mempunyai ajal masing-masing. Apabila ajal mereka tiba, mereka tidak dapat memohon supaya ditunda dan tidak pula dapat memohon supaya dipercepatkan walaupun sesa'at(49). Katakanlah: Terangkan kepadaku jika kamu ditimpakan 'azab-Nya di waktu malam atau di siang hari, apakah orang-orang yang berdosa, itu masih hendak memohon supaya disegerakan 'azab itu?(50). Apakah sesudah berlakunya 'azab itu barulah kamu percaya kepadanya? Apakah sekarang kamu telah percaya kepadanya? Sedangkan dahulunya kamu meminta supaya disegerakannya?(51). Kemudian dikatakan kepada orang-orang yang zalim (Musyrikin): Rasakanlah kamu 'azab yang kekal abadi. Kamu tidak dibalas melainkan kerana kesalahan-kesalahan yang telah diusahakan kamu."(52)*

Pada akhir kisah Musa di dalam surah ini dikemukakan pemandangan berikut seolah-olah sebagai gambaran waqi'i bagi janji 'azab itu:

وَجَٰوَزْنَا بِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْبَحْرَ فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ وَجُنُودُهُۥ
بَغْيًا وَعَدْوًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَدْرَكَهُ ٱلْغَرَقُ قَالَ ءَامَنتُ
أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱلَّذِىٓ ءَامَنَتْ بِهِۦ بَنُوٓا۟ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠
مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٩٠﴾
ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ عَصَيْتَ قَبْلُ وَكُنتَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٩١﴾
فَٱلْيَوْمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ لِتَكُونَ لِمَنْ خَلْفَكَ ءَايَةً ۚ
وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ عَنْ ءَايَٰتِنَا لَغَٰفِلُونَ ﴿٩٢﴾

*"Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi lautan lalu diikuti oleh Fir'aun dan bala tenteranya dengan tujuan untuk menganiayai dan menindas mereka, hingga apabila ia hampir-hampir tenggelam barulah ia berkata: Aku beriman tiada tuhan selain Allah yang diimani Bani Israel dan aku (sekarang) adalah dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)(90). Apakah sekarang baru engkau beriman? Sedangkan dulunya engkau telah menderhaka dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kerosakan(91). Pada hari ini Kami selamatkan badanmu supaya menjadi bukti kebenaran kepada orang-orang yang datang selepasmu. Sesungguhnya kebanyakan manusia lalai dari memikirkan ayat-ayat Kami."(92)*

Kemudian hubungan yang erat dan harmoni itu berlaku pula di tengah-tengah surah di antara jawapan itu dengan kisah ini dalam bentuk pemandangan-pemandangan, tindakan Allah yang mendadak membinasakan orang-orang yang mendustakan da'wah tanpa diduga dan disedari mereka. Ia menggambarkan satu suasana yang sama dan selaras, yang memperlihatkan wujudnya pertalian yang erat di antara pemandangan-pemandangan, mauhdu'-maudhu' pembicaraan dan cara penyampaian.

Dalam cerita kaum Musyrikin yang mencela Rasulullah s.a.w. dikemukakan ayat:

قَالَ ٱلْكَٰفِرُونَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾

*"Orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya orang ini (Muhammad) adalah seorang tukang sihir yang amat nyata."(2)*

Begitu juga dalam cerita Fir'aun dan para pembesarnya yang mencelakan Musa a.s. dikemukakan kata-kata yang sama:

فَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ مِنْ عِندِنَا قَالُوٓا۟ إِنَّ هَٰذَا لَسِحْرٌ
مُّبِينٌ ﴿٧٦﴾

*"Dan apabila kebenaran dari sisi Kami datang kepada mereka lantas mereka berkata: Sesungguhnya ini adalah suatu sihir yang amat nyata."(76)*

Surah ini dinamakan Surah Yunus, sedangkan kisah Yunus hanya disebut secara sepintas lalu sahaja dalam ayat yang berikut:

فَلَوْلَا كَانَتْ قَرْيَةٌ ءَامَنَتْ فَنَفَعَهَآ إِيمَٰنُهَآ إِلَّا
قَوْمَ يُونُسَ لَمَّآ ءَامَنُوا۟ كَشَفْنَا عَنْهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ
فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَمَتَّعْنَٰهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٩٨﴾

*"Mengapa tidak ada sebuah negeri yang (seluruh penduduknya) telah beriman dan keimanan itu telah berguna kepadanya kecuali kaum Yunus? Apabila seluruh mereka beriman Kami hapuskan dari mereka 'azab kehinaan di dalam kehidupan dunia dan Kami kurniakan kesenangan kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu."(98)*

Walaupun kisah Yunus disebut secara sepintas lalu, namun ia merupakan satu-satunya contoh teladan yang jelas kepada umat yang menyedari kesalahan diri mereka sebelum mereka ditimpa 'azab secara mendadak, lalu mereka bertaubat kepada Tuhan mereka dalam ruang waktu yang masih ada. Mereka adalah satu-satunya umat, di dalam sejarah da'wah, yang beriman sekaligus semua sekali setelah mereka menentang dan mendustakan da'wah Yunus. Oleh sebab itu Allah hapuskan 'azab yang diancamkan oleh Yunus kepada mereka sebelum ia menimpa mereka. Di samping 'azab itu merupakan Sunnatullah terhadap golongan manusia yang mendustakan da'wah dengan degil.

Demikian kita dapat melihat segala ragam pertalian yang erat di dalam rangkaian ayat-ayat surah ini dari awal hingga akhir hingga membuat surah ini merupakan satu unit yang padu dan kukuh pertaliannya sebagaimana telah kami huraikan sebelum ini.

* * * * * *

Dari petikan-petikan nas-nas surah ini yang telah dikemukakan sebelum ini di dalam kata pengantar ini ternyata bahawa isu pokok yang menjadi landasan seluruh huraian rangkaian ayat-ayat surah ini ialah isu Uluhiyah dan 'Ubudiyah dan penjelasan mengenai hakikat-hakikatnya dan kehendak-kehendak dari hakikat ini di dalam kehidupan manusia. Ada pun seluruh isu lain yang disinggungkan oleh surah ini seperti isu wahyu, isu hari Akhirat dan isu kerasulan-kerasulan yang telah silam merupakan isu-isu yang dikemukakan untuk tujuan menjelaskan hakikat agung itu dan memperluas-dalamkan pengertiannya serta menerangkan kehendak-kehendaknya di dalam kehidupan manusia dan dalam i'tiqad-i'tiqad dan amalan-amalan ibadat mereka.

Sebenarnya isu agung itu merupakan isu Al-Qur'an seluruhnya dan isu Al-Qur'an Makkiyah khususnya. Justeru itu pengenalan tentang hakikat Uluhiyah yang sebenar, penerangan tentang konsep Rububiyah, Qiwamah dan Hakimiyah yang menjadi ciri-ciri Uluhiyah itu, juga pengenalan tentang hakikat 'Ubudiyah dan batas-batasnya yang tidak boleh dilampaui, yang semuanya membawa kepada pengabdian manusia kepada Tuhan mereka yang sebenar, juga pengi'tirafan manusia terhadap Rububiyah, Qiwamah dan Hakimiyah Allah Yang Maha Esa sahaja adalah semuanya merupakan maudhu' pembicaraan pokok Al-Qur'an seluruhnya. Dan segala pembicaraan-pembicaraan yang lain di sebaliknya hanya merupakan penjelasan terhadap kehendak-kehendak hakikat agung ini di dalam kehidupan manusia yang merangkumi segala aspeknya.

Hakikat agung ini - jika diteliti dengan mendalam - mewajarkan semua penjelasan yang menjadi maudhu' pembicaraan Al-Qur'an, mewajarkan Allah mengutuskan para rasul seluruhnya untuk memperjuangkannya dan seterusnya mewajarkan Allah menurunkan semua kitab suci yang menjelaskannya:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

*"Kami tidak utuskan mana-mana rasul melainkan kami wahyukan kepadanya bahawa tiada Tuhan selain Aku, oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."*

(Surah al-Anbia': 25)

Hidup manusia di muka bumi ini tidak boleh menjadi betul kecuali hakikat Uluhiyah ini tegak di dalam i'tiqad dan kefahaman mereka, juga tegak di dalam kehidupan dan realiti mereka.

Pertama hidup manusia tidak menjadi betul terhadap alam buana yang dihayatinya, di mana ia berinteraksi dengan segala benda dan makhluk-makhluknya yang hidup. Apabila kefahaman mereka terhadap hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah menjadi kelam-kabut, maka mereka akan mempertuhankan benda-benda dan hidupan-hidupan, malah mempertuhankan hantu puaka dan kepercayaan-kepercayaan yang karut. Mereka mengabdikan diri mereka kepada tuhan-tuhan itu dalam bentuk-bentuk yang lucu tetapi menyedihkan! Mereka mempersembahkan kepadanya - dengan dorongan kahin-kahin dan oportunis-oportunis yang mengeksploitasi kejahilan orang ramai di setiap masa dan tempat - hasil usaha titik peluh mereka dari rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka, malah mereka mengabdikan anak-anak kesayangan mereka kepada tuhan-tuhan palsu itu di samping mengorbankan jiwa mereka pada setengah-setengah masa, sedangkan tuhan-tuhan palsu itu tidak lebih dari benda-benda dan makhluk-makhluk hidup yang tidak mempunyai sebarang kuasa dan kekuatan dan tidak mempunyai keupayaan untuk mendatangkan mudharat dan memberikan manfa'at. Seluruh hidup mereka mengalami keadaan yang kacau. Mereka hidup di antara cemas dan takut terhadap benda-benda dan makhluk-makhluk yang disembahkan mereka dengan keinginan untuk mendekatkan diri kepada makhluk-makhluk yang sama seperti mereka, yang mana sifat 'Ubudiyah makhluk-makhluk ini kepada Allah sama dengan sifat 'Ubudiyah mereka kepada Allah sebagaimana digambarkan oleh firman Allah (al-An'am: 136-140):

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ ٱلْحَرْثِ وَٱلْأَنْعَٰمِ نَصِيبًا

فَقَالُوا۟ هَـٰذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَـٰذَا لِشُرَكَآئِنَا ۖ فَمَا كَانَ لِشُرَكَآئِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَا كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَآئِهِمْ ۗ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

وَكَذَٰلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَـٰدِهِمْ شُرَكَآؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا۟ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ ۖ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾

وَقَالُوا۟ هَـٰذِهِۦٓ أَنْعَـٰمٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ لَّا يَطْعَمُهَآ إِلَّا مَن نَّشَآءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَـٰمٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَـٰمٌ لَّا يَذْكُرُونَ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا ٱفْتِرَآءً عَلَيْهِ ۚ سَيَجْزِيهِم بِمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣٨﴾

وَقَالُوا۟ مَا فِى بُطُونِ هَـٰذِهِ ٱلْأَنْعَـٰمِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِنَا ۖ وَإِن يَكُن مَّيْتَةً فَهُمْ فِيهِ شُرَكَآءُ ۚ سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ قَتَلُوٓا۟ أَوْلَـٰدَهُمْ سَفَهًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا۟ مَا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ٱفْتِرَآءً عَلَى ٱللَّهِ ۚ قَدْ ضَلُّوا۟ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

*"Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari hasil tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah, lalu mereka berkata mengikut sangkaan karut mereka: Ini untuk Allah dan ini pula untuk sembahan-sembahan kami. Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah pula sampai kepada sembahan-sembahan mereka. Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan mereka(136). Dan demikianlah ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai dari orang-orang Musyrikin memandang baik perbuatan membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan agama mereka. Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak berkuasa melakukan perbuatan itu, kerana itu tinggalkan mereka dan pembohongan-pembohongan yang diada-adakan mereka (137). Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman haram yang tidak boleh dimakan melainkan oleh sesiapa yang Kami (Allah) kehendaki mengikut anggapan mereka dan (ini) ternakan yang haram ditunggang dan (ini) ternakan-ternakan yang mereka tidak boleh menyebut nama Allah ketika disembelihkannya kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pembohongan-pembohongan yang diada-adakan mereka(138). Dan mereka berkata lagi: Anak-anak yang ada di dalam perut binatang-binatang ternakan ini adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada kaum wanita kami, tetapi jika anak di dalam perut itu dilahirkan mati, maka lelaki dan wanita sama-sama boleh memakannya. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pernyataan mereka (yang karut) itu. Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui(139). Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka kerana bodoh, tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan mereka telah mengharamkan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Sebenarnya mereka telah sesat dan tidak pernah mendapat hidayat."(140)*

Inilah contoh-contoh dari bebanan-bebanan 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah, yang membabit harta benda dan anak-anak yang dipersembahkan kepada sesama makhluk yang diciptakan Allah, sedangkan penyembahan benda-benda atau makhluk-makhluk hidup itu tidak mempunyai sebarang otoriti yang diturunkan Allah.

Begitu juga hidup manusia tidak menjadi betul terhadap satu sama lain tanpa kesahihan hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah dalam i'tiqad dan kefahaman mereka, juga dalam kehidupan dan realiti mereka. Insaniyah manusia, kehormatan dan kebebasannya yang haqiqi tidak mungkin tercapai di bawah naungan i'tiqad dan sistem hidup yang tidak mengifradkan Allah S.W.T. dengan ciri-ciri Rububiyah, Qiwamah dan Hakimiyah dan tidak mengkhususkan hanya Allah sahaja yang mempunyai hak penguasaan ke atas hidup manusia di dunia dan Akhirat, dan kehidupannya yang batin dan yang lahir, juga tidak mengi'tirafkan hanya Allah sahaja yang memegang kuasa perundangan, pemerintahan dan kuasa Hakimiyah dalam setiap bidang hidup manusia.

Realiti manusia di sepanjang zaman membuktikan kebenaran hakikat ini setiap kali manusia menyimpang dari keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sama ada dari segi i'tiqad atau dari sistem hidupnya dan setiap kali mereka tunduk dan patuh kepada yang lain dari Allah sama ada kepatuhan ini dalam i'tiqad atau syi'ar-syi'ar ibadat atau dalam bentuk mengikut undang-undang dan peraturan ciptaan manusia. Akibat yang diterima mereka dari penyelewengan itu ialah mereka kehilangan insaniyah, kehormatan dan kebebasan mereka.

Pentafsiran Islam terhadap sejarah ialah ia memulangkan kehinaan rakyat yang diperintah para Taghut dan kekuasaan para Taghut ke atas mereka kepada satu faktor asasi, iaitu penyelewengan rakyat itu sendiri dari agama Allah yang mengifradkan Allah S.W.T. dengan ciri Uluhiyah iaitu mengifradkan Allah dengan ciri-ciri Rububiyah, kuasa, Qiwamah dan

Hakimiyah. Firman Allah S.W.T. menggambarkan Fir'aun dan kaumnya (az-Zukhruf: 51-54):

وَنَادَىٰ فِرْعَوْنُ فِي قَوْمِهِۦ قَالَ يَٰقَوْمِ أَلَيْسَ لِي مُلْكُ مِصْرَ وَهَٰذِهِ ٱلْأَنْهَٰرُ تَجْرِي مِن تَحْتِيٓ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٥١﴾

أَمْ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْ هَٰذَا ٱلَّذِي هُوَ مَهِينٌ وَلَا يَكَادُ يُبِينُ ﴿٥٢﴾

فَلَوْلَآ أُلْقِيَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّن ذَهَبٍ أَوْ جَآءَ مَعَهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مُقْتَرِنِينَ ﴿٥٣﴾

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٥٤﴾

*"Dan Fir'aun berseru kepada kaumnya dengan katanya: 'Wahai kaumku, bukankah kerajaan Mesir ini kepunyaanku dan bukankah sungai-sungai ini mengalir di bawah kuasaku. Tidakkah kamu sekalian melihat?(51). Bukankah aku lebih baik dari orang yang hina ini (Musa) yang hampir-hampir tidak mampu menyebut perkataan-perkataannya dengan jelas?(52). Sepatutnya dicampakkan kepadanya gelang-gelang emas atau datang bersamanya malaikat sebagai para pengiringnya(53). Lalu Fir'aun memperbodohkan rakyat jelatanya dan mereka patuh kepadanya. Sesungguhnya mereka adalah golongan orang-orang yang menyeleweng."(54)*

(Surāh az-Zukhruf)

Dalam ayat ini Allah memulangkan kesanggupan Fir'aun memperbodohkan rakyat jelatanya kerana mereka telah menyeleweng dari agama yang benar, kerana pemerintah yang zalim tidak akan dapat memperbodohkan rakyat jelatanya jika mereka beriman dan mentauhidkan Allah, mereka tidak akan tunduk kepada yang lain dari Allah yang menggunakan sifat Rububiyah yang mengendalikan urusan Qiwamah dan kuasa Hakimiyah.

Apa yang telah berlaku ialah apabila rakyat jelata menyimpang dari keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa, maka mereka memberi peluang kepada segolongan dari mereka memerintah mereka dengan undang-undang dan peraturan yang bukan dari syari'at Allah menyebabkan mereka pada akhirnya terjerumus ke dalam bencana 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah, iaitu 'Ubudiyah yang memakan insaniyah mereka, kehormatan dan kebebasan mereka walaupun mereka diperintah dengan berbagai-bagai bentuk sistem hidup, yang difikirkan mereka sebagai sistem hidup yang dapat memelihara insaniyah, kebebasan dan kehormatan mereka.

Eropah telah melarikan diri dari Allah semasa ia melarikan diri dari kekuasaan gereja yang zalim yang memerintah atas nama agama yang palsu[3]. Kemudian Eropah memberontak menentang Allah S.W.T. semasa ia memberontak menentang gereja yang telah memusnahkan segala nilai-nilai insaniyah di zaman permulaan kekuasaannya. Kemudian umat Eropah menemui insaniyah, kebebasan kehormatan dan kepentingan mereka di bawah naungan sistem-sistem hidup individualisme (demokrasi). Mereka meletakkan seluruh harapan mereka pada kebebasan-kebebasan dan jaminan-jaminan yang diberikan oleh perlembagaan-perlembagaan ciptaan manusia dan peraturan-peraturan perwakilan rakyat di parlimen, kebebasan-kebebasan akhbar, jaminan-jaminan keadilan dan perundangan-perundangan, keputusan majoriti dalam pemilihan dan sebagainya dari kecemerlangan-kecemerlangan yang melingkungi sistem-sistem itu... kemudian bagaimana pula akibatnya? Akibatnya ialah munculnya kezaliman-kezaliman kapitalisme yang telah mengubahkan segala jaminan dan peraturan itu kepada label-label dan khayalan kosong sahaja dan membuat golongan rakyat majoriti yang terbesar tertindas di bawah perhambaan yang hina kepada golongan minoriti yang berleluasa, yang memiliki kekuatan kewangan yang dapat mempengaruhi majoriti perwakilan di parlimen, di samping menguasai perlembagaan-perlembagaan ciptaan manusia, kebebasan akhbar dan seluruh jaminan yang difikirkan orang ramai sebagai jaminan yang cukup untuk memelihara insaniyah mereka, kebebasan dan kehormatan mereka yang terasing dari Allah S.W.T.!!!

Kemudian segolongan dari orang ramai di Eropah telah melarikan diri dari sistem individualisme, di mana kekuatan wang dan kelas kapitalis menjadi kuasa yang dominan dalam masyarakat... mereka lari kepada sistem collectivisme (milik bersama), kemudian apa mereka buat? Mereka tukarkan kezaliman kepada golongan kapitalis kepada keta'atan kepada golongan rakyat marhain yang tidak berada atau mereka tukarkan keta'atan kepada golongan kapitalis dan syarikat-syarikat dengan keta'atan kepada negara yang memiliki harta dan kuasa, yang akhirnya menjadi lebih merbahaya dari golongan kapitalis.

Dalam setiap keadaan, setiap kedudukan dan setiap sistem, manusia patuh dan tunduk kepada sesama manusia. Mereka terpaksa membayar dengan harta dan jiwa raga mereka sebagai cukai yang berat kepada berbagai-bagai tuhan (bos-bos atau tuan-tuan besar).

'Ubudiyah pasti wujud, jika tidak wujud kepada Allah Yang Maha Esa, maka ia wujud kepada yang lain dari Allah. 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa membawa manusia menjadi bebas, mulia dan tinggi martabatnya, tetapi 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah memakan insaniyah manusia, kerhormatan,

---

3 *Lihat bab "الفصام النكد" dalam buku "المستقبل لهذا الدين".*

kebebasan dan kelebihan-kelebihan mereka, di samping pada akhirnya memakan harta dan kepentingan-kepentingan kebendaan mereka.

Oleh sebab itulah isu Uluhiyah dan 'Ubudiyah diberi perhatian yang berat di dalam risalah-risalah Allah dan kitab-kitab suci (yang diturunkan). Dan surah ini merupakan satu contoh dari perhatian Allah yang berat itu. Ia merupakan suatu isu yang bukan sahaja berhubung kait dengan penyembah-penyembah berhala dan patung di dalam jahiliyah yang dungu di zaman purba, malah ia berhubung kait dengan seluruh manusia di setiap zaman dan tempat dan berhubung kait dengan seluruh jahiliyah, iaitu jahiliyah-jahiliyah pra sejarah, jahiliyah selepas sejarah dan jahiliyah abad dua puluh dan setiap jahiliyah yang berlandaskan 'Ubudiyah kepada sesama manusia.[4]

Oleh sebab itulah yang menjadi intisari ajaran risalah-risalah dan kitab-kitab suci Allah ialah menegakkan konsep Uluhiyah S.W.T. dan, kuasa Rububiyah-Nya ke atas seluruh manusia:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِيٓ إِلَيۡهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدُونِ ٢٥

*"Dan Kami tidak utuskan mana-mana rasul melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahawa tiada Tuhan selain Aku, oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."*

(Surah al-Anbia': 25)

Surah yang kita hadapi sekarang ini diakhiri dengan ayat-ayat yang berikut:

قُلۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمۡ فِي شَكّٖ مِّن دِينِي فَلَآ أَعۡبُدُ ٱلَّذِينَ تَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِنۡ أَعۡبُدُ ٱللَّهَ ٱلَّذِي يَتَوَفَّىٰكُمۡۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١٠٤ وَأَنۡ أَقِمۡ وَجۡهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفٗا وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٠٥ وَلَا تَدۡعُ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَۖ فَإِن فَعَلۡتَ فَإِنَّكَ إِذٗا مِّنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٠٦ وَإِن يَمۡسَسۡكَ ٱللَّهُ بِضُرّٖ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَۖ وَإِن يُرِدۡكَ بِخَيۡرٖ فَلَا رَآدَّ لِفَضۡلِهِۦۚ يُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦۚ وَهُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ١٠٧

قُلۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدۡ جَآءَكُمُ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّكُمۡۖ فَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهۡتَدِي لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيۡهَاۖ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيۡكُم بِوَكِيلٖ ١٠٨ وَٱتَّبِعۡ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيۡكَ وَٱصۡبِرۡ حَتَّىٰ يَحۡكُمَ ٱللَّهُۚ وَهُوَ خَيۡرُ ٱلۡحَٰكِمِينَ ١٠٩

*"Katakanlah: Wahai manusia! Jika kamu masih berada di dalam keraguan terhadap agamaku, maka (ketahuilah) bahawa aku tidak menyembah tuhan-tuhan yang disembahkan kamu selain dari Allah, tetapi aku hanya menyembah Allah yang berkuasa mematikan kamu dan aku diperintah supaya berada di dalam golongan orang-orang yang beriman(104). Dan (aku diperintah): Hendaklah engkau hadapkan mukamu kepada agama Allah dengan mentauhidkan-Nya dan janganlah sekali-kali engkau berada di dalam golongan para Musyrikin(105). Dan janganlah engkau sembah selain Allah sesuatu yang tidak memberi sebarang manfa'at dan tidak pula sebarang mudharat kepadamu. Jika engkau lakukan perbuatan itu, nescaya engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang zalim(106). Dan seandainya Allah menyentuhmu dengan sesuatu bencana, maka tiada siapa yang berkuasa menghapuskannya melainkan Dia, dan seandainya Dia hendak mengurniakan sesuatu kebaikan kepadamu, maka tiada siapa yang berkuasa menolak limpah kurnia-Nya yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya, dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih(107). Katakanlah: Wahai manusia! Kebenaran telahpun datang kepada kamu dari Tuhan kamu. Oleh itu, sesiapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya ia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan sesiapa yang sesat, maka kesesatan itu hanya membawa kecelakaan ke atas dirinya sendiri, dan aku bukannya penguasa yang menjaga kamu(108). Dan ikutilah perintah diwahyukan kepadamu dan bersabarlah sehingga Allah memberi keputusan-Nya, dan Dia adalah sebaik-baik Pengadil."(109)*

Setakat ini cukuplah kata pengantar untuk memperkenalkan surah ini dan marilah kita mulakan pentafsiran ayat-ayatnya secara terperinci:

**(Kumpulan ayat-ayat 1 - 25)**

الٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡحَكِيمِ ١ أَكَانَ لِلنَّاسِ عَجَبًا أَنۡ أَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰ رَجُلٖ مِّنۡهُمۡ أَنۡ أَنذِرِ ٱلنَّاسَ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنَّ لَهُمۡ قَدَمَ صِدۡقٍ عِندَ رَبِّهِمۡۗ قَالَ ٱلۡكَٰفِرُونَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٞ مُّبِينٌ ٢

---

[4] *Lihat buku "الاسلام والجاهلية" karya Muslim agung as-Sayyid Abul-A'la al-Maududi Amir Jama'ah Islamiyah, Pakistan dan buku "جاهلية القرن العشرين" karya Muhammad Qutb.*

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِي سِتَّةِ
أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ مَا مِن شَفِيعٍ
إِلَّا مِنۢ بَعْدِ إِذْنِهِۦ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ أَفَلَا
تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا وَعْدَ ٱللَّهِ حَقًّا إِنَّهُۥ يَبْدَؤُا۟
ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ لِيَجْزِيَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟
ٱلصَّٰلِحَٰتِ بِٱلْقِسْطِ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ شَرَابٌ
مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٤﴾

هُوَ ٱلَّذِي جَعَلَ ٱلشَّمْسَ ضِيَآءً وَٱلْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُۥ
مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ مَا خَلَقَ
ٱللَّهُ ذَٰلِكَ إِلَّا بِٱلْحَقِّ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

إِنَّ فِي ٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِي
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا وَرَضُوا۟ بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا
وَٱطْمَأَنُّوا۟ بِهَا وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنْ ءَايَٰتِنَا غَٰفِلُونَ ﴿٧﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ مَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ يَهْدِيهِمْ
رَبُّهُم بِإِيمَٰنِهِمْ تَجْرِي مِن تَحْتِهِمُ ٱلْأَنْهَٰرُ فِي
جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٩﴾

دَعْوَىٰهُمْ فِيهَا سُبْحَٰنَكَ ٱللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا
سَلَٰمٌ وَءَاخِرُ دَعْوَىٰهُمْ أَنِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠﴾

*"Alif. Laam. Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang penuh hikmat (1). Apakah manusia merasa aneh kerana Kami mewahyukan kepada seorang lelaki (Muhammad) dari kalangan mereka: Berilah peringatan kepada manusia dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman bahawa mereka mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Tuhan mereka. (Tetapi) orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya orang ini (Muhammad) adalah seorang tukang sihir yang amat nyata (2). Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy. Dialah yang mentadbirkan segala urusan. Tiada siapa yang berkuasa memberi syafa'at (kepada seseorang) melainkan selepas mendapat keizinan-Nya. Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran? (3). Seluruh kamu akan kembali kepada-Nya. Itulah janji Allah yang benar. Sesungguhnya Dialah yang memulakan penciptaan insan kemudian Dialah yang akan mengulangi penciptaan-Nya untuk memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dengan adil, dan bagi orang-orang yang kafir disedia minuman dari air yang amat panas dan 'azab yang amat pedih kerana mereka telah melakukan perbuatan yang kufur (4). Dialah yang telah menciptakan matahari selaku cahaya yang terang benderang dan bulan selaku nur yang lembut dan menetapkan manzilah-manzilah perjalanannya supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan perhitungan waktu. Tiadalah Allah ciptakan semuanya itu melainkan dengan hikmat yang benar. Dia menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang mengetahui (5). Sesungguhnya dalam pertukaran malam dan siang dan segala kejadian yang diciptakan Allah di langit dan di bumi merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang bertaqwa (6). Sesungguhnya orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami dan berpuas hati dengan kehidupan dunia dan yakin dengannya, juga orang-orang yang lalai dari ayat-ayat Kami. (7) Mereka adalah ditempatkan di dalam Neraka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka (8). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh mereka dihidayatkan oleh Tuhan mereka dengan sebab keimanan mereka dan di bawah mereka mengalirnya sungai-sungai di taman-taman Syurga yang penuh ni'mat (9). Ucapan tasbih mereka di dalam Syurga ialah* سبحنك اللهم *dan ucapan penghormatan mereka ialah salam sejahtera, dan penutup ucapan tahmid mereka ialah* الحمدلله رب العالمين*" (10).*

وَلَوْ يُعَجِّلُ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ ٱلشَّرَّ ٱسْتِعْجَالَهُم بِٱلْخَيْرِ
لَقُضِيَ إِلَيْهِمْ أَجَلُهُمْ فَنَذَرُ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا
فِي طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١١﴾

وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ٱلضُّرُّ دَعَانَا لِجَنۢبِهِۦٓ أَوْ قَاعِدًا
أَوْ قَآئِمًا فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُۥ مَرَّ كَأَن لَّمْ
يَدْعُنَآ إِلَىٰ ضُرٍّ مَّسَّهُۥ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْمُسْرِفِينَ
مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢﴾

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا ٱلْقُرُونَ مِن قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا۟ وَجَآءَتْهُمْ

رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَمَا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى
ٱلْقَوْمَ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٣﴾
ثُمَّ جَعَلْنَٰكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ مِنۢ بَعْدِهِمْ لِنَنظُرَ
كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾
وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا بَيِّنَٰتٍ ۙ قَالَ ٱلَّذِينَ لَا
يَرْجُونَ لِقَآءَنَا ٱئْتِ بِقُرْءَانٍ غَيْرِ هَٰذَآ أَوْ بَدِّلْهُ ۚ
قُلْ مَا يَكُونُ لِىٓ أَنْ أُبَدِّلَهُۥ مِن تِلْقَآئِ نَفْسِىٓ ۖ
إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ
رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾
قُل لَّوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا تَلَوْتُهُۥ عَلَيْكُمْ وَلَآ
أَدْرَىٰكُم بِهِۦ ۖ فَقَدْ لَبِثْتُ فِيكُمْ عُمُرًا مِّن
قَبْلِهِۦٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦﴾
فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ
بِـَٔايَٰتِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿١٧﴾
وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ
وَيَقُولُونَ هَٰٓؤُلَآءِ شُفَعَٰٓؤُنَا عِندَ ٱللَّهِ ۚ قُلْ أَتُنَبِّـُٔونَ
ٱللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ
سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾
وَمَا كَانَ ٱلنَّاسُ إِلَّآ أُمَّةً وَٰحِدَةً فَٱخْتَلَفُوا۟ ۚ
وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ
فِيمَا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٩﴾
وَيَقُولُونَ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۖ فَقُلْ
إِنَّمَا ٱلْغَيْبُ لِلَّهِ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ
ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٢٠﴾

*"Dan seandainya Allah mempercepatkan ke atas manusia malapetaka (yang dipohonkan mereka) sebagaimana mereka memohon dipercepatkan ni'mat kebaikan tentulah ditamatkan ajal mereka, tetapi Kami sengaja membiarkan orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami meraba-meraba di dalam kesesatan mereka(11). Dan apabila manusia disentuh malapetaka lantas ia berdo'a kepada Kami (setiap masa) ketika baring atau duduk atau berdiri, tetapi setelah kami hapuskan malapetaka itu darinya ia berlalu selamba seolah-olah ia tidak pernah berdo'a kepada Kami supaya menghapuskan malapetaka itu. Demikianlah orang-orang melampau batas itu telah dipesonakan oleh perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka(12). Sesungguhnya Kami telah membinasakan umat-umat sebelum kamu apabila mereka melakukan kezaliman, sedangkan rasul-rasul mereka telah datang kepada mereka membawa penerangan-penerangan yang jelas, tetapi mereka tidak juga beriman. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas golongan orang-orang yang berdosa(13). Kemudian Kami jadikan kamu selaku pengganti-pengganti yang memerintah di negeri itu selepas mereka supaya Kami dapat melihat bagaimana kamu bertindak(14). Dan apabila dibacakan ayat-ayat Kami yang jelas kepada mereka, maka berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Bawalah Qur'an yang lain dari Al-Qur'an ini atau gantikannya dengan yang lain. Katakanlah: Tidaklah wajar bagiku menukarkannya dari pihak diriku. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku. Aku takut jika aku melanggar perintah Tuhanku - kepada keseksaan pada hari Qiamat yang amat besar(15). Katakanlah: Jika Allah kehendaki tentulah aku tidak membacakannya (Al-Qur'an) kepada kamu dan tidaklah pula Dia memberitahukannya kepada kamu. Aku telah tinggal sekian lama di kalangan kamu. Apakah kamu tidak berfikir?(16). Oleh itu siapakah yang lebih zalim dari mereka yang mengadakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ayat-ayat-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu tidak akan beruntung(17). Dan mereka menyembah selain Allah sembahan-sembahan yang tidak berkuasa memberi mudharat dan manfa'at kepada mereka dan mereka berkata: Mereka (sembahan-sembahan itu) adalah pemberi-pemberi syafa'at kepada kami di sisi Allah. Katakanlah: Apakah kamu hendak menceritakan kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di langit dan di bumi? Maha Suci dan Maha Tinggi Allah dari segala apa yang dijadikan mereka sebagai sekutu-Nya(18). Manusia dahulunya hanya satu umat sahaja (yang berpegang dengan tauhid) kemudian mereka berselisih. Dan seandainya tidak kerana adanya suatu keputusan yang tetap dari Tuhanmu tentulah segala apa yang diperselisihkan di antara mereka telah diselesaikan(19). Dan mereka berkata: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) satu bukti mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya urusan ghaib itu kepunyaan Allah. Oleh itu tunggulah dan aku juga bersama kamu termasuk dalam golongan orang-orang yang menunggu(20)".*

وَإِذَآ أَذَقْنَا ٱلنَّاسَ رَحْمَةً مِّنۢ بَعْدِ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُمْ إِذَا
لَهُم مَّكْرٌ فِىٓ ءَايَاتِنَا ۚ قُلِ ٱللَّهُ أَسْرَعُ مَكْرًا ۚ إِنَّ رُسُلَنَا
يَكْتُبُونَ مَا تَمْكُرُونَ ﴿٢١﴾
هُوَ ٱلَّذِى يُسَيِّرُكُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا كُنتُمْ فِى
ٱلْفُلْكِ وَجَرَيْنَ بِهِم بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ وَفَرِحُوا۟ بِهَا جَآءَتْهَا

رِيحٌ عَاصِفٌ وَجَآءَهُمُ ٱلْمَوْجُ مِن كُلِّ مَكَانٍ
وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُمْ أُحِيطَ بِهِمْ دَعَوُا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ
لَئِنْ أَنجَيْتَنَا مِنْ هَٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٢٢﴾
فَلَمَّآ أَنجَىٰهُمْ إِذَا هُمْ يَبْغُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۗ
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّمَا بَغْيُكُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُم ۖ مَّتَٰعَ ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا ۖ ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُكُمْ فَنُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ
تَعْمَلُونَ ﴿٢٣﴾

إِنَّمَا مَثَلُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَآءٍ أَنزَلْنَٰهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ
فَٱخْتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ ٱلنَّاسُ
وَٱلْأَنْعَٰمُ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذَتِ ٱلْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَٱزَّيَّنَتْ
وَظَنَّ أَهْلُهَآ أَنَّهُمْ قَٰدِرُونَ عَلَيْهَآ أَتَىٰهَآ أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ
نَهَارًا فَجَعَلْنَٰهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَ بِٱلْأَمْسِ ۚ كَذَٰلِكَ
نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

وَٱللَّهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَىٰ دَارِ ٱلسَّلَٰمِ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ
صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢٥﴾

*"Apabila Kami rasakan manusia dengan rahmat selepas malapetaka yang menyentuh mereka, tiba-tiba mereka menunjukkan tipu daya terhadap ayat-ayat Kami. Katakanlah: Allah lebih pantas membalas tipu daya mereka. Sesungguhnya utusan-utusan Kami (malaikat) mencatat segala tipu daya yang dilakukan kamu(21). Dan Dialah yang membolehkan kamu melakukan perjalanan di daratan dan lautan, sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera dan ia berjalan dengan laju membawa mereka dengan tiupan angin yang selesa dan menggembirakan mereka, tiba-tiba ia dipukul ribut yang kencang dan mereka dilanda ombak dari segenap penjuru dan mereka yakin bahawa mereka telah dikepung bahaya lantas mereka berdo'a kepada Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya: Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari malapetaka ini nescaya kami tetap menjadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur(22). Tetapi setelah Kami selamatkan mereka, tiba-tiba mereka (kembali) melalukan kezaliman di bumi tanpa alasan yang benar. Wahai manusia! Sesungguhnya (akibat) kezaliman itu akan menimpa ke atas diri kamu sendiri. (Kamu hanya menghayati) keni'matan hidup dunia sahaja, kemudian kamu akan kembali kepada Kami dan Kami akan memberitakan kepada kamu segala apa yang telah dilakukan kamu(23). Sesungguhnya perbandingan hidup dunia sama seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit lalu menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan bumi yang bercampurbaur yang dapat dimakan manusia dan ternakan sehingga apabila bumi telah berhias indah dengan tumbuhan-tumbuhan itu dan para penghuninya yakin bahawa mereka tetap akan memperolehi hasil-hasilnya, tiba-tiba ia dilanda malapetaka Kami di waktu malam atau lalu Kami jadikan tanaman-tanaman itu tercantas semuanya seolah-olah ia tidak pernah tumbuh kelmarin. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang berfikir(24). Dan Allah menyeru (manusia) kepada Syurga Darus Salam dan menghidayatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus(25)".*

Seluruh surah ini - sebagaimana telah kami jelaskan di dalam kata pengantarnya - merupakan satu unit yang padu yang sukar dibahagikan kepada bahagian-bahagian. Keadaan surah ini dalam aspek ciri ini samalah dengan keadaan Surah al-An'am yang telah dihuraikan di dalam juzu' yang ketujuh, cuma setiap surah mempunyai syakhsiah dan sifat istimewa masing-masing. Ayat-ayatnya mengalir dalam bentuk gelombang-gelombang yang berderetan dan mencurah dengan pernyataan-pernyataan yang memberi ilham kepada hati manusia. Ia berbicara dengan hati mereka dengan berbagai-bagai rentak nada. Mula-mula dengan menyatakan kehairanannya terhadap sikap kaum Musyrikin yang menyambut wahyu dan Al-Qur'an, kemudian menayang pemandangan-pemandangan alam buana, di mana terbentangnya tanda-tanda dan bukti-bukti Uluhiyah Allah S.W.T., kemudian menayang pemandangan-pemandangan Qiamat, kemudian membentang keadaan-keadaan manusia dalam menghadapi peristiwa-peristiwa yang dilalui mereka, kemudian menayang pemandangan-pemandangan kebinasaan umat-umat yang silam dan sebagainya dari maudhu'-maudhu' dan pernyataan-pernyataan yang menarik yang terkandung dalam surah ini sebagaimana telah disinggungkan sebelum ini.

Seandainya surah ini dapat dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang berbeza, maka yang terbanyak dari separuh kandungannya yang pertama dapat dikira sebagai satu bahagian yang mengalirkan gelombang-gelombang pernyataan yang bertubi-tubi ini, kemudian dikemukakan kisah Nuh dan rasul-rasul selepasnya dengan ringkas, kemudian kisah Musa dan seimbas kisah Yunus yang dapat dibentuk sebagai satu bahagian yang lain. Kemudian dikemukakan rentak-rentak nada pernyataan-pernyataan yang akhir surah ini yang dapat dibentuk sebagai satu bahagiannya yang terakhir.

Melihat kepada sifat surah yang sedemikian rupa, maka kami akan cuba menghuraikan segelombang demi segelombang atau beberapa kumpulan gelombang yang selaras mengikut sifatnya-sifatnya yang berbeza-beza.

**(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)**

Pelajaran pertama dari surah ini dimulakan dengan tiga huruf, iaitu Alif, Laam dan Raa' sebagaimana dimulakan Surah al-Baqarah, Surah Aali 'Imran dan Surah al-A'raf dengan huruf-huruf abjad yang sama, di mana kami telah menyebut di sana pendapat yang kami pilih dalam mentafsirkan maksud huruf-huruf ini. Di sini huruf Alif, Laam, Raa' itu merupakan "مبتدأ" (dalam tata nahu Arab) dan khabarnya (خبر) ialah:

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْحَكِيمِ

Kemudian rangkaian ayat-ayat selepasnya mengemukakan beberapa persoalan yang memperlihatkan ciri hikmat yang diisyaratkan sebagai sifat kitab Al-Qur'an, yang disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. untuk memberi peringatan kepada manusia dan untuk membawa berita gembira kepada para Mu'minin, juga sebagai jawapan terhadap orang-orang yang menyangkal bahawa Allah telah menyampaikan wahyu-Nya kepada manusia, juga persoalan penciptaan langit dan bumi, pengurusan dan pentadbiran kedua-duanya, juga persoalan matahari diciptakan sebagai cahaya yang terang benderang dan bulan sebagai nur yang lembut, juga persoalan bagaimana bulan diaturkan manzilah-manzilahnya supaya mereka dapat mengetahui bilangan tahun dan dapat membuat pengiraan hisab dan seterusnya persoalan pertukaran malam dan siang serta hikmat dan pentadbiran yang wujud di sebaliknya.

Di samping menayangkan ayat-ayat yang menggambarkan kejadian-kejadian alam buana, ia menyebut pula tentang golongan manusia yang lalai dari meneliti kejadian-kejadian alam itu, iaitu golongan orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah Tuhan yang mentadbirkan segala sesuatu dan nasib kesudahan yang buruk yang menunggu mereka, di samping menyebut ni'mat kesenangan abadi yang menunggu golongan para Mu'minin. Kemudian ia menjelaskan hikmat ditangguhkan balasan itu hingga ke suatu masa yang dijanjikan dan hikmat tidak dipercepatkan balasan yang buruk itu ke atas manusia sebagaimana mereka memohon dipercepatkan balasan yang baik di dunia ini. Dan seandainya Allah mempercepatkan balasan 'azab ke atas mereka sebagaimana mereka memohon dipercepatkan balasan yang baik tentulah tempoh yang dipertangguhkan itu akan berakhir dan tentulah mereka terus ditimpa 'azab kerana kesalahan-kesalahan mereka tanpa ditangguhkan lagi.

Justeru itulah Allah memperkatakan tentang tabiat manusia bagaimana mereka menerima keburukan dan kebaikan, bagaimana mereka memohon pertolongan Allah ketika ditimpa kesusahan dan bagaimana pula mereka melupakan Allah ketika dihapuskan kesusahan itu dan bagaimana kedegilan mereka di dalam kesalahan-kesalahan mereka, yang telah silam tanpa mengambil i'tibar dari umat-umat yang silam yang telah mengikut jalan yang sama dan menemui akibat kebinasaan di jalan itu.

Walaupun kisah-kisah kebinasaan umat-umat yang silam begitu terang kepada orang-orang Arab yang diserukan oleh Rasulullah s.a.w., namun golongan yang mendustakan rasul dari kalangan mereka menuntut agar beliau membawa kepada mereka Qur'an yang lain dari Qur'an yang ada ini atau menukarkannya, sedangkan mereka tidak berfikir bahawa Al-Qur'an itu adalah dari Allah dan ia mempunyai hikmat yang tetap yang tidak boleh ditukar ganti. Mereka menyembah sembahan-sembahan yang lain dari Allah yang tidak berkuasa memberi manfa'at dan mudharat kepada mereka tanpa berasaskan sesuatu hujjah, dan meninggal menyembah Allah Yang Maha Esa yang berasaskan wahyu dari Allah, kemudian mereka menuntut Rasulullah s.a.w. memperlihatkan mu'jizat tanpa meneliti ayat-ayat Allah yang jelas di dalam Al-Qur'an dan tanpa menghiraukan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terbentang di merata pelosok alam buana.

Kemudian rangkaian ayat-ayat selanjutnya kembali memperkatakan tentang tabiat manusia ketika menyambut rahmat dan musibah dan membentangkan suatu contoh yang hidup yang menggambarkan tabiat itu dalam salah satu pemandangan yang hidup dan menarik, iaitu pemandangan meredah lautan ketika bahtera pada mulanya berjalan dengan tenang dan selesa, kemudian tiba-tiba dipukul ribut yang kencang dan dikepung gelombang besar dari setiap penjuru.

Kemudian ditayangkan satu pemandangan yang lain yang menggambarkan kepalsuan hidup duniawi yang menyorotkan sinar dan kilauan-kilauan yang indah, kemudian tiba-tiba padam dalam sekelip mata, sedangkan para penghuninya begitu terpesona dengan keindahannya hingga lupakan kepada destini yang pantas dan menakutkan, sedangkan Allah menyeru mereka kepada negara Akhirat yang sejahtera, aman sentosa dan tenang tenteram, iaitu negara yang tidak dibimbangi musnah dan binasa secara mendadak:

*"Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang berfikir"(24)*

yang memahami hikmat kebijaksanaan Allah di dalam penciptaan dan pentadbiran-Nya.

* * * * * *

*"Alif. Laam. Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang penuh hikmat."(1)*

Dari huruf-huruf ini dan huruf-huruf yang seumpamanya digubahkan ayat-ayat Al-Qur'anul-Karim yang diingkarkan oleh kaum Musyrikin sebagai ayat-ayat yang diwahyukan Allah kepada rasul-Nya, sedangkan huruf-huruf ini juga boleh digunakan oleh mereka untuk menyusun ayat-ayat, tetapi mereka

tidak berupaya untuk mengubahkan sepotong ayat yang sama setanding dengan ayat-ayat Al-Qur'an - sebagaimana Allah mencabar mereka di dalam surah ini. Hakikat ini tidak dapat mendorong mereka berfikir dan memahami bahawa wahyu itu merupakan persimpangan di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. Seandainya tidak kerana wahyu tentulah beliau sendiri sama seperti mereka tidak berupaya untuk mengubahkan walaupun sepotongan ayat dari huruf abjad yang dapat digunakan oleh semua orang itu.

**"Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang penuh hikmat"** yang berbicara dengan manusia dengan cara yang sesuai dengan tabiat mereka. Ia membentangkan di dalam surah ini berbagai-bagai aspek yang benar buat selama-lamanya, dan kebenarannya dapat dibuktikan di dalam setiap generasi manusia.

Al-Qur'an yang penuh hikmat yang menyedarkan orang-orang yang lalai supaya meneliti bukti-bukti kekuasaan Allah di lembaran alam buana dan di merata pelosoknya; di langit, di bumi, pada matahari, pada bulan, pada malam, pada hari siang, pada peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat purba, pada kisah-kisah para rasul dalam kalangan umat-umat itu dan seterusnya pada bukti-bukti qudrat Allah yang wujud pada segala kejadian yang tersembunyi dan yang nyata di alam al-wujud ini.

أَكَانَ لِلنَّاسِ عَجَبًا أَنْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ رَجُلٍ مِّنْهُمْ أَنْ
أَنذِرِ النَّاسَ وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنَّ لَهُمْ قَدَمَ
صِدْقٍ عِندَ رَبِّهِمْ ۗ قَالَ الْكَٰفِرُونَ إِنَّ هَٰذَا
لَسَٰحِرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾

*"Apakah manusia merasa aneh kerana Kami mewahyukan kepada seorang lelaki (Muhammad) dari kalangan mereka: Berilah peringatan kepada manusia dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman bahawa mereka mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Tuhan mereka. (Tetapi) orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya orang ini (Muhammad) adalah seorang tukang sihir yang amat nyata."(2)*

Pertanyaan di dalam ayat ini ialah pertanyaan yang mengandungi kecaman, iaitu mengecam sikap takjub dan hairan dari manusia terhadap hakikat wahyu sejak dibangkitkan para rasul.

### *Pertanyaan Lumrah Yang Dihadapi Para Rasul*

Pertanyaan yang berterusan yang dihadapi setiap rasul ialah: Apakah wajar Allah mengutuskan manusia sebagai utusan-Nya? Dan punca pertanyaan ini adalah lahir dari ketiadaan memahami nilai "insan", iaitu insan sendiri tidak memahami nilai insan yang ada pada diri mereka. Bagi mereka adalah terlalu banyak bagi seorang insan untuk menjadi utusan Allah dan untuk berkomunikasi dengan Allah melalui wahyu, di mana ia diberi tugas menghidayatkan manusia. Mereka mengharap Allah menghantarkan malaikat atau satu makhluk lain yang lebih tinggi martabatnya di sisi Allah dari makhluk insan tanpa memikirkan penghormatan yang sengaja dikurniakan Allah kepada makhluk insan, iaitu kehormatan menjadi makhluk yang layak untuk membawa agamanya dan kehormatan dipilih dari kalangan individu-individu insan seorang yang layak dijadikan pengantar yang mempunyai hubungan istimewa dengan Allah.

Inilah kekeliruan yang dibangkitkan oleh golongan kafirin yang mendustakan rasul di zaman Rasulullah s.a.w., juga golongan Kafirin yang sama dengan mereka di abad-abad yang pertama. Tetapi di zaman moden ini setengah-setengah orang menimbulkan sejenis kekeliruan yang lain yang tidak kurang buruknya dari kekeliruan tadi untuk mengelirukan diri sendiri!

Mereka bertanya: Bagaimana proses komunikasi yang berlangsung di antara manusia yang bersifat benda dengan Allah yang berlainan sifatnya dari segala nilai makhluk-makhluk yang telah diciptakannya, di mana tiada sesuatu pun yang serupa dengannya?

Ini adalah satu pertanyaan yang tidak wajar dikemukakan oleh sesiapa pun kecuali oleh orang yang benar-benar mengetahui hakikat Allah dan hakikat zat Ilahiyah di samping benar-benar mengetahui segala ciri makhluk insan yang dikurniakan Allah kepadanya. Dan ini adalah satu dakwaan yang tidak sanggup didakwa oleh mana-mana orang yang menghormati akalnya dan mengetahui batas-batas akal, malah ia sedar bahawa ciri-ciri manusia yang boleh diteroka masih menghasilkan penemuan baru demi penemuan baru dan sains belum lagi selesai dan berhenti dari penerokaannya hingga dapat dikatakan bahawa sains telah mengetahui segala ciri-ciri manusia yang boleh diketahui... apatah lagi di sebalik segala penemuan sains dan akal itu di sana selama-lamanya wujud ufuk-ufuk yang majhul yang belum diketahui.

Di dalam diri manusia terdapat tenaga-tenaga majhul, yang hanya diketahui oleh Allah Yang Maha Esa sahaja. Hanya Allah sahaja yang mengetahui di mana Dia hendak meletakkan risalah-Nya pada makhluk insan yang mempunyai tenaga yang sanggup memikul risalah itu. Mungkin tenaga ini tidak diketahui oleh manusia, malah tidak diketahui oleh pembawa risalah Allah itu sendiri sebelum ia dibangkit menjadi rasul, tetapi Allah yang telah meniupkan roh ciptaan-Nya pada makhluk insan adalah Maha Mengetahui dengan segala isi kandungan setiap sel, setiap struktur fizikal dan setiap makhluk dan berkuasa pula untuk membolehkan seorang manusia mengadakan hubungan istimewa dengan-Nya dengan cara yang tidak dapat diketahui

melainkan oleh orang yang telah mengalaminya dan dikurniakan ilmunya.

### *Methodologi Menggunakan Pandangan Sains Untuk Memahami Al-Qur'an*

Ramai di antara ahli-ahli tafsir di zaman moden berusaha membuktikan hakikat wahyu dengan perantaraan sains untuk memudahkan pemahamannya, tetapi kami tidak bersetuju dengan methodologi ini asasnya lagi, kerana sains mempunyai medannya yang khusus di mana ia memiliki segala peralatannya, dan sains juga mempunyai ruang dan bidang yang khusus yang mempunyai alat-alat penerokaan dan penelitian yang tertentu. Sains tidak pernah mendakwa bahawa ia mengetahui sesuatu dari hakikat roh, kerana roh tidak termasuk di dalam bidang tugasnya dan kerana roh bukanlah sesuatu yang boleh diuji dengan ujian fizikal di mana alat-alat dan sarana-sarana ujian di miliki oleh sains. Justeru itulah sains yang menjunjung prinsip-prinsip ilmiyah mengelak diri dari memasuki medan roh. Apa yang dinamakan sebagai "ilmu-ilmu rohaniyah", maka ia tidak lebih dari percubaan-percubaan yang diselubungi keraguan dan kesangsian tentang hakikat dan objektif-objektifnya[5]. Tiada jalan lain untuk mengetahui sesuatu yang diyakini kebenarannya di dalam bidang ini melainkan keterangan-keterangan yang sampai kepada kita dari satu sumber yang diyakini kebenarannya seperti Al-Qur'an dan al-Hadith mengikut batas-batas keterangannya sahaja tanpa tokok tambah, ubahsuai dan qias, kerana tokok tambah, ubahsuai dan qias merupakan proses-proses aqliyah, sedangkan bidang rohaniyah ini bukannya bidang kegiatan akal, kerana ia tidak mempunyai peralatannya atau tidak dibekalkan dengan alat-alat kerja di medan ini.

أَكَانَ لِلنَّاسِ عَجَبًا أَنْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰ رَجُلٍ مِّنْهُمْ أَنْ أَنذِرِ ٱلنَّاسَ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنَّ لَهُمْ قَدَمَ صِدْقٍ عِندَ رَبِّهِمْ

*"Apakah manusia merasa aneh kerana Kami mewahyukan kepada seorang lelaki (Muhammad) dari kalangan mereka: Berilah peringatan kepada manusia dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman bahawa mereka mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Tuhan mereka."(2)*

### *Intisari Wahyu*

Inilah intisari wahyu, iaitu memberi peringatan dan amaran kepada manusia terhadap akibat menderhaka perintah Allah dan memberi tabsyir kepada orang-orang yang beriman yang akan mendapat ganjaran yang baik kerana mematuhi perintah Allah. Ayat ini mengandungi penjelasan tentang perintah-perintah yang wajib dipatuhi dan tentang larangan-larangan yang wajib dijauhi. Inilah peringatan dan tabsyir dan kehendak-kehendak keduanya secara ringkas.

Peringatan dan amaran itu dituju kepada seluruh manusia, kerana seluruh manusia memerlukan tabligh, penjelasan, peringatan dan amaran, sedangkan tabsyir (berita gembira) ditujukan kepada golongan yang beriman sahaja dan di sini mereka ditabsyir dengan ketenteraman, kemantapan dan kestabilan. Inilah pengertian yang disarankan oleh kata "صدق" (benar) yang dikembarkan dengan kata-kata "قدم" (tapak kaki) dalam suasana amaran dan ugutan. Jadi, kata-kata "قدم صدق" bererti "kedudukan yang teguh", yang memberi keyakinan yang tidak bergoncang, tidak berkocak, tidak terumbang-ambing dan tidak teragak-agak dalam suasana amaran dan ketakutan dan di sa'at-sa'at dilanda kesusahan. **"Kedudukan yang teguh di sisi Tuhan mereka"**, ialah kedudukan di hadapan hadrat Ilahi yang memberi ketenteraman kepada hati-hati yang beriman ketika hati-hati yang tidak menghadapi keraguan dan kegoyahan.

### *Hikmat Diutuskan Rasul*

Hikmat Allah menyampaikan wahyu kepada seorang lelaki dari kalangan manusia sendiri itu amatlah jelas, kerana lelaki inilah yang mengenal mereka dan mereka mengenalinya. Mereka dapat mempercayainya, dapat mengambil darinya dan dapat memberi kepadanya tanpa merasa keberatan, tanpa merasa tidak senang dan serba salah. Dan hikmat Allah mengirimkan para rasul itu adalah lebih jelas lagi, kerana manusia dijadikan dengan tabiat yang boleh menjurus kepada kebaikan dan kepada kejahatan. Walaupun manusia mempunyai akal sebagai alat untuk mereka membeza dan mengenal pasti sesuatu, namun akal memerlukan satu neraca yang betul yang dapat dirujukkan kepadanya setiap kali ia menghadapi kekeliruan, setiap kali ia diselubungi kekaburan dan kesamaran, setiap kali ia diheret oleh gelombang-gelombang hidup dan ditarik oleh keinginan-keinginan nafsu dan setiap kali ia terpengaruh kepada pengaruh-pengaruh yang mendadak yang menggugat badannya, sarafnya, temperamennya yang membuat penilaian akalnya berubah-ubah kadang-kadang dari lawan ke lawan. Oleh itu manusia memerlukan satu neraca yang betul dan tetap yang tidak tertakluk kepada pengaruh-pengaruh yang mendadak supaya ia dapat merujukkan kepadanya dan berpedoman dengannya dan supaya ia dapat kembali kepada penilaian yang betul berasaskan bimbingannya. Dan neraca yang betul dan adil ini ialah hidayat Allah dan syari'at-Nya.

Ini memerlukan agama Allah mempunyai hakikat yang tetap dan teguh yang dapat dijadikan rujukan kepada akal manusia untuk menilai seluruh kefahamannya dan di atas neraca yang tetap inilah ia menimbangkan kefahaman-kefahaman itu untuk mengetahui mana yang benar dan mana yang salah.

---

[5] *Lihat kertas kerja Dr Muhammad Muhammad Hussin berjudul: "Kajian rohaniyah moden, hakikatnya dan objektif-objektifnya"*(الروحية الحديثة – حقيقتها وأهدافها).

Pendapat yang mengatakan bahawa "agama Allah" selama-lamanya merupakan hasil pengertian-pengertian yang difahamkan manusia terhadap agama Allah justeru itu prinsip-prinsipnya berubah-ubah bererti mendedahkan prinsip asasi agama Allah yang mempunyai hakikat dan neraca yang stabil kepada bahaya kegoyahan, tidak tetap dan terumbang-ambing dan sentiasa berpusing-pusing bersama-sama pengertian-pengertian yang difahamkan manusia, di mana tidak ada suatu neraca yang tetap untuk menimbang hasil kefahaman itu.

Jarak di antara pendapat ini dengan pendapat yang mengatakan agama itu hasil ciptaan manusia adalah dekat sekali. Oleh kerana itu natijah terakhir dari dua pendapat ini adalah sama. Pendapat ini merupakan tempat gelincir yang terlalu bahaya dan seluruh methodologinya memerlukan sikap berhati-hati dan kewaspadaan yang amat hemat terhadapnya dan terhadap natijah-natijahnya baik yang dekat mahupun yang jauh.

Walaupun isu wahyu dengan huraian yang seperti ini cukup jelas dan terang, namun orang-orang kafir menerimanya sebagai satu isu yang aneh:

### *Antara Sihir Dan Wahyu*

قَالَ ٱلْكَٰفِرُونَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾

*"Tetapi orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya orang ini (Muhammad) adalah seorang tukang sihir yang amat nyata."(2)*

Dia seorang ahli sihir, kerana segala apa yang dituturkannya merupakan sesuatu yang melemahkan manusia. Seandainya mereka berfikir dengan teliti tentulah lebih baik bagi mereka berkata: Dia seorang Nabi yang diwahyukan Allah kepadanya kerana segala apa yang dituturkannya merupakan pengucapan yang berdaya mu'jizat, juga kerana sihir tidak membicarakan hakikat-hakikat alam buana, tidak mempunyai tatacara hidup dan bergerak dan tidak pula mengemukakan arahan-arahan, undang-undang dan peraturan yang dapat membangunkan sebuah masyarakat yang maju yang berlandaskan satu sistem hidup yang unik.

Mereka terkeliru di antara wahyu dan sihir kerana agama telah bercampur aduk dengan sihir di dalam seluruh agama paganisme. Hakikat agama tidak dapat difaham dengan jelas oleh mereka sebagaimana seorang Muslim dapat memahami hakikat agama Allah dengan jelas, dan kerana itu mereka terselamat dari kepercayaan paganisme dan dongeng-dongengnya yang karut.

*******

### (Pentafsiran ayat-ayat 3 - 6)

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ ۖ مَا مِن شَفِيعٍ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ إِذْنِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا ۖ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقًّا ۚ إِنَّهُۥ يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ لِيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ بِٱلْقِسْطِ ۚ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٤﴾

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ ٱلشَّمْسَ ضِيَآءً وَٱلْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُۥ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ ذَٰلِكَ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

إِنَّ فِى ٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

*"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy. Dialah yang mentadbirkan segala urusan. Tiada siapa yang berkuasa memberi syafa'at (kepada seseorang) melainkan selepas mendapat keizinan-Nya. Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran?(3). Seluruh kamu akan kembali kepada-Nya. Itulah janji Allah yang benar. Sesungguhnya Dialah yang memulakan penciptaan insan kemudian Dialah yang akan mengulangi penciptaan-Nya untuk memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dengan adil, dan bagi orang-orang yang kafir disediakan minuman dari air yang amat panas dan 'azab yang amat pedih kerana mereka telah melakukan perbuatan yang kufur(4). Dialah yang telah menciptakan matahari selaku cahaya yang terang benderang dan bulan selaku nur yang lembut dan menetapkan manzilah-manzilah perjalanannya supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan perhitungan waktu. Tiadalah Allah menciptakan semuanya itu melainkan dengan hikmat yang benar. Dia menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang mengetahui(5). Sesungguhnya dalam pertukaran malam dan siang dan segala kejadian yang diciptakan Allah di langit dan di bumi merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang bertaqwa."(6)*

***Isu Rububiyah Merupakan Isu 'Aqidah Yang Teragung***

Isu Rububiyah merupakan isu asasi yang paling besar di dalam 'aqidah, kerana isu Uluhiyah tidak pernah menjadi isu yang diingkarkan secara serius oleh kaum Musyrikin. Mereka memang percaya kepada kewujudan Allah, kerana fitrah manusia tidak berupaya menolak kepercayaan kepada kewujudan Tuhan alam ini kecuali dalam kes-kes yang nadir, yang terlalu sesat dan menyeleweng, tetapi (yang menjadi persoalan ialah) mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain yang disembahkan mereka dengan tujuan supaya tuhan-tuhan itu dapat memperdekatkan mereka kepada Allah dan dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah. Di samping itu mereka menggunakan ciri-ciri Rububiyah dengan mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan dari ciptaan mereka sendiri untuk dipakaikan kepada diri mereka, sedangkan undang-undang dan peraturan itu tidak pernah diizinkan Allah.

Sehubungan dengan isu Uluhiyah dan Rububiyah ini, Al-Qur'an tidak menjelaskannya dalam bentuk perdebatan atau mental yang kering seperti perdebatan mental yang muncul di zaman-zaman mutakhir kerana terpengaruh kepada ilmu-ilmu logik dan falsafah Greek, malah Al-Qur'an menggunakan logik fitrah yang jelas, mudah dan secara langsung dengan menjelaskan bahawa Allah itulah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dan segala isi dan penghuninya. Dia menciptakan matahari selaku cahaya yang terang benderang dan bulan selaku nur yang lembut serta menetapkan manzilah-manzilah bagi perjalanan bulan dan mengaturkan dengan rapi pertukaran malam dan siang. Inilah fenomenafenomena yang jelas yang menyentuh perasaan dan hati. Dan seandainya manusia memikirkannya dengan teliti dan penuh kesedaran tentulah ia dapat membuat kesimpulan bahawa Allah yang telah menciptakan segala kejadian ini dan mentadbirkannya dengan rapi itulah Tuhan yang layak menjadi Tuhan yang dita'ati dan disembahkan manusia dan mereka tidak seharusnya mempersekutukan Allah dengan mana-mana makhluk-Nya. Bukankah penjelasan yang seperti itu merupakan satu isu logikal yang hidup dan realistik, tidak memerlukan kepada kerja mental yang memenatkan akal dan kepada usaha mengkaji analogi-analogi dialektikal yang dicernakan akal secara hambar dan kering, yang tidak dapat menghangatkan hati dan merangsangkan perasaan?

Alam buana yang amat luas dan besar ini, dengan langit dan buminya, dengan matahari dan bulannya, dengan malam dan siangnya, dengan segala isi langit dan buminya, dengan segala umat manusianya dan cara-cara hidup mereka, dengan segala tumbuhan-tumbuhannya dengan segala unggas-unggasnya dan dengan segala haiwannya adalah semuanya berlangsung dengan peraturan-peraturan yang sama.

Lihatlah hari malam yang menyelubungi alam melabuhkan tabir gelitanya, merangkumi segenap pelosoknya, diam tidak bergerak kecuali gerak-gerak pandangan dan bayangan. Lihatlah waktu fajar yang menyerlah di dalam kegelapan malam laksana sekuntum senyum si bayi yang riang. Lihatlah gerak pernafasan waktu pagi yang mencetuskan aktiviti hidup dan menggerakkan makhluk-makhluk yang hidup. Lihatlah bayang-bayang yang kelihatan diam tidak bergerak, sedangkan sebenarnya ia bergerak dengan begitu halus. Lihat burung-burung yang terbang melayang ke sana ke mari dan melompat di sana sini tidak pernah menetap dan diam dalam satu keadaan. Lihatlah anak-anak tumbuhan yang subur, yang sentiasa bercita-cita untuk subur dan hidup. Lihatlah makhluk-makhluk yang pergi dan pulang dengan berlumba-lumba dan bebas. Lihat rahim-rahim si ibu yang melahirkan anak-anak yang baru dan kubur yang menelan tubuh-tubuh yang tidak bernafas, sedangkan hayat meneruskan perjalanannya mengikut sebagaimana yang dikehendaki Allah.

Lihatlah himpunan berbagai-bagai gambaran dan bayangan, berbagai-bagai bentuk dan rupa, berbagai-bagai pergerakan dan keadaan, berbagai-bagai pemergian dan perkembalian, berbagai-bagai buruk dan reput dan pembaharuan semula, berbagai-bagai kelayuan dan kesuburan, berbagai-bagai kelahiran dan kematian, berbagai-bagai harakat yang berlangsung terus menerus di alam buana yang amat luas dan besar ini, yang tidak pernah letih-lesu berhenti walau sedetik pun baik di waktu malam mahu pun di waktu siang.

Semuanya ini merangsangkan setiap perasaan di dalam diri manusia untuk memerhati, berfikir dan merasa ketika hati terjaga dan membuka mata untuk melihat bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan di permukaan alam dan di pendalaman-pendalamannya. Al-Qur'an bertindak secara langsung menggerakkan hati dan akal supaya memikir dan meneliti himpunan berbagai-bagai gambaran dan bukti-bukti kekuasaan Allah.

*"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari."(3)*

Maksudnya, Tuhan kamu yang wajar memiliki ciri Rububiyah dan wajar kamu mengabdikan diri kepada-Nya ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi.Ia menciptakannya dengan perencanaan yang rapi, dengan penuh kebijaksanaan dan dengan pentadbiran yang kemas dalam **"masa enam hari"** mengikut kehendak kebijaksanaan-Nya untuk menyempurnakan strukturnya, peraturannya dan pelengkapannya seperti yang dikehendaki oleh-Nya.

Kami tidak mahu menentukan maksud **"masa enam hari"** ini, kerana tujuan ia disebutkan di sini bukanlah supaya kita berfikir untuk menentukan sepanjang mana hari-hari itu dan apakah jenis-jenisnya, malah ia disebutkan dengan tujuan untuk menjelaskan hikmat perencanaan dan pentadbiran Allah dalam mengendalikan penciptaan-Nya mengikut

kehendak matlamat penciptaan dan mengadakan persediaan-persediaannya untuk mencapai matlamat ini.

Walau bagaimanapun, enam hari yang disebutkan itu merupakan salah satu dari persoalan-persoalan ghaib yang hanya dimaklumi Allah sahaja dan tiada sumber yang lain untuk memahaminya selain dari Al-Qur'an. Oleh sebab itu kita harus berhenti setakat penjelasan Al-Qur'an tanpa melampauinya. Tujuan enam hari disebutkan di sini ialah untuk menunjukkan hikmat perencanaan, pentadbiran dan peraturan Allah yang menjalankan alam ini dari mula hingga akhirnya.

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ

*"Kemudian Dia bersemayam di atas Arasy."(3)*

Ungkapan **"bersemayam di atas Arasy"** merupakan satu kinayah atau ungkapan metafora untuk menyatakan maqam penguasaan Allah yang tertinggi dan teguh dengan bahasa yang dapat difahami oleh manusia, yang digunakan oleh mereka untuk menggambarkan konsep-konsep yang tertentu. Inilah cara penggambaran Al-Qur'an sebagaimana telah kami huraikan dalam bab "التخييل الحسي والتجسيم" dalam buku: "التصوير الفني في القرآن".

Perkataan "kemudian" di dalam ayat ini bukan untuk menyatakan "tertib masa", malah untuk menyatakan "jarak niskala (abstrak)", kerana masa di maqam ini tidak wujud, kerana di sana tidak ada suatu keadaan dan kedudukan yang mulanya tidak ada pada Allah kemudian baru ada, kerana Allah Maha Suci dari sifat-sifat "baru" dan segala apa yang berhubungan dengannya seperti masa dan tepat. Justeru itu kami dengan tegas menyatakan bahawa kata-kata "kemudian" atau "ثم" dalam ayat ini ialah untuk menyatakan "jarak niskala" dan kami terselamat kerana kami tidak melewati zon aman, di mana akal manusia berhak membuat keputusan yang tegas, kerana kami berpegang dengan prinsip umum yang membersihkan Allah S.W.T. dari kedudukan-kedudukan dan keadaan-keadaan yang bertukar ganti dan dari kehendak-kehendak masa dan tempat.

يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ

*"Dialah yang mentadbirkan segala urusan."(3)*

Dialah yang merencanakan peringkat-peringkat awalnya dan peringkat-peringkat akhirnya, menyelaraskan keadaan-keadaan dan kehendak-kehendaknya, mengaturkan muqaddimah-muqaddimahnya dan natijah-natijahnya serta memilih undang-undang yang mengawalkan langkah-langkah, peringkat-peringkat dan destinasi-destinasinya.

مَا مِن شَفِيعٍ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ إِذْنِهِۦ

*"Tiada siapa yang berkuasa memberi syafa'at (kepada seseorang) melainkan selepas mendapat keizinan-Nya."(3)*

Seluruh urusan dan keputusan terserah kepada Allah. Tiada pemberi-pemberi syafa'at yang berkuasa memperdekatkan mereka kepada Allah dan tiada siapa pun dari makhluk-Nya yang berkuasa memberi syafa'at kecuali diizinkan oleh-Nya mengikut pentadbiran dan perencanaan-Nya dan syafa'at itu hanya dapat dicapai dengan keimanan dan amalan yang soleh bukannya dengan semata-mata bertawassul dengan tuhan-tuhan pemberi syafa'at. Pernyataan ayat ini bertujuan menyanggah kepercayaan mereka bahawa malaikat yang mereka sembahkan patung-patungnya itu adalah berkuasa memberi syafa'at yang tidak ditolak di sisi Allah.

Itulah Allah Pencipta, Pentadbir dan Pemerintah yang tiada siapa berkuasa memberi syafa'at di sisi-Nya melainkan dengan keizinan-Nya.

*"Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran?"(3)*

maksudnya, itulah Tuhan kamu yang layak memiliki sifat Rububiyah, oleh itu hendaklah kamu menyembahkan-Nya kerana Dialah yang berhak dipatuhi dan dita'ati bukannya tuhan-tuhan yang lain dari-Nya. Mengapa kamu tidak mengambil pengajaran? Perkara ini cukup jelas dan kukuh. Ia tidak memerlukan huraian kecuali peringatan untuk mengingatkan hakikat yang diketahui umum ini.

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan firman Allah yang berikut selepas dibentangkan bukti-bukti Uluhiyah pada kejadian langit dan bumi:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ

*"Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya."(3)*

Sebelum ini telah kami tegaskan bahawa isu Uluhiyah tidak pernah menjadi isu yang diingkarkan secara serius oleh kaum Musyrikin, kerana mereka sememangnya mengi'tirafkan Allah S.W.T. sebagai Pencipta, Pemberi rezeki, yang menghidup dan yang mematikan, Pentadbir dan Pengurus Yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu, tetapi pengakuan ini tidak diikuti dengan kehendak-kehendaknya yang sewajarnya - sebagai ekoran dari pengi'tirafan mereka terhadap Uluhiyah Allah - iaitu mereka sepatutnya mengi'tirafkan pula Rububiyah Allah Yang Maha Esa di dalam kehidupan mereka yang dijelmakan dalam bentuk menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, dan tidak lagi melakukan syi'ar-syi'ar ibadat melainkan hanya kepada Allah dan tidak pula berhakimkan kepada yang lain dari Allah dalam segala urusan kehidupan mereka. Inilah maksud berfirman Allah:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ

*"Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya."(3)*

***Kesuburan Konsep Uluhiyah Dan Rububiyah***

Ibadat itulah 'Ubudiyah dan 'Ubudiyah itulah keta'atan dan kepatuhan yang disertakan dengan mengifradkan Allah S.W.T. dengan semua ciri-ciri itu kerana inilah kehendak-kehendak dari pengi'tirafan terhadap Uluhiyah Allah. Bidang Uluhiyah menjadi kabur dalam jahiliyah seluruhnya, di mana manusia menyangka bahawa pengi'tirafan terhadap Uluhiyah Allah itu sendiri merupakan keimanan, dengan erti kata jika mereka mengi'tirafkan Allah sebagai Tuhan mereka, bererti mereka telah mencapai matlamat keimanan tanpa mengikuti pengi'tirafan itu dengan kehendak-Nya, iaitu mengi'tirafkan Rububiyah Allah dengan menumpukan keta'atan mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja agar Allah menjadi satu-satunya Tuhan yang memelihara mereka dan tiada Tuhan yang lain darinya, juga satu-satunya Tuhan yang memerintah mereka dan tiada siapa pun yang berkuasa melainkan dengan kuasa-Nya.

Begitu juga pengertian ibadat di dalam jahiliyah telah menjadi kabur, iaitu ia terbatasnya pada pengerjaan syi'ar-syi'ar ibadat sahaja. Pada hemat mereka, jika mereka menunaikan syi'ar-syi'ar ibadat kepada Allah Yang Maha Esa, bererti mereka telah menyembah Allah Yang Maha Esa, sedangkan kata-kata "عبادة" dari awal-awal lagi diambil dari kata "عبد" yang dari awal-awal lagi bererti "tunduk, ta'at dan patuh". Segala syi'ar-syi'ar ibadat itu hanya merupakan salah satu dari manifestasi-manifestasi keta'atan dan kepatuhan dan bukannya merupakan satu manifestasi yang merangkumi segala hakikat keta'atan dan tidak pula merangkumi seluruh manifestasinya.

Jahiliyah bukannya melambangkan suatu tempoh masa yang tertentu dan bukan pula menggambarkan suatu peringkat tertentu dari peringkat-peringkat keadaan, malah ia menggambarkan kekaburan konsep Uluhiyah dan konsep ibadat yang membawa manusia kepada syirik, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka berada di dalam agama Allah yang betul seperti yang berlaku pada hati ini di seluruh negeri di dunia ini termasuk negeri-negeri yang penduduknya memakai nama-nama orang Islam dan menunaikan syi'ar-syi'ar ibadat kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan yang dita'ati dan dipatuhi mereka bukannya Allah kerana Allah Tuhan mereka yang sebenar memerintah mereka dengan kekuasaan, undang-undang dan peraturan dari ciptaan-Nya. Inilah satu-satunya Tuhan yang wajar dita'ati dan dijunjung segala perintah dan larangan-Nya, iaitu mereka harus mengikat segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang disyari'atkannya kepada mereka dan inilah makna mereka menyembah atau mengabdikan diri kepada-Nya sebagaimana sabda Rasulullah "......lalu mereka (orang-orang Kristian) mengikut dan mematuhi peraturan paderi-paderi mereka dan itulah erti mereka menyembah paderi-paderi itu" dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Adi ibn Hatim yang dikeluarkan oleh at-Tirmizi.

Untuk menguatkan konsep ibadat yang dikehendaki itu, maka di dalam surah ini juga Allah berfirman:

قُلْ أَرَءَيْتُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ لَكُم مِّن رِّزْقٍ فَجَعَلْتُم مِّنْهُ حَرَامًا وَحَلَٰلًا قُلْ ءَآللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ ۖ أَمْ عَلَى ٱللَّهِ تَفْتَرُونَ ﴿٥٩﴾

*"Katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang rezeki yang telah diturunkan Allah kepada kamu lalu kamu jadikan sebahagiannya halal dan (sebahagian yang lain) haram. Katakanlah: Apakah Allah telah memberi keizinan-Nya kepada kamu atau kamu hanya mengada-adakan pembohongan terhadap Allah."(59)*

Keadaan kita pada hari ini tidak berbeza sedikit pun dari keadaan orang-orang yang hidup di dalam jahiliyah yang diserukan Allah dengan firman-Nya:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

*"Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran?"(3)*

Yakni hendaklah kamu menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun kerana seluruh kamu akan kembali kepada-Nya, dan semua kira-kira dan laporan amalan kamu di dunia berada di tangan-Nya, dan Dialah yang menentukan balasan kepada orang-orang yang beriman dan orang-orang yang kafir:

إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا ۖ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقًّا ۚ

*"Seluruh kamu akan kembali kepada-Nya. Itulah janji Allah yang benar."(4)*

Yakni seluruh kamu akan kembali kepada-Nya bukannya kepada sekutu-sekutu dan sembahan-sembahan yang kamu fikir boleh memberi syafa'at kepada kamu. Demikianlah janji Allah dan janji-Nya tidak pernah mungkir, justeru itu kebangkitan semula selepas mati merupakan titik kesempurnaan manusia yang diciptakan Allah:

إِنَّهُۥ يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ لِيَجْزِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ بِٱلْقِسْطِ ۚ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٤﴾

*"Dialah yang memulakan penciptaan insan kemudian Dialah yang akan mengulangi penciptaan-Nya untuk memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dengan adil, dan bagi orang-orang yang kafir disediakan minuman dari air yang sangat panas dan 'azab yang amat pedih kerana mereka telah melakukan perbuatan yang kufur."(4)*

Keadilan balasan itu merupakan salah satu dari matlamat penciptaan dan ulangan penciptaan:

لِيَجْزِيَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ بِٱلْقِسْطِ

*"Untuk memberi balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dengan adil."(4)*

***Matlamat Penciptaan Insan***

Keni'matan dan kesenangan tanpa mengalami kesusahan-kesusahan dan kesakitan selepas meni'mati kelazatan juga merupakan salah satu dari matlamat-matlamat penciptaan insan dan ulangan penciptaannya (di Akhirat) kerana itulah kemuncak kesempurnaan manusia yang dapat dicapai oleh mereka, tetapi mereka tidak dapat mencapai keni'matan dan kesenangan yang sempurna itu di bumi ini atau dalam kehidupan duniawi yang dicemari dengan kegelisahan dan kekeruhan, di mana tiada kelazatan dan kesenangan hidup tanpa gangguan dan kesakitan kecuali kelazatan rohaniyah yang tulen dan ini juga jarang dicapai oleh seseorang.

Sekiranya tidak ada dalam kehidupan duniawi ini kecuali perasaan merasa kehabisan keni'matannya, nescaya perasaan ini sahaja sudah cukup untuk menjadikan keni'matan dunia ini suatu keni'matan yang kurang, di samping menjadi penghalang kepada kesempurnaannya, kerana manusia tidak dapat sampai di bumi itu kepada setinggi-tinggi darjat keni'matan yang telah ditetapkan Allah kepada mereka, iaitu kesenangan yang bersih dari kekurangan, kelemahan dan ekoran-ekorannya, dan keni'matan yang bebas dari sebarang kekeruhan dan kebimbangan kepada kehilangan dan kegelisahan kerana takut kehabisan, tetapi semua keni'matan dan kesenangan yang seperti ini hanya dapat dicapai di dalam Syurga sahaja di mana ni'mat-ni'matnya yang sempurna dan syumul telah digambarkan oleh Al-Qur'an. Justeru itu matlamat penciptaan manusia dan pengulangan ciptaannya (kebangkitan semula selepas mati) sudah semestinya bertujuan untuk menyampaikan golongan manusia yang beriman dan mematuhi undang-undang dan peraturan hidup yang betul kepada setinggi martabat manusia.

Adapun golongan manusia yang kafir mereka menentang undang-undang dan peraturan-peraturan yang betul. Mereka tidak mengikuti jalan kesempurnaan manusia, malah menjauhinya. Oleh itu akibatnya - mengikut Sunnatullah yang tidak pernah mungkir - mereka tidak akan sampai kepada martabat kesempurnaan, kerana mereka menjauhi undang-undang kesempurnaan, malah mereka akan menerima akibat dari penyelewengan mereka sebagaimana penghidap penyakit menerima akibat kerana menyeleweng dari peraturan-peraturan kesihatan jasmani, iaitu ia ditimpa sakit dan lemah dan sementara akibat yang diterima oleh orang-orang kafir ialah kejatuhan insaniyahnya dan mengalami penderitaan tanpa kesenangan, iaitu bertentangan dengan orang-orang yang beriman yang menerima keni'matan dan kesenangan tanpa sebarang gangguan dan kekeruhan.[6]

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٤﴾

*"Dan bagi orang-orang kafir disediakan minuman dari air yang sangat panas dan 'azab yang amat pedih kerana mereka telah melakukan perbuatan yang kufur."(4)*

Selepas Al-Qur'an mengemukakan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada penciptaan langit dan bumi dan menarik perhatian mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa, yang menjadi titik kepulangan seluruh manusia dan menyediakan balasan-balasan untuk mereka, maka rangkaian ayat-ayat berikut kembali pula mengemukakan bukti-bukti kejadian alam buana yang lain yang amat besar maknanya kepada langit dan bumi:

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ ٱلشَّمْسَ ضِيَآءً وَٱلْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُۥ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ ذَٰلِكَ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

*"Dialah yang telah menciptakan matahari selaku cahaya yang terang benderang dan bulan selaku nur yang lembut dan menetapkan manzilah-manzilah perjalanannya supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan perhitungan waktu. Tiadalah Allah ciptakan semuanya itu melainkan dengan hikmat yang benar. Dia menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang mengetahui."(5)*

Inilah dua pemandangan alam buana yang amat nyata dan menonjol, tetapi telah dilupai oleh kita kerana terlalu biasa. Dan kesan keduanya telah hilang dari hati kita kerana terlalu kerap berulang-ulang, jika tidak, sudah tentu seseorang itu menjadi begitu kaget dan terperanjat apabila ia melihat - buat pertama kali - awal-awal matahari terbit dan awal-awal matahari jatuh, juga awal-awal bulan naik dan awal-awal bulan jatuh?

***Cahaya Matahari Dan Bulan***

Pemandangan matahari dan bulan merupakan dua pemandangan yang biasa dan berulang-ulang dan tujuan Al-Qur'an mengembalikan kita kepada pandangan ini untuk menimbulkan rasa kaget dan terperanjat yang baru di dalam perasaan itu, juga untuk menghidupkan di dalam hati kita rasa kuriusiti yang segar dan rasa keinginan mengetahui dan meneliti yang tidak pupus kerana kekerapan berulang

---

[6] *Inilah pandangan yang termuat dalam tafsir al-Manar oleh as-Sayyid Rasyid Redha Rahimahullah.*

dan seterusnya mencetuskan kesedaran bahawa di sebalik penciptaan matahari dan bulan dan sifat-sifat kejadian duaka (keduanya) terdapat rahsia pentadbiran Ilahi yang amat rapi:

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ ٱلشَّمْسَ ضِيَآءً

*"Dialah yang telah menciptakan matahari selaku cahaya yang terang-benderang"(5)*

menyarankan adanya kekuatan api yang menyala pada matahari.

وَٱلْقَمَرَ نُورًا

*"Dan bulan selaku nur yang lembut"(5)*

menyarankan adanya kekuatan memantul dan menyorotkan cahaya pada bulan.

وَقَدَّرَهُۥ مَنَازِلَ

*"Dan menetapkan manzilah-manzilah perjalanannya"(5)*

di mana pada setiap malam bulan berada pada manzilah (orbit) yang tertentu dengan kedudukannya yang tertentu sebagaimana yang dapat dilihat pada bulan itu sendiri tanpa memerlukan kita mengerti ilmu astronomi yang hanya diketahui oleh ahli-ahlinya yang pakar.

لِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ

*"Supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan waktu"(5)*

dan sehingga kini waktu-waktu bagi seluruh manusia masih diatur mengikut perjalanan matahari dan bulan.

Apakah semuanya ini mainan kosong? Apakah semuanya ini karut? Apakah semuanya kebetulan belaka? Tidak sekali-kali begitu, malah seluruh peraturan ini, seluruh keselarasan ini dan seluruh kehalusan dan ketepatan (perjalanan matahari dan bulan) yang tidak pernah mungkir walaupun sekilas harakat pun tidak mungkin merupakan mainan kosong atau karut atau kebetulan belaka:

مَا خَلَقَ ٱللَّهُ ذَٰلِكَ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ

*"Tiadalah Allah ciptakan semuanya itu melainkan dengan hikmat yang benar."(5)*

Kebenaran menjadi asas penciptaan dan sarana-sarananya di samping menjadi matlamatnya, dan kebenaran itu kukuh dan teguh dan semua bukti-bukti ini yang menyaksikan kebenaran itu adalah jelas terpampang dan tetap:

يُفَصِّلُ ٱلْـَٔايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ٥

*"Dia menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang mengetahui."(5)*

Segala pemandangan yang ditayangkan di sini memerlukan kepada ilmu pengetahuan, untuk memahami rahsia pentadbiran Ilahi yang tersembunyi di sebalik pemandangan-pemandangan itu.

Dari ciptaan langit dan bumi, dari ciptaan matahari selaku cahaya yang terang benderang dan bulan selaku nur yang lembut dan dari penentuan manzilah-manzilah perjalanan bulan muncullah fenomena malam dan siang yang banyak memberi inspirasi kepada mereka yang membuka pintu hatinya kepada saranan pemandangan-pemandangan alam buana yang menarik ini:

إِنَّ فِى ٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَّقُونَ ٦

*"Sesungguhnya dalam pertukaran malam dan siang dan segala kejadian yang diciptakan Allah di langit dan di bumi merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang bertaqwa."(6)*

Pertukaran malam dan siang dan silih bergantinya termasuk pertukaran panjang pendeknya merupakan dua fenomena yang begitu lumrah dilihat, tetapi kesannya yang baru dan segar telah tidak dirasai lagi di dalam hati kerana terlalu biasa melihatnya kecuali dalam sa'at-sa'at tertentu, di mana hati tenaga dan jiwa terbongkas ketika melihat detik-detik naik dan turunnya matahari, ketika inilah seorang itu berdiri di sa'at-sa'at naik dan turunnya matahari selaku insan yang baru di alam ini yang melihat setiap fenomena yang baru dengan mata yang terbuka dan dengan hati yang responsif. Inilah sa'at-sa'at yang dihayati manusia dengan penghayatan yang sempurna dan haqiqi, di mana terhapusnya rasa bodoh yang ditinggalkan oleh keterlaluan biasa pada alat-alat penerima di dalam jiwa.

وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

*"Dan segala kejadian yang diciptakan Allah di langit dan di bumi."(6)*

Seandainya manusia berhenti sejenak memerhati segala kejadian yang diciptakan Allah di langit dan di bumi dan meninjau berbagai-bagai jenis makhluk yang tidak terhingga, berbagai-bagai kedudukan dan keadaan dan berbagai-bagai rupa bentuk, nescaya hatinya penuh dan limpah dengan kesedaran yang menjadikan seluruh hidupnya kaya dan sibuk meneliti dan berfikir serta terharu di sepanjang hidupnya. Apatah lagi penciptaan langit dan bumi yang dijadikan sedemikian aneh dapat menarik hati dengan seimbas isyarat sahaja kemudian ia meninggalkan hati menghayatinya. Seluruh kejadian itu:

لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَّقُونَ ٦

*"Merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang bertaqwa."(6)*

Yakni kejadian-kejadian itu merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati mereka dan taqwa inilah yang menjadikan hati sentiasa peka, cepat terharu dan responsif kepada fenomena-fenomena

qudrat Ilahi dan kepada Penciptaan Allah yang terpampang di hadapan penglihatan dan pendengaran.

* * * * * *

### *Methodologi Al-Qur'an Berbicara Dengan Fitrah Manusia*

Inilah methodologi Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan mengemukakan bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian alam buana yang bertaburan di sekeliling manusia di alam ini, kerana Allah S.W.T. mengetahui bahawa di antara kejadian-kejadian alam dan fitrah manusia terdapat satu bahasa yang dapat dimengerti dan saranan-saranan yang dapat didengar oleh manusia.

Al-Qur'an tidak menggunakan uslub perdebatan seperti yang digunakan oleh ahli-ahli Ilmul-Kalam dan falsafah di zaman mutakhir, kerana Allah mengetahui uslub ini tidak menjejak di dalam hati dan tidak melewati zon minda yang hambar yang tidak mendorong ke arah harakat dan tidak membawa kepada pembinaan hayat, dan akhirnya harakat yang berlangsung di dalam minda yang hambar itu akan hilang bersama angin.

Tetapi bukti-bukti yang dikemukakan oleh methodologi Al-Qur'an melalui uslub ini merupakan bukti-bukti yang paling kuat dan meyakinkan hati dan akal sekaligus dan inilah kelebihannya, pertama kerana kewujudan alam buana itu sendiri dan kedua kerana pergerakannya yang teratur, selaras dan tepat, di mana segala perubahan dan peralihan yang berlaku di dalamnya adalah dikawal oleh undang-undang yang sangat jelas kesannya walaupun sebelum undang-undang itu diketahui oleh manusia dan semuanya ini tidak dapat ditafsirkan tanpa difahami adanya satu kekuatan pentadbir.

Orang-orang yang mempertikaikan hakikat ini tidak berupaya mengemukakan satu dalil pun yang dapat diterima akal. Mereka tidak lebih dari mengatakan bahawa alam buana ini memang terjadi begini dengan segala undang-undangnya dan kewujudannya tidak memerlukan kepada pendalilan dan pentadbiran, begitu juga kewujudannya sekaligus mengandungi segala undang-undangnya. Jika alasan ini diterima sebagai alasan yang dapat dimengerti dan masuk akal, maka itulah sahaja alasannya.

### *Pelarian Dari Rububiyah Allah*

Alasan seperti ini pernah digunakan di Eropah untuk melarikan diri dari Allah, kerana di sana untuk melarikan diri dari gereja memerlukan lari dari Allah kemudian alasan ini diperkatakan di sana sini, kerana itulah satu-satunya jalan untuk melepaskan diri dari komitmen mengi'tiraf Uluhiyah Allah. Kebanyakan kaum Musyrikin di dalam jahiliyah-jahiliyah di zaman purba mengi'tirafkan kewujudan Allah, tetapi mereka mempertikaikan, Rububiyah Allah sebagaimana kita telah lihat dalam jahiliyah masyarakat Arab yang dihadapi oleh Al-Qur'an buat pertama kalinya, di mana dalil-dalil Al-Qur'an mencabar mereka dengan menggunakan logik dan 'aqidah mereka yang mengi'tirafkan kewujudan Allah S.W.T. dan sifat-sifat-Nya, dan berlandaskan logik itu sendiri Al-Qur'an menuntut supaya mereka menjadikan Allah satu-satunya Tuhan mereka dengan menta'ati dan mematuhi peraturan-peraturan-Nya sahaja dalam segala urusan ibadat dan syari'at. Ini berlainan dari jahiliyah abad dua puluh yang mahu melarikan diri dari beban logik yang berat ini dengan melarikan diri dari Uluhiyah Allah itu sendiri dari awal-awal lagi.

Yang anehnya negeri-negeri yang menamakan dirinya sebagai negeri-negeri Islam turut menyelaraskan dan menggalakkan pelarian ini atau nama "sains" dan "saintifik" dengan menggunakan segala macam sarana-sarana baik secara terbuka mahupun secara tertutup, di mana digembar-gemburkan bahawa kepercayaan kepada perkara-perkara yang ghaib tidak mempunyai tempat dalam disiplin ilmiyah termasuk perkara-perkara ghaib yang ada kaitan dengan Uluhiyah dan dari pintu belakang inilah orang-orang yang ingin melepaskan diri dari Allah melarikan diri. Mereka tidak takut kepada Allah. Mereka hanya takut kepada manusia dan kerana itu mereka melakukan penipuan ini terhadap manusia.

Bukti yang kuat dari kewujudan alam buana dan dari harakat perjalanannya yang teratur, selaras dan tepat masih terus mencabar orang-orang yang lari dari Allah di sana sini, sementara fitrah manusia dengan seluruh entitinya - merangkumi hati, akal, perasaan dan emosi - menerima dan menyebut bukti ini. Di samping itu methodologi Al-Qur'an itu masih terus berbicara dengan keseluruhan fitrah manusia. Ia berbicara dengannya melalui jalan yang paling dekat, paling luas dan paling mendalam.

## (Pentafsiran ayat-ayat 7 - 10)

### *Kewujudan Alam Akhirat Suatu Keperluan Bagi Kesempurnaan Manusia*

Orang-orang yang melihat semua bukti-bukti ini kemudian mereka tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah dan tidak memahami bahawa di antara kehendak-kehendak peraturan alam yang rapi ini ialah wujudnya di sana alam Akhirat dan dunia bukannya merupakan penghabisan, kerana umat manusia di alam dunia ini tidak pernah mencapai kesempurnaan yang diimpikan. Selanjutnya orang-orang yang melalui bukti-bukti yang nyata itu dengan hati yang lalai, di mana bukti-bukti itu tidak menggerakkan hati mereka untuk merenungi dan meneliti dan tidak pula mendorongkan akal mereka untuk berfikir, maka mereka adalah golongan manusia yang tidak akan melalui jalan kesempurnaan manusia dan tidak akan sampai ke Syurga yang dijanjikan kepada para Muttaqin, kerana Syurga hanya disediakan untuk orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, iaitu orang-orang yang

meninggalkan penat jerih dunia dan remeh-temehnya untuk bertasbih dan memuji Allah untuk mendapat keredhaan yang kekal:

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يَرۡجُونَ لِقَآءَنَا وَرَضُواْ بِٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا
وَٱطۡمَأَنُّواْ بِهَا وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَنۡ ءَايَٰتِنَا غَٰفِلُونَ ٧
أُوْلَٰٓئِكَ مَأۡوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ٨
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ يَهۡدِيهِمۡ
رَبُّهُم بِإِيمَٰنِهِمۡۖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهِمُ ٱلۡأَنۡهَٰرُ فِي
جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ٩
دَعۡوَىٰهُمۡ فِيهَا سُبۡحَٰنَكَ ٱللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمۡ فِيهَا
سَلَٰمٞۚ وَءَاخِرُ دَعۡوَىٰهُمۡ أَنِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ
ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٠

*"Sesungguhnya orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami dan berpuas hati dengan kehidupan dunia dan yakin tenteram dengannya, juga orang-orang yang lalai dari ayat-ayat Kami(7). Mereka adalah ditempatkan di dalam Neraka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka(8). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh mereka dihidayatkan oleh Tuhan mereka dengan sebab keimanan mereka dan di bawah mereka mengalirnya sungai-sungai di taman-taman Syurga yang penuh ni'mat(9). Ucapan tasbih mereka di dalam Syurga ialah* سبحنك اللهم *dan ucapan penghormatan mereka ialah salam sejahtera, dan penutup ucapan tahmid mereka ialah* الحمدلله رب العالمين*(10)*

Orang-orang yang tidak memikirkan peraturan alam buana yang memberi inspirasi bahawa alam ini mempunyai pencipta yang mentadbirkan peraturan dan perjalanannya tidak dapat memahami bahawa Akhirat itu merupakan satu keperluan dari keperluan-keperluan peraturan alam ini, di mana dapat direalisasikan keadilan yang sempurna dan dapat menyampaikan umat manusia ke kemuncak kesempurnaan mereka yang tertinggi.

Justeru itulah mereka tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah. Akibat dari pandangan yang pendek ini mereka hanya berhenti setakat hidup duniawi ini sahaja dengan segala kekurangan dan kejatuhan yang ada di sana. Mereka berpuas-hati dengan hidup duniawi dan membenamkan diri mereka di dalamnya. Oleh kerana itu mereka tidak mengingkar sebarang kekurangan yang ada di dalam kehidupan dunia. Mereka tidak memahami bahawa hidup duniawi itu tidak wajar menjadi titik penghabisan hidup manusia, kerana mereka meninggalkan dunia ini tanpa mendapat ganjaran yang setimpal bagi amalan-amalan yang baik yang telah dilakukan mereka dan tanpa sempat menerima hukuman terhadap kejahatan-kejahatan yang dilakukan mereka. Mereka tidak pernah sampai kepada tahap kesempurnaan yang disediakan oleh kemanusiaan mereka. Sikap mereka yang hanya berhenti di perbatasan dunia sahaja dan berpuas hati dengannya akan membawa mereka terus jatuh kerana mereka tidak mahu mengangkat kepala mereka untuk melihat kemuncak dan tidak memandang ke arah ufuk yang jauh. Mereka selama-lamanya menekurkan kepala mereka ke bawah dan menumpu pandangan mereka ke bumi sahaja dengan segala isi dan penghuninya. Mereka cuai dan lalai dari memikirkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang wujud pada kejadian-kejadian alam buana yang dapat menggerakkan hati, meningkatkan perasaan dan mendorong mereka ke arah kesempurnaan dan cita-cita yang tinggi.

أُوْلَٰٓئِكَ مَأۡوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ٨

*"Mereka adalah ditempatkan di dalam Neraka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka."(8)*

Itulah seburuk tempat kediaman dan seburuk-buruk nasib kesudahan.

Di sebelah tebing yang lain terdapat orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh. Mereka memahami bahawa di sana ada hayat yang lebih tinggi dari hayat dunia, dan kerana keimanan inilah mereka mengerjakan amalan-amalan yang soleh demi merealisasikan perintah Allah yang menyuruh manusia mengerjakan amalan-amalan yang soleh dan demi menunggu kehidupan Akhirat yang makmur dan jalan menuju ke arahnya ialah amalan-amalan yang soleh....

يَهۡدِيهِمۡ رَبُّهُم بِإِيمَٰنِهِمۡۖ

*"Mereka dihidayatkan oleh Tuhan mereka dengan sebab keimanan mereka."(9)*

Maksudnya, Allah memberi hidayat kepada mereka mengerjakan amalan-amalan yang soleh dengan sebab keimanan yang menghubungkan mereka dengan Allah dan membuka pintu hati mereka mengikut jalan yang lurus. Allah mengurniakan petunjuk kepada mereka kerana kepekaan hati nurani dan ketaqwaan mereka. Merekalah yang akan memasuki Syurga.

تَجۡرِي مِن تَحۡتِهِمُ ٱلۡأَنۡهَٰرُ فِي جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ٩

*"Dan di bawah mereka mengalirnya sungai-sungai di taman-taman Syurga."(9)*

Aliran air selama-lamanya membayangkan kesuburan, kebasahan, perkembangan dan hayat yang segar.

***Kehidupan Dalam Syurga***

Apakah kerunsingan-kerunsingan dan kesibukan-kesibukan mereka di dalam Syurga ini, apakah pengucapan atau permohonan-permohonan yang

mahu direalisasikan mereka di sana? Perkara-perkara yang merunsingkan mereka bukannya harta dan pangkat kebesaran, dan perkara-perkara yang menyibukkan mereka bukannya usaha untuk menepiskan gangguan-gangguan, bukannya untuk mendapatkan sesuatu kepentingan kerana semua perkara yang buruk ini telah dilindungi dari mereka. Kini mereka merasa segala-galanya cukup. Oleh kerana itu mereka tidak lagi memerlukan kepada perkara-perkara yang seperti itu. Mereka merasa cukup dengan pemberian yang dikurniakan Allah kepada mereka. Mereka telah bebas dari kerunsingan-kerunsingan dan kesibukan-kesibukan yang seperti itu. Kegiatan mereka yang paling sibuk ialah bertasbih di awal dan bertahmid di akhir diselangi pula dengan ucapan-ucapan salam sejahtera di antara sesama mereka dan di antara mereka dengan para malaikat ar-Rahman:

دَعْوَىٰهُمْ فِيهَا سُبْحَٰنَكَ ٱللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَٰمٌ ۚ وَءَاخِرُ دَعْوَىٰهُمْ أَنِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠﴾

*"Ucapan tasbih mereka di dalam Syurga ialah* سبحانك اللهم *dan ucapan penghormatan mereka ialah salam sejahtera, dan penutup ucapan tasbih mereka ialah* الحمدلله رب العالمين *"(10)*

Itulah kebebasan dari kerunsingan dan kesibukan-kesibukan hidup duniawi. Itulah kebebasan dari keperluan-keperluan duniawi. Itulah penerbangan ke ufuk-ufuk kepuasan, bertasbih dan bertahmid dan mengucapkan salam, itulah ufuk-ufuk yang layak dengan kesempurnaan manusia.

**(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 14)**

Selepas itu rangkaian ayat-ayat berikut menghadapi cabaran mereka terhadap Rasulullah s.a.w. dan permintaan mereka kepada beliau supaya mempercepatkan 'azab yang diancamkan kepada mereka dengan menjelaskan bahawa penangguhan 'azab kepada suatu masa yang tertentu itu merupakan suatu hikmat dan rahmat dari Allah, di samping melukiskan satu pemandangan yang menggambarkan keadaan mereka ketika mereka ditimpa malapetaka yang sebenar, di mana fitrah mereka membersihkan diri dari timbunan sampah sarap yang menutupinya dan terus mengadap Allah Pencipta mereka tetapi apabila malapetaka itu hilang, maka golongan pelampau-pelampau dari kalangan mereka, terus kembali kepada kelalaian. Kemudian ayat-ayat yang berikut juga menyebut tentang kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa generasi-generasi yang silam yang diganti mereka sambil mengingatkan mereka tentang akibat kebinasaan yang sama yang akan diterima mereka, dan pada akhirnya ia menyatakan kepada mereka bahawa hidup duniawi itu merupakan ujian yang akan menerima balasan selepas tamatnya hidup ini:

وَلَوْ يُعَجِّلُ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ ٱلشَّرَّ ٱسْتِعْجَالَهُم بِٱلْخَيْرِ لَقُضِىَ إِلَيْهِمْ أَجَلُهُمْ ۖ فَنَذَرُ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا فِى طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١١﴾ وَإِذَا مَسَّ ٱلْإِنسَٰنَ ٱلضُّرُّ دَعَانَا لِجَنۢبِهِۦٓ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَآئِمًا فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُۥ مَرَّ كَأَن لَّمْ يَدْعُنَآ إِلَىٰ ضُرٍّ مَّسَّهُۥ ۚ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢﴾ وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا ٱلْقُرُونَ مِن قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا۟ ۙ وَجَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَمَا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْقَوْمَ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٣﴾ ثُمَّ جَعَلْنَٰكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ مِنۢ بَعْدِهِمْ لِنَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

*"Dan seandainya Allah mempercepatkan ke atas manusia malapetaka (yang dipohonkan mereka) sebagaimana mereka memohon dipercepatkan ni'mat kebaikan tentulah ditamatkan ajal mereka tetapi Kami sengaja membiarkan orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami meraba-raba di dalam kesesatan mereka(11). Dan apabila manusia disentuh malapetaka lantas ia berdo'a kepada kami (setiap masa) ketika baring atau duduk atau berdiri, tetapi setelah Kami hapuskan malapetaka itu darinya ia berlalu selamba seolah-olah ia tidak pernah berdo'a kepada Kami supaya menghapuskan malapetaka itu. Demikianlah orang-orang yang melampaui batas itu telah dipesonakan oleh perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka(12). Sesungguhnya Kami telah membinasakan umat-umat sebelum kamu apabila mereka melakukan kezaliman, sedangkan rasul-rasul mereka telah datang kepada mereka membawa penerangan-penerangan yang jelas, tetapi mereka tidak juga beriman. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas golongan orang-orang yang berdosa(13). Kemudian Kami jadikan kamu selaku pengganti-pengganti yang memerintah negeri itu selepas mereka supaya Kami dapat melihat bagaimana kamu bertindak."(14)*

Kaum Musyrikin Arab telah mencabar Rasulullah s.a.w. supaya dipercepatkan janji 'azab menimpa mereka dan di antara cerita yang dikisahkan Allah tentang mereka di dalam surah ini ialah:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

*"Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini, jika kamu benar?"(48)*

Di dalam surah yang lain ialah:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالسَّيِّئَةِ قَبْلَ الْحَسَنَةِ وَقَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ الْمَثُلَاتُ

*"Dan mereka meminta kepadamu supaya disegerakan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlalu berbagai-bagai contoh teladan."*

(Surah ar-Ra'd:6)

Al-Qur'anul-Karim juga telah menceritakan perkataan mereka:

وَإِذْ قَالُوا اللَّهُمَّ إِن كَانَ هَٰذَا هُوَ الْحَقَّ مِنْ عِندِكَ فَأَمْطِرْ عَلَيْنَا حِجَارَةً مِّنَ السَّمَاءِ أَوِ ائْتِنَا بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٢﴾

*"Kenangilah ketika mereka (orang-orang kafir Quraisy) berkata: Ya Allah! Jika Al-Qur'an benar diturunkan dari sisi Engkau, maka hujanilah kami dengan batu-batu dari langit atau timpakan ke atas kami 'azab yang pedih."*

(Surah al-Anfal: 32)

Semua kisah ini menggambarkan kedegilan kaum Musyrikin yang mencabar hidayat Allah, tetapi hikmat kebijaksanaan Allah telah memutuskan untuk menangguhkan 'azab itu terhadap mereka. Oleh kerana itu Allah tidak menimpakan ke atas mereka 'azab penghapusan dan kebinasaan sebagaimana ia telah menimpakan 'azab itu ke atas para pendusta sebelum mereka, kerana Allah mengetahui kebanyakan dari mereka kelak akan masuk ke dalam agama ini dan berdiri teguh di atasnya, malah mereka akan keluar memperjuangkannya. Hal ini berlaku selepas penaklukan negeri Makkah. Dan ini adalah termasuk dalam perkara-perkara yang tidak diketahui mereka ketika mereka mencabar Rasulullah s.a.w. dalam kejahilan. Mereka tidak mengetahui kebaikan yang haqiqi yang dirancangkan Allah untuk mereka bukannya kebaikan yang mereka minta disegerakannya sama seperti mereka minta disegerakan malapetaka ke atas mereka.

Allah S.W.T. telah menegaskan kepada mereka di dalam ayat yang pertama seandainya Dia mempercepatkan malapetaka yang dicabar dan dipinta mereka supaya dipercepatkannya sama seperti mereka menggesa agar dipercepatkan ni'mat kebaikan yang dipinta mereka, sudah tentu mereka dibinasa dan dipercepatkan ajal mereka, tetapi Allah mengekalkan mereka sehingga sampai kepada tempoh yang telah ditetapkan Allah kepada mereka, kemudian Allah mengingatkan mereka agar mereka tidak lalai dari akibat yang wujud di sebalik penangguhan itu, kerana orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah akan terus meraba-raba di dalam kesesatan mereka sehingga sampai tempoh yang telah ditetapkan Allah kepada mereka:

### Psikologi Manusia Ketika Menghadapi Kesusahan Dan Kesenangan

Sesuai dengan cerita mereka meminta dipercepatkan turunnya malapetaka ke atas mereka, maka ayat yang berikut menayangkan gambaran psikologi manusia ketika ditimpa malapetaka yang sebenar, yang mendedahkan percanggahan di dalam tabiat manusia yang memohon disegerakan turunnya malapetaka ke atas mereka, sedangkan mereka begitu cemas apabila disentuh oleh malapetaka, tetapi apabila malapetaka itu dihapuskan dari mereka, lantas mereka kembali kepada perangai lama mereka:

وَإِذَا مَسَّ الْإِنسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنبِهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُ مَرَّ كَأَن لَّمْ يَدْعُنَا إِلَىٰ ضُرٍّ مَّسَّهُ ۚ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٢﴾

*"Dan apabila manusia disentuh malapetaka lantas ia berdo'a kepada Kami (setiap masa) ketika baring atau duduk atau berdiri, tetapi setelah Kami hapuskan malapetaka itu darinya ia berlalu selamba seolah-olah ia tidak pernah berdo'a kepada Kami supaya menghapuskan malapetaka itu. Demikianlah orang-orang yang melampaui batas itu telah dipesonakan oleh perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka."(12)*

Itulah satu gambaran yang cantik yang melukiskan sebuah contoh lumrah tabiat manusia yang berulang-ulang kali. Manusia akan terus ditolak ke dalam arus kehidupan, di mana mereka melakukan kesalahan dosa, kezaliman dan bertindak melampau dalam situasi sihat walafiat dan suasana-suasana yang baik kecuali mereka yang dipelihara dan dirahmati Allah sahaja yang mengingati semasa mereka kuat dan gagah bahawa di sebalik kekuatan ada kelemahan juga mengingat bahawa di sa'at-sa'at kemewahan itu membuat manusia lupa daratan dan di sa'at-sa'at merasa kaya raya itu manusia bertindak melewati batas. Kemudian apabila mereka disentuh malapetaka, mereka terus menjadi cemas gelisah. Mereka banyak berdo'a kepada Allah dan mereka meletakkan harapan yang panjang lebar, mereka merasa begitu tertekan dengan kesusahan itu dan meminta disegerakan turunnya kesenangan, tetapi apabila do'a mereka dikabulkan Allah dan kesusahan mereka di hapuskan, mereka lantas bertindak liar tanpa memikirkan suatu apa, mereka terus kembali kepada kelakuan-kelakuan mereka yang lama, yang terburu-buru dan sewenang-wenang.

Ayat ini mengaturkan langkah-langkah dan nada-nada pengungkapannya sesuai dengan keadaan kejiwaan yang hendak digambarkannya, juga sesuai dengan contoh manusia yang hendak

dibentangkannya. Oleh itu ia menggambarkan pemandangan malapetaka itu secara perlahan-lahan dan berlambat-lambat:

دَعَانَا لِجَنۢبِهِۦٓ أَوۡ قَاعِدًا أَوۡ قَآئِمٗا

*"Lantas ia berdo'a kepada Kami (setiap masa) ketika baring atau duduk atau berdiri."(12)*

Ia menayangkan segala situasi, segala kedudukan dan segala pandangan untuk menggambarkan orang ini ketika arus kehidupan yang kuat tersekat pada tubuhnya, atau pada hartanya atau pada makanannya sebagaimana arus air sungai tersekat di hadapan empangan menyebabkannya terhenti atau melimpah ke belakang, tetapi apabila empangan itu diangkat lantas ia "lalu" sepatah kata yang menggambarkan curahan yang laju dan kuat. Ia "lalu" dengan selamba sahaja (bagai air yang mencurah laju) tanpa berhenti untuk bersyukur dan tanpa berpaling untuk berfikir dan tanpa merenung sejenak untuk mengambil pengajaran:

مَرَّ كَأَن لَّمۡ يَدۡعُنَآ إِلَىٰ ضُرّٖ مَّسَّهُۥۚ

*"Ia berlalu selamba seolah-olah ia tidak pernah berdo'a kepada Kami supaya menghapuskan malapetaka itu."(12)*

Ia meluncur bersama arus kehidupan tanpa sekatan, tanpa halangan dan tanpa peduli.

Ayat ini menggambar tabiat manusia yang ingat kepada Allah ketika dilanda kesusahan, tetapi sebaik sahaja kesusahan itu terangkat ia terus berlalu dengan selamba. Dengan tabiat inilah golongan pelampau terus melampau tanpa merasa bahawa perbuatan mereka telah melewati batas:

كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلۡمُسۡرِفِينَ مَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ١٢

*"Demikianlah orang-orang yang melampaui batas itu telah dipesonakan oleh perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka."(12)*

Apakah kesudahan perbuatan keterlaluan itu pada umat yang silam?

وَلَقَدۡ أَهۡلَكۡنَا ٱلۡقُرُونَ مِن قَبۡلِكُمۡ لَمَّا ظَلَمُواْ وَجَآءَتۡهُمۡ رُسُلُهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ وَمَا كَانُواْ لِيُؤۡمِنُواْۚ كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ١٣

*"Sesungguhnya Kami telah membinasakan umat-umat sebelum kamu apabila mereka melakukan kezaliman, sedangkan rasul-rasul mereka telah datang kepada mereka membawa penerangan-penerangan yang jelas, tetapi mereka tidak juga beriman. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas golongan orang-orang yang berdosa."(13)*

Perbuatan-perbuatan mereka yang keterlaluan dan zalim (syirik) itu telah membawa mereka kepada kebinasaan. Mereka dapat melihat kesan-kesan kebinasaan kaum-kaum itu di Semenanjung Tanah Arab di bumi-bumi kediaman 'Ad dan Thamud dan di perkampungan-perkampungan kaum Lut. Mereka telah didatangi rasul-rasul mereka yang membawa pengajaran yang jelas sebagaimana kamu telah didatangi rasul kamu:

وَمَا كَانُواْ لِيُؤۡمِنُواْۚ

*"Tetapi mereka tidak juga beriman."(13)*

Kerana mereka tidak mengikuti jalan keimanan, malah mereka mengikuti jalan kezaliman dan keterlaluan sebegitu jauh, justeru itu mereka tidak dapat kembali ke pangkal jalan keimanan dan mereka akhirnya menerima balasan yang ditimpakan ke atas orang-orang yang berdosa:

كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ١٣

*"Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas golongan orang-orang yang berdosa."(13)*

Di samping membentangkan nasib kesudahan golongan pendosa yang telah didatangi rasul-rasul mereka yang membawa pengajaran-pengajaran yang jelas tetapi mereka tidak beriman lalu mereka ditimpakan 'azab Allah, ia mengingatkan mereka bahawa mereka merupakan para pengganti yang mengambil alih tempat kaum-kaum yang silam dan mereka juga sedang diuji bagaimana mereka mengambil tempat kaum-kaum itu:

ثُمَّ جَعَلۡنَٰكُمۡ خَلَٰٓئِفَ فِي ٱلۡأَرۡضِ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ لِنَنظُرَ كَيۡفَ تَعۡمَلُونَ ١٤

*"Kemudian Kami jadikan kamu selaku pengganti-pengganti yang memerintah negeri itu selepas mereka supaya Kami dapat melihat bagaimana kamu bertindak?"(14)*

Ini merupakan suatu cubitan yang kuat kepada hati mereka apabila mereka sedar bahawa mereka adalah pengganti yang mengambil alih kerajaan yang dirampas dari tangan pemiliknya di zaman dahulu, di mana penghuni-penghuninya yang mempunyai kedudukan yang teguh telah diusir keluar darinya.

Dan mereka pula akan mendapat giliran hilang dari kerajaan ini. Mereka akan tinggal di negeri itu untuk beberapa waktu sahaja, di mana mereka diuji dengan kerajaan ini dan dihisab segala apa yang dilakukan mereka semasa tinggal sebentar di negeri itu.

Inilah kefahaman yang dicetuskan Islam di dalam hati manusia. Di samping ia memperlihatkan hakikat yang sebenar kepada mereka supaya mereka tidak tertipu, ia merangsangkan kesedaran, kepekaan dan ketaqwaan mereka sebagai penjamin keselamatan diri dan keselamatan masyarakat yang dihayati mereka.

Kesedaran seseorang bahawa ia sedang diuji semasa hidup di bumi dengan segala apa yang dimilikinya dan dengan segala keni'matan yang diberikan kepadanya akan memberi kepadanya daya

ketahanan dari terpedaya, tertipu dan terlalai, di samping memberikannya perlindungan dari terbenam di dalam keni'matan hidup duniawi dan dari ketamakan merebut keni'matan, di mana ia memikul tanggungjawabnya dan diujikan dengannya.

Kesedaran seseorang bahawa ia sentiasa berada di bawah pemerhatian Allah seperti yang dijelaskan oleh firman-Nya:

لِنَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

*"Supaya Kami dapat melihat bagaimana kamu bertindak"(14)*

akan menjadikannya seorang yang sangat berhati-hati, berwaspada dan ingin bertindak dengan sebaik-baiknya dan sentiasa mengharapkan kejayaan di dalam ujian ini.

Inilah persimpangan jalan atau titik perbezaan di antara kefahaman yang ditanamkan Islam dalam hati manusia melalui cubitan-cubitan yang kuat ini dengan kefahaman-kefahaman yang mengeluarkan pemerhatian Allah dan hisab di Akhirat dari perhitungan mereka. Dua orang tidak mungkin bertemu jika salah seorangnya hidup dengan kefahaman Islam dan seorang lagi dengan kefahaman-kefahaman yang cetek. Keduanya tidak mungkin bertemu dalam satu kefahaman terhadap hayat, tidak mungkin bertemu pada satu akhlak dan pada satu pergerakan sebagaimana tidak wujudnya titik pertemuan di antara dua sistem hidup ciptaan manusia yang berlandaskan dua prinsip yang berlainan.

Sistem hidup di dalam Islam adalah satu sistem yang sepadu dari segi prinsip-prinsip dan rukun-rukunnya. Sebagai contoh cukuplah dengan menyebut hakikat asasi kefahaman Islam ini dan kesan-kesannya dalam pergerakan individu dan kelompok. Oleh sebab itulah sistem hidup Islam tidak boleh dicampur dengan sistem hidup yang lain yang tidak berlandaskan hakikat ini, juga tidak boleh dicampurkan dengan hasil-hasil sistem hidup ini.

Orang-orang yang beranggapan boleh disuntikkan dengan cara dan sistem hidup Islam dengan cara dan sistem hidup yang lain adalah tidak memahami sifat-sifat perbezaan asasi yang mendalam di antara prinsip-prinsip sistem hidup di dalam Islam dengan prinsip-prinsip semua sistem hidup ciptaan manusia.

**(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 20)**

Di sini rangkaian ayat yang berikut beralih dari berbicara secara langsung dengan mereka kepada pembentangan contoh-contoh kegiatan mereka setelah mereka mengganti dan mengambil .alih dari kaum-kaum pendosa di zaman silam. Apakah kegiatan yang telah dilakukan mereka?

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالَ ٱلَّذِينَ لَا
يَرْجُونَ لِقَآءَنَا ٱئْتِ بِقُرْءَانٍ غَيْرِ هَٰذَآ أَوْ بَدِّلْهُ
قُلْ مَا يَكُونُ لِىٓ أَنْ أُبَدِّلَهُۥ مِن تِلْقَآئِ نَفْسِىٓ
إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ
رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾
قُل لَّوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا تَلَوْتُهُۥ عَلَيْكُمْ وَلَا
أَدْرَىٰكُم بِهِۦ فَقَدْ لَبِثْتُ فِيكُمْ عُمُرًا مِّن
قَبْلِهِۦٓ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦﴾
فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ
بِـَٔايَٰتِهِۦٓ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿١٧﴾
وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ
وَيَقُولُونَ هَٰٓؤُلَآءِ شُفَعَٰٓؤُنَا عِندَ ٱللَّهِ قُلْ أَتُنَبِّـُٔونَ
ٱللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ
سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾
وَمَا كَانَ ٱلنَّاسُ إِلَّآ أُمَّةً وَٰحِدَةً فَٱخْتَلَفُوا۟
وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ
فِيمَا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٩﴾
وَيَقُولُونَ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ فَقُلْ
إِنَّمَا ٱلْغَيْبُ لِلَّهِ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ
ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٢٠﴾

*"Dan apabila dibacakan ayat-ayat Kami yang jelas kepada mereka, maka berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Bawalah Qur'an yang lain dari Al-Qur'an ini atau gantikannya dengan yang lain. Katakanlah: Tidaklah wajar bagiku menukarkannya dari pihak diriku. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku. Aku takut - jika aku melanggar perintah Tuhanku - kepada 'azab keseksaan pada hari Qiamat yang amat besar(15). Katakanlah: Jika Allah kehendaki tentulah aku tidak membacakannya (Al-Qur'an) kepada kamu dan tidaklah pula dia memberitahukannya kepada kamu. Aku telah tinggal sekian lama di kalangan kamu. Apakah kamu tidak berfikir?(16). Oleh itu siapakah yang lebih zalim dari mereka yang mengadakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ayat-ayat-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu tidak akan beruntung(17). Dan mereka menyembah selain Allah sembahan-sembahan yang tidak berkuasa memberi mudharat dan manfa'at kepada mereka dan mereka berkata: Mereka (sembahan-sembahan*

*itu) adalah pemberi-pemberi syafa'at kepada kami di sisi Allah. Katakanlah: Apakah kamu hendak menceritakan kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di langit dan di bumi? Maha Suci dan Maha Tinggi Allah dari segala apa yang dijadikan mereka sebagai sekutu-Nya(18). Manusia dahulunya hanya satu umat sahaja (yang berpegang dengan tauhid) kemudian mereka berselisih. Dan seandainya tidak kerana adanya suatu keputusan yang tetap dari Tuhanmu tentulah segala apa yang diperselisihkan di antara mereka telah diselesaikan(19). Dan mereka berkata: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) satu bukti mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya urusan yang ghaib itu kepunyaan Allah. Oleh itu tunggulah dan aku juga bersama kamu termasuk dalam golongan orang-orang yang menunggu."(20)*

Inilah tindak-tanduk mereka selepas mereka mengganti dan mengambil alih dari generasi-generasi yang silam dan inilah perilaku mereka terhadap Rasulullah s.a.w.!!.

### *Al-Qur'an Kalamullah Yang Tidak Boleh Ditukarganti*

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا ٱئْتِ بِقُرْءَانٍ غَيْرِ هَٰذَآ أَوْ بَدِّلْهُ

*"Dan apabila dibacakan ayat-ayat Kami yang jelas kepada mereka maka berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Bawalah Qur'an yang lain dari Al-Qur'an ini atau gantikannya dengan yang lain."(15)*

Ini adalah satu permintaan yang aneh, yang bukan lahir dari tujuan yang serius, malah lahir dari tujuan mempermain-mainkan Rasulullah s.a.w., juga lahir dari kejahilan terhadap fungsi Al-Qur'an dan keseriusan tujuan diturunkannya. Permintaan yang seumpama ini hanya dilakukan oleh orang-orang yang tidak berfikir bahawa mereka akan menemui Allah!

Al-Qur'an merupakan perlembagaan hidup yang syumul dan selaras, yang dapat memenuhi kehendak-kehendak umat manusia dalam kehidupan peribadinya dan kehidupan kemasyarakatannya. Ia memimpin manusia ke jalan kesempurnaan di dalam kehidupan duniawi sekadar kemampuannya dan seterusnya ke arah kehidupan Akhirat di akhir perjalanan hidupnya. Mereka yang memahami hakikat Al-Qur'an tidak akan meminta kitab yang lain darinya dan tidak menuntut agar ditukar gantikan setengah-setengah bahagiannya.

Kemungkinan besar orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah itu menyangka bahawa penggubahan Al-Qur'an merupakan persoalan kemahiran menyusun bahasa dan mereka menyamakannya dengan pertandingan-pertandingan menggubah sajak di pasar-pasar Arab dalam jahiliyah. Oleh kerana itulah mereka mengharapkan Nabi Muhammad s.a.w. menyambut cabaran mereka dan menyusun sebuah Qur'an yang lain atau menukarkan bahagian-bahagiannya.

قُلْ مَا يَكُونُ لِيٓ أَنْ أُبَدِّلَهُۥ مِن تِلْقَآيِٕ نَفْسِيٓ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ ۖ إِنِّيٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

*"Katakanlah: Tidaklah wajar bagiku menukarkannya dari pihak diriku. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku. Aku takut - jika aku melanggar perintah Tuhanku - kepada keseksaan pada hari Qiamat yang amat besar."(15)*

Penggubahan Al-Qur'an bukan suatu permainan dan kemahiran para penyajak, malah Al-Qur'an sebuah perlembagaan yang syumul, yang terbit dari Pentadbir alam buana dan Pencipta insan yang amat mengetahui segala perkara yang membawa kebaikan kepada manusia. Rasulullah s.a.w. tidak berhak menggubahkan Al-Qur'an dari pihak dirinya. Beliau hanya seorang utusan yang bertugas menyampaikan segala wahyu yang disampaikan Allah kepadanya. Perbuatan menukar gantikan Al-Qur'an merupakan satu penderhakaan yang akan dikenakan 'azab keseksaan pada hari Qiamat yang besar.

قُل لَّوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا تَلَوْتُهُۥ عَلَيْكُمْ وَلَآ أَدْرَىٰكُم بِهِۦ ۖ فَقَدْ لَبِثْتُ فِيكُمْ عُمُرًا مِّن قَبْلِهِۦٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦﴾

*"Katakanlah: Jika Allah kehendaki tentulah aku tidak membacakannya (Al-Qur'an) kepada kamu dan tidaklah pula Dia memberitahukannya kepada kamu. Aku telah tinggal sekian lama di kalangan kamu. Apakah kamu tidak berfikir?"(16)*

Maksudnya, Al-Qur'an itu wahyu dari Allah dan ia disampaikan kepada kamu dengan perintah Allah dan seandainya Allah kehendaki supaya aku tidak membacakannya kepada kamu tentulah aku tidak akan membacanya dan seandainya Allah kehendaki tidak mahu memberitahukannya kepada kamu tentulah aku tidak akan memberitahukannya kepada kamu. Semua urusan menurunkan Al-Qur'an dan menyampaikannya kepada manusia adalah urusan Allah, dan ceritakan kepada mereka bahawa engkau telah hidup di kalangan mereka selama beberapa waktu yang lama sebelum engkau dilantik menjadi rasul, iaitu selama masa empat puluh tahun dan di sepanjang masa itu engkau tidak pernah menceritakan kepada mereka sesuatu apa pun tentang Al-Qur'an, kerana engkau tidak memiliki Al-Qur'an dan kerana Al-Qur'an belum lagi diwahyukan kepada engkau dan seandainya engkau berupaya mengarangkan kitab yang setanding dengan Al-Qur'an atau menyusun beberapa bahagian yang sama dengannya, maka apakah sebab yang mendorong engkau menunggu selama masa yang begitu panjang?

Sebenarnya Al-Qur'an itu wahyu Allah dan engkau tidak mempunyai apa-apa kuasa mengenainya selain dari tugas menyampaikannya kepada manusia. Dan katakan kepada mereka aku tidak seharusnya melakukan pembohongan terhadap Allah dan tidak seharusnya mengaku bahawa Allah telah mewahyukan kepadaku kecuali ianya benar, kerana tidak ada yang lebih zalim dari perbuatan mengadakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayat Allah:

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِآيَاتِهِ

*"Oleh itu siapakah yang lebih zalim dari mereka yang mengadakan pembohongan terhadap Allah dan mendustakan ayat-ayat-Nya?"(17)*

Aku telah melarang kamu dari melakukan jenayah yang kedua iaitu jenayah mendustakan ayat-ayat Allah, dan kerana itu aku tidak seharusnya melakukan jenayah-jenayah yang pertama iaitu jenayah mengadakan pembohongan terhadap Allah:

إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْمُجْرِمُونَ ﴿١٧﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu tidak akan beruntung."(17)*

Kemudian ayat berikut mendedahkan segala tindak-tanduk dan segala perkataan mereka selepas mereka mengambil alih memerintah negeri itu di samping perbuatan mereka mempermain-mainkan Rasulullah s.a.w. dengan menuntut agar beliau membawa Qur'an yang baru.

وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَٰؤُلَاءِ شُفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ ۚ قُلْ أَتُنَبِّئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ ۚ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾

*"Dan mereka menyembah selain Allah sembahan-sembahan yang tidak berkuasa memberi mudharat dan manfa'at kepada mereka dan mereka berkata: Mereka (sembahan-sembahan itu) adalah pemberi-pemberi syafa'at kepada kami di sisi Allah. Katakanlah: Apakah kamu hendak menceritakan kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di langit dan di bumi? Maha Suci dan Maha Tinggi Allah dari segala apa yang dijadikan mereka sebagai sekutu-Nya."(18)*

Apabila jiwa seseorang itu sesat dan menyeleweng, maka ia tidak terhenti setakat melakukan perbuatan-perbuatan yang karut dan menyembah sembahan-sembahan yang tidak berkuasa memberi sebarang mudharat dan manfa'at kepada mereka, tetapi mereka mempercayai pula bahawa sembahan-sembahan itu dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah:

وَيَقُولُونَ هَٰؤُلَاءِ شُفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ

*"Dan mereka berkata: Mereka (sembahan-sembahan itu) adalah pemberi-pemberi syafa'at kepada kami di sisi Allah."(18)*

قُلْ أَتُنَبِّئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ

*"Katakanlah: Apakah kamu hendak menceritakan kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di langit dan di bumi?"(18)*

Apakah Allah tidak mengetahui di sana adanya juru-juru syafa'at di sisi Allah seperti yang difikirkan oleh kamu? Apakah kamu mengetahui sesuatu yang tidak diketahui Allah, lalu kamu maklumkan kepada-Nya sesuatu yang wujud, yang tidak diketahui oleh-Nya di langit atau di bumi?

Ini adalah satu cara pertanyaan yang menyenda mereka dan sesuai dengan pemikiran mereka yang karut, kemudian diiringi dengan pernyataan yang membersihkan Allah dari sifat-sifat yang tidak sesuai dengan kebesaran Allah yang didakwakan mereka:

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٨﴾

*"Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala apa yang dijadikan mereka sebagai sekutu-Nya."(18)*

***Kepercayaan Syirik Merupakan Satu Fenomena Yang Baru Muncul***

Sebelum ayat yang berikut meneruskan pendedahan tentang perkataan-perkataan dan tindak-tanduk mereka, lebih dahulu ia mengulaskan bahawa amalan syirik yang dilakukan manusia itu merupakan satu fenomena yang baru, sedangkan pada asalnya manusia hidup dengan fitrah yang berpegang dengan kepercayaan tauhid, kemudian selepas itu berlaku perselisihan (yang mengeluarkan mereka dari kepercayaan tauhid):

وَمَا كَانَ النَّاسُ إِلَّا أُمَّةً وَاحِدَةً فَاخْتَلَفُوا

*"Manusia dahulunya hanya satu umat sahaja (yang berpegang dengan tauhid) kemudian mereka berselisih."(19)*

Kehendak Allah telah memutuskan untuk menangguhkan pembalasan terhadap mereka kepada satu tempoh yang tertentu yang akan dihabiskan mereka. Keputusan itu telah ditetapkan dan telah dilaksanakan demi merealisasikan hikmat yang dikehendaki Allah:

وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ فِيمَا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٩﴾

*"Dan seandainya tidak kerana adanya suatu keputusan yang tetap dari Tuhanmu tentulah segala apa yang diperselisihkan di antara mereka telah diselesaikan."(19)*

Selepas ulasan ini, ayat yang berikut mendedahkan perkataan mereka:

وَيَقُولُونَ لَوْلَا أُنْزِلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ ۖ فَقُلْ

إِنَّمَا ٱلْغَيْبُ لِلَّهِ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٢٠﴾

*"Dan mereka berkata: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) satu bukti mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya urusan ghaib itu kepunyaan Allah. Oleh itu tunggulah dan aku juga bersama kamu termasuk dalam golongan orang-orang yang menunggu."(20)*

Segala ayat-ayat yang terkandung dalam kitab suci Al-Qur'an yang agung dan berdaya mu'jizat ini tidak cukup untuk meyakinkan mereka dan segala bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan di merata pelosok alam buana juga tidak cukup untuk menyedarkan mereka, malah mereka masih mencadangkan supaya diperlihatkan kepada mereka satu mu'jizat seperti mu'jizat yang pernah dikurniakan kepada para rasul di kalangan umat-umat sebelum mereka. Mereka sebenarnya tidak memahami tabiat risalah Muhammadiyah dan tabiat mu'jizatnya, kerana mu'jizat risalah Muhammadiyah bukanlah satu mu'jizat untuk sementara waktu sahaja, yang akan lenyap selepas disaksikan oleh satu generasi manusia, malah mu'jizatnya merupakan mu'jizat yang kekal yang terus berbicara dengan hati dan akal manusia dari satu generasi ke satu generasi.

Kemudian Allah s.a.w. mengarahkan rasul-Nya supaya merujukkan mereka kepada Allah Yang Maha Mengetahui segala urusan yang ghaib dan Maha Berkuasa sama ada Dia hendak menunjukkan mu'jizat itu atau tidak:

فَقُلْ إِنَّمَا ٱلْغَيْبُ لِلَّهِ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٢٠﴾

*"Katakanlah: Sesungguhnya urusan yang ghaib itu kepunyaan Allah. Oleh itu tunggulah dan aku juga bersama kamu termasuk dalam golongan orang-orang yang menunggu."(20)*

Jawapan ini mengandungi penangguhan di samping mengandungi ancaman dan seterusnya mengandungi penjelasan tentang batas-batas 'Ubudiyah di samping Uluhiyah, kerana walaupun Nabi Muhammad s.a.w. merupakan seagung-agung nabi dan rasul, namun beliau tidak berkuasa dalam urusan ghaib, kerana seluruh urusan ghaib itu adalah kepunyaan Allah dan beliau juga tidak mempunyai sebarang kuasa dalam urusan manusia, kerana seluruh manusia juga terserah kepada Allah. Demikianlah batas maqam 'Ubudiyah di samping maqam Uluhiyah dan di antara dua hakikat ini digariskan satu garis pemisah yang jelas yang menghapuskan sebarang kesamaran dan keraguan.

*********

**(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 23)**

***Kesenangan Sering Membawa Manusia Lupa Daratan***

Sebaik sahaja selesai mendedahkan perkataan dan tindak-tanduk mereka, ayat yang berikut kembali memperkatakan setengah-setengah tabiat dan perangai manusia yang mendapat rahmat selepas dilanda malapetaka sebagaimana telah diceritakan sebelum ini, di mana mereka ditimpa malapetaka kemudian terselamat darinya. Ayat yang berikut mengemukakan satu contoh yang berlaku dalam kehidupan manusia untuk membuktikan kebenarannya. Contoh itu dikemukakan dalam bentuk satu pemandangan yang kuat yang digambarkan oleh Al-Qur'an:

***Kesenangan Sering Membawa Manusia Lupa Daratan***

وَإِذَآ أَذَقْنَا ٱلنَّاسَ رَحْمَةً مِّنۢ بَعْدِ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُمْ إِذَا لَهُم مَّكْرٌ فِىٓ ءَايَاتِنَا ۚ قُلِ ٱللَّهُ أَسْرَعُ مَكْرًا ۚ إِنَّ رُسُلَنَا يَكْتُبُونَ مَا تَمْكُرُونَ ﴿٢١﴾

هُوَ ٱلَّذِى يُسَيِّرُكُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا كُنتُمْ فِى ٱلْفُلْكِ وَجَرَيْنَ بِهِم بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ وَفَرِحُوا۟ بِهَا جَآءَتْهَا رِيحٌ عَاصِفٌ وَجَآءَهُمُ ٱلْمَوْجُ مِن كُلِّ مَكَانٍ وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُمْ أُحِيطَ بِهِمْ ۙ دَعَوُا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ لَئِنْ أَنجَيْتَنَا مِنْ هَٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٢٢﴾

فَلَمَّآ أَنجَىٰهُمْ إِذَا هُمْ يَبْغُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۗ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّمَا بَغْيُكُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُم ۖ مَّتَٰعَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُكُمْ فَنُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٣﴾

*"Apabila Kami rasakan manusia dengan rahmat selepas malapetaka yang menyentuh mereka, tiba-tiba mereka menunjukkan tipu daya terhadap ayat-ayat Kami. Katakanlah: Allah lebih pantas membalas tipu daya mereka. Sesungguhnya utusan-utusan Kami (malaikat) mencatat segala tipu daya yang dilakukan kamu(21). Dan Dialah yang membolehkan kamu melakukan perjalanan di daratan dan lautan sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera dan ia berjalan dengan laju membawa mereka dengan tiupan angin yang selesa dan menggembirakan mereka, tiba-tiba ia dipukul ribut yang kencang dan mereka dilanda ombak dari segenap penjuru dan mereka yakin telah dikepung bahaya,*

*lantas mereka berdo'a kepada Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya. Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari malapetaka ini, nescaya kami tetap menjadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur(22). Tetapi setelah Kami selamatkan mereka, tiba-tiba mereka (kembali) melakukan kezaliman di bumi tanpa alasan yang benar. Wahai manusia! Sesungguhnya (akibat) kezaliman itu akan menimpa ke atas diri kamu sendiri. (Kamu hanya menghayati) keni'matan hidup dunia sahaja, kemudian kamu akan kembali kepada Kami dan Kami akan memberitakan kepada kamu segala apa yang telah dilakukan kamu."(23)*

Insan adalah satu makhluk yang sungguh aneh. Ia hanya mengingati Allah di sa'at-sa'at dilanda kesusahan. Ia tidak kembali kepada fitrahnya dan membersihkannya dari kekotoran dan penyelewengan kecuali dalam detik-detik penderitaan. Dan apabila ia berada di dalam keadaan selamat dan aman, ia terus lupa atau melakukan tindakan-tindakan yang zalim kecuali mereka yang mendapat hidayat, kerana fitrah mereka kekal dalam keadaan sihat, hidup dan bersedia menjunjung perintah di setiap waktu dan sentiasa bersih kerana kebersihan iman.

وَإِذَآ أَذَقْنَا ٱلنَّاسَ رَحْمَةً مِّنۢ بَعْدِ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُمْ إِذَا لَهُم مَّكْرٌ فِىٓ ءَايَاتِنَا

*"Apabila Kami rasakan manusia dengan rahmat selepas malapetaka yang menyentuh mereka, tiba-tiba mereka menunjukkan tipu daya terhadap ayat-ayat Kamu."(21)*

Demikianlah perbuatan yang telah dilakukan oleh kaum Fir'aun terhadap Musa. Setiap kali mereka ditimpa malapetaka, setiap kali mereka meminta pertolongan Musa sambil berjanji akan meninggalkan maksiat-maksiat mereka dan sebaik sahaja mereka mengecapi rahmat, lantas mereka menunjukkan angkara terhadap ayat-ayat Allah dan mentafsirkannya dengan cara yang tidak benar, iaitu mereka berkata malapetaka itu diangkatkan dari kita dengan sebab begini begitu. Demikian pula angkara yang ditunjukkan oleh kaum Quraisy terhadap Rasulullah apabila mereka menghadapi malapetaka kemarau yang ditakuti membinasakan mereka. Mereka datang menemui Muhammad meminta pertolongannya atas nama hubungan rahim agar beliau memanjatkan do'a kepada Allah, lalu Allah memperkenankan do'a itu dengan menurunkan hujan, kemudian terus mereka menunjukkan angkara terhadap ayat-ayat Allah dan terus kekal dengan maksiat-maksiat mereka seperti biasa. Ini adalah satu fenomena yang lazim dilakukan manusia kecuali orang-orang yang dilindungi keimanan.

*"Katakanlah: Allah lebih pantas membalas tipu daya mereka. Sesungguhnya utusan-utusan Kami (malaikat) mencatat segala tipu daya yang dilakukan kamu."(21)*

Maksudnya, Allah lebih berkuasa mengaturkan tadbir-Nya dan menghapuskan angkara mereka. Cara tipu daya mereka sememangnya terdedah dan diketahui Allah dan amat mudah dihapuskannya:

إِنَّ رُسُلَنَا يَكْتُبُونَ مَا تَمْكُرُونَ ﴿٢١﴾

*"Sesungguhnya utusan-utusan Kami (malaikat) mencatat segala tipu daya yang dilakukan kamu."(21)*

Tiada suatu pun dari tipu daya mereka yang tersembunyi dan tiada suatu pun yang dilupai. Adapun persoalan siapakah utusan-utusan itu dan bagaimana mereka melakukan kerja-kerja pencatatan itu, maka ini adalah suatu persoalan dari persoalan-persoalan urusan ghaib, yang kita tidak mengetahui hakikatnya melainkan dari penjelasan seperti ayat ini. Justeru itu kita harus menerima penjelasan ini tanpa ta'wilan dan tanpa tokok tambah lebih dari pengertian lafaz-lafaznya yang terang.

Setelah selesai ditayangkan pemandangan yang begitu hidup seolah-olah ia sedang berlaku dan disaksikan dengan mata kasar yang diikuti perasaan dan debaran hati, maka ayat yang berikut mula menjelaskan qudrat Ilahi yang menguasai segala gerak diam yang berlaku di alam buana ini:

هُوَ ٱلَّذِى يُسَيِّرُكُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ

*"Dan Dialah yang membolehkan kamu melakukan perjalanan di daratan dan lautan."(22)*

Ini ialah kerana keseluruhan surah ini merupakan pameran untuk mempamerkan qudrat Ilahi yang menguasai seluruh alam buana tanpa sebarang sekutu.

Kemudian kini kita sedang berada di hadapan satu pemandangan yang dekat:

حَتَّىٰٓ إِذَا كُنتُمْ فِى ٱلْفُلْكِ

*"Sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera"(22)*

dan bahtera ini sedang bergerak dan meluncur dengan selesa.

وَجَرَيْنَ بِهِم بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ

*"Dan ia berjalan dengan laju membawa mereka dengan tiupan angin yang selesa"(22)*

dan inilah perasaan para penumpang bahtera yang kita dapat memahaminya:

وَفَرِحُوا۟ بِهَا

*"Dan menggembirakan mereka"(22)*

tetapi dalam suasana tenang, aman dan gembira ini, tiba-tiba berlaku suatu peristiwa yang memeranjatkan para penumpang yang aman dan riang:

جَآءَتْهَا رِيحٌ عَاصِفٌ

*"Tiba-tiba ia dipukul ribut yang kencang."(22)*

Alangkah dahsyatnya!

*"Dan mereka dilanda ombak dari segenap penjuru"(22)*

menyebabkan bahtera terumbang-ambing dan penumpang-penumpangnya kelam-kabut. Mereka dibaham gelombang turun naik dan berputar-putar seperti bulu ayam yang malang di tengah arus. Mereka berada dalam situasi yang amat cemas. Mereka yakin tidak akan selamat:

وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُمۡ أُحِيطَ بِهِمۡ

*"Dan mereka yakin telah dikepung bahaya"(22)*

dan tiada lagi peluang selamat. Dan di waktu inilah sahaja dan di tengah-tengah gelombang yang berlanggaran ini fitrah mereka membuang segala kekotoran yang menodainya dan hati mereka membuang segala karat-karat kefahaman-kefahaman yang karut yang mengaratinya... di waktu inilah fitrah mereka yang bersih dan sihat itu berdenyut hidup kembali dengan 'aqidah tauhid dan dengan keta'atan yang terlepas terhadap Allah tanpa yang lain darinya:

*"Lantas mereka berdo'a kepada Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya: Sesungguhnya jika Engkau menyelamatkan kami dari malapetaka ini, nescaya kami tetap menjadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur."(22)*

Kini ribut yang kencang menjadi reda dan gelombang-gelombang yang mengamuk menjadi tenteram, nafas-nafas yang mengah dan cemas menjadi tenang, hati yang terbang melayang kembali tenang dan bahtera tiba di bibir pantai dengan aman. Para penumpang yakin hidup kembali setelah kaki mereka menjejak daratan dan apakah yang berlaku selepas itu?

### *Kezaliman Syirik Dan Akibatnya Yang Total*

فَلَمَّآ أَنجَىٰهُمۡ إِذَا هُمۡ يَبۡغُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ بِغَيۡرِ ٱلۡحَقِّۗ

*"Setelah Kami selamatkan mereka, tiba-tiba mereka (kembali) melakukan kezaliman di bumi tanpa alasan yang benar."(23)*

Demikianlah peristiwa itu berlaku secara mendadak!

Itulah satu pemandangan yang lengkap. Tiada-satu harakat dan lintasan fikiran yang terluput kepada kita. Itulah pemandangan peristiwa yang berlaku, iaitu pemandangan jiwa manusia, pemandangan tabiat manusia dan pemandangan contoh manusia yang wujud di kalangan umat manusia di setiap generasi.

Justeru itu ayat yang berikut membuat ulasan untuk memperingatkan seluruh manusia:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّمَا بَغۡيُكُمۡ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمۖ

*"Wahai manusia! Sesungguhnya (akibat) kezaliman itu akan menimpa ke atas diri kamu sendiri."(23)*

Sama ada kezaliman itu menimpa diri sendiri dalam bentuk terjerumus ke dalam kebinasaan dan memasukkan diri ke dalam golongan yang menyesal dan rugi kerana melakukan maksiat atau menimpa orang ramai kerana manusia merupakan satu jiwa sahaja, tetapi orang-orang yang zalim dan rela dengan kezaliman akan menimpakan akibat kezaliman itu ke atas diri mereka sendiri.

Tidak ada kezaliman yang lebih buruk dan lebih keji dari kezaliman terhadap Uluhiyah (syirik) dan dari perbuatan merampas kuasa Rububiyah, Qiwamah dan Hakimiyah Allah dan menggunakan kuasa-kuasa ini ke atas para hamba-Nya.

Mereka yang melakukan kezaliman akan merasa akibatnya di dalam hidup duniawi lagi sebelum mereka merasa balasannya di negeri Akhirat. Mereka akan merasa akibat ini dalam bentuk kerosakan kepada seluruh kehidupan manusia, di mana tiada seorang pun yang tidak mendapat padahnya dan tiada kemanusiaan, kehormatan, kebebasan dan akhlak mulia yang tidak digugatkannya.

Kedudukan manusia ialah dua: Sama ada mereka mengikhlaskan keta'atan mereka kepada Allah atau mereka diperhambakan orang-orang yang zalim. Perjuangan untuk menegakkan Uluhiyah Allah yang tunggal di bumi dan Rububiyah Allah yang tunggal dalam kehidupan adalah suatu perjuangan untuk menegakkan kemanusiaan, kebebasan, kehormatan dan akhlak mulia, malah ia suatu perjuangan untuk memantapkan segala konsep yang mulia yang mengangkatkan martabat manusia dari kehinaan dibelenggu, dari kekotoran paya hidup yang busuk, dari kehinaan kehormatan, dari kerosakan masyarakat dan dari keburukan hidup.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّمَا بَغۡيُكُمۡ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمۖ

*"Wahai manusia! Sesungguhnya (akibat) kezaliman itu akan menimpa ke atas diri kamu sendiri."(23)*

مَّتَٰعَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۖ

*"(Kamu hanya menghayati) keni'matan hidup dunia sahaja."(23)*

Kamu tidak dapat menambah lebih dari itu.

ثُمَّ إِلَيۡنَا مَرۡجِعُكُمۡ فَنُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٢٣

*"Kemudian akan kembali kepada Kami dan Kami akan memberitakan kepada kamu segala apa yang telah dilakukan kamu."(23)*

Itulah hisab Akhirat dan balasannya selepas menerima pada awalnya balasan kecelakaan hidup di dunia dan 'azab kesengsaraannya.

**(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 25)**

***Nilai Keni'matan Hidup Dunia***

Apakah nilai "keni'matan hidup dunia" dan apakah hakikatnya? Ayat yang berikut menggambarkan hakikat ini dalam satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan ilustrasi Al-Qur'an yang penuh dengan harakat dan hayat dan di samping itu ia termasuk dalam kumpulan pemandangan-pemandangan yang berlaku setiap hari dan dilalui insan tanpa kesedaran:

إِنَّمَا مَثَلُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَآءٍ أَنزَلْنَٰهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَٱخْتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ ٱلنَّاسُ وَٱلْأَنْعَٰمُ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذَتِ ٱلْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَٱزَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَآ أَنَّهُمْ قَٰدِرُونَ عَلَيْهَآ أَتَىٰهَآ أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَٰهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَ بِٱلْأَمْسِ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

*"Sesungguhnya perbandingan hidup dunia sama seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit lalu menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan bumi yang bercampur baur dengannya yang dapat dimakan manusia dan ternakan sehingga apabila bumi telah berhias indah dengan tumbuh-tumbuhan itu dan para penghuninya yakin bahawa mereka tetap akan memperolehi hasil-hasilnya, tiba-tiba ia dilanda malapetaka Kami di waktu malam atau siang lalu Kami jadikan tanam-tanaman itu tercantas semuanya seolah-olah ia tidak pernah tumbuh kelmarin. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang berfikir."(24)*

Itulah perbandingan hidup dunia yang tidak dimiliki manusia kecuali menghayati keni'matannya sahaja apabila mereka berpuas hati dengannya dan berhenti setakat keni'matan menghayati sahaja tanpa bercita-cita untuk mendapatkan keni'matan yang lebih mulia dan lebih kekal.

Nah, lihatlah air hujan turun dari langit dan lihatlah tumbuhan-tumbuhan menyedut air itu dan bercampur sebati dengannya, lalu ia menjadi subur dan mengeluarkan bunga-bunga yang cantik dan lihat pula bumi ini berubah menjadi pengantin yang berhias indah dan para penghuninya merasa bangga dan yakin bahawa tumbuh-tumbuhan itu subur dengan hasil usaha mereka dan bumi berhias indah mengikut kehendak kemahuan mereka, dan berfikir merekalah penguasa-penguasanya yang tunggal dan tiada sesiapa yang menandingi kuasa mereka.

Tiba-tiba di tengah-tengah kesuburan yang gemilang ini, di tengah-tengah perasaan riang gembira yang melonjak-lonjak ini dan di tengah-tengah perasaan tenteram dan yakin itu....

أَتَىٰهَآ أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَٰهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَ بِٱلْأَمْسِ

*"Tiba-tiba ia dilanda malapetaka Kami di waktu malam atau siang lalu Kami jadikan tanaman-tanaman itu tercantas semuanya seolah-olah ia tidak pernah tumbuh kelmarin."(24)*

Maksudnya, ia musnah dalam sekelip mata dan binasa sekaligus sahaja. Itulah maksud pengungkapan ayat ini setelah ia memanjangkan tayangan yang memperlihatkan kesuburan, keindahan tumbuhan yang menghias bumi dan keyakinan para penghuninya.

Inilah kehidupan dunia, di mana setengah-setengah manusia membenamkan diri di dalamnya dan menolak Akhirat seluruhnya untuk mendapat secebis keni'matan dunia.

Inilah kehidupan dunia tiada keamanan dan ketenteraman, tiada kemantapan dan kestabilan. Manusia tidak dapat menguasai hidup dunia kecuali sekadarnya sahaja, inilah kehidupan dunia.

وَٱللَّهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَىٰ دَارِ ٱلسَّلَٰمِ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢٥﴾

*"Dan Allah menyeru (manusia) kepada Syurga Darus-Salam dan menghidayatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus."(25)*

Alangkah jauh jurang perbezaan di antara negara dunia yang mungkin musnah dalam sekelip mata di sa'at ia sedang berhias indah dan para penghuninya yakin akan memperolehi hasilnya, tiba-tiba ia musnah dalam sekelip mata seolah ia tidak pernah wujud di hari kelmarin. Alangkah jauhnya perbezaan negara dunia dengan negara Akhirat Darus-Salam yang diseru oleh Allah yang memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan lurus yang membawa kepada Akhirat, apabila mata hatinya terbuka dan melihat dengan penuh hasrat kepada negara Akhirat Darus-Salam.

**(Kumpulan ayat-ayat 26 - 70)**

لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ ٱلْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٦﴾ وَٱلَّذِينَ كَسَبُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ جَزَآءُ سَيِّئَةٍۭ بِمِثْلِهَا وَتَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ مَّا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ كَأَنَّمَآ أُغْشِيَتْ وُجُوهُهُمْ قِطَعًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مُظْلِمًا أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧﴾

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا مَكَانَكُمْ أَنتُمْ وَشُرَكَاؤُكُمْ ۚ فَزَيَّلْنَا بَيْنَهُمْ ۖ وَقَالَ شُرَكَاؤُهُم مَّا كُنتُمْ إِيَّانَا تَعْبُدُونَ ﴿٢٨﴾

فَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ إِن كُنَّا عَنْ عِبَادَتِكُمْ لَغَافِلِينَ ﴿٢٩﴾

هُنَالِكَ تَبْلُو كُلُّ نَفْسٍ مَّا أَسْلَفَتْ ۚ وَرُدُّوا إِلَى اللَّهِ مَوْلَاهُمُ الْحَقِّ ۖ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٣٠﴾

قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمَّن يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَمَن يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَن يُدَبِّرُ الْأَمْرَ ۚ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ ۚ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣١﴾

فَذَٰلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمُ الْحَقُّ ۖ فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ ۖ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٣٢﴾

كَذَٰلِكَ حَقَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى الَّذِينَ فَسَقُوا أَنَّهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٣﴾

قُلْ هَلْ مِن شُرَكَائِكُم مَّن يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ ۚ قُلِ اللَّهُ يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٣٤﴾

قُلْ هَلْ مِن شُرَكَائِكُم مَّن يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ ۚ قُلِ اللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ ۗ أَفَمَن يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ أَحَقُّ أَن يُتَّبَعَ أَمَّن لَّا يَهِدِّي إِلَّا أَن يُهْدَىٰ ۖ فَمَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٥﴾

*"Untuk orang-orang yang mengerjakan amalan yang baik disediakan balasan yang terbaik di samping ganjaran tambahan, dan wajah-wajah mereka tidak diselubungi debu hitam dan kehinaan. Merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi(26). Dan orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang jahat akan menerima balasan buruk yang setimpal dengannya dan mereka diselubungi kehinaan dan tiada siapa pun yang dapat melindungi mereka dari 'azab Allah. Wajah-wajah mereka seolah-olah ditutupi kepingan-kepingan malam yang gelap-gelita. Merekalah penghuni-penghuni Neraka, di mana mereka hidup kekal abadi(27). Dan ingatlah hari Kami mengumpulkan seluruh mereka kemudian Kami berkata kepada orang-orang yang mempersekutukan Allah: Hendaklah kamu dan sekutu-sekutu kamu jangan meninggalkan tempat kamu (sekarang), lalu Kami hapuskan hubungan yang baik di antara mereka, lalu berkatalah sekutu-sekutu itu kepada mereka: Kamu sebenarnya bukan menyembah kami(28). Dan cukuplah Allah menjadi saksi di antara kami dan kamu bahawa kami sebenarnya tidak sedar kamu menyembah kami(29). Di sana (Padang Mahsyar) setiap orang menjalani pemeriksaan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan mereka dan mereka dikembalikan kepada Allah Pelindung mereka yang sebenar dan lenyaplah dari mereka penolong-penolong yang diada-adakan mereka(30). Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi atau siapakah yang mengurniakan pendengaran dan penglihatan dan siapakah yang berkuasa mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan siapakah yang mentadbirkan segala urusan? Maka mereka akan menjawab: Allah. Oleh itu katakanlah: Mengapa kamu tidak bertaqwa?(31). Itulah sifat Allah Tuhan kamu yang sebenar dan tiada yang lain selepas kebenaran melainkan hanya kesesatan, ke manakah kamu dipesongkan?(32). Demikianlah keputusan Tuhanmu telah ditetapkan ke atas orang-orang yang menyeleweng bahawa mereka adalah orang-orang yang tidak beriman(33). Katakanlah: Apakah di antara sekutu-sekutu kamu itu ada (yang berkuasa) memulakan penciptaan dan (berkuasa pula) mengulanginya? Katakanlah: Hanya Allah yang berkuasa memulakan penciptaan kemudian berkuasa pula mengulanginya, ke manakah kamu dipesongkan?(34). Katakanlah: Apakah di antara sekutu-sekutu kamu itu ada yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran. Bukankah Tuhan yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran itu lebih wajar diikuti atau (yang wajar diikuti itu) ialah sembahan yang tidak berkuasa memberi hidayat kecuali ia diberi hidayat, oleh itu mengapa kamu jadi begitu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?."(35).*

وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا ۚ إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

وَمَا كَانَ هَٰذَا الْقُرْآنُ أَن يُفْتَرَىٰ مِن دُونِ اللَّهِ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٣٧﴾

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ ۖ قُلْ فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا مَنِ اسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ اللَّهِ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣٨﴾

بَلْ كَذَّبُوا بِمَا لَمْ يُحِيطُوا بِعِلْمِهِ وَلَمَّا يَأْتِهِمْ تَأْوِيلُهُ ۚ كَذَٰلِكَ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ

عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٣٩﴾

وَمِنْهُم مَّن يُؤْمِنُ بِهِۦ وَمِنْهُم مَّن لَّا يُؤْمِنُ بِهِۦ ۚ وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٤٠﴾

وَإِن كَذَّبُوكَ فَقُل لِّى عَمَلِى وَلَكُمْ عَمَلُكُمْ ۖ أَنتُم بَرِيٓـُٔونَ مِمَّآ أَعْمَلُ وَأَنَا۠ بَرِىٓءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٤١﴾

وَمِنْهُم مَّن يَسْتَمِعُونَ إِلَيْكَ ۚ أَفَأَنتَ تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ وَلَوْ كَانُوا۟ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٢﴾

وَمِنْهُم مَّن يَنظُرُ إِلَيْكَ ۚ أَفَأَنتَ تَهْدِى ٱلْعُمْىَ وَلَوْ كَانُوا۟ لَا يُبْصِرُونَ ﴿٤٣﴾

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظْلِمُ ٱلنَّاسَ شَيْـًٔا وَلَٰكِنَّ ٱلنَّاسَ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٤﴾

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ كَأَن لَّمْ يَلْبَثُوٓا۟ إِلَّا سَاعَةً مِّنَ ٱلنَّهَارِ يَتَعَارَفُونَ بَيْنَهُمْ ۚ قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ ٱللَّهِ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿٤٥﴾

وَإِمَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ ثُمَّ ٱللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ ﴿٤٦﴾

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولٌ ۖ فَإِذَا جَآءَ رَسُولُهُمْ قُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٤٧﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِى ضَرًّا وَلَا نَفْعًا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۗ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۚ إِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَلَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُهُۥ بَيَٰتًا أَوْ نَهَارًا مَّاذَا يَسْتَعْجِلُ مِنْهُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٥٠﴾

*"Dan kebanyakan mereka tidak mengikut kecuali prasangka sahaja. Sesungguhnya prasangka itu tidak sedikit pun dapat menggantikan kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka(36). Al-Qur'an ini tidak mungkin diadakan oleh yang lain dari Allah, tetapi Al-Qur'an (kitab) yang mengesahkan kitab-kitab sebelumnya dan menghuraikan dengan terperinci isi kandungan kitab yang tidak syak lagi diturunkan dari Allah Tuhan semesta alam(37). Atau apakah wajar mereka mengatakan bahawa dia (Muhammad) telah mengada-adakan Al-Qur'an? Katakanlah: (Jika benar begitu), maka silalah kamu bawa satu surah yang sama setanding dengan Al-Qur'an dan jemputlah sesiapa sahaja yang dapat kamu jemput (untuk membantu kamu) selain Allah jika kamu benar(38). Malah mereka telah mendustakan sesuatu yang belum diketahui mereka dengan sempurna dan sebelum datang penjelasannya kepada mereka. Demikianlah cara orang-orang sebelum mereka mendustakan (rasul-rasul). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang zalim itu(39). Dan di antara mereka ada yang beriman kepada Al-Qur'an dan di antara mereka juga ada yang tidak beriman kepadanya. Dan Tuhanmu lebih mengetahui tentang orang-orang yang melakukan kerosakan(40). Dan seandainya mereka mendustakanmu, maka katakanlah: Aku dengan perbuatanku dan kamu dengan perbuatan kamu, kamu tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan yang dilakukanku dan aku tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan yang dilakukan kamu(41). Dan di antara mereka ada yang memberi pendengarannya kepadamu, tetapi apakah engkau dapat memperdengarkan orang yang tuli walaupun mereka tidak mengerti?(42). Dan di antara mereka ada orang yang melihat kepadamu, tetapi apakah engkau dapat menghidayatkan orang-orang yang buta walaupun mereka tidak nampak?(43). Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menzalimi manusia walau sedikit pun, tetapi manusia sendiri yang menzalimi diri mereka(44). Dan ingatlah hari Kami mengumpulkan seluruh mereka (lalu mereka merasa) seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia ini kecuali sesa'at sahaja di siang hari, di mana mereka berkenal-kenalan di antara mereka. Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuan dengan Allah dan mereka sekali-kali tidak mendapat hidayat(45). Dan sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian 'azab yang Kami janjikan kepada mereka atau Kami mewafatkan engkau sebelum itu, maka mereka tetap juga akan kembali kepada Kami, kemudian Allah tetap menyaksi segala perbuatan yang dilakukan mereka(46). Dan setiap umat mempunyai rasul masing-masing, oleh itu apabila mereka telah didatangi rasul mereka, maka mereka kelak akan diadili di antara mereka dengan adil dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai(47). Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini, jika kamu benar?(48) Katakanlah: Aku tidak berkuasa memberikan kemudharatan dan tidak pula kemanfa'atan kepada diriku sendiri kecuali apa yang dikehendaki Allah. Setiap umat mempunyai ajal masing-masing. Apabila ajal mereka tiba, mereka tidak dapat memohon supaya ditunda dan tidak pula dapat memohon supaya dipercepatkannya walaupun sesa'at(49). Katakanlah: Terangkan kepadaku jika kamu ditimpakan 'azab-Nya di waktu malam atau siang hari, apakah orang-orang yang berdosa itu masih hendak memohon supaya disegerakan 'azab itu.(50)"*

أَثُمَّ إِذَا مَا وَقَعَ ءَامَنتُم بِهِۦٓ ۚ ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ كُنتُم بِهِۦ تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٥١﴾

ثُمَّ قِيلَ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْخُلْدِ هَلْ

تُجْزَوْنَ إِلَّا بِمَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٥٢﴾ وَيَسْتَنۢبِـُٔونَكَ أَحَقٌّ هُوَ ۖ قُلْ إِى وَرَبِّىٓ إِنَّهُۥ لَحَقٌّ ۖ وَمَآ أَنتُم بِمُعْجِزِينَ ﴿٥٣﴾ وَلَوْ أَنَّ لِكُلِّ نَفْسٍ ظَلَمَتْ مَا فِى ٱلْأَرْضِ لَٱفْتَدَتْ بِهِۦ ۗ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٥٤﴾ أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ أَلَآ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٥﴾ هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٥٦﴾ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَتْكُم مَّوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَآءٌ لِّمَا فِى ٱلصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾ قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾ قُلْ أَرَءَيْتُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ لَكُم مِّن رِّزْقٍ فَجَعَلْتُم مِّنْهُ حَرَامًا وَحَلَـٰلًا قُلْ ءَآللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ ۖ أَمْ عَلَى ٱللَّهِ تَفْتَرُونَ ﴿٥٩﴾ وَمَا ظَنُّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦٠﴾

*"Apakah sesudah berlakunya 'azab itu barulah kamu percaya kepadanya? Apakah sekarang kamu telah percaya kepadanya? Sedangkan dahulunya kamu meminta supaya disegerakannya(51). Kemudian dikatakan kepada orang-orang yang zalim (Musyrikin): Rasakanlah kamu 'azab yang kekal abadi. Kamu tidak dibalas melainkan kerana kesalahan-kesalahan yang telah diusahakan kamu(52). Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) apakah 'azab yang dijanjikan itu benar? Katakanlah: Ya benar, demi Tuhanku, sesungguhnya 'azab itu adalah benar, dan kamu tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah(53). Dan seandainya setiap orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu memiliki segala isi bumi nescaya mereka tebuskan diri mereka dengannya. Dan mereka telah menyembunyikan perasaan menyesal ketika mereka melihat 'azab. Pengadilan di antara mereka telah diputuskan dengan adil dan mereka sekali-kali tidak dianiayai(54). Ingatlah! Sesungguhnya Allah memiliki segala isi langit dan bumi. Ingatlah sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(55). Dialah yang menghidup dan yang mematikan dan kepada-Nya kamu akan dikembalikan(56). Wahai manusia Sesungguhnya telah datang kepada kamu pengajaran dari Tuhan kamu, penawar. bagi penyakit-penyakit di dalam dada kamu, hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin(57). Katakanlah: Hendaklah mereka bergembira dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya sahaja dan itulah sebaik-baik kekayaan yang dikumpulkan mereka(58). Katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang rezeki yang telah diturunkan Allah kepada kamu lalu kamu jadikan sebahagiannya halal dan (sebahagian yang lain) haram. Katakanlah: Apakah Allah telah memberi keizinan-Nya kepada kamu atau kamu hanya mengada-adakan pembohongan terhadap Allah?(59). Apakah sangkaan orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah pada hari Qiamat nanti? Sesungguhnya Allah melimpah kurnia yang besar ke atas seluruh manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur(60)".*

وَمَا تَكُونُ فِى شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا۟ مِنْهُ مِن قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ ۚ وَمَا يَعْزُبُ عَن رَّبِّكَ مِن مِّثْقَالِ ذَرَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ وَلَآ أَصْغَرَ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرَ إِلَّا فِى كِتَـٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٦١﴾ أَلَآ إِنَّ أَوْلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾ لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْـَٔاخِرَةِ ۚ لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَـٰتِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٦٤﴾ وَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ ۘ إِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ۚ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦٥﴾ أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَن فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَمَا يَتَّبِعُ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ شُرَكَآءَ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ

إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٦٦﴾

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٦٧﴾

قَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ۗ سُبْحَٰنَهُۥ ۖ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ۖ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ إِنْ عِندَكُم مِّن سُلْطَٰنٍۭ بِهَٰذَآ ۚ أَتَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

قُلْ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾

مَتَٰعٌ فِى ٱلدُّنْيَا ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ ثُمَّ نُذِيقُهُمُ ٱلْعَذَابَ ٱلشَّدِيدَ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

*"Engkau (wahai Muhammad) tidak berada dalam suatu urusan dan tidak membaca sesuatu ayat dari Al-Qur'an dan kamu (wahai umat Muslimin) tidak melakukan sesuatu perbuatan melainkan Kamilah yang melihat kamu ketika kamu membabitkan diri dalam perbuatan itu. Tiada suatu terluput dari pengetahuan Tuhanmu walaupun sebesar zarrah baik di bumi mahupun di langit dan tidak pula sesuatu yang lebih kecil atau lebih besar darinya melainkan semuanya tercatat di dalam buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)(61). Ingatlah! Sesungguhnya para Aulia'ullah itu tidak menghadapi sebarang kebimbangan terhadap diri mereka dan tidak pula mereka berdukacita(62). Iaitu orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa kepada Allah(63). Mereka memperolehi berita gembira dalam kehidupan dunia dan Akhirat. Tiada sebarang perubahan yang akan berlaku kepada keputusan-keputusan Allah. Itulah kejayaan yang amat besar(64). Dan janganlah engkau berdukacita kerana perkataan-perkataan mereka, kerana sesungguhnya seluruh kekuatan itu kepunyaan Allah. Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(65). Ingatlah! Sesungguhnya Allah memiliki mereka yang berada di langit dan mereka yang berada di bumi. Dan orang-orang yang menyembah selain dari Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya itu tidak sekali-kali mengikut jalan yang benar), mereka hanya mengikuti prasangka sahaja dan mereka hanya meneka-neka belaka(66). Dialah yang telah menjadikan malam supaya kamu beristirehat dan menjadikan siang terang benderang. Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang mendengar(67). Mereka berkata: Allah mempunyai anak, Maha Suci Allah! Dia maha Kaya, Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Kamu tidak mempunyai sebarang hujjah (terhadap dakwaan) ini. Apakah wajar kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui(68). Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah itu tidak akan beruntung(69). Hanya keni'matan di dunia sahaja (yang diperolehi mereka) kemudian mereka akan kembali kepada Kami, kemudian Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat dahsyat kerana mereka melakukan perbuatan yang kufur(70)".*

### (Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini seluruhnya merupakan sentuhan-sentuhan yang menggerakkan perasaan ke arah satu matlamat iaitu mencabar fitrah manusia dengan bukti-bukti ketauhidan Allah, kebenaran rasul, keyakinan kepada hari Qiamat dan keadilan di hari Akhirat.

Itulah sentuhan-sentuhan perasaan yang mempengaruhi segenap sudut jiwa dan membawa jiwa menjelajah ke seluruh pelosok alam; satu penjelajahan yang syumul dari bumi ke langit, dari ufuk-ufuk alam buana kepada ufuk-ufuk alam jiwa, dari abad-abad yang silam kepada abad-abad sekarang yang dekat dan dari dunia ke Akhirat dalam satu penjelasan.

Di dalam pelajaran yang telah silam kita telah melalui sentuhan-sentuhan perasaan dan penjelajahan-penjelajahan yang sama seperti ini, tetapi sentuhan-sentuhan dan penjelajahan-penjelajahan itu lebih jelas lagi di dalam pelajaran ini, yang bermula dari pemandangan pengumpulan manusia di Mahsyar kepada pemandangan-pemandangan alam buana, kepada pernyataan mengenai jiwa manusia, kepada pernyataan yang mencabar dengan Al-Qur'an, kepada peringatan mengenai nasib kesudahan yang telah diterima oleh para pendusta di zaman silam, kemudian diikuti dengan singgungan sepintas mengenai pengumpulan manusia di Mahsyar dalam satu pandangan yang baru, kepada pernyataan yang menakutkan manusia terhadap timpaan 'azab yang mendadak dalam satu gambaran yang membuat perasaan menjadi cemas, kepada pernyataan yang menggambarkan ilmu Allah yang syumul, yang tiada suatu pun yang terkeluar darinya, kepada beberapa pernyataan yang menampilkan bukti-bukti kekuasaan-kekuasaan Allah di alam buana, kepada amaran dengan 'azab keseksaan yang menunggu orang-orang yang mengadakan pembohongan terhadap Allah pada hari hisab.

Itulah serangan dalam bentuk sentuhan yang menggerakkan perasaan secara mendalam, yang membuat fitrah yang sihat dan berdaya memberi perhatian yang betul tidak mampu menolakkannya dan tidak berupaya menahan dan menghalang pancaran pengaruh dari pernyataan-pernyataan yang menarik yang diambil dari hakikat yang wujud di alam realiti dan dari fitrah alam buana, fitrah jiwa manusia dan dari tabiat-tabiat kewujudan.

Kaum kafirin Arab, memang benar, apabila mereka merasa bahaya Al-Qur'an mengancam barisan-barisan mereka, mereka menjauhkan diri dari mendengar bacaan Al-Qur'an kerana takut terpengaruh kepadanya yang boleh menggoncang hati mereka,

sedangkan mereka berazam untuk terus kekal di dalam kepercayaan syirik.

**(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 30)**

لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ ٱلْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ ۖ وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٦﴾ وَٱلَّذِينَ كَسَبُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ جَزَآءُ سَيِّئَةٍۭ بِمِثْلِهَا وَتَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ۖ مَّا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۖ كَأَنَّمَآ أُغْشِيَتْ وُجُوهُهُمْ قِطَعًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مُظْلِمًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧﴾

*"Untuk orang-orang yang mengerjakan amalan yang baik disediakan balasan yang terbaik di samping ganjaran tambahan, dan wajah-wajah mereka tidak diselubungi debu hitam dan kehinaan. Merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi.(26) Dan orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang jahat akan menerima balasan buruk yang setimpal dengannya dan mereka diselubungi kehinaan dan tiada siapa pun yang dapat melindungi mereka dari 'azab Allah. Wajah-wajah mereka seolah-olah ditutupi kepingan-kepingan malam yang gelap-gelita. Merekalah penghuni-penghuni Neraka, di mana mereka hidup kekal abadi."(27)*

Ayat terakhir dalam pelajaran yang lepas ialah:

وَٱللَّهُ يَدْعُوٓا۟ إِلَىٰ دَارِ ٱلسَّلَٰمِ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢٥﴾

*"Dan Allah menyeru (manusia) kepada Syurga Darus-Salam dan menghidayatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus."(25)*

***Peraturan Balasan Allah***

Dalam pelajaran ini ia menjelaskan peraturan balasan kepada orang-orang yang menerima hidayat dan orang-orang yang tidak menerima hidayat di samping mendedahkan rahmat dan limpah kurnia Allah serta keadilan balasan-Nya terhadap dua golongan itu.

Orang-orang yang menunjukkan prestasi yang baik, iaitu i'tiqad yang baik dan amalan yang baik, mengenal jalan yang lurus dengan baik dan memahami undang-undang alam buana yang membawa kepada Darus-Salam dengan baik, maka disediakan untuk mereka balasan yang terbaik di samping ganjaran tambahan dari limpah kurnia Allah yang tidak terbatas:

لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ ٱلْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ ۖ

*"Untuk orang-orang yang mengerjakan amalan yang baik disediakan balasan yang terbaik di samping ganjaran tambahan."(26)*

Mereka terselamat dari segala kesusahan dan penderitaan pada hari perhimpunan di Mahsyar dan dari situasi-situasi yang menakutkan sebelum Allah menjatuhkan hukuman ke atas mereka:

وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ ۚ

*"Dan wajah-wajah mereka tidak diselubungi debu hitam dan kehinaan."(26)*

Kata-kata " قَتَرٌ " bererti debu, kehitaman dan kekeruhan warna wajah disebabkan kedukaan dan kesempitan. " ذِلَّةٌ " bererti kehinaan atau penghinaan dan hancur luluh. Wajah-wajah mereka tidak diselubungi debu hitam dan air muka mereka tidak dibaluti kehinaan.

Ungkapan ini menyarankan bahawa situasi di Mahsyar adalah situasi bersesak-sesak, berasak-asak, situasi ngeri, sengsara, takut dan terhina yang melahirkan kesan-kesan yang buruk pada wajah-wajah mereka. Keselamatan dari situasi-situasi yang buruk ini merupakan suatu keuntungan yang amat besar dan suatu limpah kurnia Allah sebagai ganjaran tambahan.

أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٦﴾

*"Merekalah penghuni-penghuni Syurga, di mana mereka hidup kekal abadi."(26)*

Maksudnya, orang-orang yang mempunyai martabat yang tinggi dan berufuk jauh itulah yang akan menjadi penghuni-penghuni Syurga dan para pemiliknya, di mana mereka hidup kekal abadi.

وَٱلَّذِينَ كَسَبُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ

*"Dan orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang jahat."*

Kejahatan merupakan keuntungan yang diperolehi dari perniagaan mereka dalam hidup duniawi ini. Mereka mendapat balasan yang adil dari Allah dan balasan terhadap mereka tidak dilipat-gandakan dan tidak dikenakan balasan tambahan:

جَزَآءُ سَيِّئَةٍۭ بِمِثْلِهَا

*"Akan menerima balasan buruk yang setimpal dengannya."*

وَتَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ۖ

*"Dan mereka diselubungi kehinaan."*

مَّا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ ۖ

*"Tiada siapa pun yang dapat melindungi mereka dari 'azab Allah."*

Tiada siapa yang dapat menyelamat dan menahan mereka dari nasib kesudahan yang telah ditentukan Allah terhadap mereka. Itulah tindakan undang-undang universal Allah terhadap mereka yang menyimpang dari jalan yang lurus dan melanggar peraturannya.

Kemudian ayat yang berikut melukiskan satu gambaran fizikal bagi kegelapan jiwa dan kekeruhan wajah orang yang sengsara yang ditimpa 'azab yang menakutkan:

كَأَنَّمَآ أُغۡشِيَتۡ وُجُوهُهُمۡ قِطَعٗا مِّنَ ٱلَّيۡلِ مُظۡلِمًاۚ

*"Wajah-wajah mereka seolah-olah ditutupi kepingan-kepingan malam yang gelap-gelita"*

seolah-olah diambil dari malam yang gelap-gelita beberapa potongan untuk menutup wajah-wajah mereka. Demikianlah seluruh suasana diselubungi kegelitaan malam dan keadaan-keadaannya yang menakutkan, di mana wajah-wajah manusia ditutup dengan penutup-penutup dari malam yang gelap pekat.

أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٢٧

*"Merekalah penghuni-penghuni Neraka, di mana mereka hidup kekal abadi."(27)*

Maksudnya, orang-orang yang diusir ke dalam kegelapan ini akan jadi penghuni-penghuni Neraka dan pemilik-pemiliknya, di mana mereka hidup kekal abadi.

Tetapi di manakah sekutu-sekutu dan sembahan-sembahan yang menjadi para pemberi syafa'at kepada mereka? Mengapa sekutu-sekutu ini tidak menyelamatkan mereka dari 'azab keseksaan Allah? Inilah kisah mereka pada hari perhimpunan di Mahsyar yang amat gawat itu:

***Sekutu-sekutu Membersihkan Diri Di Hadapan Allah***

وَيَوۡمَ نَحۡشُرُهُمۡ جَمِيعٗا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشۡرَكُواْ مَكَانَكُمۡ أَنتُمۡ وَشُرَكَآؤُكُمۡۚ فَزَيَّلۡنَا بَيۡنَهُمۡۖ وَقَالَ شُرَكَآؤُهُم مَّا كُنتُمۡ إِيَّانَا تَعۡبُدُونَ ٢٨

*"Dan Ingatlah hari Kami mengumpulkan seluruh mereka kemudian Kami berkata kepada orang-orang yang mempersekutukan Allah: Hendaklah kamu dan sekutu-sekutu kamu jangan meninggalkan tempat kamu (sekarang), lalu Kami hapuskan hubungan yang baik di antara mereka, lalu berkatalah sekutu-sekutu itu kepada mereka: Kamu sebenarnya bukan menyembah kami."(28)*

Inilah kisah para pemberi syafa'at dan sekutu-sekutu yang disembah mereka dalam satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat, iaitu satu pemandangan yang hidup yang lebih kuat dari semata-mata mengungkapkan bahawa para sekutu dan pemberi syafa'at tidak akan dapat melindungi manusia yang menyembahkannya dari 'azab Allah dan tidak berupaya menyelamatkan mereka.

Seluruh kafirin, pemberi-pemberi syafa'at dan sekutu-sekutu mereka dihimpunkan di Mahsyar. Mereka menanggap mereka sebagai sekutu-sekutu Allah, tetapi Al-Qur'an turut menamakan mereka sebagai sekutu-sekutu yang disembahkan mereka dengan tujuan mengejek dan menunjukkan bahawa sekutu-sekutu tersebut adalah ciptaan mereka sahaja, sedangkan mereka sebenarnya tidak pernah menjadi sekutu-sekutu Allah walau sehari pun.

Kepada para Kafirin dan sekutu-sekutu mereka dikeluarkan perintah berikut:

مَكَانَكُمۡ أَنتُمۡ وَشُرَكَآؤُكُمۡۚ

*"Hendaklah kamu dan sekutu-sekutu kamu jangan meninggalkan tempat kamu (sekarang)."*

Maksudnya, berdirilah di tempat kamu sekarang. Dan mereka sudah tentu terpaku di tempat mereka masing-masing, kerana segala perintah pada hari itu pasti dipatuhkan. Kemudian dipisahkan di antara mereka dengan sekutu-sekutu mereka di tempat itu:

فَزَيَّلۡنَا بَيۡنَهُمۡۖ

*"Lalu Kami hapuskan hubungan yang baik di antara mereka."*

Di waktu inilah para Kafirin tidak bercakap apa-apa, tetapi para sekutu mereka tampil bercakap membela diri dari jenayah itu, iaitu jenayah kerana mereka disembah oleh orang-orang kafir bersama Allah atau selain dari Allah. Mereka menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui dan sedar bahawa orang-orang kafir itu menyembah mereka. Oleh itu jelaslah bahawa mereka tidak terlibat sama di dalam jenayah itu dan mereka bersaksi bahawa Allah sahaja yang mengetahui kebenaran apa yang dikatakan mereka:

وَقَالَ شُرَكَآؤُهُم مَّا كُنتُمۡ إِيَّانَا تَعۡبُدُونَ ٢٨

*"Lalu berkatalah sekutu-sekutu itu kepada mereka: Kamu sebenarnya bukan menyembah kami."(28)*

فَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدَۢا بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمۡ إِن كُنَّا عَنۡ عِبَادَتِكُمۡ لَغَٰفِلِينَ ٢٩

*"Dan cukuplah Allah menjadi saksi di antara kami dan kamu bahawa kami sebenarnya tidak sedar kamu menyembah kami."(29)*

Itulah keterangan sekutu-sekutu yang disembah mereka. Mereka adalah pihak lemah yang menuntut agar mereka dibersihkan dari dosa-dosa para pengikutnya dan mereka jadikan Allah sebagai satu-satunya saksi mereka. Mereka memohon agar mereka diselamatkan dari kesalahan yang tidak dilakukan mereka.

Di waktu ini dan dalam situasi yang terbuka ini setiap orang diperiksa segala amalan yang telah dilakukan mereka dan setiap orang mengetahui akibatnya dengan jelasnya:

هُنَالِكَ تَبْلُوا۟ كُلُّ نَفْسٍ مَّآ أَسْلَفَتْ ۚ

*"Di sana (Padang Mahsyar) setiap orang menjalani pemeriksaan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan mereka."*

Di sanalah terdedah hakikat kewujudan. Tuhan Yang Maha Esa yang sebenar, di mana seluruh manusia dikembalikan kepada-Nya dan selain dari-Nya adalah palsu belaka.

وَرُدُّوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ مَوْلَىٰهُمُ ٱلْحَقِّ ۖ

*"Dan mereka dikembalikan kepada Allah Pelindung mereka yang sebenar."*

Di sana juga kaum Musyrikin tidak menemui sesuatu yang didakwa dan ditanggap mereka, juga tidak menemui tuhan-tuhan yang diadakan mereka. Semuanya telah hilang dari mereka dan tidak lagi wujud.

وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٣٠﴾

*"Dan lenyaplah dari mereka penolong-penolong yang diada-adakan mereka."(30)*

Demikianlah terbentangnya satu pemandangan yang hidup di medan Mahsyar dengan segala hakikat dan peristiwa-peristiwanya, dengan segala pernyataan-pernyataan yang menarik dan reaksi-reaksinya pemandangan itu semuanya dibentangkan oleh selengkar kata-kata yang pendek yang dapat menyampaikan ke lubuk hati perutusan yang tidak dapat disampaikan melalui penceritaan dan dalil-dalil perdebatan yang panjang.

**(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 36)**

Dari penjelajahan ke medan Mahsyar, di mana gugurnya dakwaan-dakwaan dan tanggapan-tanggapan mereka yang karut dan munculnya hakikat bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja Pelindung dan Penguasa yang sebenar yang mengawal segala situasi di Mahsyar, kepada penjelajahan ke alam realiti yang dihayati mereka dan ke alam diri mereka sendiri yang diketahui mereka, juga ke alam pemandangan-pemandangan yang dilihat di dalam hidup mereka dan seterusnya kepada pengi'tirafan mereka sendiri bahawa segalanya itu adalah dari urusan dan ciptaan Allah:

قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ أَمَّن يَمْلِكُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَمَن يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ وَمَن يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ ۚ فَسَيَقُولُونَ ٱللَّهُ ۚ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣١﴾ فَذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمُ ٱلْحَقُّ ۖ فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا ٱلضَّلَٰلُ ۖ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٣٢﴾

*"Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi atau siapakah yang mengurniakan pendengaran dan penglihatan dan siapakah yang berkuasa mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan siapakah yang mentadbirkan segala urusan? Maka mereka akan menjawab: Allah. Oleh itu katakanlah: Mengapa kamu tidak bertaqwa?(31). Itulah sifat Allah Tuhan kamu yang sebenar dan tiada yang lain selepas kebenaran melainkan hanya kesesatan, ke manakah kamu dipesongkan?"(32)*

Sebelum ini telah pun dijelaskan bahawa kaum Musyrikin Arab tidak mengingkari kewujudan Allah dan tidak pula mengingkari bahawa Allah itulah Pencipta, Pemberi rezeki dan Pentadbir, malah mereka hanya menyembah sekutu-sekutu sebagai antarawan yang mendekatkan hubungan mereka dengan Allah atau mempercayai bahawa sekutu-sekutu mereka mempunyai qudrat sendiri di samping qudrat Allah. Justeru itu di dalam ayat ini Allah mencabar mereka terhadap apa yang dipercayai mereka untuk membetulkan mereka melalui usaha menyedarkan mereka, merangsangkan daya pemikiran dan penelitian mereka, juga merangsangkan logik fitrah mereka terhadap kekeliruan dan kesesatan itu.

قُلْ مَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ

*"Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi?"*

***Pengertian Rezeki Yang Luas***

Iaitu rezeki dalam bentuk air hujan yang menyuburkan bumi dan menumbuhkan tanaman-tanaman dari makanan-makanan di bumi yang merangkumi tumbuhan-tumbuhannya, burung-burungnya, ikan-ikannya dan binatang-binatangnya dan segala hasil yang diperolehi dari bumi yang dimanfa'atkan mereka dan ternakan-ternakan mereka. Itulah pengertian rezeki dari langit dan bumi yang difahami mereka di waktu itu, sedangkan pengertian rezeki yang sebenar jauh lebih luas dari itu. Manusia masih menemui rezeki demi rezeki dari langit dan bumi setiap kali mereka menemui undang-undang alam buana yang baru. Mereka menggunakan rezeki-rezeki itu kadang-kadang untuk kebaikan dan kadang-kadang untuk kejahatan mengikut 'aqidah-'aqidah dan tanggapan-tanggapan mereka sama ada sihat atau sakit. Semuanya itu adalah rezeki dari Allah yang dikurniakan kepada manusia. Di atas permukaan bumi terdapat berbagai-bagai rezeki dan dari perut bumi juga terdapat aneka ragam rezeki, dari permukaan air pula terdapat bermacam-macam rezeki dan dari pendalaman-

pendalamannya juga terdapat berjenis-jenis rezeki. Dan dari cahaya matahari terdapat bermacam rezeki dan dari cahaya bulan juga terdapat berbagai-bagai rezeki, sehingga dari tanah-tanah busuk juga ditemui berbagai-bagai ubat dan penawar.

أَمَّن يَمْلِكُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَـٰرَ

*"Atau siapakah yang mengurniakan pendengaran dan penglihatan?"*

***Deria Pendengaran Dan Penglihatan***

Siapakah yang memberi kepada deria pendengaran dan penglihatan daya kekuatan yang membolehkannya melaksanakan fungsi-fungsinya atau menghapuskannya, dan menjadikannya sihat atau menghidap penyakit, juga mendorongnya bekerja atau mengabaikannya dan menjadikannya dapat mendengar dan melihat apa yang disukainya atau apa yang dibencikannya. Itulah kegiatan-kegiatan yang difahami mereka pada masa itu apabila seseorang itu memiliki pendengaran dan penglihatan. Itu pun sudah cukup untuk mereka memahami maksud pernyataan ini. Kini manusia masih lagi menemui hakikat-hakikat baru mengenai tabiat pendengaran dan penglihatan, juga mengenai kehalusan ciptaan Allah yang terdapat pada dua alat pancarindera ini yang menambahkan persoalan ini menjadi lebih syumul dan lebih luas lagi. Susunan struktur mata dan saraf-sarafnya dan cara ia menangkap pandangan-pandangan atau susunan struktur telinga, bahagian-bahagiannya dan cara ia menangkap getaran-getaran bunyi merupakan sebuah alam yang memeningkan kepala kita apabila dibandingkan kedua-dua alat pancaindera ini dengan alat-alat ciptaan manusia yang paling halus, yang disifatkan mereka sebagai mu'jizat-mu'jizat sains di zaman moden. Walaupun manusia takjub dan kagum dengan alat-alat ciptaan mereka sendiri, namun ia tidak dapat dibandingkan sedikit pun dengan ciptaan Allah, sementara manusia pula tidak memberi perhatian kepada keindahan-keindahan ciptaan Ilahi yang wujud di alam buana dan di dalam diri mereka sendiri seolah-olah mereka tidak melihat dan tidak memahami.

*"Dan siapakah yang berkuasa mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup?"*

***Rahsia Hayat Dan Maut***

Pada hemat mereka yang diam tidak bergerak itulah yang mati, dan yang subur dan bergerak itulah yang hidup. Di sisi mereka tujuan pertanyaan ini dapat dilihat pada fenomena keluarnya tumbuhan-tumbuhan dari biji-biji benih dan keluarnya biji benih dari tumbuhan-tumbuhan, juga keluarnya ayam dari telur dan keluarnya telur dari ayam dan sebagaimananya. Fenomena ini amat menakjubkan mereka, malah fenomena itu sendiri memang menakjubkan walaupun selepas mereka mengetahui bahawa bijih benih, telur dan sebagainya bukanlah berada pada yang mati, malah berada pada yang hidup, kerana dalam biji benih dan telur itu terdapat hayat yang tersembunyi dan persediaan ke arah hayat. Ketersembunyian hayat dengan segala bakat-bakat kesediaan, warisan-warisannya, ciri-cirinya, tapung-tapung dan tanda-tandanya merupakan perkara-perkara yang amat menakjubkan yang diciptakan oleh qudrat Allah.

Berdiri sejenak di hadapan biji benih dan butir tamar yang keluar darinya tumbuhan dan pokok tamar atau di hadapan telur ayam dan telur perempuan (ovum) dalam rahim yang keluar darinya ayam dan manusia sudah cukup untuk menghabiskan hidup kita dalam usaha penelitian yang mendalam dan dalam perasaan terharu dan gentar.

Jika tidak, di manakah tersembunyinya tangkai di dalam biji benih, di manakah tersembunyinya ranting, akar, batang dan dedaun-dedaun ... ?

Dan di manakah dalam butir tamar itu tersimpan bahagian isi-isi, bahagian kulit, bahagian batangnya yang tinggi, bahagian tandan dan bahagian serabut. Seterusnya di mana pula tersembunyinya rasa, warna dan bau, buah tamar putik, buah masak, buah muda dan buah yang mula berwarna?

Di manakah terletaknya anak ayam di dalam telurnya? Di manakah tersembunyinya bahagian tulang temalangnya dan bahagian dagingnya, bahagian bulu-bulu halus dan bulu-bulu kasar, warna dan tapung-tapungnya, bahagian yang mengiraikan sayap-sayapnya dan bahagian yang membunyikan kokok-kokoknya?

Dan di manakah pula terletaknya makhluk manusia yang aneh di dalam ovum atau telur perempuan yang seni dalam rahim? Di manakah terletaknya rupa paras dan perawakan-perawakan yang dipindah dari warisan-warisan dari generasi-generasi silam yang mempunyai berbagai sumber dan aspek? Di manakah nada-nada suaranya, pandangan-pandangan matanya, palingan-palingan lehernya, kesediaan-kesediaan sarafnya, warisan-warisan bangsa, keluarga dan dua ibubapanya? Dan di manakah tersembunyinya sifat-sifat, ciri-ciri dan tanda-tandanya?

Tidakkah cukup kita berkata bahawa alam yang luas saujana ini adalah pada asalnya tersembunyi di dalam biji benih tumbuhan-tumbuhan, dalam telur dan dalam ovum perempuan supaya terangkul segala keanehan yang menakjubkan, yang tidak dapat ditafsir dan dihuraikan melainkan dengan tafsiran wujudnya qudrat dan pentadbiran Allah?

Kini manusia masih mendapat penemuan-penemuan baru mengenai rahsia-rahsia kematian dan rahsia-rahsia hayat, rahsia kejadian yang hidup dikeluarkan dari kejadian yang mati dan rahsia kejadian yang mati dikeluarkan dari kejadian yang hidup dan rahsia perubahan anasir-anasir melalui beberapa peringkat menuju ke arah maut atau

menuju ke arah hayat, iaitu rahsia-rahsia yang membuat bidang ini semakin bertambah luas, mendalam dan syumul setiap hari dan setiap sa'at. Misalnya perubahan makanan yang mati kerana dimasakkan dengan api kepada darah yang hidup di dalam tubuh yang hidup dan perubahan darah tersebut menjadi sisa-sisa yang mati kerana terbakar merupakan suatu keanehan yang merangkumi segala keanehan yang muncul setiap kali bertambahnya ilmu pengetahuan manusia, yang berlaku pada setiap detik di sepanjang waktu malam dan siang. Hayat ini merupakan suatu keanehan yang sulit dan menarik, yang mencabar akal dan hati manusia dengan tanda-tanda tanya yang tidak dapat dijawab seluruhnya kecuali dengan kewujudan Tuhan yang mengurniakan hayat!

***Pentadbiran Seluruh Urusan Alam Buana***

*"Dan siapakah yang mentadbirkan segala urusan?"*

Maksudnya, siapakah yang mentadbirkan segala urusan yang disebut tadi dan lainnya dari urusan-urusan alam buana dan urusan manusia. Siapakah yang mentadbirkan undang-undang alam yang mengatur pergerakan jirim langit ini dengan begitu rapi halus? Siapakah yang mentadbirkan pergerakan hayat yang berlangsung mengikut jalan yang telah digariskan dengan peraturan yang halus dan mendalam ini? Siapakah yang mentadbirkan undang-undang kemasyarakatan yang mengendalikan kehidupan manusia yang tidak pernah silap dan menyimpang walau sekalipun? Siapakah, siapakah?

*"Maka mereka akan menjawab: Allah."*

Mereka tidak pernah mengingkarkan kewujudan Allah atau mengingkarkan qudrat kuasa-Nya di dalam urusan-urusan yang besar seperti ini, tetapi penyelewengan fitrah mereka telah membawa mereka kepada kepercayaan syirik terhadap Allah walaupun mereka mengi'tirafkan kewujudan dan kuatkuasa Allah. Akibatnya mereka telah melakukan syi'ar-syi'ar ibadat kepada yang lain dari Allah dan mengikut undang-undang dan peraturan yang tidak direstukan Allah.

*"Oleh itu katakanlah: Mengapa kamu tidak bertaqwa?"*

Maksudnya, mengapa kamu tidak takut kepada Allah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi, yang berkuasa mengadakan pendengaran dan penglihatan, yang berkuasa mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, sedangkan yang mentadbirkan segala urusan ini dan lainnya ialah Allah Tuhan yang sebenar dan tiada Tuhan selain-Nya:

*"Itulah sifat Allah Tuhan kamu yang sebenar."*

Yang benar itu hanya satu sahaja tidak berbilang dan sesiapa yang melewati kebenaran bererti ia telah terjerumus ke dalam kebatilan dan sesat dalam perhitungannya:

فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٣٢﴾

*"Dan tiada yang lain selepas kebenaran melainkan hanya kesesatan, ke manakah kamu dipesongkan?"(32)*

***Akibat Menyeleweng Dari Logik Fitrah***

Bagaimana kamu dipesongkan begitu jauh dari kebenaran, sedangkan kebenaran itu amat jelas dan dapat dilihat dengan mata?

Dengan penyimpangan yang seperti ini dari kebenaran yang amat terang, di mana kaum Musyrikin mengakui muqaddimahnya, tetapi mengingkari natijahnya yang lazim dan tidak melaksanakan komitmennya yang wajib, maka Allah telah menetapkan di dalam peraturan-Nya bahawa orang-orang yang menyeleweng dari logik fitrah dan undang-undang penciptaan yang telah lalu itu adalah orang-orang yang tidak beriman:

كَذَٰلِكَ حَقَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى الَّذِينَ فَسَقُوا أَنَّهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٣﴾

*"Demikianlah keputusan Tuhanmu telah ditetapkan ke atas orang-orang yang menyeleweng bahawa mereka adalah orang-orang yang tidak beriman."(33)*

Bukan kerana Allah menghalangkan mereka dari beriman, sebab bukti-bukti yang membawa mereka kepada keimanan memang terpampang di alam buana dan kerana muqaddimah-muqaddimah keimanan itu juga tersemat di dalam i'tiqad mereka, tetapi kerana mereka sendiri telah menyimpang dari jalan yang membawa kepada keimanan dan kerana mereka mengingkarkan muqaddimah-muqaddimah yang ada di tangan mereka dan memalingkan diri mereka dari bukti-bukti yang jelas yang disaksikan mereka, juga kerana mereka tidak menggunakan logik fitrah mereka yang betul.

Kemudian ayat yang berikut kembali memperkatakan tentang gejala-gejala qudrat Allah dan apakah sekutu-sekutu yang disembah mereka mempunyai apa-apa habuan dalam qudrat kuasa Allah itu?

***Mengulangi Semula Penciptaan Manusia Selepas Matinya Merupakan Suatu Keperluan Kepada Kesempurnaannya***

قُلْ هَلْ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ ۚ قُلِ ٱللَّهُ يَهْدِى لِلْحَقِّ ۗ أَفَمَن يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ أَحَقُّ أَن يُتَّبَعَ أَمَّن لَّا يَهِدِّىٓ إِلَّآ أَن يُهْدَىٰ ۖ فَمَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٥﴾

*"Katakanlah: Apakah di antara sekutu-sekutu kamu itu ada (yang berkuasa) memulakan penciptaan dan (berkuasa pula) mengulanginya? Katakanlah: Hanya Allah yang berkuasa memulakan penciptaan kemudian berkuasa pula mengulanginya, ke manakah kamu dipesongkan?(34). Katakanlah: Apakah di antara sekutu-sekutu kamu itu ada yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran. Bukankah Tuhan yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran itu lebih wajar diikuti atau (yang wajar diikuti itu) ialah sembahan yang tidak berkuasa memberi hidayat kecuali ia diberi hidayat, oleh itu mengapa kamu jadi begitu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?"(35)*

Perkara-perkara yang dipersoalkan ayat ini - iaitu persoalan memulakan penciptaan dan memberi hidayat kepada kebenaran - bukanlah dari persoalan-persoalan jelas yang dapat dilihat mereka dan bukanlah pula dari persoalan-persoalan i'tiqad yang pertama yang telah diterima mereka, tetapi persoalan itu dihadapkan kepada mereka, berasaskan kepada persoalan-persoalan i'tiqad yang pertama yang diterima mereka. Ia merupakan kehendak-kehendak dari persoalan itu yang memerlukan sedikit usaha berfikir dan meneliti, kemudian pertanyaan ini tidak bertujuan menuntut jawapan dari mereka, malah bertujuan memberi penjelasan kepada mereka berlandaskan kejelasan kesimpulan yang dapat diambil setelah mereka menerima muqaddimah-muqaddimahnya.

قُلْ هَلْ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ

*"Katakanlah: Apakah di antara sekutu-sekutu kamu itu ada (yang berkuasa) memulakan penciptaan dan (berkuasa pula) mengulanginya?"*

Mereka memang menerima bahawa Allahlah yang memulakan ciptaan, tetapi mereka tidak menerima bahawa Allah berkuasa mengulangi penciptaan-Nya dan kerana itu mereka tidak percaya kepada kebangkitan semula selepas mati dan tidak pula percaya kepada hisab dan balasan di Akhirat. Tetapi hikmat kebijaksanaan Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir itu tidak sempurna dengan semata-mata berkuasa memulakan ciptaan makhluk insan kemudian membiarkan hidup mereka berakhir di bumi ini sahaja, sedangkan mereka belum lagi mencapai darjat kesempurnaan yang ditetapkan Allah untuk mereka dan belum lagi menerima ganjaran dan hukuman terhadap kebaikan dan kejahatan mereka dan seterusnya belum lagi menerima balasan atas keta'atan mereka menjalani sistem hidup Rabbani yang betul atau atas penyelewengan mereka dari sistem itu. Kehidupan di dunia ini merupakan satu perjalanan yang tidak sempurna yang tidak layak dengan Allah Yang Maha Pencipta, Maha Pentadbir dan Maha Bijaksana, sedangkan kehidupan di Akhirat merupakan satu keperluan dari keperluan-keperluan kepercayaan terhadap kebijaksanaan penciptaan Allah, terhadap pentadbiran, keadilan dan rahmat-Nya. Justeru itu perlu dijelaskan hakikat ini kepada mereka kerana mereka percaya bahawa Allah itulah Tuhan Pencipta, juga kerana mereka menerima bahawa Allah itulah Tuhan yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati, sedangkan kehidupan Akhirat hampir serupa dengan proses mengeluarkan yang hidup dari yang mati yang memang diterima oleh mereka:

قُلِ ٱللَّهُ يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ

*"Katakanlah: Hanya Allah yang berkuasa memulakan penciptaan kemudian berkuasa pula mengulanginya?"*

Sungguh aneh mereka telah dipesongkan dari memahami hakikat ini, sedangkan mereka mempunyai muqaddimahnya untuk memahami hakikat ini.

فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٣٤﴾

*"Ke manakah kamu dipesongkan?"*

Mereka menyimpang jauh dari kebenaran dan menuju ke arah pembohongan dan menyebabkan mereka menjadi sesat:

***Hanya Allah Yang Berkuasa Memberi Hidayat***

*"Katakanlah: Apakah diantara sekutu-sekutu kamu itu ada yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran?"*

Iaitu dengan menurunkan kitab suci, mengirimkan rasul-rasul, mengadakan satu sistem hidup, menggubal undang-undang dan peraturan-peraturan, memberi amaran dan memberi bimbingan ke arah kebaikan-kebaikan, mendedahkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat di alam buana dan dalam jiwa insan, menyedarkan hati yang lalai, menggerakkan daya berfikir yang lumpuh sebagaimana yang diketahui kamu dari penjelasan Allah dan rasul-Nya yang telah membawa semua perkara itu kepada kamu supaya kamu menemui jalan yang benar. Persoalan ini bukanlah merupakan persoalan yang telah diterima mereka sebelum ini tetapi peristiwa-peristiwanya terpampang di hadapan mereka. Oleh itu biarlah Rasulullah s.a.w. sendiri yang menjelaskannya kepada mereka dan menegur mereka:

قُلِ ٱللَّهُ يَهْدِى لِلْحَقِّ

*"Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran."*

Dan dari sini timbullah satu isu yang baru dan jawapannya telah pun ditentukan iaitu:

أَفَمَن يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ أَحَقُّ أَن يُتَّبَعَ أَمَّن لَّا يَهِدِّىٓ إِلَّآ أَن يُهْدَىٰ

*"Bukankah Tuhan Yang berkuasa memberi hidayat kepada kebenaran itu lebih wajar diikuti atau (yang wajar diikuti itu) ialah sembahan yang tidak berkuasa memberi hidayat kecuali ia diberi hidayat?"*

Jawapannya telah ditentukan, iaitu Tuhan yang berkuasa memberi hidayat kepada manusia ke jalan hidayat itu lebih wajar diikuti dari sembahan yang ia sendiri tidak mendapat hidayat kecuali diberi hidayat oleh yang lain darinya. Pernyataan ini mencakup semua sembahan sama ada batu, pokok-pokok, planet-planet atau manusia termasuk Isa a.s. sendiri, kerana beliau dengan sifat kemanusiaannya memerlukan kepada hidayat dari Allah walaupun beliau dilantik untuk memberi hidayat kepada manusia. Dan sembahan-sembahan yang lain dari Isa a.s. lebih utama lagi tercakup di dalam hakikat ini:

فَمَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٥﴾

*"Oleh itu mengapa kamu jadi begitu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?"(35)*

***Kepercayaan Kaum Musyrikin Berlandaskan Prasangka***

Apakah yang telah berlaku kepada kamu dan apakah yang telah menimpa kamu. Bagaimana kamu menilaikan perkara-perkara ini hingga menyebabkan kamu menyeleweng dari kebenaran yang amat nyata?

Setelah selesai mengadakan soal jawab dengan mereka dan menjelaskan jawapan yang dipastikan oleh kebenaran yang tidak memerlukan kepada bukti di samping dipastikan oleh muqaddimah-muqaddimah yang diterima umum, maka Al-Qur'an diiringi pula dengan pernyataan yang menjelaskan realiti mereka dalam penelitian, pendalilan, penilaian dan i'tiqad iaitu mereka tidak berpegang kepada keyakinan dalam perkara yang dipercayai atau disembah atau diputuskan mereka dan seterusnya mereka tidak melandaskan penelitian, pemikiran dan keputusan mereka kepada hakikat-hakikat yang dikaji dengan teliti yang meyakinkan akal dan fitrah, malah mereka berpegang dengan waham-waham dan prasangka-prasangka yang dihayati mereka, sedangkan waham-waham dan prasangka-prasangka itu tidak sedikit pun dapat menggantikan kebenaran:

وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا ۚ إِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

*"Dan kebanyakan mereka tidak mengikut kecuali prasangka sahaja. Sesungguhnya prasangka itu tidak sedikit pun dapat menggantikan kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(36)*

Mereka berprasangka bahawa Allah mempunyai sekutu-sekutu, tetapi mereka tidak berfikir dengan teliti dan menguji kebenaran prasangka itu dari segi amalan dan 'aqliyah. Mereka tidak menguji kepercayaan yang karut itu dan tidak membebaskan akal mereka dari belenggu tradisi keprasangkaan itu. Mereka berprasangka bahawa Allah tidak menurunkan wahyu kepada seorang pun dari kalangan mereka, tetapi mereka tidak pula berfikir dengan teliti mengapa Allah tidak dapat berbuat begitu. Mereka berprasangka bahawa Al-Qur'an adalah dari ciptaan Muhammad, tetapi mereka tidak pula berfikir dengan teliti jika Muhammad - dengan sifatnya sebagai manusia - berupaya menggubahkan Al-Qur'an, sedangkan mereka juga manusia yang sama dengan Muhammad, tetapi mengapa tidak berupaya menggubahkan Al-Qur'an? Demikianlah mereka hidup dalam sekumpulan prasangka yang tidak dapat membuktikan kebenarannya walau sedikit pun. Hanya Allah sahaja yang mengetahui dengan yakin tentang tindakan-tindakan dan perbuatan-perbuatan mereka.

إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

*"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."*

**(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 44)**

Sebagai kesimpulan terhadap ulasan tadi, maka ayat-ayat yang berikut mula membuat satu penjelajahan baru di sekitar Al-Qur'an yang dimulakan pertama: Dengan menolak pandangan mereka yang melihat kemungkinan Al-Qur'an itu sebagai hasil ciptaan yang diada-adakan oleh yang lain dari Allah dan mencabar mereka supaya mengadakan satu surah yang setanding dengannya, dan kedua: Dengan menyifatkan mereka bersikap gopoh dan terburu-buru membuat keputusan terhadap sesuatu yang tidak diketahui mereka dengan penuh keyakinan dan tidak pula memikirkannya dengan teliti, dan ketiga: Dengan menjelaskan keadaan mereka yang terus berdegil menentang Al-Qur'an di samping menguatkan pendirian Rasulullah s.a.w. supaya berdiri teguh di atas garis perjuangannya sama ada mereka memberi atau tidak memberi sambutan terhadap da'wahnya. Dan pada akhirnya ia memutuskan harapan beliau terhadap golongan yang sesat itu dan menunjukkan kepadanya nasib kesudahan yang menimpa mereka dan sehubungan dengan ini mereka tidak sekali-kali dizalimi, malah mereka sebenarnya wajar menerima nasib kesudahan itu dengan sebab kesesatan mereka:

وَمَا كَانَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ أَن يُفْتَرَىٰ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا رَيْبَ

فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٧﴾
أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا۟ مَنِ
ٱسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾
بَلْ كَذَّبُوا۟ بِمَا لَمْ يُحِيطُوا۟ بِعِلْمِهِۦ وَلَمَّا يَأْتِهِمْ تَأْوِيلُهُۥ ۚ
كَذَٰلِكَ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ
عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٣٩﴾
وَمِنْهُم مَّن يُؤْمِنُ بِهِۦ وَمِنْهُم مَّن لَّا يُؤْمِنُ بِهِۦ ۚ
وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٤٠﴾
وَإِن كَذَّبُوكَ فَقُل لِّى عَمَلِى وَلَكُمْ عَمَلُكُمْ ۖ أَنتُم بَرِيٓـُٔونَ
مِمَّآ أَعْمَلُ وَأَنَا۠ بَرِىٓءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٤١﴾
وَمِنْهُم مَّن يَسْتَمِعُونَ إِلَيْكَ ۚ أَفَأَنتَ تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ
وَلَوْ كَانُوا۟ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٤٢﴾
وَمِنْهُم مَّن يَنظُرُ إِلَيْكَ ۚ أَفَأَنتَ تَهْدِى ٱلْعُمْىَ وَلَوْ كَانُوا۟
لَا يُبْصِرُونَ ﴿٤٣﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظْلِمُ ٱلنَّاسَ شَيْـًٔا وَلَٰكِنَّ ٱلنَّاسَ
أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٤﴾

*"Al-Qur'an ini tidak mungkin diadakan oleh yang lain dari Allah, tetapi Al-Qur'an (kitab) yang mengesahkan kitab-kitab sebelumnya dan menghuraikan dengan terperinci isi kandungan kitab yang tidak syak lagi diturunkan dari Allah Tuhan semesta alam(37). Atau apakah wajar mereka mengatakan bahawa dia (Muhammad) telah mengada-adakan Al-Qur'an? Katakanlah: Jika benar begitu), maka silalah kamu bawa satu surah yang sama setanding dengan Al-Qur'an dan jemputlah sesiapa sahaja yang dapat kamu jemput (untuk membantu kamu) selain Allah jika kamu benar(38). Malah mereka telah mendustakan sesuatu yang belum diketahui mereka dengan sempurna dan sebelum datang penjelasannya kepada mereka. Demikianlah cara orang-orang sebelum mereka mendustakan (rasul-rasul).Oleh itu lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang zalim itu(39). Dan di antara mereka ada yang beriman kepada Al-Qur'an dan di antara mereka juga ada yang tidak beriman kepadanya. Dan Tuhanmu lebih mengetahui tentang orang-orang yang melakukan kerosakan(40). Dan seandainya mereka mendustakanmu, maka katakanlah: Aku dengan perbuatanku dan kamu dengan perbuatan kamu, kamu tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan yang dilakukanku dan aku tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan yang dilakukan kamu(41). Dan di antara mereka ada yang memberi pendengarannya kepadamu, tetapi apakah engkau dapat memperdengarkan orang yang tuli walaupun mereka tidak mengerti?(42). Dan di antara mereka ada orang yang melihat kepadamu, tetapi apakah engkau dapat menghidayatkan orang-orang yang buta walaupun mereka tidak nampak?(43). Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menzalimi manusia walau sedikit pun, tetapi manusia sendiri yang menzalimi diri mereka"(44).*

### *Al-Qur'an Tidak Mungkin Diciptakan Oleh Yang Lain Dari Allah*

وَمَا كَانَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ أَن يُفْتَرَىٰ مِن دُونِ ٱللَّهِ

*"Al-Qur'an ini tidak mungkin diadakan oleh yang dari Allah."*

Al-Qur'an dengan ciri-ciri maudhu' dan cara pengungkapannya, dengan keselarasannya yang sempurna, dengan kesempurnaan 'aqidah yang dibawa olehnya, dengan kesempurnaan sistem hidup insan yang terkandung di dalam prinsip-prinsipnya, dengan kesempurnaan cara ia menggambarkan hakikat Uluhiyah, hakikat tabiat manusia, tabiat hayat dan tabiat alam buana tidak mungkin merupakan suatu ciptaan yang diada-adakan oleh yang lain dari Allah, kerana satu-satunya kuasa yang berupaya mengadakan Al-Qur'an ialah kuasa Allah yang mengetahui segala yang awal dan segala yang akhir, mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi, yang berkuasa mengaturkan satu sistem hidup yang bersih dari segala kelemahan dan kekurangan dan dari segala kesan kejahilan dan kelemahan.

وَمَا كَانَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ أَن يُفْتَرَىٰ مِن دُونِ ٱللَّهِ

*"Al-Qur'an ini tidak mungkin diadakan oleh yang lain dari Allah".*

Maksudnya, Al-Qur'an itu sama sekali tidak mungkin diada-adakan secara dusta. Jadi, yang dinafikan dalam ayat ini bukannya perbuatan mengada-adakan itu, malah yang dinafikan di sini ialah kemungkinan wujudnya perbuatan itu. Inilah satu bentuk penafian yang lebih kuat dan mendalam.

وَلَٰكِن تَصْدِيقَ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ

*"Tetapi Al-Qur'an itu (kitab) yang mengesahkan kitab-kitab sebelumnya."*

Maksudnya, Al-Qur'an itu adalah dari kumpulan kitab-kitab suci yang dibawa para rasul sebelumnya. Ia mengesahkan kitab-kitab itu dari segi dasar 'aqidah dan dasar da'wah kepada kebaikan.

وَتَفْصِيلَ ٱلْكِتَٰبِ

*"Dan menghuraikan dengan terperinci isi kandungan kitab."*

Iaitu kitab yang sama yang dibawa oleh sekalian rasul dari sisi Allah, iaitu satu kitab yang sama dari segi dasar-dasarnya tetapi berlainan dari segi butir-butir perinciannya. Tegasnya Al-Qur'an ini menghuraikan kitab Allah dan menerangkan sarana-sarana kebaikan yang dibawa olehnya, juga sarana-sarana untuk merealisasi dan memeliharakannya.

'Aqidah mengenai Allah adalah sama dan dasar da'wah kepada kebaikan juga adalah sama, tetapi gambaran kebaikan itu memerlukan huraian yang terperinci. Undang-undang syari'at yang direalisasikannya memerlukan huraian yang terperinci sesuai dengan perkembangan manusia di waktu itu, juga sesuai dengan perkembangan manusia selepas itu. Setelah manusia mencapai usia kematangan, mereka dihadapkan dengan Al-Qur'an, iaitu ia berbicara dengan orang-orang yang matang, bukan dihadapkan dengan mu'jizat-mu'jizat fizikal yang tidak memberi ruang kepada akal dan fikiran.

لَا رَيْبَ فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٧﴾

*"Yang tiada syak lagi diturunkan dari Tuhan semesta alam."*

Pernyataan ini merupakan penegasan untuk menguatkan penafian terhadap kemungkinan berlakunya perbuatan mengadakan Al-Qur'an secara palsu dengan menjelaskan bahawa sumber Al-Qur'an adalah "dari Tuhan semesta alam".

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ

*"Apakah wajar mereka mengatakan bahawa dia (Muhammad) telah mengada-adakan Al-Qur'an."*

Maksudnya, apakah wajar mereka mengatakan begitu setelah dikemukakan penafian dan penjelasan ini. Jika Al-Qur'an dari ciptaan Muhammad, sedangkan beliau seorang manusia yang bertutur dengan bahasa yang sama yang dituturkan mereka dan beliau memiliki huruf-huruf yang sama yang dimiliki mereka, iaitu huruf-huruf (Alif, Laam, Mim), (Alif, Laam, Raa') dan (Alif, Laam, Mim, Raa') dan sebagainya, dan di samping itu mereka pula boleh mengumpulkan para pembantu yang diperlukan mereka. Oleh itu silalah mereka bersama-sama para pembantu yang dapat dikumpulkan mereka untuk mengadakan Al-Qur'an sama seperti yang telah dilakukan oleh Muhammad menurut prasangka mereka. Silalah mereka mengadakan satu surah sahaja bukannya sebuah Al-Qur'an yang lengkap:

قُلْ فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا۟ مَنِ ٱسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾

*"Maka silalah kamu bawa satu surah yang sama setanding dengan Al-Qur'an dan jemputlah sesiapa sahaja yang dapat kamu jemput (untuk membantu kamu) selain Allah jika kamu benar."(38)*

Cabaran ini masih tetap terbuka dan masih tetap tidak mampu dijawab dan ia akan tetap terus mencabar. Mereka yang memahami kehalusan bahasa Arab dan mengecapi keindahan seni dan keserasiannya akan menyedari bahawa cara susunan rangkai kata Al-Qur'an yang sedemikian halus itu adalah di luar kemampuan mana-mana insan. Begitu juga orang-orang yang mengkaji sistem-sistem kemasyarakatan dan dasar-dasar perundangan kemudian mereka mengkaji sistem hidup yang dibawa oleh Al-Qur'an tentu akan menyedari bahawa pandangan Al-Qur'an tentang penyusunan masyarakat insaniyah dan keperluan-keperluan hidupnya dari segala aspek, juga tentang peluang-peluang yang tersimpan untuk menghadapi perkembangan-perkembangan dan perubahan-perubahan dengan mudah dan fleksibel.... semuanya merupakan persoalan-persoalan yang tidak mungkin diliputi oleh akal seorang insan atau oleh sekumpulan akal insan di dalam satu generasi atau di dalam seluruh generasi insan. Begitu juga orang-orang yang mengkaji jiwa manusia dan cara-cara untuk mempengaruhi dan membimbingkannya kemudian mereka mengkaji cara-cara dan sarana-sarana yang diikuti Al-Qur'an.

Daya mu'jizat Al-Qur'an bukannya hanya terletak pada susunan kata-kata, gaya pengungkapan dan cara penyampaiannya sahaja, malah ia merupakan daya mu'jizat yang menyeluruh, yang dapat dirasakan oleh pakar-pakar dalam bidang ini dan bidang sistem kemasyarakatan, kajian perundangan, disiplin psikologi dan sebagainya.

Orang-orang yang menangani seni pengungkapan dan orang-orang yang berpengalaman di dalam seni penyampaian adalah lebih memahami dari orang-orang lain tentang daya mu'jizat yang wujud dalam cara penyampaian Al-Qur'an. Begitu juga orang-orang yang menangani pemikiran-pemikiran kemasyarakatan, perundangan, kejiwaan dan tentang kemanusiaan umumnya adalah lebih memahami dari orang-orang lain tentang daya mu'jizat dalam aspek-aspek maudhu'-maudhu' yang diperkatakan di dalam kitab suci Al-Qur'an ini.

Walaupun dari awal-awal lagi diakui lemah untuk menjelaskan sejauh mana daya mu'jizat Al-Qur'an dan untuk menggambarkannya dengan uslub manusia dan walaupun telah disedari bahawa huraian terperinci mengenai daya mu'jizat Al-Qur'an - sekadar kemampuan manusia - merupakan satu maudhu' yang memerlukan kepada sebuah buku yang berasingan, namun saya akan cuba membuat suatu huraian sepintas mengenai persoalan ini.

### *Gaya Penyampaian Al-Qur'an*

Gaya penyampaian Al-Qur'an adalah berbeza dan gaya penyampaian manusia, kerana gaya penyampaian Al-Qur'an mempunyai pengaruh yang menakjubkan di dalam hati, yang tidak terdapat di dalam gaya penyampaian manusia sehingga kadang-kadang bacaannya sahaja boleh mempengaruhi orang-orang yang tidak mengetahui bahasa Arab walau sepatah pun. Di sana terdapat peristiwa-peristiwa aneh yang tidak dapat ditafsirkan melainkan dengan tafsiran yang telah kami kemukakan tadi walaupun ia bukannya suatu kaedah, tetapi berlakunya peristiwa-peristiwa itu memerlukan

kepada pentafsiran dan alasan. Di sini saya tidak payah menyebut contoh-contoh peristiwa yang berlaku kepada orang-orang yang lain dari saya, tetapi saya akan sebut satu peristiwa yang berlaku kepada saya sendiri dengan disaksikan oleh enam orang yang lain. Peristiwa itu telah berlaku kira-kira lima belas tahun yang silam. Kami berenam dari penganut Islam yang menumpang sebuah kapal Mesir yang sedang meredah lautan Atlantik menuju New York dan antara seratus dua puluh orang penumpang asing yang terdiri dari lelaki dan perempuan dan tiada seorang Muslim pun dalam kalangan mereka. Kami terlintas untuk mengadakan solat Juma'at di atas kapal di tengah lautan. Allah sahaja yang mengetahui bahawa kami bukannya wajib mengerjakan solat itu, tetapi yang menyebabkan kami begitu ghairah untuk mengadakan solat itu ialah apabila kami melihat seorang paderi Kristian melakukan tugas tablighnya di atas kapal itu dan cuba bertabligh kepada kami. Kapten kapal - seorang Inggeris - telah memberi kemudahan kepada kami untuk mengadakan solat Juma'at itu. Di samping membenarkan kelasi-kelasi kapal, juga tukang-tukang masaknya dan para pelayannya yang lain, yang terdiri dari orang-orang Sudan yang beragama Islam supaya mana-mana kakitangan yang tidak bertugas semasa solat itu adalah dibenar ikut mengerjakan solat Juma'at itu. Mereka amat bergembira dengan kemudahan yang diberikan itu, kerana inilah kali pertama solat Juma'at diadakan di atas kapal itu. Saya sendiri bertindak selaku khatib dan imam solat. Sementara para penumpang asing yang lain kebanyakannya berdiri di sekeliling kami memerhati pergerakan solat kami.

Selepas sembahyang, ramai dari penonton-penonton itu datang memberi tahniah kepada kami atas kejayaan kami melakukan upacara perhimpunan berdo'a dan inilah keseluruhan yang difahamkan mereka dari solat kita, tetapi di dalam kumpulan yang ramai itu ada seorang wanita yang kemudiannya kami mendapat tahu bahawa ia adalah wanita Yugoslavia yang beragama Kristian dan melarikan diri dari neraka Tito dan komunismenya - yang kelihatan begitu terharu dan terpengaruh dengan solat kami hingga ia mengeluarkan air mata kerana tidak dapat mengawal perasaannya. Ia datang berjabat tangan dengan kami dengan penuh ghairah dan berkata dalam bahasa Inggeris yang tidak lancar bahawa ia sangat terharu dan tertarik dengan solat kami yang begitu khusyu', teratur dan penuh semangat. Tetapi ini bukannya titik bukti yang kami maksudkan di dalam cerita ini, tetapi titik bukti itu adalah terletak pada pertanyaannya: "Apakah bahasa yang dilafazkan oleh paderi kamu tadi?" Wanita yang malang itu menanggap bahawa sembahyang itu hanya dapat dilakukan oleh paderi atau ahli agama sahaja sebagaimana yang difaham olehnya dari amalan gereja Kristian. Kami terpaksa membetulkan tanggapannya dan menjawab pertanyaannya. Kemudian ia berkata, "Bahasa yang dilafazkan oleh imam tadi mempunyai nada bunyi muzik yang indah dan menarik walaupun saya tidak mengerti sepatah pun dari bahasa itu". Kemudian kami terperanjat apabila ia berkata: "Tetapi ini bukannya suatu perkara yang saya ingin tanya, kerana perkara yang benar-benar menarik hati saya ialah imam sembahyang itu menyebut semasa ia berucap dengan bahasa yang bernada muzik ini beberapa ceraian ayat yang berlainan dari ayat-ayat ucapannya, iaitu sejenis ayat yang lebih bernada muzik dan lebih mendalam. Ceraian ayat-ayat yang istimewa ini telah membuat saya terharu, gementar dan seram-seraman. Ayat-ayat itu adalah sejenis ayat yang benar-benar berlainan seolah-olah imam itu dipenuhi dengan "holy spirit", mengikut istilah yang diambil dari istilah agama Kristian yang dianutinya. Kami termenung sejurus kemudian barulah kami faham bahawa apa yang dimaksudkan oleh wanita Yugoslavia itu ialah ayat-ayat Al-Qur'an yang disulam di dalam khutbah Juma'at dan dibaca di dalam solat. Ini merupakan satu kejutan yang menakjubkan kami dari seorang wanita asing yang tidak memahami sedikit pun bahasa yang diucapkan oleh kami.

Ini bukannya suatu kaedah sebagaimana saya katakan tadi, tetapi berlakunya peristiwa ini dan peristiwa yang sama dengannya yang diceritakan kepada saya oleh beberapa orang yang lain menunjukkan bahawa di dalam Al-Qur'an ini terdapat suatu rahsia lain yang dapat ditanggap oleh setengah-setengah hati manusia dengan semata-mata mendengar bacaannya. Mungkin keimanan wanita ini kepada agamanya dan hasratnya untuk melarikan diri dari neraka komunis di negaranya telah membuat perasaannya begitu peka kepada kalimat-kalimat Kalamullah dengan cara yang menakjubkan. Tetapi mengapa kita merasa takjub, sedangkan di sana terdapat puluhan ribu insan yang mendengar bacaan Al-Qur'an dari kalangan orang-orang awam kita sendiri, di mana Al-Qur'an tidak sedikit pun mengetuk pintu akal mereka, tetapi hanya nada Al-Qur'an sahaja yang mengetuk pintu hati mereka, dan inilah rahsia Al-Qur'an. Mereka tidak banyak berbeza dari segi memahami bahasa Al-Qur'an dari wanita Yugoslavia ini.

Saya telah berhasrat untuk memperkatakan lebih dahulu tentang Al-Qur'an dengan pengaruhnya yang tersembunyi yang amat menakjubkan sebelum memperkatakan tentang aspek-aspek yang telah difahami dan diketahui oleh mereka yang menangani seni pengungkapan, pemikiran dan perasaan lebih banyak dari orang-orang yang lain.

• Penyampaian Al-Qur'an berbeza dengan penyampaiannya yang mengungkapkan berbagai-bagai isu dan pengertian yang besar dalam satu ruang lingkup yang mustahil bagi manusia untuk mengungkapkan tujuan-tujuan yang seperti ini, kerana Al-Qur'an mengungkapkan isu-isu ini dengan pengertian yang seluas-luasnya dan dengan penjelasan yang sehalus-halusnya dan dengan huraian yang seindah-indah dan sehidup-hidupnya serta dengan keselarasan yang menarik di antara pengertian dengan ungkapan-ungkapan dengan

rentak nada, dengan bayangan dan dengan suasana, di samping menampilkan keindahan ungkapan dan kehalusan makna sekaligus dalam satu waktu, di mana tiada satu lafaz yang dapat menggantikan lafaz yang lain di tempat masing-masing dan di mana keindahan tidak merosakkan kehalusan dan kehalusan tidak merosakkan keindahan, dengan seluruh kombinasi ini penyampaian Al-Qur'an sampai ke tahap daya mu'jizat yang tidak dapat difaham oleh seseorang yang lain sebagaimana yang difahami oleh orang-orang yang mahir menangani seni pengungkapan, kerana orang-orang inilah sahaja yang mengetahui batas-batas keupayaan manusia di bidang ini, dan justeru itulah terserlah dengan jelas kepada mereka bahawa tahap penyampaian Al-Qur'an ini adalah di luar keupayaan manusia.[7]

• Dari fenomena ini lahir pula satu fenomena yang lain dalam penyampaian Al-Qur'an, iaitu sesuatu nas itu adalah mengandungi berbagai-bagai pengertian yang selaras dengan nas dan setiap pengertian itu mendapat penjelasan yang cukup terang tanpa kelam kabut dan tanpa campur aduk di antara pengertian-pengertian itu, dan setiap isu dan setiap hakikat mendapat ruang lingkup yang sesuai dengannya, di mana satu nas yang sama dijadikan rujukan di dalam berbagai-bagai bidang, dan pada setiap rujukan itu dibuat, nas itu kelihatan benar-benar cocok dengan tempat yang dirujukan kepadanya seolah-olah dari awal-awal lagi nas itu digubahkan untuk bidang dan tempat ini. Ini adalah suatu fenomena Al-Qur'an yang amat jelas yang tidak memerlukan penjelasan dari kami lebih dari menyebutkan secara isyarat sahaja. (Seandainya pembaca kembali menyemak semula petikan ayat-ayat yang dibentangkan dalam kata pengantar surah ini nescaya ia dapati bahawa satu nas yang sama dapat memberi pengertian kepada berbagai-bagai tujuan, dan setiap pengertian adalah benar-benar cocok dengan tempatnya. Dan ini hanya merupakan satu contoh sahaja).

• Penyampaian Al-Qur'an juga mempunyai satu ciri yang ketara dalam kemampuannya menghadirkan pemandangan-pemandangan dan pengungkapan yang tepat seolah-olah pemandangan-pemandangan itu terpampang di hadapan mata melalui suatu cara yang sama sekali tidak diketahui di dalam kalam manusia dan tidak dapat ditiru oleh penyampaian manusia, kerana penyampaian manusia dalam keadaan ini kelihatan kelam kabut dan tidak cocok dengan uslub penulisan, dan jika tidak, bagaimana penyampaian manusia dapat mengungkapkan mengikut cara penyampaian Al-Qur'an di tempat-tempat yang seperti berikut:

وَجَٰوَزۡنَا بِبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱلۡبَحۡرَ فَأَتۡبَعَهُمۡ فِرۡعَوۡنُ وَجُنُودُهُۥ بَغۡيٗا وَعَدۡوًاۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَدۡرَكَهُ ٱلۡغَرَقُ قَالَ ءَامَنتُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱلَّذِيٓ ءَامَنَتۡ بِهِۦ بَنُوٓاْ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿٩٠﴾

*"Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi lautan lalu diikuti oleh Fir'aun dan bala tenteranya dengan tujuan untuk menganiayai dan menindas mereka hingga apabila ia hampir tenggelam barulah ia berkata: Sesungguhnya aku beriman tiada tuhan selain Allah yang diimani Bani Israel dan aku (sekarang) adalah dari golongan Muslimin (yang menyerahkan diri kepada Allah)."(90)*

Sampai di sini sahaja kisah itu diceritakan, kemudian secara langsung diiringi firman Allah yang ditujukan kepada Fir'aun di dalam pemandangan yang ada sekarang:

ءَآلۡـَٰٔنَ وَقَدۡ عَصَيۡتَ قَبۡلُ وَكُنتَ مِنَ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿٩١﴾

*"Apakah sekarang baru engkau beriman? Sedangkan dulunya engkau telah menderhaka dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kerosakan."(91)*

فَٱلۡيَوۡمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ لِتَكُونَ لِمَنۡ خَلۡفَكَ ءَايَةٗۚ

*"Pada hari ini Kami selamatkan badanmu supaya menjadi bukti kebenaran kepada mereka yang datang selepasmu."(92)*

Kemudian disampaikan ulasan terhadap pemandangan yang ada sekarang.

وَإِنَّ كَثِيرٗا مِّنَ ٱلنَّاسِ عَنۡ ءَايَٰتِنَا لَغَٰفِلُونَ ﴿٩٢﴾

*"Sesungguhnya kebanyakan manusia itu lalai dari memikirkan ayat-ayat Kami."(92)*

قُلۡ أَيُّ شَيۡءٍ أَكۡبَرُ شَهَٰدَةٗۖ قُلِ ٱللَّهُۖ شَهِيدُۢ بَيۡنِي وَبَيۡنَكُمۡۚ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانُ لِأُنذِرَكُم بِهِۦ وَمَنۢ بَلَغَۚ

*"Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Jawablah: Allah menjadi saksi di antaraku dan kamu dan Al-Qur'an ini diwahyukan kepadaku supaya dengannya aku memberi amaran kepada kamu dan kepada orang yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya."*

(Surah al-An'am: 19)

Sampai di sini ayat ini merupakan perintah yang diarah oleh Allah dan disambut oleh Rasulullah s.a.w., kemudian secara mendadak kita dapati Rasulullah mengemukakan pertanyaan kepada kaumnya:

أَئِنَّكُمۡ لَتَشۡهَدُونَ أَنَّ مَعَ ٱللَّهِ ءَالِهَةً أُخۡرَىٰۚ

*"Apakah kamu benar-benar menyaksi bahawa (di sana) adanya tuhan-tuhan yang lain di samping Allah?"*

(Surah al-An'am: 19)

---

[7] *Untuk maudhu' itu saya nukilkan sepenuhnya beberapa bab dari buku* "التصوير الفني في القرآن".

Kemudian tiba-tiba Rasulullah kembali untuk menerima jawapan bagi pertanyaan yang ditanyakan beliau kepada kaumnya dan mereka telah memberi jawapan kepadanya:

قُلْ لَآ أَشْهَدُ ۚ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ وَإِنَّنِي بَرِيٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

*"Katakanlah: Aku tidak menyaksi (adanya tuhan-tuhan yang lain di samping Allah). Katakanlah: Sesungguhnya Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya aku adalah berlepas diri dari segala perbuatan kamu yang mempersekutukan Allah."*

(Surah al-An'am: 19)

Begitu juga peralihan-peralihan pembicaraan yang berulang-ulang di dalam ayat-ayat yang seumpama ini:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا

*"Dan (ingatlah) hari sewaktu Allah mengumpulkan seluruh mereka..."*

يَٰمَعْشَرَ ٱلْجِنِّ قَدِ ٱسْتَكْثَرْتُم مِّنَ ٱلْإِنسِ ۖ

*"Wahai sekalian jin! Kamu telah mendapat pengikut-pengikut yang ramai dari manusia..."*

وَقَالَ أَوْلِيَآؤُهُم مِّنَ ٱلْإِنسِ رَبَّنَا ٱسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَغْنَآ أَجَلَنَا ٱلَّذِىٓ أَجَّلْتَ لَنَا ۚ قَالَ ٱلنَّارُ مَثْوَىٰكُمْ خَٰلِدِينَ فِيهَآ إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٢٨﴾

*"Jawab sahabat-sahabat setia mereka dari manusia: Wahai Tuhan kami! Kami satu sama lain telah bersama-sama mengecapi keni'matan dan (kini) kami telah sampai kepada ajal kami yang telah Engkau tempohkannya kepada kami Allah menjawab: Neraka itulah tempat kediaman kamu dan kamu akan kekal berada di dalamnya kecuali apa yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui".*

(Surah al-An'am: 128)

وَكَذَٰلِكَ نُوَلِّى بَعْضَ ٱلظَّٰلِمِينَ بَعْضًۢا بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٢٩﴾

*"Dan demikianlah Kami jadikan orang-orang yang zalim itu sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain dengan sebab amalan-amalan yang sama yang diusahakan mereka."*

(Surah al-An'am: 129)

يَٰمَعْشَرَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِى وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا ۚ قَالُوا۟ شَهِدْنَا عَلَىٰٓ أَنفُسِنَا ۖ وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَشَهِدُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَٰفِرِينَ ﴿١٣٠﴾

*"Wahai sekalian Jin dan manusia! Tidakkah rasul-rasul dari kalangan kamu telah datang menceritakan ayat-ayat-Ku kepada kamu dan mengingatkan kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (pengadilan) kamu ini? Jawab mereka: Kami mengaku kesalahan diri kami sendiri. Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia. Dan mereka mengaku kesalahan diri mereka sendiri bahawa mereka sebenarnya adalah orang-orang yang kafir."*

(Surah al-An'am: 130)

ذَٰلِكَ أَن لَّمْ يَكُن رَّبُّكَ مُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا غَٰفِلُونَ ﴿١٣١﴾

*"Hal yang sedemikian itu kerana Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri, sedangkan para penduduknya lalai (tidak mengetahui)."*

(Surah al-An'am: 131)

Ayat-ayat yang seumpama ini terdapat banyak di dalam Al-Qur'an. Ia merupakan satu uslub yang benar-benar berbeza dari uslub manusia. Jika tidak, siapa yang ingin mempertikaikan hakikat ini, silalah ia menyusun ungkapan yang seperti ini, kemudian silalah ia kemukakan satu percakapan yang boleh dimengerti dan lurus di samping mempunyai keindahan yang menarik, rentak nada yang mengharukan perasaan dan keselarasan yang sempurna.

Inilah beberapa aspek dari daya mu'jizat Al-Qur'an yang kami bentangkan secara huraian pantas. Selain dari itu ialah daya mu'jizat Al-Qur'an dari aspek topik pembicaraan dan ciri Rabbani yang berlainan dari ciri manusia.

Al-Qur'an berbicara dengan seluruh diri manusia. Ia bukannya berbicara sekali dengan minda manusia sahaja dan sekali pula berbicara dengan hatinya sahaja dan sekali lagi berbicara dengan perasaannya yang berkobar-kobar sahaja, malah ia berbicara dengan seluruh diri manusia. Dan ia berbicara dengannya melalui jalan yang paling pendek dan ia mengetuk sekaligus seluruh alat-alat penerima di dalam jiwa manusia setiap kali ia berbicara dengannya. Dan melalui pembicaraan ini Al-Qur'an mengemukakan berbagai-bagai kefahaman dan pandangan, berbagai-bagai pengaruh dan kesan di samping melahirkan berbagai-bagai tanggapan terhadap hakikat-hakikat alam al-wujud di seluruhnya, di mana tiada satu sarana dari sarana-sarana yang digunakan oleh manusia di sepanjang sejarah mereka seluruhnya yang berupaya melahirkan semuanya ini dengan kedalaman yang sedemikian rupa, dengan

kesyumulan, kehalusan, kejelasan yang seperti ini dan dengan cara dan uslub yang semacam itu.

Di sini saya ingin meminjam beberapa perenggan yang diambil dari bahagian yang kedua buku خصائص التصور الإسلامي ومقوماته untuk membantu menjelaskan hakikat ini, iaitu perenggan-perenggan yang memperkatakan tentang methodologi Al-Qur'an dalam membentangkan asas-asas kefahaman dalam gambarannya yang indah, sempurna, syumul, selaras dan seimbang. Dan ciri-ciri yang paling menonjol dari methodologi pembentangan Al-Qur'an ialah berbeza dari segala methodologi pembentangan yang lain:

• Pertama: Ia membentangkan hakikat - mengikut bentuknya yang wujud di alam kenyataan - dengan menggunakan uslub yang mendedahkan segala sudut hakikat itu, segala hubungan dan pertaliannya dan segala kehendaknya. Dan di samping penjelasan yang syumul itu Al-Qur'an tidak menjadikan hakikat itu sukar difaham. Dan tidak pula ia membalutkan hakikat itu dengan kabus-kabus yang mengelirukan, malah ia berbicara dengan seluruh diri manusia dari semua peringkat dan tahap.[8] Kerana rahmat kasihan belasnya, maka Allah S.W.T. tidak menjadikan pembicaraannya dengan mereka mengenai asas kefahaman Islam atau pengertian mereka terhadap asas-asas kefahaman ini, bergantung kepada pengetahuan mereka yang telah wujud sebelum ini, kerana 'aqidah merupakan keperluan hidup mereka yang utama dan kefahaman yang dicetuskan oleh 'aqidah itu di dalam akal dan hati mereka itulah yang menentukan cara perhubungan mereka dengan seluruh alam al-wujud itu, juga menentukan hala tujuan mereka mempelajari sesuatu ilmu atau mencari sesuatu ma'rifat. Oleh sebab inilah Allah tidak menjadikan kefahaman terhadap 'aqidah itu bergantung kepada ilmu pengetahuan yang terdahulu, juga kerana sesuatu sebab yang lain, iaitu Allah menghendaki agar kefahaman yang dicetuskan oleh hakikat-hakikat 'aqidah itu merupakan asas ilmu pengetahuan manusia, kerana ia merupakan asas kefahaman dan pentafsiran mereka terhadap alam buana di sekeliling mereka, iaitu terhadap apa yang berlaku pada alam dan pada diri mereka agar ilmu pengetahuan mereka ditegakkan di atas asas kebenaran yang diyakini, yang tiada lagi kebenaran yang lain yang diyakini. Ini disebabkan kerana segala ilmu pengetahuan yang diterima dan dicapai oleh manusia dari sumber yang lain dari sumber 'aqidah merupakan ilmu pengetahuan yang bersifat andaian atau hyphothetical sahaja atau merupakan natijah-natijah yang bersifat "mungkin" bukannya bersifat yakin termasuk ilmu pengetahuan yang bersifat ujian atau "empirical", kerana asas ilmu pengetahuan empirical ialah kiasan atau analogi bukannya penyelidikan yang sehalus-halusnya, kerana manusia tidak mungkin melakukan penyelidikan yang sehalus-halusnya di dalam sesuatu ujian. Ini pun berlandaskan andaian bahawa segala pengamatan, kesimpulan dan penilaian manusia terhadap perkara-perkara yang lahir itu adalah benar belaka! Usaha paling tinggi yang dapat dilakukan oleh ilmu itu ialah mengadakan beberapa ujian kemudian natijah-natijah ujian itu dijadikan asas analogi, sedangkan ilmu itu sendiri mengaku bahawa natijah-natijah yang terbit dari analogi hanya bersifat andaian yang mungkin sahaja bukannya bersifat yakin dan pasti (tambahan pula setiap ujian itu dilandaskan di atas tarjih atau memilih salah satu dari kemungkinan-kemungkinan itu dan bukannya berlandaskan kepada kepastian). Oleh sebab itu tidak ada lagi ilmu pengetahuan yang diyakini kebenarannya, yang dapat dicapai oleh manusia melainkan ilmu pengetahuan yang datang dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar, iaitu ilmu pengetahuan yang diterangkan kepada mereka oleh Allah yang menerangkan segala yang benar dan Dialah sebaik-baik penentu keputusan.[9]

• Kedua: Penyampaian Al-Qur'an itu adalah bersih dari gejala-gejala terputus dan tercaing yang dapat dilihat dalam pengajian-pengajian "ilmiyah", penelitian-penelitian falsafah dan semua kilauan seni, kerana Al-Qur'an tidak mengasingkan setiap aspek dari aspek-aspek sesuatu Kulli (tanggapan umum yang selaras) yang indah dan selaras itu dengan pembicaraan yang berasingan sebagaimana yang dilakukan oleh uslub-uslub penyampaian manusia, malah Al-Qur'an membentangkan aspek-aspek ini dalam satu penjelasan yang bersambung, di mana alam syahadat dihubungkan dengan alam ghaib dan di mana hakikat ilmu, hakikat hayat dan hakikat insan dihubungkan dengan hakikat Uluhiyah, dan hakikat dunia disambungkan dengan hakikat Akhirat dan hidup Manusia di bumi disambungkan dengan hidup para malaikat al-Mala'ul-A'la dalam satu uslub penyampaian yang tidak dapat ditiru, kerana uslub penyampaian manusia ketika meniru uslub penyampaian Al-Qur'an di dalam sudut ini memperlihatkan hakikat-hakikat yang bercampuraduk, kelam-kabut, sulit, samar-samar, tidak jelas, tidak menentu dan tidak pula selaras sebagaimana yang dapat dilihat di dalam methodologi penyampaian Al-Qur'an.

Perhubungan dan pertalian yang sedemikian rupa dalam membentangkan keseluruhan hakikat-hakikat dalam satu penjelasan yang sama itu kadang-kadang penekanan dan pemusatannya berbeza-beza dari satu

---

[8] *Semuanya ini tidak mampu dilakukan oleh methodologi penyampaian manusia kerana setiap penulis berbicara dengan tahap manusia yang tertentu, sedangkan manusia dari tahap yang lain hampir-hampir tidak dapat memahaminya.*

[9] *Oleh sebab itulah seluruh diri manusia menerima kebenaran ini dan merasakannya mempunyai kekuatan dan pengaruh yang tidak ada pada sesuatu yang diterimanya dari sumber yang lain. Inilah salah satu rahsia Al-Qur'an yang menakjubkan dari aspek topik pembicaraannya.*

tempat ke satu tempat, tetapi perhubungan itu tetap wujud selama-lamanya. Misalnya jika penjelasan Al-Qur'an pada suatu tempat itu menekankan tentang aspek memperkenalkan Tuhan yang sebenar kepada manusia, maka hakikat yang agung itu diperlihatkan dengan jelas pada kesan-kesan qudrat Ilahiyah yang bertindak di alam buana, di alam hayat dan di alam manusia, di alam ghaib dan di alam syahadat. Dan jika penjelasan Al-Qur'an pada suatu tempat yang lain menekankan tentang memperkenalkan hakikat alam buana, maka ia memperlihatkan perhubungan yang jelas yang wujud di antara "hakikat Uluhiyah" dan hakikat alam buana, dan sememangnya ayat-ayat Al-Qur'an banyak memperkatakan tentang hakikat hayat dan makhluk-makhluk yang hidup, juga tentang Sunnatullah atau undang-undang Allah yang berkuatkuasa di alam buana dan di alam hayat. Jika penjelasan Al-Qur'an menekankan tentang "hakikat insan", maka ia memperlihatkan hubungan hakikat ini dengan hakikat Uluhiyah, dengan alam buana, dengan alam makhluk yang hidup, dengan alam ghaib dan alam syahadat. Dan jika penjelasannya menekankan tentang negara Akhirat, maka ia menyebut di sampingnya hakikat hidup duniawi dan menunjukkan kedua-duanya berhubung rapat dengan Allah dan dengan seluruh hakikat yang lain. Begitu juga apabila ia menekankan tentang persoalan-persoalan hidup duniawi dan sebagainya dari pembentangan-pembentangan yang terang dan jelas di dalam Al-Qur'an.

• Ketiga: Penyampaian Al-Qur'an di samping ia menghubung padu dan menyelaraskan segala aspek hakikat, ia menjaga sepenuhnya untuk memberikan kepada setiap aspek hakikat itu - dalam Kulli atau tanggapan umum yang selaras - ruangan masing-masing yang sesuai dengan beratnya yang sebenar di dalam neraca pertimbangan Allah sebagai neraca yang haqiqi. Oleh sebab itulah "hakikat Uluhiyah" serta cirinya dan persoalan "Uluhiyah dan 'Ubudiyah" dalam penyampaian Al-Qur'an kelihatan begitu jelas, dominan, meliputi dan syumul sehingga dapat dilihat bahawa usaha memperkenalkan hakikat Uluhiyah dan persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah ini merupakan maudhu' pembicaraan Al-Qur'an yang asasi. Dalam penjelasan Al-Qur'an, hakikat alam ghaib, termasuk persoalan qadha', qadar dan negara Akhirat, mengambil ruang yang begitu menonjol. Di samping itu hakikat insan, hakikat alam buana dan hakikat hayat juga masing-masing, mengambil ruang yang selaras dengan hakikat-hakikat ini di alam realiti. Demikianlah dalam penjelasan Al-Qur'an tidak ada suatu hakikat yang disembunyi, diabai dan dihilangkan ciri-ciri tanda kewujudannya di dalam senario umum, di mana hakikat-hakikat itu dibentangkan, dan di samping itu hakikat-hakikat ini tidak melanggar satu sama lain di dalam kefahaman Islam itu sendiri sebagaimana telah kami jelaskan dalam bab "Ciri Keseimbangan" dalam bahagian pertama buku[10] خصائص التصور الإسلامي ومقوماته di mana rasa takjub dan kagum kepada alam fizikal dan kehalusan segala peraturan dan undang-undangnya, juga keselarasan komponen-komponennya dan undang-undangnya, tidak membawa kepada mempertuhankan alam fizikal sebagaimana yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan manusia yang mempertuhankan alam-alam fizikal atau alam-alam tabi'i dahulu dan sekarang. Rasa takjub dan kagum kepada kebesaran hayat yang mengetahui fungsi-fungsinya juga selaras dengan dirinya sendiri dan dengan alam buana di sekelilingnya, tidak membawa kepada mempertuhankan hayat seperti yang dilakukan oleh penganut-penganut aliran hayat. Begitu juga rasa takjub dan kagum dengan kejadian "insan" yang mempunyai ciri-ciri yang unik dan bakat-bakat kesediaan yang tersembunyi di dalam satu entiti yang bebas dalam perhubungannya dengan alam buana itu, tidak membawa kepada mempertuhankan manusia atau mempertuhankan akal manusia dalam apa-apa bentuk sekalipun seperti yang dilakukan oleh penganut-penganut idealisme umumnya. Seterusnya rasa takjub dan rasa kehebatan terhadap hakikat Uluhiyah itu sendiri, tidak membawa kepada mengingkar alam-alam fizikal atau memperlekehkannya atau memandang rendah kepada makhluk insan seperti pandangan aliran-aliran agama Hindu, Budha dan agama Kristian yang dipesongkan. Jika ciri keseimbangan itu merupakan satu ciri kefahaman Islam, maka ia juga merupakan ciri methodologi penyampaian Al-Qur'an yang membentangkan asas-asas kefahaman Islam dan mendedahkan hakikat-hakikat yang menjadi tapak tegaknya hingga seluruh asas dan hakikatnya itu kelihatan begitu jelas dalam satu senario yang unik yang dilukiskannya untuk menggambarkan Kulli atau tanggapan umum di dalam huraian Al-Qur'an yang sama. Itulah satu ciri penyampaian Al-Qur'an yang tidak mampu dilakukan oleh penyampaian manusia.

• Keempat: Penyampaian Al-Qur'an berbeza dengan ciri-ciri pembentangannya yang hidup, penuh dengan motivasi, memberi kesan dan saranan di samping kehalusan dan penjelasan yang tegas. Ia menjadikan hakikat-hakikat yang dihuraikannya itu begitu hidup, berkesan, menarik dan indah, di mana methodologi manusia tidak dapat menandinginya dari segi pembentangan sebagaimana uslub manusia tidak dapat menandinginya dari segi pengungkapannya. Dan dalam waktu yang sama, hakikat-hakikat itu dibentangkan dengan penerangan yang halus, menarik dan tegas, namun begitu, kehalusan pemandangan itu tidak pula merosakkan kedinamisan dan keindahannya, dan ketegasan penjelasannya tidak juga merosakkan kesan dan daya tarikannya.

"Kita tidak dapat menggambarkan ciri-ciri methodologi Al-Qur'an dengan uslub kita manusia hingga sampai ke tahap gambaran yang dicapai

[10] *Lihat muka surat 134 dan 170 buku berkenaan.*

melalui penghayatan cita rasa methodologi itu sendiri. Begitu juga kita tidak dapat mencapai - melalui semua kajian ini - satu penjelasan mengenai ciri-ciri kefahaman Islam dan asas-asanya yang sama dengan penjelasan yang diberikan oleh Al-Qur'an terhadap persoalan itu. Kami tidak mengemukakan kajian mengenai cara penyampaian Al-Qur'an ini kepada orang ramai Islam di masa kini melainkan kerana mereka berada begitu jauh dari Al-Qur'an dengan sebab kejauhan mereka dari hidup dalam suasananya turunnya Al-Qur'an ini. Mereka tidak menghadapi situasi-situasi yang ada di waktu itu dan tidak pula mengalami minat dan perhatian yang dialami oleh orang-orang yang diturunkan Al-Qur'an kepada mereka, di mana mereka sedang membangunkan masyarakat Islam dalam situasi-situasi yang wujud pada masa itu. Oleh sebab itu orang ramai Islam pada hari ini tidak lagi berupaya menghayati methodologi Al-Qur'an dan meni'mati ciri-ciri dan citarasanya".

Sekian petikan-petikan dari buku tersebut.

***Al-Qur'an Mengemukakan Hakikat-hakikat Yang Tidak Pernah Terlintas Dalam Minda Manusia***

Al-Qur'an kadang-kadang mengemukakan hakikat-hakikat dalam bidang-bidang yang biasanya tidak pernah terlintas dalam minda manusia untuk mengolahkannya kerana ia bukanlah dari perkara-perkara yang biasa difikir dan menarik perhatian mereka sedemikian rupa.

Di antara contohnya ialah keterangan Al-Qur'an yang termuat di dalam Surah al-An'am (59) ketika menggambarkan hakikat ilmu Ilahi dan bidang-bidangnya:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۚ وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِى ظُلُمَٰتِ ٱلْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

*"Dan di sisi Allah tersimpannya anak-anak kunci segala urusan ghaib yang tiada siapa mengetahuinya kecuali Dia. Dan Dia mengetahui segala sesuatu yang ada di daratan dan lautan. Dan tiada sehelai daun yang gugur melainkan diketahui oleh-Nya. Dan tiada sebutir biji di dalam kegelapan perut bumi dan tiada sesuatu yang basah dan sesuatu yang kering melainkan semuanya tertulis di dalam sebuah buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)."*

(Surah al-An'am: 59)

Tempat-tempat tinjauan yang begitu jauh ini, baik yang tersembunyi mahupun yang nyata, bukanlah dari tempat-tempat tinjauan yang diteroka oleh pemikiran manusia sedemikian rupa ketika menggambarkan kesyumulan ilmu Ilahi walau bagaimana sekalipun ia mahu menggambarkan kesyumulan itu. Jika pemikiran manusia mahu menggambarkan kesyumulan ilmu Ilahi tentulah ia akan menjurus kejurusan-kejurusan yang lain yang sesuai dengan perhatian-perhatian dan pengamatan minat manusia di samping sesuai dengan tabiat kefahaman-kefahaman dan tanggapan-tanggapannya, sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini ketika mentafsirkan ayat ini di dalam juzu' yang ke tujuh iaitu:

"Kita dapat melihat unsur i'jaz (daya mirikal / "miracle") di dalam ayat yang pendek ini dari mana-mana sudut sahaja. Itulah i'jaz yang membayangkan siapakah yang menjadi sumber Al-Qur'an ini?

"Apabila kita melihat kepada ayat-ayat ini dari sudut maudhu'-maudhu'nya, kita dapat mengenalpasti dari pandangan pertama lagi bahawa ayat ini bukannya kalam yang diucapkan manusia, kerana di dalam kalam ini tidak terdapat ciri-ciri pengucapan manusia. Apabila pemikiran manusia memperkatakan maudhu' ini, iaitu maudhu' kesyumulan ilmu Allah, ia tidak dapat meneroka ufuk-ufuk yang sejauh itu, kerana tempat-tempat tinjauan pemikiran manusia dan ruang penerokaannya dalam maudhu' ini mempunyai ciri yang berlainan dan mempunyai batas-batas yang tertentu, kerana kefahaman-kefahaman yang diungkapkan oleh manusia itu adalah diambil dari perhatian dan pengamatannya. Apakah pengamatan dan perhatian manusia menjangkau hingga menghitung dan mengira daun-daun kayu yang gugur dari pokok-pokok yang terdapat di seluruh pelosok dunia? Persoalan ini dari awal-awal lagi tidak pernah terlintas di dalam hati manusia atau dengan lain-lain perkataan tidak pernah terdetik di dalam hatinya keinginan dan dorongan untuk mengira daun-daun yang gugur di merata ceruk alam? Oleh sebab itulah ia tidak berminat ke arah itu dan tidak terlintas di dalam hatinya untuk mengungkap dan menggambarkan ilmu Ilahi yang syumul itu dengan daun-daun yang gugur itu, kerana perkara daun-daun yang gugur itu hanya merupakan urusan Allah. Dialah sahaja yang berkuasa mengira dan mengungkapkannya.

"Apakah pengamatan dan perhatian manusia dalam pernyataan umum ini **'dan tiada suatu yang basah dan tiada suatu yang kering melainkan semuanya tertulis di dalam buku yang nyata?'** Setinggi-tinggi pengamatan dan perhatian yang diberikan oleh manusia terhadap perkara ini ialah memikirkan bagaimana hendak memanfa'atkan benda-benda yang basah dan benda-benda yang kering yang ada di hadapan mereka, tetapi usaha memperkatakan benda-benda yang basah dan benda-benda yang kering sebagai bukti ilmu Allah yang syumul adalah suatu usaha yang tidak dikenali dalam kecenderungan dan pengungkapan-pengungkapan mereka, malah urusan setiap benda yang basah dan yang kering itu merupakan urusan Ilahi dan hanya

Allah Penciptanya sahaja yang berkuasa mengira dan mengungkapkannya.

"Manusia tidak pernah memikir bahawa setiap helai daun yang gugur, setiap biji benih yang tersembunyi di dalam perut bumi dan setiap benda yang basah dan setiap benda yang kering adalah tercatat semuanya di dalam sebuah buku yang jelas atau di dalam satu rekod yang selamat dan terpelihara. Apakah kena-mengena mereka di dalam urusan ini? Apakah faedahnya pemikiran yang seperti ini kepada mereka? Dan apakah perlunya kepada mereka dengan catatan-catatan seperti ini? Malah, pihak yang wajar menghitung dan mencatatkan perkara-perkara yang seperti ini hanya Allah sahaja selaku Pemilik kerajaan alam, di mana tiada sesuatu pun yang wujud di dalam kerajaannya terluput dari ilmu-Nya. Di samping itu, kepada ilmu Allah, yang kecil sama seperti yang besar, yang hina sama seperti yang mulia, yang tersembunyi sama seperti yang nyata, yang majhul sama seperti yang maklum dan yang jauh sama seperti yang dekat.

"Pemandangan yang syumul, luas, mendalam dan indah ini atau dengan lain-lain perkataan, pemandangan daun-daun yang gugur dari seluruh pokok-pokok yang wujud di muka bumi ini, pemandangan semua biji benih yang tersembunyi di seluruh perut bumi, pemandangan segala benda yang basah dan segala benda yang kering yang wujud di merata pelosok bumi adalah pemandangan-pemandangan yang tidak pernah difikir dan diambil perhatian oleh manusia, juga tidak pernah dilihat dan diperhati oleh mata dan pandangan manusia, malah seluruh pemandangan yang seperti ini hanya terdedah kepada ilmu Allah sahaja, Tuhan yang melihat dan mengetahui segala sesuatu, Tuhan yang memelihara segala sesuatu, Tuhan yang mempunyai kehendak masyi'ah dan perencanaan yang meliputi segala sesuatu; yang kecil sama seperti yang besar, yang hina sama seperti yang mulia, yang tersembunyi sama seperti yang dzahir, yang majhul sama seperti yang maklum dan yang jauh sama seperti yang dekat.

"Orang yang mengikuti perasaan-perasaan manusia dan pengungkapan-pengungkapan mereka tentulah menyedari dengan baik batas-batas kefahaman manusia dan pengungkapan mereka. Dari pengalaman mereka sebagai manusia, mereka mengetahui bahawa pemandangan seperti ini tidak pernah terlintas di dalam hati manusia, begitu juga pengungkapan yang seperti ini tidak mungkin dilakukan oleh mereka. Orang-orang yang ingin menyangkal kesimpulan ini bolehlah mengkaji seluruh perkataan dan pengungkapan manusia untuk memastikan apakah ia pernah menjerus ke arah pengungkapan Al-Qur'an yang seperti ini.

"Ayat-ayat ini dan ayat-ayat lain yang sama dengannya sahaja sudah cukup untuk kita mengetahui siapakah sumber kitab Al-Qur'an yang mulia ini.

"Begitu juga apabila kita melihat pengungkapan Al-Qur'an dari segi keindahan seni pengungkapan itu sendiri nescaya kita dapat melihat ufuk-ufuk keindahan dan keselarasan yang amat tinggi, yang tidak dikenali dalam pengungkapan-pengungkapan ciptaan manusia, yang setaraf dengan pengungkapan Al-Qur'an ini:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ

*"Dan di sisi Tuhanmu tersimpannya anak-anak kunci segala urusan ghaib yang tiada siapa mengetahuinya kecuali Dia."*

(Surah al-An'am: 59)

Ayat ini menggambarkan hujung-hujung, ufuk-ufuk dan pendalaman-pendalaman yang amat jauh di alam majhul yang mutlak, di ruang-ruang zaman dan tempat, di masa silam, di masa kini dan di masa depan, juga di dalam peristiwa-peristiwa hidup dan kefahaman-kefahaman minda.

وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ

*"Dan Dialah yang mengetahui segala sesuatu yang ada di daratan dan lautan"*

(Surah al-An'am: 59)

Ayat ini juga menggambarkan hujung-hujung, ufuk-ufuk dan pendalaman-pendalaman alam yang dapat dilihat dengan keluasan dan kesyumulan yang sesuai dengan hujung-hujung, ufuk-ufuk dan pendalaman-pendalaman di alam ghaib yang terlindung.

وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا

*"Dan tiada sehelai daun yang gugur melainkan diketahui oleh-Nya"*

(Surah al-An'am: 59)

Ayat ini menggambarkan harakat kematian dan kemusnahan, harakat gugur dan jatuh dari atas ke bawah dan dari hidup kepada kehapusan.

وَلَا حَبَّةٍ فِى ظُلُمَٰتِ ٱلْأَرْضِ

*"Dan tiada sebutir biji di dalam kegelapan-kegelapan perut bumi."*

(Surah al-An'am: 59)

Ayat ini menggambarkan harakat pertumbuhan dan kesuburan yang lahir dari dalam bumi dan muncul ke permukaannya dan dari keadaan tersorok dan diam kepada kewujudan dan pergerakan yang cergas.

وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

*"Dan tiada suatu yang basah dan tiada suatu yang kering melainkan semuanya tertulis dalam sebuah buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)."*

(Surah al-An'am: 59)

Ayat ini mengemukakan pernyataan yang menyeluruh dan syumul merangkumi hayat dan maut,

perkembangan dan kelahiran pada setiap makhluk yang hidup.

Oleh itu siapakah yang menciptakan aliran pengungkapan-pengungkapan ini dan ruang tolaknya yang begitu luas? Siapakah yang menciptakan keselarasan dan keindahan pengungkapan-pengungkapan itu? Siapakah yang menciptakan semuanya ini dalam ayat-ayat yang sependek ini? Siapa? Tiada lain melainkan Allah!

يَعۡلَمُ مَا يَلِجُ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا يَخۡرُجُ مِنۡهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعۡرُجُ فِيهَاۚ وَهُوَ ٱلرَّحِيمُ ٱلۡغَفُورُ ٢

*"Allah mengetahui segala apa yang masuk ke dalam bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang naik kepadanya dan Dia Maha Pengasih dan Maha Pengampun."*

(Surah Saba': 2)

(Ayat ini membuat) seseorang mendapati dirinya berdiri di hadapan lembaran alam yang dibentangkan dengan kata-kata yang sedikit, di mana ia tiba-tiba berada di hadapan berbagai-bagai benda, berbagai-bagai harakat, berbagai-bagai jisim, berbagai-bagai saiz dan rupa bentuk, berbagai-bagai gambaran dan konsep dan berbagai-bagai keadaan yang tidak mampu dihadapi daya imaginasi.

Seandainya seluruh penduduk dunia menumpukan seluruh hidup mereka untuk memeriksa dan mengira segala apa yang berlaku dalam satu detik sahaja dari benda-benda yang disebut oleh ayat tadi nescaya mereka tidak mampu mengirakannya dengan penuh keyakinan. Beberapa banyak benda yang masuk ke dalam bumi sesa'at ini? Dan berapa banyak pula benda yang keluar darinya sesa'at ini? Sebanyak mana benda yang turun dari langit sesa'at ini? Dan sebanyak mana pula benda yang naik kepadanya sesa'at ini?

Berapa banyak benda yang masuk ke bumi? Berapa butir biji benih yang tersembunyi atau disembunyikan di dalam bumi ini? Berapa banyak ulat-ulat serangga, binatang perosak dan reptilia yang masuk ke dalam bumi di merata pelosoknya yang jauh? Berapa titis air, berapa abus gas, berapa radiasi letrik yang tersembunyi di dalam bumi di merata pelosoknya yang luas? Berapa dan berapa benda-benda yang masuk ke dalam bumi di bawah pandangan Allah yang tidak pernah tidur?

Dan berapa banyak pula benda-benda yang keluar dari bumi? Berapa banyak tunas-tunas tumbuhan yang muncul dari bumi? Berapa banyak matair yang mengalir dari bumi? Berapa banyak gunung merapi yang meledak, berapa banyak gas yang naik? Berapa banyak benda-benda yang tersembunyi di bumi terdedah? Berapa banyak serangga yang keluar dari sarang-sarangnya yang tersembunyi? Berapa dan berapa banyak benda-benda yang dapat dan tidak dapat dilihat, yang diketahui dan yang tidak diketahui manusia keluar dari bumi? Dan sememangnya benda-benda yang tidak diketahui manusia adalah terlalu banyak.

Berapa banyak benda yang turun dari langit? Berapa titis air hujan, berapa banyak pancaran bintang-bintang yang melayang dari langit? Berapa banyak pancaran radiasi yang membakar? Berapa banyak pancaran cahaya yang cerah? Berapa banyak keputusan Ilahi yang dikuatkuasakan? Berapa banyak perencanaan Ilahi yang telah ditetapkan? Berapa banyak rahmat yang merangkumi seluruh alam dan yang dikhususkan kepada setengah-setengah hamba Allah? Berapa banyak rezeki yang dilapang dan disempitkan Allah kepada para hamba yang dikehendaki-Nya? Berapa dan berapa? Tiada siapa yang mampu menghitungkannya kecuali Allah.

Berapa banyak pula benda-benda yang naik ke langit? Berapa banyak nafas yang naik dari tumbuhan atau dari haiwan atau dari insan atau dari makhluk-makhluk lain yang tidak diketahui manusia? Berapa banyak do'a yang dipanjatkan kepada Allah secara terang dan secara sulit dan tiada siapa mendengarnya kecuali Allah di maqam-Nya yang amat tinggi.

Berapa banyak roh dari roh-roh berbagai-bagai makhluk yang kita mengetahui dan tidak mengetahui diwafatkan Allah? Berapa banyak malaikat yang naik dengan perintah Allah? Dan berapa banyak roh yang berterbangan di alam malakut, yang tiada siapa mengetahuinya kecuali Allah?

Berapa banyak titis wap yang naik dari lautan? Dan berapa banyak abus gas yang naik dari jisim? Berapa dan berapa? Tiada siapa mengetahuinya kecuali Allah. Berapa banyak yang berlaku dalam satu detik? Ke manakah nanti hilangnya ilmu manusia dan bancian mereka terhadap perkara-perkara yang berlaku dalam satu detik walaupun mereka menghabiskan usia hidup mereka yang panjang dalam pengiraan dan bancian itu? Sedangkan ilmu Allah yang sempurna, agung, halus dan mendalam mengetahui seluruh perkara ini di setiap tempat dan di setiap zaman. Seluruh hati manusia dengan segala niat dan perasaan, dengan segala gerak dan diamnya adalah berada di bawah pandangan Allah. Namun begitu Allah sentiasa memaafkan mereka dan mengampuni kesalahan mereka "dan Dia Maha Pengasih dan Maha Pengampun."

Sepotongan ayat Al-Qur'an yang seperti ini sudah cukup untuk menyarankan bahawa Al-Qur'an bukanlah kalam manusia, kerana ingatan yang universal ini tentulah tidak terlintas di dalam hati manusia dan kefahaman universal seperti ini juga bukanlah didorong oleh tabiat kefahaman manusia. Liputan yang syumul ini dengan sekali sentuh ini sahaja memperlihatkan hakikat ciptaan Allah yang

mengadakan alam al-wujud ini, iaitu ciptaan yang tidak dapat ditandingi ciptaan manusia.

Begitu juga ciri Ilahi dapat dilihat dengan jelas pada Al-Qur'an ini melalui cara pembuktian atau pendalilannya yang memaparkan perkara-perkara dan peristiwa-peristiwa menarik yang kecil pada lahirnya, tetapi pada batinnya ia mempunyai hakikat yang amat besar yang sesuai dengan maudhu' yang besar yang menggunakan perkara-perkara itu sebagai bukti dan dalil sebagaimana dapat dilihat di dalam firman Allah yang berikut:

نَحْنُ خَلَقْنَٰكُمْ فَلَوْلَا تُصَدِّقُونَ ﴿٥٧﴾ أَفَرَءَيْتُم مَّا تُمْنُونَ ﴿٥٨﴾ ءَأَنتُمْ تَخْلُقُونَهُۥٓ أَمْ نَحْنُ ٱلْخَٰلِقُونَ ﴿٥٩﴾ نَحْنُ قَدَّرْنَا بَيْنَكُمُ ٱلْمَوْتَ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ ﴿٦٠﴾ عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ أَمْثَٰلَكُمْ وَنُنشِئَكُمْ فِى مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾ وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ ٱلنَّشْأَةَ ٱلْأُولَىٰ فَلَوْلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

*"Kamilah yang telah menciptakan kamu. Oleh itu mengapa kamu tidak percaya (kepada hari kebangkitan semula)?(57). Tidakkah kamu perhatikan air mani yang dipancutkan kamu?(58).Apakah kamu yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya?(59). Kamilah yang menentukan maut di antara kamu dan Kami tidak akan dilemahkan(60). Untuk menukarkan kamu dengan orang-orang yang seperti kamu dan untuk Kami menciptakan kamu (di Akhirat) dalam bentuk yang tidak diketahui oleh kamu(61). Sesungguhnya kamu telah mengetahui penciptaan hidup yang pertama (di dunia). Oleh itu mengapa kamu tidak mengambil ingatan (bahawa Allah berkuasa mengulangkan penciptaan hidup itu di Akhirat)?"(62)*

(Surah al-Waqi'ah: 57-62)

أَفَرَءَيْتُمُ ٱلْمَآءَ ٱلَّذِى تَشْرَبُونَ ﴿٦٨﴾ ءَأَنتُمْ أَنزَلْتُمُوهُ مِنَ ٱلْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ ٱلْمُنزِلُونَ ﴿٦٩﴾ لَوْ نَشَآءُ جَعَلْنَٰهُ أُجَاجًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

*"Tidakkah kamu perhatikan air yang kamu minum?(68). Kamukah yang menurunkannya dari awan atau Kamikah yang menurunkannya(69). Jika Kami kehendaki nescaya Kami jadikannya masin, mengapa kamu tidak bersyukur."(70)*

(Surah al-Waqi'ah: 68-70)

أَفَرَءَيْتُمُ ٱلنَّارَ ٱلَّتِى تُورُونَ ﴿٧١﴾ ءَأَنتُمْ أَنشَأْتُمْ شَجَرَتَهَآ أَمْ نَحْنُ ٱلْمُنشِـُٔونَ ﴿٧٢﴾ نَحْنُ جَعَلْنَٰهَا تَذْكِرَةً وَمَتَٰعًا لِّلْمُقْوِينَ ﴿٧٣﴾ فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

*"Tidakah kamu perhatikan api yang kamu nyalakannya (dari kayu pokok yang basah)(71). Kamukah yang menciptakan pokoknya atau Kamikah yang menciptakannya?(72). Kami jadikan api itu peringatan (kepada api Neraka) dan kesenangan kepada orang-orang yang musafir(73). Oleh itu bertasbihlah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Besar."(74)*

(Surah al-Waqi'ah: 71-74)

Al-Qur'an telah menjadikan perkara-perkara lumrah di sisi manusia dan kejadian-kejadian yang berlaku berulang-ulang kali itu sebagai isu-isu universal yang amat besar, di mana ia mendedahkan undang-undang Ilahiyah di dalam kejadian-kejadian alam itu dan ia membentuk dengan kejadian-kejadian itu satu 'aqidah yang besar dan syumul dan kefahaman yang sempurna terhadap alam buana di samping membentuk satu methodologi penelitian dan pemikiran. Isu-isu ini juga memberi hayat kepada roh dan hati manusia, memberi kesedaran kepada perasaan dan pancaindera mereka, memberi kesedaran kepada mereka terhadap fenomena alam buana yang dilihat manusia pagi dan petang dengan hati yang lalai, dan seterusnya ia memberi kesedaran terhadap kejadian diri mereka sendiri dan segala perkara yang aneh dan luar biasa yang berlaku di dalam diri mereka.

### *Hikmat Didedahkan Kejadian-kejadian Alam Yang Lumrah Kepada Manusia*

Al-Qur'an tidak menyerahkan manusia kepada kejadian-kejadian ganjil dan luar biasa dan kepada mu'jizat-mu'jizat tertentu yang terbatas bilangannya. Begitu juga Al-Qur'an tidak mentaklifkan mereka mengkaji kejadian-kejadian luar biasa, peristiwa-peristiwa mu'jizat, bukti-bukti dan dalil-dalil yang jauh terasing dari diri mereka dan dari lumrahan-lumrahan hidup mereka, juga jauh terasing dari fenomena-fenomena alam yang dekat dan lumrah kepada mereka...... Al-Qur'an tidak membawa mereka jauh ke dalam isu-isu falsafah yang rumit atau rencam atau ke dalam permasalahan-pemasalahan 'aqliyah yang sukar atau ke dalam ujian-ujian ilmiyah yang tidak mampu digarapkan oleh setiap orang... untuk membentuk 'aqidah di dalam hati mereka dan untuk melahirkan kefahaman terhadap alam buana dan terhadap hayat yang berlandaskan 'aqidah ini.

Kejadian diri mereka sendiri dari ciptaan Allah dan kejadian fenomena-fenomena alam di sekeliling mereka juga dari ciptaan qudrat Allah dan elemen mu'jizat adalah tersembunyi dalam setiap kejadian yang diciptakan tangan qudrat-Nya. Al-Qur'an ini adalah Al-Qur'an Allah dan justeru itu Al-Qur'an membimbing mereka supaya meneliti kejadian-kejadian luar biasa yang lumrah kepada mereka, iaitu kejadian-kejadian yang selalu dilihat mereka tanpa merasakan sesuatu elemen mu'jizat yang ada pada kejadian ini. Oleh kerana kejadian-kejadian itu terlalu lumrah kepada mereka, maka mereka tidak lagi menyedari elemen-elemen mu'jizat yang ada pada kejadian itu. Al-Qur'an membimbing mereka kepada kejadian-kejadian luar biasa yang lumrah kepada mereka untuk membuka mata mereka supaya melihat rahsia yang besar yang terkandung di dalam kejadian-kejadian itu, iaitu rahsia qudrat Allah yang amat

kreatif, rahsia Wahdaniyah Allah Yang Maha Esa dan rahsia undang-undang azali yang berfungsi di dalam diri mereka di samping berfungsi di dalam alam buana di sekeliling mereka, iaitu undang-undang azali yang membawa bukti-bukti keimanan dan dalil-dalil 'aqidah yang diwujudkan di sana sini di dalam diri mereka, atau dengan ungkapan yang lebih halus undang-undang azali yang menggerakkan bukti-bukti itu di dalam fitrah mereka.

Inilah methodologi yang diikuti oleh Al-Qur'an apabila ia mempamerkan kepada mereka bukti-bukti qudrat Allah Yang Maha Kreatif, yang menciptakan diri mereka sendiri, tanaman-tanaman yang digarapkan tangan mereka, air yang diminumkan mereka dan api yang dinyalakan mereka dan semuanya itu merupakan kejadian-kejadian yang paling ringkas yang selalu dilihat mereka dalam lumrahan-lumrahan hidup mereka. Begitu juga Al-Qur'an menggambarkan kepada mereka detik penghabisan hidup di muka bumi ini dan permulaan hidup di alam Akhirat, iaitu satu detik yang dihadapi setiap orang. Ia merupakan satu detik, di mana berakhirnya segala helah manusia dan satu detik di mana seluruh yang hidup berdiri di hadapan qudrat Ilahi yang mutlak dengan pendirian yang muktamad, di mana tiada ruang lagi untuk berhelah dan berikhtiar dan di mana segala topeng gugur dan segala dalihan tidak berfungsi.

***Pembinaan Alam Sama Dengan Pembinaan Al-Qur'an***

Cara Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia itu dengan sendirinya menunjukkan siapakah sumbernya Al-Qur'an itu. Ia tidak lain melainkan sumber yang melahirkan alam buana itu sendiri. Cara pembinaan Al-Qur'an sama dengan cara pembinaan alam buana. Alam dibina dari bahan alam yang paling ringkas iaitu dari bahan ini telah diadakan bentuk-bentuk, kejadian-kejadian yang paling rencam dan ciptaan-ciptaan yang paling besar. Atom misalnya telah diandaikan sebagai bahan pembinaan alam dan sel juga telah diandaikan sebagai bahan pembinaan hayat. Atom yang amat kecil dan seni itu merupakan satu mu'jizat dan sel yang amat kerdil dan kecil itu juga merupakan satu mu'jizat... Sementara di sini, di dalam pembinaan Al-Qur'an pula, pemandangan-pemandangan alam yang paling ringkas dan lumrah kepada manusia telah dijadikan bahan untuk membina 'aqidah yang paling besar dan membentuk satu kefahaman universal yang paling luas, iaitu pemandangan-pemandangan yang termasuk di dalam pengalaman setiap insan seperti pemandangan-pemandangan kelahiran anak, tanaman, air, api dan maut. Di manakah seorang insan di muka bumi ini yang tidak pernah melihat pemandangan-pemandangan ini dalam pengalaman hidupnya? Di manakah seorang insan yang menghuni gua yang tidak pernah menyaksi pertumbuhan janin manusia, perkembangan hidup tumbuhan-tumbuhan, tempat gugur hujan, tempat bernyalanya api dan detik-detik kematian? Pemandangan-pemandangan yang ringkas dan bersahaja itu sendiri merupakan hakikat-hakikat alam buana yang paling besar dan rahsia-rahsia Rabbaniyah yang paling agung. Walaupun pemandangan-pemandangan itu ringkas, namun ia dapat berbicara dengan fitrah setiap manusia, dan walaupun ia begitu mudah, namun pada hakikatnya ia merupakan maudhu' kajian ahli ilmu yang paling alim hingga ke akhir zaman.

Kami tidak dapat pergi lebih jauh dari ini dalam menjelaskan tabiat "Al-Qur'an" yang menunjukkan siapakah sumbernya yang sebenar? Setakat ini cukuplah agar kita dapat kembali semula kepada penjelasan surah....

Amatlah tepat firman Allah Yang Maha Agung:

وَمَا كَانَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ أَن يُفْتَرَىٰ مِن دُونِ ٱللَّهِ

*"Al-Qur'an ini tidak mungkin diadakan oleh yang lain dari Allah."(37)*

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا۟ مَنِ ٱسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٨﴾

*"Atau apakah wajar mereka mengatakan bahawa dia (Muhammad) telah mengada-adakan Al-Qur'an. Katakanlah: Jika benar begitu, maka silalah kamu bawa satu surah yang sama setanding dengan Al-Qur'an dan jemputlah siapa sahaja yang dapat kamu jemput (untuk membantu kamu) selain Allah jika kamu benar."(38)*

Ayat yang berikut beralih dari berdebat dengan mereka setelah mengemukakan cabaran ini untuk menjelaskan bahawa mereka sebenarnya hanya mengikut prasangka sahaja; mereka menghukum perkara-perkara yang tidak diketahui mereka, sedangkan hukuman itu seharusnya dilakukan setelah mereka mengetahui sesuatu yang hendak dihukumkan itu. Mereka tidak seharusnya berpegang kepada kehendak hawa nafsu atau kepada semata-mata prasangka. Di sini mereka telah menghukumkan wahyu Allah yang menurunkan Al-Qur'an dan segala pernyataannya yang benar tentang janji-janji Syurga dan Neraka, iaitu mereka mendustakan semuanya ini, sedangkan mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang menjadi landasan pendustaan mereka dan belum lagi sampai kepada mereka penjelasannya yang sebenar:

بَلْ كَذَّبُوا۟ بِمَا لَمْ يُحِيطُوا۟ بِعِلْمِهِۦ وَلَمَّا يَأْتِهِمْ تَأْوِيلُهُۥ

*"Malah mereka telah mendustakan sesuatu yang belum diketahui mereka dengan sempurna dan sebelum datang penjelasannya kepada mereka."(39)*

Keadaan mereka dalam perkara ini samalah dengan keadaan para pendusta sebelum mereka yang terdiri dari orang-orang yang zalim, yang mempersekutukan Allah. Oleh itu kepada mereka yang ingin mengambil perhatian, telitilah nasib kesudahan yang telah

diterima oleh orang-orang yang terdahulu itu supaya mereka dapat meyakini akibatnya:

كَذَٰلِكَ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۖ فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ
عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ٣٩

*"Demikianlah cara orang-orang sebelum mereka mendustakan (rasul-rasul). Oleh itu lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang zalim itu?"(39)*

Jika kebanyakan mereka hanya mengikut prasangka sahaja dan mendustakan sesuatu yang belum diketahui mereka, maka di sana ada di antara mereka orang-orang yang beriman kepada kitab suci Al-Qur'an. Seluruh mereka bukannya pendusta-pendusta belaka:

وَمِنۡهُم مَّن يُؤۡمِنُ بِهِۦ وَمِنۡهُم مَّن لَّا يُؤۡمِنُ بِهِۦۚ
وَرَبُّكَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُفۡسِدِينَ ٤٠

*"Dan di antara mereka ada yang beriman kepada Al-Qur'an dan di antara mereka juga ada yang tidak beriman kepadanya, dan Tuhanmu lebih mengetahui tentang orang-orang yang melakukan kerosakan."(40)*

### *Akibat Menurut Perangsang*

Insan mufsidin atau manusia-manusia perosak ialah manusia-manusia yang tidak beriman. Segala kerosakan yang berlaku di bumi ini ialah kerana kesesatan manusia dari beriman kepada Allah dan mengabdikan diri kepada-Nya. Tiada kerosakan yang berlaku di bumi melainkan disebabkan kerana manusia memberi keta'atan dan kepatuhan mereka kepada yang lain dari Allah, dan akibatnya melahirkan kesan yang buruk kepada kehidupan manusia dari segala sudut, iaitu kesan yang buruk kepada diri sendiri dan kepada orang lain kerana mengikut hawa nafsu dan kesan yang buruk kerana wujudnya tuhan-tuhan palsu yang merosakkan segala sesuatu untuk mengekalkan ketuhanan mereka yang palsu. Mereka merosakkan akhlak manusia dan jiwa mereka, merosakkan fikiran-fikiran dan kefahaman-kefahaman mereka dan akhirnya mereka merosakkan kepentingan-kepentingan dan harta benda mereka untuk mengekalkan ketuhanan mereka yang palsu. Sejarah jahiliyah di zaman purba dan di zaman moden penuh dengan kerosakan-kerosakan yang dilakukan oleh manusia-manusia perosak yang tidak beriman kepada Allah.

Setelah menjelaskan pendirian insan-insan mufsidin terhadap Al-Qur'an, maka Allah iringi dengan arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya jangan terpengaruh kepada pendustaan para pendusta dan berlepas tangan dari mereka dan mengumumkan kepada mereka bahawa beliau tidak kena mengena dengan mereka serta berpisah dari mereka dengan berpegang kepada kebenaran yang ada pada mereka begitu jelas, tegas dan yakin:

وَإِن كَذَّبُوكَ فَقُل لِّي عَمَلِي وَلَكُمۡ عَمَلُكُمۡۖ أَنتُم بَرِيٓـُٔونَ
مِمَّآ أَعۡمَلُ وَأَنَا۠ بَرِيٓءٞ مِّمَّا تَعۡمَلُونَ ٤١

*"Dan seandainya mereka mendustakanmu, maka katakanlah: Aku dengan perbuatanku dan kamu dengan perbuatan kamu, kamu tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan yang dilakukanku dan aku tidak bertanggung-jawab terhadap perbuatan yang dilakukan kamu."(41)*

Ayat ini bertujuan mencubit perasaan mereka dengan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya memisahkan diri dari mereka dan perbuatan mereka dan membiarkan mereka menghadapi nasib kesudahan mereka dengan seorang diri setelah Allah menerangkan nasib kesudahan yang mengerikan itu. Ini samalah dengan tindakan anda membiarkan, anak anda yang degil dan tidak mahu mengikuti jalan anda di tengah jalan dengan seorang diri agar ia menghadapi nasib kesudahannya dengan sendirian sahaja tanpa dibantu oleh anda. Uslub menggunakan ugutan yang seperti ini seringkali berjaya.

Ayat yang berikut menayangkan sikap setengah-setengah mereka terhadap Rasulullah s.a.w. ketika mereka mendengar bicara beliau dengan hati mereka yang tertutup. Mereka memandang beliau dengan mata mereka, sedangkan mata hati mereka buta. Oleh itu mereka tidak memperolehi sesuatu apa pun dari pendengaran dan penglihatan mereka dan akibatnya mereka tidak menemui jalan hidayat:

وَمِنۡهُم مَّن يَسۡتَمِعُونَ إِلَيۡكَۚ أَفَأَنتَ تُسۡمِعُ ٱلصُّمَّ
وَلَوۡ كَانُواْ لَا يَعۡقِلُونَ ٤٢
وَمِنۡهُم مَّن يَنظُرُ إِلَيۡكَۚ أَفَأَنتَ تَهۡدِي ٱلۡعُمۡيَ وَلَوۡ كَانُواْ
لَا يُبۡصِرُونَ ٤٣

*"Dan di antara mereka ada yang memberi pendengarannya kepadamu, tetapi apakah engkau dapat memperdengarkan orang yang tuli walaupun mereka tidak mengerti?(42). Dan di antara mereka ada orang yang melihat kepadamu, tetapi apakah engkau dapat menghidayatkan orang-orang yang buta walaupun mereka tidak nampak?"(43)*

Manusia-manusia yang mendengar tetapi tidak memahami apa yang didengarnya dan manusia-manusia yang melihat tetapi tidak dapat membezakan apa yang dilihatnya memang ramai didapati di setiap zaman dan di setiap tempat. Tetapi Rasulullah s.a.w. tidak dapat berbuat apa-apa terhadap mereka kerana pancaindera dan anggota-anggota mereka tidak bersambung dengan akal dan hati mereka seolah-olah pendengaran dan mata mereka rosak dan tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya yang sebenar, sedangkan Rasulullah s.a.w. tidak mampu menjadikan si tuli itu mendengar dan si buta itu melihat, kerana ini adalah urusan Allah Azzawajalla. Allah telah mengadakan undang-undang dan peraturan dan meninggalkan manusia kepada kehendak hukuman

undang-undang dan peraturan itu. Allah mengurniakan daya pendengaran dan penglihatan dan daya pemikiran kepada manusia supaya mereka mendapat hidayat, tetapi apabila mereka mensia-siakan daya-daya itu, nescaya mereka akan menerima akibat dari hukuman undang-undang dan peraturan Allah yang tidak pernah mungkir dan memilih kasih dan Allah tidak akan menzalimi mereka sedikit pun:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظۡلِمُ ٱلنَّاسَ شَيۡـٔٗا وَلَٰكِنَّ ٱلنَّاسَ أَنفُسَهُمۡ يَظۡلِمُونَ ٤٤

*"Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menzalimi manusia walau sedikit pun, tetapi manusia sendiri yang menzalimi diri mereka."(44)*

Dalam ayat-ayat yang akhir ini Allah menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang sedang runsing dan bosan menghadapi pendustaan mereka terhadap kebenaran yang dibawa olehnya. Mereka telah memperlihatkan kedegilan mereka yang biadab setelah diberi penerangan dan penjelasan yang berulang-ulang kali. Itulah kedegilan yang telah dijelaskan Allah kepada beliau bahawa kedegilan mereka untuk menerima hidayat bukanlah kerana kelemahan usaha beliau dan bukan pula kerana kelemahan kebenaran yang diperjuangkan beliau, tetapi kerana mereka seolah-olah telah menjadi pekak dan buta. Dan tiada siapa yang boleh membuka telinga yang pekak dan mata yang buta kecuali Allah. Urusan ini adalah di luar dari tabiat da'wah dan penda'wah dan ia adalah urusan yang termasuk dalam ikhtisas Allah.

Di dalam ayat-ayat yang akhir ini juga dikemukakan penjelasan yang tegas tentang sifat 'Ubudiyah dan bidang-bidangnya walaupun sifat 'Ubudiyah yang ada pada Rasulullah s.a.w. sendiri, kerana beliau juga hanya seorang hamba dari hamba-hamba Allah yang tidak mempunyai sebarang kuasa di luar bidang 'Ubudiyah kerana seluruh urusan itu diterajui Allah.

### (Pentafsiran ayat 45)

#### *Manusia Cuma Hidup Di Dunia Ini Sesa'at Sahaja*

Selepas itu ayat yang berikut mencubit perasaan mereka secara sepintas lalu dengan menayangkan satu senario dari senario-senario Qiamat, di mana kehidupan dunia yang menekan perasaan mereka, memenuhi hati dan menelan segala perhatian dan prihatin mereka hanya kelihatan merupakan satu perjalanan yang amat pantas, iaitu mereka hanya tinggal di sana sebentar sahaja, kemudian mereka terus pulang ke tempat kediaman mereka yang kekal dan ke negeri mereka yang sebenar.

وَيَوۡمَ يَحۡشُرُهُمۡ كَأَن لَّمۡ يَلۡبَثُوٓاْ إِلَّا سَاعَةٗ مِّنَ ٱلنَّهَارِ يَتَعَارَفُونَ بَيۡنَهُمۡۚ قَدۡ خَسِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِلِقَآءِ ٱللَّهِ وَمَا كَانُواْ مُهۡتَدِينَ ٤٥

*"Dan ingatlah hari Kami mengumpulkan seluruh mereka (lalu mereka merasa) seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia ini kecuali sesa'at sahaja di siang hari, di mana mereka berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuan dengan Allah dan mereka sekali-kali tidak mendapat hidayat."(45)*

Di dalam penjelajahan yang pendek ini kita melihat manusia yang dikumpulkan di Mahsyar itu tiba-tiba terperanjat kerana merasa perjalanan hidup mereka di dunia itu terlalu singkat seolah-olah sesa'at di siang hari sahaja, di mana mereka habiskannya untuk berkenal-kenalan di antara sesama mereka kemudian tiba-tiba tabir hidup duniawi terus dilabuhkan.

Atau gambaran ini merupakan semata-mata suatu kiasan bagi hidup duniawi dan bagi manusia yang masuk kemudian keluar seolah-olah mereka tidak sempat melakukan sesuatu selain dari bertemu dan berkenalan di antara satu sama lain.

Ia merupakan suatu kiasan, tetapi kiasan yang benar, yang bertaraf haqqul-yaqin, jika tidak, mengapakah manusia di muka bumi ini tidak habis-habis dari aktiviti berkenal-kenalan di antara satu sama lain? Mereka datang dan pergi dan hampir-hampir tiada seorang pun dari mereka yang selesai dari aktiviti berkenal-kenalan dengan orang-orang lain, dan hampir tiada satu kelompok manusia pun yang selesai dari aktiviti berkenal-kenalan dengan kelompok-kelompok yang lain dan setelah itu mereka pergi.

Dan jika tidak, mengapa masih ada individu-individu yang bergaduh dan berkelahi antara satu sama lain dan masih berlaku perselisihan faham di setiap waktu di antara mereka? Apakah mereka telah selesai berkenal-kenalan di antara satu sama lain sebagaimana sepatutnya?

Lihatlah pula kepada bangsa-bangsa dan negara-negara yang terus berperang. Mereka berperang bukan berlandaskan hak umum yang benar dan bukan pula berlandaskan peraturan yang sihat, malah mereka berperang kerana perkara-perkara dan matabenda-matabenda dunia yang kecil. Apakah ini menunjukkan bahawa mereka telah mengenali satu sama lain? Mereka terus berperang, habis satu peperangan masuk pula ke dalam peperangan yang baru.

Ayat ini suatu kiasan untuk menggambarkan betapa pendeknya hidup duniawi, tetapi di samping itu ia menggambarkan satu hakikat yang amat mendalam tentang hubungan yang wujud di antara manusia dalam hidup ini kemudian mereka berlepas pergi meninggal dunia ini!

Di bawah bayangan senario ini dapat dilihat dengan jelas betapa besarnya kerugian yang dialami oleh

mereka yang menumpukan seluruh perhatian dan keprihatinan mereka kepada perjalanan hidup duniawi yang amat singkat ini dan mendustakan pertemuan dengan Allah. Mereka lupakan Allah kerana terlalu sibuk dalam perjalanan hidup duniawi yang amat singkat itu, dan kerana itu mereka tidak sempat menyediakan sesuatu bekalan untuk bertemu dengan Allah, begitu juga mereka tidak sempat berbekal untuk menjalani hidup yang panjang di negeri Akhirat yang kekal abadi:

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ ٱللَّهِ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿٤٥﴾

*"Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuan dengan Allah dan mereka sekali-kali tidak mendapat hidayat."(45)*

**(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 54)**

Dari pemandangan singkat mengenai hari perhimpunan di padang Mahsyar dan mengenai hari-hari sebelumnya di dalam kehidupan duniawi hingga kepada percakapan dengan Rasulullah s.a.w. mengenai janji seksa yang dijanjikan Allah kepada para pendusta, iaitu suatu janji seksa yang sulit, yang tidak diketahui mereka sama ada ia akan menimpa mereka besok atau mereka akan terus tertunggu-tunggu sehingga sampai hari balasan. Janji itu mengancam di atas kepala mereka supaya mereka kembali bertaqwa dan menerima hidayat. Kemudian sedikit demi sedikit perjalanan yang dimulakan dengan pembicaraan mengenai janji seksa itu berakhir kepada titik penghabisannya, iaitu pada hari di mana segala tebusan tidak lagi berguna walaupun tebusan itu sebanyak isi bumi seluruhnya, dan pada hari itu Allah akan mengenakan hukuman yang adil dan tiada seorang pun yang dizaliminya. Penjelasan ini dilakukan mengikut uslub Al-Qur'an yang menyambung dunia dengan Akhirat dalam kata-kata yang sedikit dan masa yang singkat dan dengan gambaran hidup yang mencubit hati. Dan dalam waktu yang sama ia menggambarkan hakikat perhubungan di antara dua negara dan dua kehidupan dunia dan Akhirat sebagaimana yang wujud di dalam realiti dan sebagaimana yang seharusnya ditangkap di dalam kefahaman Islam yang betul:

وَإِمَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِلَيْنَا
مَرْجِعُهُمْ ثُمَّ ٱللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ ﴿٤٦﴾
وَلِكُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولٌ ۖ فَإِذَا جَآءَ رَسُولُهُمْ قُضِىَ
بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٤٧﴾
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾
قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِى ضَرًّا وَلَا نَفْعًا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۗ
لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۚ إِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَلَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً
وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾
قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُهُۥ بَيَٰتًا أَوْ نَهَارًا مَّاذَا
يَسْتَعْجِلُ مِنْهُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٥٠﴾
أَثُمَّ إِذَا مَا وَقَعَ ءَامَنتُم بِهِۦٓ ۚ ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ كُنتُم بِهِۦ
تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٥١﴾
ثُمَّ قِيلَ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْخُلْدِ هَلْ
تُجْزَوْنَ إِلَّا بِمَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٥٢﴾
وَيَسْتَنۢبِـُٔونَكَ أَحَقٌّ هُوَ ۖ قُلْ إِى وَرَبِّىٓ إِنَّهُۥ لَحَقٌّ ۖ
وَمَآ أَنتُم بِمُعْجِزِينَ ﴿٥٣﴾
وَلَوْ أَنَّ لِكُلِّ نَفْسٍ ظَلَمَتْ مَا فِى ٱلْأَرْضِ لَٱفْتَدَتْ بِهِۦ ۗ
وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم
بِٱلْقِسْطِ ۚ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٥٤﴾

*"Dan sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian 'azab yang Kami janjikan kepada mereka atau Kami mewafatkan engkau sebelum itu, maka mereka tetap juga akan kembali kepada Kami, kemudian Allah tetap menyaksi segala perbuatan yang dilakukan mereka(46). Dan setiap umat mempunyai rasul masing-masing, oleh itu apabila mereka telah didatangi rasul mereka, maka mereka kelak akan diadili di antara mereka dengan adil dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai(47). Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini, jika kamu benar?(48). Katakanlah: Aku tidak berkuasa memberikan kemudharatan dan tidak pula kemanfa'atan kepada diriku sendiri kecuali apa yang dikehendaki Allah. Setiap umat mempunyai ajal masing-masing. Apabila ajal mereka tiba, mereka tidak dapat memohon supaya ditundakannya dan tidak pula dapat memohon supaya dipercepatkannya walaupun sesa'at pun(49). Katakanlah: Terangkan kepadaku jika kamu ditimpakan 'azab-Nya di waktu malam atau siang hari, maka apakah gunanya orang-orang yang berdosa itu masih hendak memohon supaya disegerakan 'azab itu(50). Apakah sesudah berlakunya 'azab itu barulah kamu percaya kepadanya? Apakah sekarang kamu telah percaya kepadanya sedangkan dahulunya kamu meminta supaya disegerakannya?(51). Kemudian dikatakan kepada orang-orang yang zalim (Musyrikin): Rasakanlah kamu 'azab yang kekal abadi. Kamu tidak dibalas melainkan kerana kesalahan-kesalahan yang telah diusahakan kamu(52). Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) apakah 'azab yang dijanjikan itu benar? Katakanlah: Ya benar, demi Tuhanku, sesungguhnya 'azab itu adalah benar dan kamu tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah(53). Dan seandainya setiap orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu memiliki segala isi bumi nescaya mereka tebuskan diri*

*mereka dengannya. Dan mereka telah menyembunyikan perasaan menyesal ketika mereka melihat 'azab. Pengadilan di antara mereka telah diputuskan dengan adil dan mereka sekali-kali tidak dianiayai."(54)*

### *Janji Tetap Janji Walaupun Muhammad Telah Wafat*

Rangkaian ayat-ayat ini dimulakan dengan menjelaskan bahawa seluruh manusia itu kembali kepada Allah sama ada janji seksa yang diperintahkan Allah kepada Rasul-Nya supaya disampaikan kepada mereka telah berlaku dalam masa hayat beliau atau selepas wafatnya, kerana perkembalian kepada Allah tetap berlaku dalam kedua-dua keadaan itu dan Allah tetap menyaksi segala perbuatan yang dilakukan mereka semasa hidup Rasulullah s.a.w. atau selepas wafatnya. Oleh itu tiada suatu amalan pun dari amalan-amalan mereka yang akan terluput, dan kewafatan Rasulullah s.a.w. tidak akan dapat melepaskan mereka dari 'azab yang dijanjikan Allah kepada mereka:

وَإِمَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ ثُمَّ ٱللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ ﴿٤٦﴾

*"Dan sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian 'azab yang Kami janjikan kepada mereka atau Kami mewafatkan engkau sebelum itu, maka mereka tetap juga akan kembali kepada Kami, kemudian Allah tetap menyaksi segala perbuatan yang dilakukan mereka."(46)*

Urusan keputusan janji 'azab itu telah pun diatur mengikut programnya, tiada sehuruf pun yang dipotong dan tiada suatu kejadian yang mendadak dan tiada suatu situasi yang boleh mengubahkan keputusan itu, cuma setiap kaum di bumi diberi tempoh yang tertentu sehingga datang rasul mereka memberi peringatan dan penjelasan kepada mereka supaya mereka mendapat hak mereka yang telah diwajibkan Allah ke atas dirinya bahawa Dia tidak akan menyeksakan sesuatu kaum melainkan setelah dibangkitkan rasul di kalangan mereka dan setelah mereka diberi amaran oleh para nabi dan di waktu inilah Allah akan mengadili di antara mereka dengan penuh keadilan mengikut sejauh mana mereka menyambut da'wah rasul-Nya:

### *Setiap Umat Mempunyai rasul masing-masing*

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولٌ فَإِذَا جَآءَ رَسُولُهُمْ قُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٤٧﴾

*"Dan setiap umat mempunyai rasul masing-masing, oleh itu apabila mereka telah didatangi rasul mereka, maka mereka kelak akan diadili di antara mereka dengan adil dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai."(47)*

Dari dua ayat ini kita berdiri di hadapan hakikat Uluhiyah dan hakikat 'Ubudiyah yang menjadi asas kefahaman Islam seluruhnya. Methodologi Al-Qur'an sentiasa memberi perhatian yang berat kepada hakikat ini dengan menerang dan menjelaskannya di setiap tempat yang sesuai dan dengan gambaran yang beranekaragam.

Kepada Rasulullah s.a.w. telah dijelaskan bahawa urusan 'aqidah ini dan urusan kaum yang dihadapkan 'aqidah ini kepada mereka adalah semuanya di tangan Allah, sedangkan engkau (wahai Muhammad) tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam urusan ini. Peranan engkau di dalam urusan ini hanya menyampaikannya kepada manusia dan di sebalik peranan ini semua urusan yang lain di tangan Allah. Mungkin ajal engkau berakhir, sedangkan engkau belum lagi sempat melihat nasib kesudahan kaum yang telah mendustakan engkau, menunjukkan sikap yang degil terhadap engkau, menindas dari menyakiti engkau, kerana Allah tidak semestinya menunjukkkan kepada engkau akibat dan balasan yang menimpa mereka kerana urusan ini hanya berada di dalam kekuasaan Allah sahaja, sedangkan tugas engkau dan setiap rasul ialah menyampaikannya kepada manusia kemudian rasul itu akan pergi dan meninggalkan segala urusan kepada Allah. Ia ditetapkan sedemikian supaya manusia mengetahui bidang tugas mereka dan supaya para penda'wah tidak menuntut kepada Allah agar disegerakan pengenaan 'azab Allah walaupun selama mana mereka berda'wah dan sejauh mana mereka menderita kerana da'wah.

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾

*"Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini, jika kamu benar?"(48)*

Mereka telah bertanya dengan mencabar dan meminta agar janji 'azab yang dijanjikan oleh Nabi s.a.w. itu ditimpakan segera ke atas mereka sebagaimana Allah telah menimpakannya ke atas umat-umat yang silam yang telah mendustakan para rasul mereka. Lalu dijawab:

قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِى ضَرًّا وَلَا نَفْعًا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۗ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۚ إِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَلَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾

*"Katakanlah: Aku tidak berkuasa memberikan kemudharatan dan tidak pula kemanfa'atan kepada diriku sendiri kecuali apa yang dikehendaki Allah. Setiap umat mempunyai ajal masing-masing. Apabila ajal mereka tiba, mereka tidak dapat memohon supaya ditundakannya dan tidak pula dapat memohon supaya dipercepatkannya walau sesa'at pun."(49)*

Dan seandainya Rasulullah s.a.w. tidak berupaya mendatangkan kemudharatan dan kemanfa'atan kepada dirinya sendiri, maka sudah tentu beliau tidak berupaya mendatangkan kemudharatan dan kemanfa'atan kepada orang lain. Di dalam ayat ini

didahulukan sebutan kemudharatan, walaupun beliau diperintahkan Allah supaya menceritakan hal dirinya, kerana mereka memohon supaya disegera penimpaan kemudharatan itu. Oleh sebab itulah didahulukan sebutan kemudharatan itu untuk tujuan keselarasan, tetapi di tempat yang lain di dalam Surah al-A'raf (ayat:188) didahulukan sebutan kemanfa'atan dalam ungkapan yang sama kerana itulah yang lebih munasabah dipohon oleh beliau untuk dirinya:

قُل لَّآ أَمۡلِكُ لِنَفۡسِي نَفۡعٗا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُۚ وَلَوۡ كُنتُ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ لَٱسۡتَكۡثَرۡتُ مِنَ ٱلۡخَيۡرِ وَمَا مَسَّنِيَ ٱلسُّوٓءُۚ إِنۡ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٞ وَبَشِيرٞ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ﴿١٨٨﴾

*"Katakanlah: Aku tidak berkuasa memberikan kemanfa'atan dan tidak pula kemudharatan kepada diriku sendiri kecuali apa yang dikehendaki Allah, dan jika aku mengetahui urusan ghaib tentulah aku berusaha untuk mendapatkan sebanyak-banyak kebaikan dan tentulah aku tidak pernah disentuh oleh sesuatu kesusahan."(188)*

(Surah al-A'araf: 188)

قُل لَّآ أَمۡلِكُ لِنَفۡسِي ضَرّٗا وَلَا نَفۡعًا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُۗ

*"Katakanlah: Aku tidak berkuasa memberikan kemudharatan dan tidak pula kemanfa'atan kepada diriku sendiri kecuali apa yang dikehendaki Allah."*

Di sini jelaslah bahawa urusan ini terletak di tangan kekuasaan Allah, Dialah yang berkuasa merealisasikan janji 'azab-Nya tepat pada waktu yang dikehendaki-Nya. Dan Sunnatullah itu tidak pernah mungkir dan ajal yang telah ditetapkan Allah tidak mungkin dipohon supaya dipercepatkan:

لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌۚ إِذَا جَآءَ أَجَلُهُمۡ فَلَا يَسۡتَـٔۡخِرُونَ سَاعَةٗ وَلَا يَسۡتَقۡدِمُونَ ﴿٤٩﴾

*"Setiap umat mempunyai ajal masing-masing. Apabila ajal mereka tiba, mereka tidak dapat memohon supaya ditundakannya dan tidak pula dapat memohon supaya dipercepatkannya walaupun sesa'at."(49)*

***Setiap Umat Mempunyai Ajalnya***

Ajal itu kadang-kadang berakhir dengan kebinasaan fizikal, iaitu kebinasaan penghapusan sebagaimana yang telah berlaku kepada setengah-setengah umat yang silam, dan kadang-kadang berakhir dengan kebinasaan mental iaitu kebinasaan dalam bentuk kekalahan dan kehilangan semangat dan arah tujuan sebagaimana yang dialami oleh berbagai-bagai umat sama ada dalam satu tempoh yang tertentu kemudian selepas itu mereka hidup dan bangkit kembali, atau untuk selama-lamanya di mana mereka lemah dan kehilangan syakhsiah umat dan akhirnya terus terhapus sebagai satu umat walaupun wujud sebagai individu-individu. Semuanya itu berlaku mengikut Sunnatullah yang tidak berubah, iaitu Sunnatullah yang tidak berlangsung secara kebetulan serampangan, dan tidak pula secara zalim dan pilih kasih. Umat-umat yang berpegang dengan punca-punca hayat akan terus hidup, dan umat-umat yang menyeleweng darinya akan menjadi lemah atau terhapus atau mati mengikut sejauh mana penyelewengannya. Umat Muslimin telah ditetapkan Allah bahawa hidup mereka adalah terletak kepada kepatuhan mereka mengikut ajaran Rasulullah yang menyeru mereka kepada ajaran-ajaran yang menghidupkan mereka. Mereka tidak hidup dengan semata-mata 'aqidah sahaja, malah dengan amalan-amalan yang ditetapkan oleh 'aqidah di dalam berbagai-bagai bidang kehidupan, juga dengan hidup mengikut sistem yang disyari'atkan Allah kepada mereka atau mengikut syari'at yang diturunkan Allah dan mengikut nilai-nilai yang ditetapkan Allah, dan jika tidak, mereka akan menemui ajal mengikut Sunnatullah.

Kemudian ayat yang berikut mencabar mereka dengan satu pertanyaan yang mencubit perasaan dan mengubahkan mereka dari kedudukan seorang penyoal yang sinis dan mencabar kepada kedudukan seorang yang diancam bahaya yang mungkin menimpanya pada bila-bila waktu sahaja sama ada malam atau siang:

قُلۡ أَرَءَيۡتُمۡ إِنۡ أَتَىٰكُمۡ عَذَابُهُۥ بَيَٰتًا أَوۡ نَهَارٗا مَّاذَا يَسۡتَعۡجِلُ مِنۡهُ ٱلۡمُجۡرِمُونَ ﴿٥٠﴾

*"Katakanlah: Terangkan kepadaku jika kamu ditimpakan 'azab-Nya di waktu malam atau di siang hari, maka apakah gunanya orang-orang yang berdosa itu masih hendak memohon supaya disegerakan 'azab itu."(50)*

'Azab Allah yang berada di alam ghaib, yang tidak diketahui masa berlakunya dan yang mungkin menimpa kamu di waktu malam ketika kamu sedang tidur nyenyak atau menimpa kamu di waktu siang ketika kamu sedang jaga dan berada dalam kesedaran itu, tidak mungkin dihindari oleh kesedaran kamu. Apakah gunanya orang-orang yang berdosa dari kamu masih terus meminta agar 'azab itu disegera juga? Sedangkan 'azab itu sama sekali tidak memberi apa-apa kebaikan kepada mereka jika mereka meminta supaya disegerakannya.

Ketika mereka sedang terperanjat menerima pertanyaan yang memindahkan perasaan mereka ke arah pemikiran 'azab Allah yang akan menimpakan mereka, maka ayat yang berikut mengejutkan mereka bahawa 'azab yang dijanjikan itu telah pun berlaku walaupun sebenarnya 'azab itu belum lagi berlaku, tetapi Al-Qur'an menggambarkannya seolah-olah telah berlaku untuk mencubitkan perasaan mereka dan menyentuh minda mereka:

أَثُمَّ إِذَا مَا وَقَعَ ءَامَنتُم بِهِۦٓۚ ءَآلۡـَٰٔنَ وَقَدۡ كُنتُم بِهِۦ تَسۡتَعۡجِلُونَ ﴿٥١﴾

*"Apakah sesudah berlakunya 'azab itu barulah kamu percaya kepada-Nya? Apakah sekarang kamu telah percaya kepadanya sedangkan dahulunya kamu meminta supaya disegerakannya?"(51)*

Seolah-olah 'azab itu telah berlaku, seolah-olah mereka telah percaya kepada-Nya dan seolah-olah mereka telah dihadapkan dengan kecaman ini dalam satu senario yang disaksikan mereka sekarang ini.

Kemudian senario itu terus disambung hingga ke akhirnya:

ثُمَّ قِيلَ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْخُلْدِ هَلْ تُجْزَوْنَ إِلَّا بِمَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٥٢﴾

*"Kemudian dikatakan kepada orang-orang yang zalim (Musyrikin): Rasakanlah kamu 'azab yang kekal abadi. Kamu tidak dibalas melainkan dengan sebab kesalahan-kesalahan yang telah diusahakan kamu."(52)*

Demikianlah melalui penjelasan ayat-ayat ini kita dapati diri kita sedang berada di tengah-tengah gelanggang hisab dan 'azab, sedangkan baru sebentar tadi di dalam beberapa potongan ayat yang silam kita masih berada di alam dunia di mana kita mendengar titah Allah kepada Rasul-Nya mengenai kesudahan ini.

Kemudian penjelajahan ini diakhiri dengan pertanyaan mereka kepada Rasulullah sama ada janji 'azab itu benar, kerana dari dalam hati, mereka masih ragu-ragu terhadapnya. Mereka mahu diberi keyakinan kerana mereka belum lagi yakin, lalu mereka diberi jawapan tegas yang dikuatkan dengan sumpah:

وَيَسْتَنۢبِـُٔونَكَ أَحَقٌّ هُوَ ۖ قُلْ إِى وَرَبِّىٓ إِنَّهُۥ لَحَقٌّ ۖ وَمَآ أَنتُم بِمُعْجِزِينَ ﴿٥٣﴾

*"Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) apakah 'azab yang dijanjikan itu benar? Katakanlah: Ya benar, demi Tuhanku, sesungguhnya 'azab itu adalah benar dan kamu tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah."(53)*

قُلْ إِى وَرَبِّىٓ

*"Ya benar, demi Tuhanku"*

Tuhanku yang aku benar-benar mengetahui nilai-nilai Rububiyah-Nya. Aku tidak bersumpah dusta, malah aku bersumpah dengan serius dan penuh keyakinan.

إِنَّهُۥ لَحَقٌّ ۖ وَمَآ أَنتُم بِمُعْجِزِينَ ﴿٥٣﴾

*"Sesungguhnya 'azab itu adalah, benar dan kamu tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah."(53)*

Kamu sama sekali tidak dapat melemahkan Allah dari menghadirkan kamu, dan menghisabkan kamu dan seterusnya dari menghukumkan kamu dengan balasan yang setimpal.

Ketika kita sedang berdialog bersama-sama mereka di bumi ini tiba-tiba ayat yang berikut memindahkan kita ke alam Akhirat. Itulah satu pemindahan dari uslub pemindahan-pemindahan yang lumrah dilakukan oleh Al-Qur'an yang amat ilastratik itu. Ia memindah kita ke gelanggang hisab dan balasan yang dimulakan dengan suatu andaian:

وَلَوْ أَنَّ لِكُلِّ نَفْسٍ ظَلَمَتْ مَا فِى ٱلْأَرْضِ لَٱفْتَدَتْ بِهِۦ ۗ

*"Dan seandainya setiap orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu memiliki segala isi bumi nescaya mereka tebuskan diri mereka dengannya."*

Tetapi tebusan itu tidak diterima dari mereka walaupun diandaikan harta tebusan itu dimiliki mereka. Dan sebelum ayat ini disempurnakan tiba-tiba apa yang diandaikan itu telah berlaku dan segala urusan telah diselesaikan mereka:

وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۖ

*"Dan mereka telah menyembunyikan perasaan menyesal ketika mereka melihat 'azab."*

Mereka begitu terkejut dan terperanjat dan menyebabkan mereka menyesal. Dan ayat ini melukiskan dalam imaginasi kita gambaran duka nestapa yang menyelubungi wajah mereka tanpa diungkap dengan bibir mulut.

وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ ۚ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٥٤﴾

*"Dan pengadilan di antara mereka telah diputuskan dengan adil dan mereka sekali-kali tidak dianiayai."(54)*

Sampai di sini berakhirnya senario yang dimulakan dengan andaian di separuh ayat dan berakhir menjadi kenyataan mengikut uslub penggambaran Al-Qur'an yang efektif dan menarik.

**(Pentafsiran ayat-ayat 55 - 58)**

Berikut ialah ulasan yang menguatkan kebenaran pengumpulan manusia di Mahsyar dan upacara hisab amalan. Ia merupakan satu lagi penjelajahan bersama qudrat Ilahi di dalam setengah-setengah bidangnya di langit dan di bumi dan di dalam hayat dan maut, iaitu satu penjelasan sepintas lalu untuk menguatkan pengertian qudrat yang cukup untuk merealisasikan janji Allah, kemudian diiringi dengan seruan mengajak seluruh manusia memanfa'atkan Al-Qur'an yang membawa pengajaran, hidayat dan penawar hati.

أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ أَلَآ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٥﴾

هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٥٦﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَتْكُم مَّوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ
وَشِفَآءٌ لِّمَا فِى ٱلصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾
قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ
خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Ingatlah! Sesungguhnya Allah memiliki segala isi langit dan bumi. Ingatlah sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(55). Dialah yang menghidup dan yang mematikan dan kepada-Nya kamu akan dikembalikan(56). Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepada kamu pengajaran dari Tuhan kamu, penawar bagi penyakit-penyakit di dalam dada kamu, hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin(57). Katakanlah: Hendaklah mereka bergembira dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya sahaja dan itulah sebaik-baik kekayaan yang dikumpulkan mereka."(58)*

أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ

*"Ingatlah! Sesungguhnya Allah memiliki segala isi langit dan bumi."*

"Ingatlah!" dengan pengumuman yang kuat ini ia menjelaskan bahawa hanya Allah sahaja yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi. Dan Allah yang menguasai segala isi langit dan bumi, berkuasa pula merealisasikan janji-Nya dan tiada siapa yang berkuasa melemahkan-Nya dari merealisasikan-Nya:

أَلَآ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ

*"Ingatlah, sesungguhnya janji Allah itu adalah benar."*

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٥﴾

*"Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(55)*

Oleh sebab mereka jahil, mereka meragui kebenarannya atau mendustakannya.

هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ

*"Dan Dialah yang menghidup dan yang mematikan."*

Dan Allah yang menguasai hayat dan maut berkuasa pula mengembalikan seluruh, manusia kepada-Nya dan menghisabkan mereka:

وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٥٦﴾

*"Dan kepada-Nya kamu dikembalikan."(56)*

Itulah satu ulasan pantas untuk penekanan yang pantas selepas tayangan yang menarik. Kemudian diiringi dengan seruan yang ditujukan kepada seluruh umat manusia:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَتْكُم مَّوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ
وَشِفَآءٌ لِّمَا فِى ٱلصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

*"Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu pengajaran dari Tuhan kamu, penawar bagi penyakit-penyakit di dalam dada kamu, hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin."(57)*

Telah datang kepada kamu di dalam kitab suci Al-Qur'an yang diragui kamu itu pernyataan "sesungguhnya telah datang kepada kamu pengajaran dari Tuhan kamu", oleh itu Al-Qur'an bukanlah sebuah kitab yang diada-adakan manusia dan segala pernyataan yang terkandung di dalamnya bukanlah pernyataan yang dibuat oleh manusia. Pengajaran itu datang untuk menghidupkan hati kamu dan menyembuhkan hati kamu dari khurafat yang memenuhinya dan dari penyakit keraguan yang menguasainya dan seterusnya untuk menyembuhkan hati kamu dari kesesatan yang menjadi punca kesakitannya dan dari kegelisahan yang membingungkannya. Pengajaran itu datang untuk mencurahkan ke atas hati kamu kesembuhan, 'afiat, keyakinan, ketenteraman dan kedamaian bersama keimanan. Pengajaran itu dikurniakan kepada mereka yang diberi rezeki keimanan sebagai petunjuk ke jalan yang menyampaikan kepada Allah dan sebagai rahmat yang menyelamatkan dari kesesatan dan keseksaan:

قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ
خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Katakanlah: Hendaklah mereka bergembira dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya sahaja dan itulah sebaik-baik kekayaan yang dikumpulkan mereka.(58)*

### *Keni'matan Dunia Harus Dijadikan Abdi Yang Dikuasai Bukannya Dijadikan Raja Yang Menguasai*

Dengan limpah kurnia ini yang dilimpahkan Allah kepada para hamba-Nya dan dengan limpah rahmat keimanan yang dikurniakan kepada mereka ini sahaja sudah cukup untuk menjadikan mereka bergembira dengannya, kerana inilah limpah kurnia yang wajar disambut dengan riang dan gembira bukannya harta kekayaan dan matabenda kehidupan duniawi. Itulah kegembiraan yang tinggi yang membebaskan hati manusia dari belenggu-belenggu tamak haloba duniawi dan keinginan kepada matabenda yang fana. Ia menjadikan matabenda duniawi ini sebagai khadam hidup manusia bukan sebagai tuanmas dan meletakkan manusia di atasnya untuk meni'matinya bukan menjadikan manusia sebagai hamba abdi yang tunduk kepada matabenda dunia. Walau bagaimanapun Islam tidak memandang rendah kepada matabenda hidup duniawi agar manusia meninggalkannya dan bersikap zahid terhadapnya, malah Islam memberi pertimbangan yang wajar dengannya agar mereka dapat meni'matinya dengan kemahuan yang bebas dan dengan cita-cita yang lebih tinggi dari matabenda duniawi itu, juga dengan ufuk-ufuk pemikiran yang lebih tinggi dari alam duniawi. Kepada mereka keimanan itulah ni'mat dan menunaikan kewajipan-kewajipan keimanan itulah matlamat hidup mereka. Dan selepas itu dunia hanya

merupakan abdi yang dimiliki mereka bukannya raja yang menguasai mereka.

Dari Uqbah ibn al-Walid dari Sufwan ibn Amr katanya: Aku dengar Aifa' ibn Abdullah al-Kala'i berkata: Ketika hasil tanah negeri Iraq tiba kepada Umar r.a. lalu Umar bersama bekas hambanya keluar mendapatkannya, lalu beliau membilang jumlah unta itu dan, beliau dapatinya lebih banyak dari yang diduga. Lalu beliau pun berkata: "Alhamdulillah", sementara bekas hambanya berkata: "Demi Allah, inilah limpah kurnia dari Allah dan rahmat-Nya. Lantas Umar menyampuk: "Awak bohong ini bukannya limpah kurnia yang dimaksudkan Allah dalam firman-Nya:

قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Katakanlah: Hendaklah mereka bergembira dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya sahaja dan itulah sebaik-baik kekayaan yang dikumpulkan mereka."(58)*

Demikianlah angkatan perintis Islam yang pertama melihat nilai-nilai hidup. Mereka memandang limpah kurnia dan rahmat Allah yang utama ialah pengajaran dan hidayat yang dikurniakan Allah kepada mereka. Adapun harta-harta kekayaan dan kemenangan itu sendiri hanya merupakan ikutan kepada limpah kurnia itu sahaja. Oleh sebab itulah kemenangan datang kepada mereka dan harta mencurah ke atas mereka dan kekayaan mencari mereka ... jalan yang dilalui umat Muslimin adalah jelas. Ia terletak pada pengajaran-pengajaran yang digariskan oleh kitab suci mereka Al-Qur'an, juga terletak pada contoh teladan yang ditunjukkan oleh angkatan Muslimin pertama yang memahami Al-Qur'an dari tokoh-tokoh besar umat. Inilah jalan yang sebenar.

### *Nilai Hidup Yang Sebenar*

Rezeki-rezeki dalam bentuk kebendaan dan nilai-nilai kebendaan bukanlah menjadi faktor yang menentukan kedudukan manusia dalam kehidupan dunia di bumi ini, apatah lagi kedudukan mereka di alam Akhirat, kerana rezeki-rezeki dan kemudahan-kemudahan kebendaan serta nilai-nilai kebendaan mungkin menjadi salah satu faktor kecelakaan hidup manusia bukan sahaja di alam Akhirat, malah di alam hidup duniawi ini juga sebagaimana dapat kita saksikan di dalam tamadun kebendaan-kebendaan yang suram pada hari ini.

Manusia memerlukan nilai-nilai yang lain untuk mengendalikan kehidupan insaniyah, dan nilai-nilai inilah yang boleh memberi nilai yang sebenar kepada rezeki-rezeki dan kemudahan-kemudahan kebendaan di dalam kehidupan manusia, iaitu ia dapat menjadikan rezeki dan kemudahan-kemudahan kebendaan itu sebagai bahan kebahagiaan dan kesenangan kepada umat manusia.

Sistem yang mengendalikan kehidupan manusia itulah yang menjadi faktor yang menentukan nilai rezeki-rezeki kebendaan di dalam kehidupan mereka, dan sistem ini juga yang menjadikan rezeki-rezeki kebendaan sebagai faktor kemajuan manusia atau faktor yang membawa kepada kejatuhan mereka.

Dan dari hakikat ini ayat-ayat berikut menekankan betapa pentingnya nilai agama Islam di dalam kehidupan para penganutnya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَتْكُم مَّوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَآءٌ لِّمَا فِى ٱلصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾ قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu pengajaran dari Tuhan kamu, penawar bagi penyakit-penyakit di dalam dada kamu, hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin(57). Katakanlah: Hendaklah mereka bergembira dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya sahaja dan itulah sebaik-baik kekayaan yang dikumpulkan mereka."(58)*

Dan dari hakikat ini juga angkatan pertama kaum Muslimin yang menerima Al-Qur'an ini memahami nilai-nilai Islam yang tertinggi ini dan inilah yang mendorong Umar r.a. berkata ketika memberi komentar kepada harta dan binatang-binatang ternakan yang diterimanya: "Ini bukannya limpah kurnia yang dimaksudkan Allah dalam firman-Nya:

قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Katakanlah: Hendaklah mereka bergembira dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya sahaja dan itulah sebaik-baik kekayaan yang dikumpulkan mereka."(58)*

Umar r.a. memang memahami agamanya. Beliau benar-benar mengetahui bahawa limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya yang paling utama adalah terletak pada pengajaran Allah yang diturunkan kepada mereka, yang menjadi penawar kepada penyakit-penyakit hati dan hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin bukannya terletak pada harta kekayaan dan pada jumlah unta dan rezeki-rezeki yang dikumpulkan mereka.

### *Pemindahan Yang Jauh Dari Jahiliyah*

Angkatan kaum Muslimin yang pertama memang menyedari tentang nilai pemindahan yang begitu jauh yang dilakukan Islam terhadap mereka, iaitu Islam telah memindahkan mereka dari gaung jahiliyah yang dalam, di mana mereka hidup sekian lama. Pemindahan itu adalah satu pemindahan yang amat jauh dibandingkan dengan jahiliyah yang wujud di

setiap zaman dan tempat[11] termasuk jahiliyah abad dua puluh.[12]

Pemindahan asasi yang dilakukan oleh Islam ialah membebaskan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dan mendorong mereka supaya memperhambakan diri mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan seterusnya menegakkan seluruh hidup mereka di atas titik tolak ini, iaitu titik tolak yang telah mengangkatkan kefahaman, nilai-nilai dan akhlak mereka, malah mengangkatkan seluruh hidup mereka dari perhambaan kepada kemerdekaan.

Kemudian barulah datang rezeki-rezeki kebendaan, kemudahan-kemudahan kebendaan dan keteguhan kedudukan kebendaan sebagai iringan kepada kebebasan ini sebagaimana yang telah berlaku di dalam sejarah kelompok Muslimin ketika berjuang menghapuskan jahiliyah di sekeliling mereka dan menerajui kuasa pemerintahan di bumi dan ketika mereka membimbing umat manusia kepada Allah agar mereka dapat meni'mati limpah kurnia Allah.

Orang-orang yang menumpukan perhatian dan keprihatinan mereka kepada nilai-nilai dan produksi-produksi kebendaan semata-mata dan mengabaikan nilai agung yang asasi itu, maka merekalah musuh umat manusia yang tidak berhasrat meningkatkan mereka lebih tinggi dari taraf haiwan dan dari tuntutan-tuntutan hidup haiwan.

### *Tujuan Jahat Di Sebalik Seruan Kepada Kemajuan Kebendaan*

Seruan mereka ke arah kemajuan kebendaan itu bukanlah satu seruan yang ikhlas, malah di sebalik seruan itu mereka bertujuan untuk menghapuskan nilai-nilai keimanan dan menghapuskan 'aqidah yang mendorong hati manusia ke arah mencapai tuntutan hidup yang lebih tinggi dari tuntutan-tuntutan hidup haiwan tanpa mengabaikan keperluan-keperluan hidup asasi mereka, 'aqidah yang melahirkan tuntutan-tuntutan asasi yang lain bagi mereka di samping makanan, tempat kediaman dan seks yang menjadi daerah sempadan hidup haiwan.

Seruan yang berterusan ke arah memperbesarkan nilai-nilai kebendaan dan produksi kebendaan menyebabkan perhatian dan keprihatinan manusia ke arah itu mengongkongi seluruh hidup mereka, pemikiran dan kefahaman mereka dan sehingga manusia berubah menjadi alat-alat yang termengah-mengah penat kerana mengejar nilai-nilai kebendaan yang dianggapkan sebagai nilai hidup yang agung. Dan di tengah-tengah seruan yang dilaung-laungkan: Produksi! Produksi! mereka lupa kepada nilai-nilai spiritual dan akhlak, malah mereka memijak seluruh nilai ini demi kepentingan produksi kebendaan. Seruan ini bukanlah seruan yang ikhlas, malah ia merupakan suatu rancangan yang diatur untuk menegakkan berhala-berhala baru yang disembah sebagai ganti berhala-berhala yang disembah di zaman jahiliyah yang pertama. Berhala-berhala inilah yang memegang kuasa tertinggi yang menguasai seluruh nilai-nilai yang lain.

Apabila produksi kebendaan menjadi berhala, di mana manusia bekerja keras dan bertawaf di sekelilingnya seperti memuja berhala, maka segala nilai dan pertimbangan-pertimbangan yang lain akan dipijak dan dicabul demi kepentingannya. Persoalan akhlak, keluarga, maruah, kebebasan-kebebasan dan jaminan-jaminan seluruhnya harus dipijak jika bertentangan dengan dasar peningkatan produksi. Inilah kerja tuhan-tuhan palsu dan berhala-berhala. Dan tidak semestinya berhala-berhala itu berbentuk batu atau kayu, kerana kadang-kadang ia berbentuk nilai, pertimbangan, simbol dan gelaran.

Nilai tertinggi itu harus dikekal kepada limpah kurnia dan rahmat Allah dalam bentuk hidayat atau keimanan yang menyembuhkan penyakit-penyakit hati, membebaskan manusia dan meninggikan nilai-nilai insaniyah pada manusia. Di bawah naungan nilai keimanan yang tertinggi ini dapatlah dimanfa'atkan rezeki Allah yang dikurniakan kepada manusia di samping dapat dimanfa'atkan perindustrian yang memajukan produksi kebendaan, juga dapat dimanfa'atkan kemudahan-kemudahan kebendaan untuk mengurangkan penggunaan tenaga manusia yang berat dan seterusnya dapat dimanfa'atkan seluruh nilai-nilai kebendaan yang dimuliakan oleh jahiliyah di bumi ini.

Tanpa nilai keimanan yang tertinggi ini dan tanpa dominasinya, maka segala rezeki, kemudahan-kemudahan dan produksi-produksi kebendaan akan menjadi suatu laknat yang mencelakakan kehidupan manusia, kerana di waktu itu ia akan digunakan untuk menegakkan nilai-nilai haiwaniyah dan kebendaan demi menjatuhkan nilai-nilai insaniyah yang luhur.

Sememangnya benar Allah Yang Maha Agung yang berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَتْكُم مَّوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَآءٌ لِّمَا فِى ٱلصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾ قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu pengajaran dari Tuhan kamu, penawar bagi penyakit-penyakit di dalam dada kamu, hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin(57). Katakanlah: Hendaklah mereka bergembira dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya sahaja dan itulah sebaik-baik kekayaan yang dikumpulkan mereka."(58)*

---

[11] *Lihat bab "نقلة بعيدة" dalam buku "معالم في الطريق"*

[12] *Lihat buku "الإسلام والجاهلية" oleh as-Sayyid Abul A'la al-Maududi, juga buku "جاهلية القرن العشرين" oleh Muhammad Qutb.*

### (Pentafsiran ayat-ayat 59 - 60)
### *Penyelewengan Menggunakan Rezeki Yang Dikurniakan Allah*

Di bawah bayangan pembicaraan mengenai limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya dalam bentuk pengajaran dan hidayat yang menyembuhkan penyakit-penyakit hati yang dikurniakannya kepada manusia, maka ayat yang berikut memperkatakan pula tentang jahiliyah yang menjalankan aktivitinya tanpa berpandukan peraturan dari Allah, tetapi mengikut kehendak hawa nafsu manusia yang telah menceroboh bidang-bidang ikhtisas Allah dengan tindakan mereka menghalal dan mengharamkan rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka:

قُلْ أَرَءَيْتُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ لَكُم مِّن رِّزْقٍ فَجَعَلْتُم مِّنْهُ حَرَامًا وَحَلَٰلًا قُلْ ءَآللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ ۖ أَمْ عَلَى ٱللَّهِ تَفْتَرُونَ ﴿٥٩﴾

وَمَا ظَنُّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦٠﴾

*"Katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang rezeki yang telah diturunkan Allah kepada kamu lalu kamu jadikan sebahagian haram dan (sebahagian yang lain) halal. Katakanlah: Apakah Allah telah memberi keizinan-Nya kepada kamu atau kamu hanya mengada-adakan pembohongan terhadap Allah?(59). Apakah sangkaan orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah pada hari Qiamat nanti? Sesungguhnya Allah memiliki limpah kurnia yang besar ke atas seluruh manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur."(60)*

Maksudnya, tanyakan mereka: Apakah pendapat kamu tentang rezeki Allah yang dikurniakan kepada kamu? Dan ingatlah setiap rezeki yang diturunkan Allah adalah diturun dari maqam-Nya yang amat tinggi. Apakah fikiran kamu tentang rezeki yang diberikan kepada kamu supaya kamu menguruskannya mengikut keizinan, undang-undang dan peraturan-peraturan-Nya, tiba-tiba kamu menguruskannya mengikut kesukaan hati kamu tanpa mendapat kebenaran dari Allah, iaitu kamu mengharamkan sebahagiannya dan menghalalkan sebahagian yang lain, sedangkan urusan mengharam dan menghalal itu adalah dari urusan perundangan, dan urusan perundangan adalah dari urusan kuasa Hakimiyah Allah dan urusan Hakimiyah adalah dari urusan Rububiyah Allah, sedangkan kamu menjalankan urusan ini mengikut kehendak dan kemahuan kamu semata-mata:

قُلْ ءَآللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ ۖ أَمْ عَلَى ٱللَّهِ تَفْتَرُونَ ﴿٥٩﴾

*"Katakanlah: Apakah Allah telah memberi keizinan-Nya kepada kamu atau kamu hanya mengada-adakan pembohongan terhadap Allah?"(59)*

Inilah isu yang disebut berulang-ulang kali di dalam Al-Qur'anul-Karim untuk dihadapkan kepada jahiliyah dari satu masa ke satu masa, kerana isu ini merupakan isu terbesar selepas syahadat La illaha Illallah, malah ia merupakan isu yang sama dengan syahadat La illaha Illallah apabila diaplikasikan di dalam realiti kehidupan.

Apabila Allah dii'tirafkan sebagai Tuhan Pencipta dan Pemberi rezeki, maka dengan sendirinya bererti bahawa Allahlah Tuhan yang disembah dan Dialah Tuhan yang menentukan hukum-hukum atau undang-undang dan peraturan dalam segala urusan manusia dan di antaranya ialah urusan rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah kepada manusia, yang merangkumi segala jenis rezeki dari langit dan bumi. Kaum jahiliyah memang mengi'tirafkan kewujudan Allah di samping mengi'tirafkan bahawa Allah itulah Tuhan Pencipta dan Pemberi rezeki sama seperti yang dii'tirafkan oleh orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai kaum "Muslimin" pada hari ini, tetapi di samping pengi'tirafan ini mereka menggunakan kuasa mengharam dan menghalal untuk kepentingan mereka dalam urusan rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka sebagaimana orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai kaum Muslimin menggunakan kuasa itu pada hati ini. Justeru itu Al-Qur'an mencabar mereka kerana percanggahan yang wujud di antara pengi'tirafan mereka terhadap kewujudan Allah dan terhadap sifatnya sebagai Pencipta dan Pemberi rezeki dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka di dalam kehidupan mereka yang mengi'tirafkan Rububiyah kepada yang lain dari Allah dalam bentuk mengi'tirafkan kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan sendiri yang dilakukan oleh setengah-setengah orang dari mereka. Ini adalah satu percanggahan yang amat jelas yang mengecap mereka sebagai melakukan perbuatan syirik sebagaimana dicapkan setiap orang yang melakukan percanggahan ini pada hari ini atau pada masa mendatang sehingga ke akhir zaman walaupun dengan menggunakan nama-nama dan papan tanda-papan tanda yang berlain-lainan, kerana Islam adalah satu hakikat yang realistik bukannya semata-mata nama.

Kaum jahiliyah Arab di zaman dahulu mendakwa sama seperti dakwaan yang dibuat pada hari ini oleh orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai orang-orang Islam bahawa kuasa mengharam dan menghalal yang diamalkan mereka adalah telah diizinkan Allah atau mendakwakannya sebagai syari'at Allah.

Di dalam Surah al-An'am telah dijelaskan bahawa segala apa yang diharam dan dihalalkan mereka

merupakan syari'at Allah sebagaimana diterangkan dalam firman-Nya:

وَقَالُوا هَٰذِهِ أَنْعَامٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ لَا يَطْعَمُهَا إِلَّا مَنْ نَشَاءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَامٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَامٌ لَا يَذْكُرُونَ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا افْتِرَاءً عَلَيْهِ ۚ سَيَجْزِيهِمْ بِمَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٨﴾

*"Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman haram yang tidak boleh dimakan melainkan oleh sesiapa yang Kami (Allah) kehendaki mengikut anggapan mereka dan (ini) ternakan yang haram ditunggang dan (ini) ternakan-ternakan yang mereka tidak boleh menyebut nama Allah ketika disembelihkannya kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pembohongan yang diada-adakan mereka."*

(Surah Al-An'am : 138)

Maksudnya, mereka mendakwa bahawa Allah berkehendak begini dan tidak berkehendak begitu kerana mengada-adakan pembohongan di atas nama Allah samalah dengan setengah-setengah orang pada hari ini yang menamakan diri mereka sebagai kaum Muslimin yang telah mengadakan undang-undang dan peraturan sendiri kemudian mendakwakannya sebagai syari'at Allah.

Dalam ayat yang berikut Allah mencabar pembohongan yang diada-adakan mereka kemudian Allah bertanya apakah sangkaan kamu terhadap Allah pada hari Qiamat nanti, sedangkan kamu telah melakukan pembohongan atas nama-Nya?

وَمَا ظَنُّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ

*"Apakah sangkaan orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah pada hari Qiamat nanti?"(60)*

Sighatul-ghaib "**الغائب**" yang digunakan di dalam ayat ini merangkumi semua jenis orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah, apakah sangkaan mereka nanti? Bagaimana mereka fikir keadaan dan kedudukan mereka pada hari Qiamat kelak? Ini adalah satu pertanyaan yang boleh menghancurkan bukit-bukit yang keras!

إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦٠﴾

*"Sesungguhnya Allah memiliki limpah kurnia yang besar ke atas seluruh manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur."(60)*

***Rezeki Matabenda Dan Rezeki Hidayat***

Maksudnya, Allahlah yang memiliki segala limpah kurnia yang diberikan kepada seluruh manusia. Dialah yang mengurniakan rezeki kepada mereka dalam bentuk bahan dan benda yang diwujudkan untuk mereka di alam buana ini di samping mengurniakan kepada mereka daya qudrat untuk memungkinkan mereka memahami sumber-sumber rezeki itu dan undang-undang yang mengendalikan sumber-sumber ini, juga untuk memungkinkan mereka mempelbagaikan bentuk rupa bahan dan benda itu, membuat analisa dan mengadun untuk menganeka-ragamkan rupa bentuknya, dan seluruh bahan dan benda yang wujud pada alam buana dan pada diri mereka adalah dari rezeki Allah belaka.

Dan selepas itu Allah juga yang memiliki limpah kurnia yang diberikan kepada seluruh manusia dalam bentuk anugerah rahmat yang diturunkan dalam sistem hidup Rabbani supaya menjadi petunjuk kepada seluruh manusia dan penawar yang menyembuhkan penyakit-penyakit di dalam hati mereka. Allah mahu membimbing manusia kepada sistem hidup yang sihat dan lurus agar dengan perantaraannya mereka dapat memanfa'atkan dengan sebaik-baik segala kekuatan, daya tenaga, perasaan dan kecenderungan-kecenderungan yang ada pada diri mereka dan agar dengan perantaraan sistem hidup ini juga mereka dapat menyelaraskan di antara kebajikan di dunia dan kebajikan di Akhirat sebagaimana mereka menyelaraskan di antara fitrah mereka dengan fitrah alam buana, di mana mereka hidup dan berinteraksi dengannya.[13]

Tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur kepada Allah terhadap kedua-dua bentuk rezeki ini (rezeki matabenda dan rezeki hidayat-Nya). Oleh sebab itulah mereka menyimpang dari sistem dan undang-undang Allah dan mempersekutukan Allah dengan yang lain dan pada akhirnya mereka menemui nasib kesudahan yang malang, kerana mereka tidak mahu mengambil manfa'at dari pengajaran dan hidayat Al-Qur'an yang dapat menyembuhkan segala penyakit di dalam hati manusia.

***Al-Qur'an Penawar Penyakit Jiwa***

Ini adalah satu pengungkapan yang menarik mengenai satu hakikat yang amat mendalam, iaitu Al-Qur'an adalah penawar yang menyembuh di dalam dada kita, yang merangkumi segala pengertian sembuh. Al-Qur'an bergerak di dalam hati membawa kesembuhan kepada badan yang sakit. Ia bergerak di dalam hati dengan rentak nada yang mempunyai pengaruh yang halus dan mengkagumkan. Ia bergerak di dalam hati dengan bimbingan-bimbingannya yang merangsangkan alat-alat penerima semulajadi yang membuat hati menjadi segar, terbuka dan menyambut saranannya. Ia

[13] *Lihat bab "شريعة كونية" dalam buku "معالم في الطريق" juga lihat bab "منهج منفرد" dalam buku "هذا الدين".*

bergerak di dalam hati dengan undang-undang dan peraturannya yang menjamin dari berlakunya pertentangan yang minimum di antara kumpulan-kumpulan manusia dalam kehidupan seharian. Ia bergerak di dalam hati dengan saranan-saranannya yang mencurahkan ketenteraman dan keyakinan kepada Allah, kepada keadilan balasan, kepada kenangan kebaikan dan kepada nasib kesudahan yang baik.

Ia merupakan satu pengungkapan yang merangsangkan berbagai-bagai pengertian dan bukti yang tidak dapat diungkapkan oleh bahasa manusia untuk menyarankan ungkapan yang amat menarik ini.

**(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 67)**

Kebanyakan manusia tidak bersyukur, sedangkan Allah mengetahui segala rahsia dan ilmu-Nya meliputi segala yang tersembunyi dan segala yang nyata. Tiada suatu pun yang terluput dari pengetahuan-Nya dan terlepas dari kuasa-Nya walaupun sebutir zarrah baik di bumi mahupun di langit. Pernyataan ayat-ayat berikut pula merupakan satu cubitan yang baru yang merangsangkan perasaan dan hati kecil untuk mententeramkan Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya bahawa mereka sentiasa berada di bawah ri'ayah dan perlindungan Allah. Kedudukan mereka tidak dapat digugatkan oleh para pendusta yang mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, sedangkan anggapan mereka adalah salah:

وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا مِنْهُ مِن قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ
مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ ۚ
وَمَا يَعْزُبُ عَن رَّبِّكَ مِن مِّثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا
فِي ٱلسَّمَآءِ وَلَآ أَصْغَرَ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرَ إِلَّا فِي
كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٦١﴾

أَلَآ إِنَّ أَوْلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ
يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ فِي ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَفِي ٱلْءَاخِرَةِ ۚ
لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَٰتِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ
ٱلْعَظِيمُ ﴿٦٤﴾

وَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ إِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ۚ هُوَ
ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦٥﴾

أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِي ٱلْأَرْضِ ۗ
وَمَا يَتَّبِعُ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ
شُرَكَآءَ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ
إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٦٦﴾

هُوَ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ
وَٱلنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ
يَسْمَعُونَ ﴿٦٧﴾

*"Engkau (wahai Muhammad) tidak berada dalam suatu urusan dan tidak membaca sesuatu ayat dari Al-Qur'an dan kamu (wahai umat Muslimin) tidak melakukan sesuatu perbuatan melainkan Kamilah yang menjadi saksi ke atas kamu ketika kamu membabitkan diri dalam perbuatan itu. Dan tiada sekali-kali terluput dari pengetahuan Tuhanmu walaupun sebesar zarrah baik di bumi mahupun di langit dan tidak pula sesuatu yang lebih kecil dari zarrah atau lebih besar darinya melainkan semuanya tercatat di dalam buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)(61). Ingatlah! Sesungguhnya para Aulia'ullah itu tidak menghadapi sebarang kebimbangan terhadap diri mereka dan tidak pula mereka berdukacita(62). Iaitu orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa kepada Allah(63). Mereka memperolehi berita gembira dalam kehidupan dunia dan Akhirat. Tiada sebarang perubahan yang akan berlaku kepada keputusan-keputusan Allah. Itulah kejayaan yang amat besar(64). Dan janganlah engkau berdukacita kerana perkataan-perkataan mereka, kerana sesungguhnya seluruh kekuatan itu kepunyaan Allah. Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(65). Ingatlah! Sesungguhnya Allah memiliki mereka yang berada di langit dan mereka yang berada di bumi. Dan orang-orang yang menyembah selain dari Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya itu tidak sekali-kali mengikuti (jalan yang benar). Mereka hanya mengikuti prasangka sahaja dan mereka hanya meneka-neka belaka(66). Dialah yang telah menjadikan malam supaya kamu beristirehat dan menjadikan siang terang benderang. Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang mendengar."(67)*

Kesedaran terhadap Allah dalam bentuk yang digambarkan oleh ayat yang pertama (ayat 61) dari rangkaian ayat-ayat ini adalah suatu kesedaran yang mententeramkan hati dan sekaligus menimbulkan ketakutan, suatu kesedaran yang memberi kemesraan dan dalam waktu yang sama merangsangkan kebimbangan. Bagaimana perasaan seorang manusia yang sedang sibuk menguruskan sesuatu pekerjaan apabila ia sedar bahawa Allah berada di sampingnya dan melihat segala apa yang dilakukannya. Dia berada di sampingnya dengan segala kebesaran dan kehebatan-Nya, dengan segala kekuasaan dan

kekuatan-Nya. Ia berada di sampingnya sebagai Pencipta dan Pentadbir seluruh alam buana ini, yang diciptakan-Nya dengan begitu mudah.... apakah perasaannya jika ia sedar bahawa ia sebagai makhluk insan yang amat kerdil bagaikan sebiji zarrah yang sesat di angkasa raya sedang berada di samping Allah, sedangkan kewujudannya yang kerdil itu hanya bergantung kepada pemeliharaan Allah... sudah tentu ia akan merasa dilambung perasaan gentar dan takut dan dalam waktu yang sama juga ia akan diselubungi perasaan mesra dan tenteram kerana walaupun ia sekerdil zarrah yang sesat di angkasa raya, namun ia tidak merasa terbiar dan ditinggalkan begitu sahaja tanpa perhatian, pertolongan dan perlindungan, kerana Allah sentiasa berada di sampingnya:

وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا مِنْهُ مِن قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ

*"Engkau (wahai Muhammad) tidak berada dalam suatu urusan dan tidak membaca sesuatu ayat dari Al-Qur'an dan kamu (wahai umat Muslimin) tidak melakukan sesuatu perbuatan melainkan Kamilah yang menjadi saksi ke atas kamu."*

Kesyumulan yang dimaksudkan di sini bukan sahaja kesyumulan ilmu Allah, tetapi juga kesyumulan ri'ayah-Nya dan pengawasan-Nya.

وَمَا يَعْزُبُ عَن رَّبِّكَ مِن مِّثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَلَآ أَصْغَرَ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرَ إِلَّا فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٦١﴾

*"Dan tiada sekali-kali terluput dari pengetahuan Tuhanmu walaupun sebesar zarrah baik di bumi mahupun di langit dan tidak pula suatu yang lebih kecil dari zarrah atau lebih besar darinya melainkan semuanya tercatat di dalam buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)."(61)*

Ayat ini membawa imaginasi terapung bersama-sama zarrah-zarrah yang terapung-apung di bumi atau di langit yang diikuti ilmu Allah, juga bersama-sama sesuatu yang lebih kecil dari zarrah atau lebih besar yang diliputi ilmu Allah dan ia membuat perasaan menjadi gementar kerana bimbang dan takut dan membuat hati menjadi khusyu' kerana taqwa dan memuliakan Allah sehingga perasaan bimbang dan takut itu ditenteramkan oleh, keimanan dan hati yang gementar itu diusapkan rasa kemesraan kerana keakraban berdamping dengan Allah.

Di bawah naungan perasaan mesra dan ketenteraman kerana perdampingan dengan Allah inilah diumumkan perisytiharan yang lantang ini:

أَلَآ إِنَّ أَوْلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾ لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ فِي ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَفِي ٱلْءَاخِرَةِ ۚ لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَٰتِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٦٤﴾

*"Ingatlah! Sesungguhnya para Aulia'ullah itu tidak menghadapi sebarang kebimbangan terhadap diri mereka dan tidak pula mereka berdukacita(62). Iaitu orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa kepada Allah(63). Mereka memperolehi berita gembira dalam kehidupan dunia dan Akhirat. Tiada sebarang perubahan yang akan berlaku kepada keputusan-keputusan Allah. Itulah kejayaan yang amat besar.(64)*

Bagaimana mungkin para Aulia'ullah atau para hamba kesayangan Allah Ta'ala merasa takut dan berdukacita, sedangkan Allah bersama mereka dalam setiap keadaan dan perbuatan, dalam setiap gerak dan diam, dan mereka adalah hamba-hamba Allah yang beriman, bertaqwa dan bermuraqabah dengan Allah dalam keadaan sulit dan terang:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

*"Iaitu orang-orang yang beriman dan sentiasa bertaqwa kepada Allah."(63)*

Bagaimana mungkin mereka takut dan berdukacita, sedangkan mereka sentiasa berhubung akrab dengan Allah kerana mereka adalah para aulia' atau para hamba kesayangan Allah. Mengapa mereka berdukacita dan kerana apa mereka takut, sedangkan mereka telah disampaikan berita gembira dalam kehidupan dunia dan Akhirat. Dan ini adalah suatu janji Allah yang benar, yang tidak akan berubah, kerana tiada perubahan di dalam keputusan-keputusan yang telah ditetapkan Allah:

ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٦٤﴾

*"Itulah kejayaan yang amat besar."(64)*

### *Makna Wali-wali Allah Mengikut Al-Qur'an*

Para Aulia'ullah yang diperkatakan oleh ayat ini ialah para Mu'minin yang beriman dengan keimanan yang sebenar dan bertaqwa dengan ketaqwaan yang sebenar. Keimanan ialah kepercayaan yang tersemat di dalam hati dan dibuktikan dengan amalan. Dan yang dimaksudkan dengan amalan ialah melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Inilah pengertian Aulia'ullah yang seharusnya difahamkan oleh kita bukannya seperti yang difahamkan oleh orang-orang awam bahawa para wali Allah itu ialah orang-orang bodoh yang tidak waras yang mendakwa diri mereka sebagai wali-wali Allah.

Di bawah naungan ri'ayah dan perlindungan Allah ke atas para aulia'-Nya, Allah menghadapkan firman yang berikut kepada Nabi s.a.w. selaku penghulu para

Aulia'ullah yang mengandungi pernyataan untuk mententeramkan beliau dalam menghadapi pendusta-pendusta dan orang-orang yang mengada-adakan pembohongan di atas nama Allah, yang terdiri - pada masa itu - dari orang-orang yang berkuasa dan berpangkat tinggi di dalam masyarakat:

وَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ ۘ إِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا ۚ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٦٥﴾

*"Dan janganlah engkau berdukacita kerana perkataan-perkataan mereka, kerana sesungguhnya seluruh kekuatan itu kepunyaan Allah. Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(65)*

Di dalam ayat ini Allah jadikan kekuatan dan kekuasaan itu sebagai milik-Nya yang tunggal sahaja tanpa dimasukkan rasul dan para Mu'minin seperti di dalam ayat yang lain, kerana tujuan yang hendak dijelaskan di sini ialah tentang perlindungan Allah terhadap para aulia'-Nya. Oleh sebab itulah Allah jadikan kekuatan dan kekuasaan sebagai milik-Nya yang tunggal sahaja, kerana kekuatan dan kekuasaan itu pada asalnya adalah milik Allah sahaja, sedangkan kekuatan dan kekuasaan rasul dan para Mu'minin adalah diambil dari kekuatan dan kekuasaan Allah. Allah berbuat begitu dengan tujuan untuk melucutkan kekuatan dan kekuasaan itu dari seluruh manusia termasuk tokoh-tokoh kaum Musyrikin Quraisy yang zalim. Rasulullah s.a.w. sentiasa berada di dalam perlindungan Allah yang dikurniakan kepada aulia'-Nya. Justeru itu ia tidak seharusnya runsing dan berdukacita terhadap kata-kata yang dihamburkan mereka kerana Allah Maha Mendengar dan Mengetahui. Dia mendengar perkataan mereka dan mengetahui tipu daya mereka serta melindungi para aulia'-Nya dari tipu daya mereka. Di dalam genggaman kekuasaan-Nya terletak seluruh penghuni langit dan seluruh penghuni bumi yang terdiri dari manusia, jin dan malaikat dan dari para hamba yang menderhaka dan para hamba yang bertaqwa. Seluruh makhluk yang mempunyai kekuasaan dan kekuatan adalah tertakluk di bawah kekuasaan dan kerajaan Allah:

*"Ingatlah! Sesungguhnya Allah memiliki mereka yang berada di langit dan mereka yang berada di bumi."(66)*

Tujuan digunakan kata-kata "من" (mereka yang ada) di dalam ayat ini bukan digunakan kata "ما" (sesuatu yang ada) ialah untuk menjelaskan bahawa orang-orang yang kuat itu adalah sama dengan orang-orang yang lemah, iaitu seluruh mereka berada di dalam genggaman kekuatan Allah. Dan ayat yang berikut adalah selari dengannya:

وَمَا يَتَّبِعُ الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ شُرَكَاءَ ۚ

*"Dan orang-orang yang menyembah selain dari Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya tidak sekali-kali mengikuti (jalan yang benar)."(66)*

Kerana sekutu-sekutu yang palsu itu sekali-kali bukannya sekutu-sekutu Allah yang sebenar dan orang yang menyembah mereka bukannya benar-benar yakin terhadap dakwaan mereka:

إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٦٦﴾

*"Mereka hanya mengikuti prasangka sahaja dan mereka hanya meneka-neka belaka."(66)*

Kemudian ayat yang berikut menarik perhatian manusia kepada beberapa bidang qudrat Allah dalam bentuk pemandangan-pemandangan alam yang diabaikan oleh manusia kerana kekerapan dan kelumrahan berlakunya:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٦٧﴾

*"Dialah yang telah menjadikan malam supaya kamu beristirehat dan menjadikan siang terang benderang. Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang mendengar."(67)*

Tuhan yang memiliki segala gerak dan diam, yang mengadakan hari malam sebagai waktu untuk manusia beristirehat dan mengadakan hari siang sebagai waktu yang terang benderang. Tuhan yang memimpin manusia lalu mereka bergerak, dan membuka mata mereka lalu mereka melihat Tuhan yang memegang teraju segala gerak dan diam itu adalah Tuhan yang berkuasa di atas seluruh manusia dan berkuasa pula melindungi para aulia'-Nya dari manusia-manusia yang jahat dan Rasulullah s.a.w. adalah penghulu para aulia'-Nya dan para Mu'minin yang mengikutnya.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٦٧﴾

*"Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang mendengar."(67)*

Iaitu orang-orang yang mendengar kemudian memikirkan dengan teliti apa yang didengar mereka.

#### *Fitrah Manusia Berinteraksi Dengan Bahasa Alam*

Methodologi Al-Qur'an banyak menggunakan pemandangan-pemandangan alam ketika membicarakan persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah. Ini disebabkan kerana alam dengan kewujudan dan pemandangan-pemandangannya merupakan saksi kepada fitrah, yang mana logiknya tidak dapat ditolak oleh fitrah. Begitu juga Al-Qur'an berbicara dengan manusia mengenai keselarasan yang diwujud di dalam

hubungan mereka dengan alam buana ini dan mereka dapati keselarasan ini memang wujud di dalam kehidupan mereka.

Misalnya hari malam, di mana manusia beristirehat dan hati siang, di mana mereka dapat melihat dengan jelas dan terang. Kedua-duanya merupakan dua fenomena alam yang mempunyai hubungan yang amat rapat dengan kehidupan manusia. Keselarasan gejala-gejala ini dengan kehidupan manusia memang dapat dirasakan mereka walaupun mereka tidak mengkajinya secara mendalam dan secara 'ilmiyah kerana fitrah dalaman manusia dapat memahami bahasa alam yang halus itu!

Demikianlah manusia tidak pernah jahil terhadap bahasa alam sehingga muncul ilmu-ilmu sains yang moden, malah mereka memahami bahasa alam ini dengan seluruh dirinya. Oleh sebab itulah Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar menggunakan bahasa alam untuk berbicara dengan manusia sejak berabad-abad lamanya. Bahasa ini merupakan bahasa yang sentiasa berkembang mengikut perkembangan ilmu pengetahuan manusia. Semakin tinggi ilmu pengetahuan manusia semakin tinggi kemampuan manusia memahaminya. Dan ia akan terus berkembang apabila manusia membuka pintu hatinya kepada keimanan dan apabila matanya melihat ufuk-ufuk alam ini dengan nur Allah.

**(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 70)**

Perbuatan mengadakan pembohongan terhadap Allah ialah perbuatan mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah seperti mengatakan Allah S.W.T. itu mempunyai anak. Kaum Musyrikin Arab di zaman dahulu mendakwa malaikat-malaikat itu sebagai puteri-puteri Allah.

Bahagian akhir dari pelajaran ini ialah membicarakan perbuatan syirik dan pembohongan terhadap Allah. Ia bermula dengan hujjah di dunia dan berakhir dengan, 'azab pada hari Akhirat mengikut uslub Al-Qur'an:

قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحَانَهُ هُوَ الْغَنِيُّ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ إِنْ عِندَكُم مِّن سُلْطَانٍ بِهَٰذَا أَتَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

قُلْ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾

مَتَاعٌ فِي الدُّنْيَا ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ ثُمَّ نُذِيقُهُمُ الْعَذَابَ الشَّدِيدَ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

*"Mereka berkata: Allah mempunyai anak, Maha Suci Allah! Dia Maha Kaya. Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi. Kamu tidak mempunyai sebarang hujjah (terhadap dakwaan) ini. Apakah wajar kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui(68). Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah itu tidak akan beruntung(69). Hanya keni'matan hidup dunia sahaja (yang diperolehi mereka) kemudian mereka akan kembali kepada Kami, kemudian Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat dahsyat kerana mereka melakukan kekufuran."(70)*

Kepercayaan yang mengatakan Allah S.W.T. mempunyai anak adalah suatu kepercayaan yang bersahaja, yang berpunca dari kelemahan daya tanggapan dan kelemahan memahami perbezaan yang begitu besar di antara sifat ketuhanan yang azali dan abadi dengan sifat manusia yang fana. Kepercayaan itu juga berpunca dari kelemahan memahami hikmat Sunnatullah yang menetapkan sifat beranak pinak itu pada makhluk-makhluk yang fana, iaitu untuk membolehkannya mencapai kesempurnaan yang tabii kerana makhluk-makhluk ini mempunyai kekurangan dan kelemahan yang tidak ada pada Allah.

Makhluk insan mati, sedangkan hayat terus kekal sehingga sampai kepada satu tempoh yang tertentu dan sebelum tempoh ini berakhir, maka kebijaksanaan Allah menghendaki agar hidup manusia mempunyai kesinambungan dan anak pinak itulah yang menjadi sarana bagi kesinambungan ini.

***Anak-anak Merupakan Sarana Kesinambungan Bagi Makhluk-makhluk Yang Fana***

Makhluk insan melalui proses tua, di mana mereka menjadi lemah. Kemudian anak pinak merupakan pampasan kepada kekuatan yang telah menjadi tua iaitu pampasan dalam bentuk kekuatan muda yang menyambung peranan untuk memaju dan membangun bumi sebagaimana yang dikehendaki Allah dan untuk menolong golongan tua dan lemah menghabiskan sisa-sisa hayat mereka.

Makhluk insan sentiasa berjuang menghadapi alam sekitarnya dan melawan musuh-musuh mereka dari manusia dan haiwan. Oleh sebab itu mereka memerlukan bantuan dan pertolongan dan anak-anaklah yang menjadi penolong-penolong yang paling hampir untuk menghadapi keadaan-keadaan yang seperti ini.

Makhluk insan berusaha mengumpul harta kekayaan yang banyak untuk diri mereka dan anak-anak merekalah yang dapat menolong mereka dalam usaha mendapatkan kekayaan.

Dan sebagaimananya dari perkara-perkara yang dikehendaki oleh kebijaksanaan Allah untuk mengimarahkan bumi sehingga sampai kepada tempoh yang telah ditentukan Allah:

Tiada suatu pun dari perkara-perkara yang telah dihuraikan tadi mempunyai sangkut-paut dengan zat Ilahiyah yang tidak memerlukan kepada

kesinambungan, tidak memerlukan bantuan di masa tua, tidak memerlukan pertolongan dan harta kekayaan, malah tidak memerlukan kepada sesuatu apapun dari perkara-perkara yang terlintas atau tidak terlintas di dalam hati yang mempunyai hubungkait dengan zat Allah Yang Maha Tinggi.

Dari sinilah tertolaknya hikmat beranak pinak bagi Allah, kerana sifat Ilahiyah tidak mempunyai sebarang hubungkait dengan sebarang tujuan luar dari zat-Nya yang direalisasikan dengan perantaraan anak. Hikmat kebijaksanaan Allah menghendaki agar makhluk insan beranak pinak, kerana sifat insan itu lemah dan amat memerlukan kepada sesuatu yang dapat memberi kesempurnaan kepadanya iaitu beranak pinak, dan persoalan ini bukanlah persoalan serampangan.

Oleh sebab itulah jawapan yang tepat kepada pembohongan yang mengatakan Allah mempunyai anak ialah:

سُبۡحَٰنَهُۥۖ هُوَ ٱلۡغَنِيُّۖ لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ

*"Maha Suci Allah! Dia Maha Kaya. Dia Memiliki segala isi langit dan segala isi bumi."(68)*

**"Maha Suci Allah"** maksudnya zat Allah Yang Maha Tinggi itu adalah bersih dan suci dari prasangka atau kefahaman atau tanggapan yang seperti ini.

**"Dan Dia Maha Kaya"** dalam erti kata yang merangkumi segala pengertian kaya iaitu Allah tidak berkehendak kepada keperluan-keperluan yang telah kami huraikan tadi, juga keperluan-keperluan yang lain darinya yang terlintas dan tidak terlintas di dalam hati, yang memerlukan adanya anak pinak. Kehendak-kehendak keperluan itulah yang menentukan keperluan-keperluan itu. Oleh sebab itu sesuatu itu tidak wujud secara serampangan tanpa sesuatu keperluan, hikmat dan tujuan.

**"Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi"** oleh itu segala sesuatu yang maujud adalah miliki-Nya dan kerana itu Allah S.W.T. tidak memerlu untuk memiliki sesuatu dengan perantaraan anak, jadi kewujudan anak bagi Allah merupakan sesuatu yang tidak berguna dan sia-sia sahaja kerana Dia Maha Suci dari sesuatu yang sia-sia.

Al-Qur'anul-Karim tidak membabitkan diri di dalam perdebatan teoritikal mengenai sifat Ilahiyah dan sifat nasutiyah (kemanusiaan) seperti yang dilakukan oleh ahli-ahli Ilmul-Kalam dan pengajian-pengajian falsafah, kerana Al-Qur'an hanya menangani maudhu'-maudhu' yang wujud dalam realiti yang dekat kepada fitrah manusia dan terus membincangkan maudhu'-maudhu' itu sendiri bukannya membincangkan andaian-andaian dialektikal yang kadang-kadang mengabaikan maudhu' itu dan menjadikan andaian-andaian itu sendiri sebagai tujuan perbincangan.

Di sini kami merasa cukup dengan huraian yang ringkas ini, yang menyentuh realiti dan keperluan mereka kepada anak pinak, juga menyentuh kefahaman mereka terhadap keperluan ini dan ketidakwujudan keperluan itu kepada Allah Yang Maha Kaya, yang memiliki segala isi langit dan segala isi bumi agar hati mereka benar-benar berpijak pada landasan yang meyakinkan tanpa memerlukan kepada perdebatan teoritikal yang melemahkan kesan sentuhan psikologi yang dapat disambut oleh fitrah manusia dengan selesa dan mudah.

Kemudian ayat yang berikut mencabar mereka dengan realiti, iaitu mereka sebenarnya tidak mempunyai sebarang hajat atau dalil untuk menyokong dakwaan mereka, dan dalam ayat berikut dalil dan hujjah itu diungkapkan dengan kata-kata "سلطان" (kuasa), kerana hujjah dan dalil merupakan kekuatan dan orang yang mempunyai hujjah adalah seorang yang kuat dan berkuasa:

إِنۡ عِندَكُم مِّن سُلۡطَٰنِۭ بِهَٰذَآۚ

*"Kamu tidak mempunyai sebarang hujjah (terhadap dakwaan) ini."*

Maksudnya, kamu tidak mempunyai sebarang hujjah dan dalil terhadap apa yang didakwakan kamu.

أَتَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٦٨

*"Apakah wajar kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahui?"(68)*

### *Kesan-kesan Buruk Dari Tanggapan Yang Salah Terhadap Hubungan Allah Dengan Makhluk*

Seseorang yang memperkatakan sesuatu yang tidak diketahuinya merupakan perbuatan tercela yang tidak wajar dilakukannya apatah lagi jika ia memperkatakan sesuatu yang tidak diketahuinya terhadap Allah. Itulah perbuatan jenayah yang lebih besar dari segala jenayah yang lain. Pertama, kerana perbuatan itu bertentangan dengan kewajipan hamba terhadap Allah, iaitu kewajipan membersih dan menghormati Allah, kerana perbuatan itu menyifatkan Allah dengan sifat-sifat baru, lemah dan kurang. Maha Suci Allah dari sifat-sifat yang sedemikian, juga kerana perbuatan itu merupakan satu perbuatan yang sesat dalam menanggapi hubungan di antara Khaliq dan makhluk, yang akan melahirkan kesesatan dalam menanggapi segala hubungan kehidupan, hubungan manusia dan hubungan muamalah kerana seluruh hubungan ini merupakan cabang dari kefahaman yang menanggapi hubungan di antara Khaliq dan makhluk itu. Segala kuasa yang diada-adakan oleh sami-sami kuil untuk diri mereka di dalam agama-agama paganisme dan segala kuasa yang diada-adakan oleh gereja Kristian untuk dirinya adalah berpunca dari kefahaman yang menanggapi hubungan di antara Allah Ta'ala dengan puteri-puterinya para malaikat atau hubungan di antara Allah Ta'ala dengan Isa putera Maryam, iaitu hubungan di antara anak dan bapa, juga berpunca dari cerita kesalahan Adam. Dan dari sinilah timbulnya

masalah pengakuan bersalah dan masalah usaha gereja Kristian untuk menghubungkan manusia dengan bapa al-Masih mengikut sangkaan mereka sehingga ke akhir rantai urutannya, yang mana apabila mata rantai pertama bermula dengan kefahaman yang rosak tentang hubungan di antara Khaliq dan makhluk, maka rosaklah segala mata rantai selanjutnya dalam segala bidang hidup.

Permasalahan di sini bukannya permasalahan kerosakan dalam tanggapan i'tiqad semata-mata, malah ia merupakan permasalahan seluruh hidup. Lihatlah permusuhan yang telah berlaku di antara gereja dengan sains dan akal telah membawa masyarakat Kristian bertindak membebaskan dirinya dari pengaruh gereja dengan tindakan membebaskan diri dari agama itu sendiri. Semuanya berpunca dari mata rantai kerosakan tanggapan terhadap hubungan di antara Allah dan makhluk-Nya yang membawa berbagai ekoran yang buruk, yang membuat seluruh umat manusia mengalami akibat-akibatnya yang jelik dalam aliran kefahaman-kefahaman kebendaan dengan segala malapetaka disebaliknya.

Oleh sebab itulah 'aqidah Islamiyah memberi perhatian dan keprihatinan yang berat dalam usaha menjelaskan hubungan di antara Khaliq dan makhluk ini dengan penjelasan yang sempurna, di mana tidak terdapat sebarang kesamaran dan kekeliruan, iaitu Allah adalah Tuhan Pencipta yang azali dan abadi yang tidak memerlukan anak. Hubungan di antaranya dengan seluruh manusia ialah hubungan di antara Khaliq dan makhluk-Nya tanpa sebarang pengecualian. Alam buana, hayat dan seluruh makhluk yang hidup adalah tunduk kepada undang-undang Allah yang lulus, tidak pernah mungkir dan tidak pernah memilih kasih. Justeru itu sesiapa yang mematuhi undang-undang ini akan beruntung dan berjaya dan sesiapa yang menyeleweng dari undang-undang ini akan sesat dan menemui kerugian. Sehubungan dengan undang-undang ini seluruh manusia adalah sama sahaja. Seluruh mereka akan kembali kepada Allah dan di sana tidak ada pemberi-pemberi syafa'at dan tidak ada pula sekutu-sekutu Allah. Seluruh mereka datang (mengadap Allah) pada hari Qiamat dengan seorang diri sahaja. Setiap orang akan menerima balasan mengikut perbuatannya dan Allah tidak menzalimi sesiapa pun.

Inilah 'aqidah Islam yang mudah dan jelas. Ia tidak meninggalkan satu ruang pun untuk ta'wilan-ta'wilan yang tidak betul. Ia tidak membawa hati manusia membelok dan menyimpang ke lorong-lorong dan liku-liku yang simpang-siur dan tidak pula mengheret hati manusia ke dalam kepulan awan-awan dan kabus-kabus tebal.

Justeru itulah seluruh manusia berdiri sama rata di hadapan Allah. Seluruh mereka diwajibkan menjunjung syari'at Allah dan mempertahankannya. Dengan itu seluruh hubungan di antara sesama manusia berlangsung dengan istiqamah sebagai hasil dari istiqamah hubungan di antara mereka dengan Allah.

قُلْ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾

*"Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah itu tidak akan beruntung."(69)*

***Kejayaan Yang Haqiqi Bagi Manusia***

Maksudnya, mereka tidak akan mendapat sebarang keberuntungan dan kejayaan dalam mana-mana bidang sekalipun baik di dunia mahupun di Akhirat. Keberuntungan dan kejayaan yang haqiqi ialah keberuntungan yang dicapai melalui usaha mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Allah yang betul, yang membawa kepada kebajikan, kemajuan manusia, kebaikan masyarakat, perkembangan kehidupan dan menolakkannya maju ke hadapan. Ia bukannya semata-mata kemajuan produksi kebendaan dengan menghancurkan nilai-nilai insaniyah dan kejatuhan manusia ke tahap haiwaniyah kerana kejayaan ini hanya merupakan suatu kejayaan yang lahir dan sementara sahaja, kejayaan yang menyeleweng dari garis kemajuan yang membawa umat manusia ke puncak kesempurnaan yang dapat dicapai oleh tabiat kejadian mereka:

مَتَٰعٌ فِى ٱلدُّنْيَا ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ ثُمَّ نُذِيقُهُمُ ٱلْعَذَابَ ٱلشَّدِيدَ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

*"Hanya keni'matan di dunia sahaja (yang diperolehi mereka) kemudian mereka akan kembali kepada Kami, kemudian Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat dahsyat kerana mereka melakukan perbuatan yang kufur."(70)*

Mereka hanya mendapat keni'matan duniawi yang rendah martabatnya dan pendek masanya, iaitu suatu keni'matan yang terputus kerana ia tidak mempunyai hubungan dengan keni'matan sebenar yang sesuai dengan umat manusia di negeri Akhirat. Ia merupakan keni'matan yang akan diiringi 'azab yang amat berat sebagai akibat dari penyelewengan mereka dari undang-undang dan peraturan Allah yang universal, yang membawa kepada keni'matan yang luhur yang layak dengan umat manusia.

**(Kumpulan ayat-ayat 71 - 103)**

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ نُوحٍ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكُم مَّقَامِى وَتَذْكِيرِى بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْتُ فَأَجْمِعُوٓا۟ أَمْرَكُمْ وَشُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً ثُمَّ ٱقْضُوٓا۟ إِلَىَّ وَلَا تُنظِرُونِ ﴿٧١﴾

فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَمَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى اللَّهِ ۖ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٧٢﴾

فَكَذَّبُوهُ فَنَجَّيْنَاهُ وَمَن مَّعَهُ فِي الْفُلْكِ وَجَعَلْنَاهُمْ خَلَائِفَ وَأَغْرَقْنَا الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا ۖ فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾

ثُمَّ بَعَثْنَا مِن بَعْدِهِ رُسُلًا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ فَجَاءُوهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا بِمَا كَذَّبُوا بِهِ مِن قَبْلُ ۚ كَذَٰلِكَ نَطْبَعُ عَلَىٰ قُلُوبِ الْمُعْتَدِينَ ﴿٧٤﴾

ثُمَّ بَعَثْنَا مِن بَعْدِهِم مُّوسَىٰ وَهَارُونَ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِ بِآيَاتِنَا فَاسْتَكْبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ﴿٧٥﴾

فَلَمَّا جَاءَهُمُ الْحَقُّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا إِنَّ هَٰذَا لَسِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧٦﴾

قَالَ مُوسَىٰ أَتَقُولُونَ لِلْحَقِّ لَمَّا جَاءَكُمْ ۖ أَسِحْرٌ هَٰذَا وَلَا يُفْلِحُ السَّاحِرُونَ ﴿٧٧﴾

قَالُوا أَجِئْتَنَا لِتَلْفِتَنَا عَمَّا وَجَدْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا وَتَكُونَ لَكُمَا الْكِبْرِيَاءُ فِي الْأَرْضِ وَمَا نَحْنُ لَكُمَا بِمُؤْمِنِينَ ﴿٧٨﴾

وَقَالَ فِرْعَوْنُ ائْتُونِي بِكُلِّ سَاحِرٍ عَلِيمٍ ﴿٧٩﴾

فَلَمَّا جَاءَ السَّحَرَةُ قَالَ لَهُم مُّوسَىٰ أَلْقُوا مَا أَنتُم مُّلْقُونَ ﴿٨٠﴾

*"Dan bacakanlah kepada mereka berita Nuh ketika ia berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Jika kamu merasa keberatan kerana aku tinggal bersama kamu dan kerana aku mengingatkan kamu dengan ayat-ayat Allah, maka aku tetap berserah kepada Allah. Oleh sebab itu bulatkanlah keputusan kamu dan kumpulkan sekutu-sekutu kamu dan janganlah keputusan kamu diselubungi sebarang kekeliruan kepada kamu, kemudian segeralah bertindak ke atasku dan jangan sekali-kali kamu menangguhkan tindakan-tindakan itu terhadapku(71). Jika kamu berpaling (dari da'wahku), maka aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu. Tiada upahanku melainkan terserah kepada Allah dan aku diperintah supaya aku jadikan diriku dari golongan Muslimin (yang berserah kepada Allah)(72). Mereka telah mendustakan Nuh, lalu Kami selamatkannya dan pengikut-pengikutnya dalam sebuah bahtera dan Kami jadikan mereka (pengikut-pengikutnya) pemerintah-pemerintah di bumi dan Kami telah menenggelamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Oleh itu lihatlah akibat orang-orang yang telah diberi peringatan (tetapi tidak menghiraukannya)(73). Kemudian Kami utuskan selepas Nuh beberapa rasul kepada kaum mereka masing-masing lalu rasul-rasul itu membawa kepada mereka bukti-bukti yang nyata, tetapi mereka tidak mahu beriman kepada apa yang mereka pernah mendustakannya sebelum ini. Demikianlah Kami meterai hati orang-orang yang melampaui batas(74). Kemudian sesudah nabi-nabi itu Kami utuskan Musa dan Harun kepada Fir'aun dan para pembesarnya membawa bukti-bukti yang jelas dari Kami, tetapi mereka berlagak angkuh dan mereka adalah golongan para pendosa(75). Dan apabila kebenaran dari sisi Kami datang kepada mereka lantas mereka berkata: Sesungguhnya ini adalah suatu sihir yang nyata(76). Jawab Musa: Apakah wajar kamu berkata kepada kebenaran yang datang kepada kamu itu: Apakah ini suatu sihir? Sedangkan ahli-ahli sihir itu tidak pernah beruntung(77). Mereka berkata: Apakah kamu datang kepada kami untuk memalingkan kami dari kepercayaan yang kami dapati dipegang oleh datuk nenek kami dan supaya kamu berdua mempunyai kekuasaan di bumi ini? Kami tidak akan beriman kepada kamu berdua(78). Lalu Fir'aun berkata (kepada para pembesarnya): Bawalah kepadaku semua ahli-ahli sihir yang pintar(79). Setelah ahli-ahli sihir itu datang, maka Musa berkata kepada mereka: Campakkanlah apa sahaja yang kamu mahu dicampakkannya(80)."*

فَلَمَّا أَلْقَوْا قَالَ مُوسَىٰ مَا جِئْتُم بِهِ السِّحْرُ ۖ إِنَّ اللَّهَ سَيُبْطِلُهُ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يُصْلِحُ عَمَلَ الْمُفْسِدِينَ ﴿٨١﴾

وَيُحِقُّ اللَّهُ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُجْرِمُونَ ﴿٨٢﴾

فَمَا آمَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ ۚ وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالٍ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ ﴿٨٣﴾

وَقَالَ مُوسَىٰ يَا قَوْمِ إِن كُنتُمْ آمَنتُم بِاللَّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوا إِن كُنتُم مُّسْلِمِينَ ﴿٨٤﴾

فَقَالُوا عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٨٥﴾

وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٨٦﴾

وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ وَأَخِيهِ أَن تَبَوَّآ لِقَوْمِكُمَا بِمِصْرَ بُيُوتًا وَاجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قِبْلَةً وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ ۗ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٧﴾

وَقَالَ مُوسَىٰ رَبَّنَآ إِنَّكَ ءَاتَيْتَ فِرْعَوْنَ وَمَلَأَهُۥ زِينَةً وَأَمْوَٰلًا فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا رَبَّنَا لِيُضِلُّوا۟ عَن سَبِيلِكَ ۖ رَبَّنَا ٱطْمِسْ عَلَىٰٓ أَمْوَٰلِهِمْ وَٱشْدُدْ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُوا۟ حَتَّىٰ يَرَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَلِيمَ ﴿٨٨﴾

قَالَ قَدْ أُجِيبَت دَّعْوَتُكُمَا فَٱسْتَقِيمَا وَلَا تَتَّبِعَآنِّ سَبِيلَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨٩﴾

وَجَٰوَزْنَا بِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْبَحْرَ فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ وَجُنُودُهُۥ بَغْيًا وَعَدْوًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَدْرَكَهُ ٱلْغَرَقُ قَالَ ءَامَنتُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱلَّذِىٓ ءَامَنَتْ بِهِۦ بَنُوٓا۟ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٩٠﴾

*"Dan setelah mereka mencampakkannya, Musa pun berkata: Apa yang telah ditunjukkan kamu ini itulah perbuatan sihir. Sesungguhnya Allah akan menunjukkan kepalsuannya, dan sesungguhnya Allah tidak akan menjayakan perbuatan orang-orang yang melakukan kerosakan(81). Dan Allah akan menunjukkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya walaupun tidak disukai oleh para pendosa(82). Tiada siapa yang beriman kepada Musa kecuali anak-anak muda dari kaumnya kerana mereka takut kepada Fir'aun dan para pembesarnya bertindak menindaskan mereka, dan sesungguhnya Fir'aun bertindak sewenang-wenang di negeri itu dan sesungguhnya dia termasuk dalam golongan orang-orang yang melampaui batas(83). Lalu Musa berkata: Wahai kaumku, jika kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah kepada-Nya sekiranya kamu benar-benar golongan Muslimin (yang berserah kepada Allah)(84). Lalu mereka berkata: Kami tetap bertawakkal kepada Allah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan kepada golongan orang-orang yang zalim(85). Dan selamatkan kami dengan limpah rahmat-Mu dari golongan orang-orang yang kafir(86). Dan Kami telah mewahyukan kepada Musa dan saudaranya: Ambillah beberapa buah rumah di Mesir untuk dijadikan tempat kediaman kepada kaum kamu berdua dan jadikan rumah-rumah kamu itu menghadapi satu arah yang sama dan dirikanlah solat dan sampaikan berita gembira kepada para Mu'minin(87). Lalu Musa berdo'a: Wahai Tuhan kami, engkau telah mengurniakan kepada Fir'aun dan para pembesarnya perhiasan dan kekayaan harta dalam kehidupan dunia. (Tetapi) wahai Tuhan kami, mereka menyesatkan manusia dari jalan-Mu. Wahai Tuhan kami, binasakanlah harta kekayaan mereka dan ikatkanlah hati mereka sampai mereka tidak beriman hingga mereka melihat 'azab yang amat pedih(88). Allah menjawab: Sesungguhnya permohonan kamu berdua telah diperkenankan, oleh itu hendaklah kamu berdua beristiqamah dan jangan sekali-kali kamu mengikut jalan orang-orang yang tidak mengetahui(89). Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi lautan, lalu mereka diikuti oleh Fir'aun dan bala tenteranya dengan tujuan untuk menganiayai dan menindas mereka, hingga apabila ia hampir tenggelam barulah ia berkata: Sesungguhnya aku beriman tiada Tuhan selain Allah yang diimani Bani Israel dan aku (sekarang) adalah dari golongan Muslimin (yang menyerahkan diri kepada Allah)(90)".*

ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ عَصَيْتَ قَبْلُ وَكُنتَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٩١﴾

فَٱلْيَوْمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ لِتَكُونَ لِمَنْ خَلْفَكَ ءَايَةً ۚ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ عَنْ ءَايَٰتِنَا لَغَٰفِلُونَ ﴿٩٢﴾

وَلَقَدْ بَوَّأْنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ مُبَوَّأَ صِدْقٍ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ فَمَا ٱخْتَلَفُوا۟ حَتَّىٰ جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِى بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٩٣﴾

فَإِن كُنتَ فِى شَكٍّ مِّمَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ فَسْـَٔلِ ٱلَّذِينَ يَقْرَءُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكَ ۚ لَقَدْ جَآءَكَ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿٩٤﴾

وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَتَكُونَ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٩٥﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ حَقَّتْ عَلَيْهِمْ كَلِمَتُ رَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٩٦﴾

وَلَوْ جَآءَتْهُمْ كُلُّ ءَايَةٍ حَتَّىٰ يَرَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَلِيمَ ﴿٩٧﴾

فَلَوْلَا كَانَتْ قَرْيَةٌ ءَامَنَتْ فَنَفَعَهَآ إِيمَٰنُهَآ إِلَّا قَوْمَ يُونُسَ لَمَّآ ءَامَنُوا۟ كَشَفْنَا عَنْهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَمَتَّعْنَٰهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٩٨﴾

وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ لَءَامَنَ مَن فِى ٱلْأَرْضِ كُلُّهُمْ جَمِيعًا ۚ أَفَأَنتَ تُكْرِهُ ٱلنَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٩﴾

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَن تُؤْمِنَ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ وَيَجْعَلُ ٱلرِّجْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٠٠﴾

قُلِ ٱنظُرُوا۟ مَاذَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَمَا تُغْنِى

ٱلْءَايَٰتُ وَٱلنُّذُرُ عَن قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠١﴾
فَهَلْ يَنتَظِرُونَ إِلَّا مِثْلَ أَيَّامِ ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن
قَبْلِهِمْ ۚ قُلْ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿١٠٢﴾
ثُمَّ نُنَجِّى رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ حَقًّا
عَلَيْنَا نُنجِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

*"Apakah sekarang baru engkau beriman sedangkan dulunya engkau telah menderhaka dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kerosakan?(91). Dan pada hari ini Kami selamatkan badanmu supaya menjadi bukti kebenaran kepada mereka yang datang selepasmu. Sesungguhnya kebanyakan manusia itu lalai dari memikirkan ayat-ayat Kami(92). Dan sesungguhnya Kami telah menempatkan Bani Israel di tempat kediaman yang benar-benar teguh dan Kami kurniakan rezeki-rezeki yang baik kepada mereka. Kemudian mereka tidak berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan. Sesungguhnya Allah Tuhanmu akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat dalam perkara-perkara yang dipertentangkan mereka(93). Dan seandainya engkau (wahai Muhammad) berada di dalam keraguan terhadap wahyu-wahyu yang Kami telah turunkannya kepadamu, maka silalah engkau bertanya orang-orang yang membaca kitab-kitab suci sebelum engkau. Sesungguhnya kebenaran telah datang kepadamu dari Tuhanmu dan oleh sebab itu janganlah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu(94). Dan janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang mendustakan ayat Allah, yang menyebabkan engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi(95). Sesungguhnya orang-orang yang telah ditetapkan keputusan Allah ke atas mereka tidak akan beriman(96). Walaupun mereka didatangi segala bukti yang jelas sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih(97). Mengapa tidak ada sebuah negeri yang (seluruh penduduknya) telah beriman lalu keimanan itu telah berguna kepadanya kecuali kaum Yunus? Apabila mereka beriman Kami hapuskan dari mereka 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia dan Kami kurniakan kesenangan kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu(98). Dan seandainya Tuhanmu kehendaki nescaya seluruh manusia di bumi ini beriman belaka. Apakah engkau mahu memaksa seluruh manusia sehingga mereka beriman belaka?(99). Dan tiada sesiapa pun yang beriman kecuali dengan keizinan Allah dan Dia menimpakan noda kesesatan ke atas mereka yang tidak menggunakan akal mereka(100). Katakanlah: Telitilah apakah kejadian-kejadian yang ada di langit dan di bumi, tetapi segala bukti-bukti dan amaran-amaran tidak berguna kepada golongan orang-orang yang tidak beriman(101). Oleh itu mereka tidak menunggu kecuali hari malapetaka yang sama dengan hari malapetaka yang telah menimpa orang-orang yang dahulu sebelum mereka. Katakanlah: Tunggulah (hari itu) sesungguhnya aku juga termasuk dari orang-orang yang menunggu bersama kamu(102). Kemudian Kami selamatkan rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman. Demikianlah telah menjadi kewajipan Kami menyelamatkan orang-orang yang beriman."(103).*

Sebelum ini terdapat ayat-ayat di dalam surah ini yang mengisahkan tentang umat-umat yang silam yang telah ditimpa akibat yang buruk kerana mendustakan rasul-rasul mereka kemudian mereka digantikan oleh generasi selepas mereka untuk diuji:

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا ٱلْقُرُونَ مِن قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا۟ ۙ وَجَآءَتْهُمْ
رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَمَا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى
ٱلْقَوْمَ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٣﴾
ثُمَّ جَعَلْنَٰكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ مِنۢ بَعْدِهِمْ لِنَنظُرَ
كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

*"Sesungguhnya Kami telah membinasakan umat-umat sebelum kamu apabila mereka melakukan kezaliman, sedangkan rasul-rasul mereka telah datang kepada mereka membawa penerangan yang jelas, tetapi mereka tidak juga beriman. Demikianlah Kami mengenakan balasan terhadap golongan orang-orang yang berdosa(13). Kemudian Kami jadikan kamu selaku pengganti-pengganti yang memerintah di bumi selepas mereka supaya Kami dapat melihat bagaimana kamu bertindak."(14)*

Begitu juga sebelum ini terdapat ayat yang menerangkan bahawa setiap umat itu mempunyai rasul masing-masing. Oleh itu apabila mereka telah didatangi rasul, maka mereka akan dibicarakan dengan adil:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولٌ ۖ فَإِذَا جَآءَ رَسُولُهُمْ قُضِىَ
بَيْنَهُم بِٱلْقِسْطِ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٤٧﴾

*"Dan setiap umat mempunyai rasul masing-masing. Oleh itu apabila mereka telah didatangi rasul mereka, maka mereka kelak akan dibicarakan di antara mereka dengan adil dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai."(47)*

Sekarang ayat yang berikut membawa kita kepada penjelasan yang terperinci mengenai keterangan dua ayat yang tersebut, di mana ia menceritakan sebahagian dari kisah Nuh dengan kaumnya dan sebahagian dari kisah Musa dengan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, dan di dalam dua cerita itu disebut penimpaan 'azab yang berlaku ke atas kedua kaum itu akibat dan perbuatan mereka yang mendustakan rasul, juga disebut keputusan pengadilan Ilahi terhadap perilaku umat selepas kedatangan rasul-Nya yang telah menyampaikan perutusan-Nya sambil memberi peringatan kepada mereka terhadap akibat yang akan menimpa mereka jika mereka melanggar pengajaran-pengajarannya.

Begitu juga dalam ayat-ayat bahagian ini terdapat singgungan sepintas lalu mengenai kisah Yunus, di mana penduduk-penduduk negerinya telah beriman kepada Allah setelah hampir-hampir ditimpa 'azab

dan mereka telah diselamatkan dari 'azab itu dengan keimanan mereka. Kisah ini menyentuh satu aspek lain yang menarik para pendusta itu ke arah keimanan supaya mereka dapat menghindari 'azab yang diancamkan kepada mereka dan terselamat dari akibat kebinasaan yang telah menimpa kaum Nuh dan kaum Musa.

Pelajaran yang telah lalu berakhir dengan perintah Ilahi yang menugaskan Rasulullah s.a.w. supaya mengumumkan bahawa akibat yang buruk akan menimpa ke atas orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan menghubungkan sekutu-sekutu kepada-Nya:

قُلْ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾
مَتَٰعٌ فِى ٱلدُّنْيَا ثُمَّ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ ثُمَّ نُذِيقُهُمُ ٱلْعَذَابَ ٱلشَّدِيدَ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

*"Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah itu tidak akan beruntung(69). Hanya keni'matan di dunia sahaja (yang diperolehi mereka) kemudian mereka akan kembali kepada Kami, kemudian Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat dahsyat kerana mereka melakukan perbuatan yang kufur."(70)*

Perintah Ilahi itu dikeluarkan selepas diberi keyakinan kepada Rasulullah s.a.w.:

وَلَا يَحْزُنكَ قَوْلُهُمْ إِنَّ ٱلْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا

*"Dan janganlah engkau berdukacita kerana perkataan-perkataan mereka, kerana sesungguhnya seluruh kekuatan itu kepunyaan Allah."(65)*

Juga selepas dinyatakan kepada beliau bahawa Aulia'ullah atau hamba-hamba kesayangan Allah akan dilindungi dari ketakutan dan diselamatkan dari kedukacitaan.

Kemudian ayat-ayat yang berikut nanti akan terus menyampaikan satu perintah baru kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menceritakan kepada mereka kisah Nuh yang telah mencabar kaumnya dan bagaimana beliau dan pengikut-pengikutnya yang beriman terselamat dari kebinasaan dan bagaimana selepas itu mereka dilantik sebagai pemerintah di bumi dan bagaimana kaumnya yang mendustakan kerasulannya telah dibinasakan Allah walaupun mereka merupakan satu kaum yang amat kuat dan ramai bilangannya.

Kesesuaian penceritaan kisah-kisah ini dengan konteks surah ini amat ketara, juga dengan konteks konsep-konsep yang baru dibicarakan sebelum ini. Kisah-kisah di dalam Al-Qur'an yang dikemukakan di dalam penjelasan ayat-ayatnya itu adalah bertujuan untuk melaksanakan suatu fungsi dalam penjelasan itu dan kisah-kisah itu diulang-ulangkan di berbagai-bagai tempat yang lain dengan uslub yang sesuai dengan tempat-tempat itu. Babak-babak dari kisah-kisah itu diceritakan pada suatu tempat yang dapat memenuhi kehendak tempat itu dan kadang-kadang babak-babak yang lain dari kisah yang sama diceritakan pula pada suatu tempat yang lain, kerana tempat ini sesuai dengan babak yang lain itu dari kisah tersebut. Kita akan melihat dari kisah-kisah Nuh, Musa dan Yunus yang dibentangkan di sini, juga dari uslub pembentangan dan penyampaian yang menampilkan titik kesesuaian kisah itu dengan sikap kaum Musyrikin di Makkah terhadap Nabi s.a.w. dan para pengikutnya yang kecil, juga dengan sikap kelompok Mu'minin yang kecil yang berbangga dengan keimanan mereka di hadapan majoriti kaumnya yang ramai, kuat dan berkuasa. Begitu juga kita akan melihat titik-titik kesesuaian di antara kisah-kisah itu dengan ulasan-ulasan yang dikemukakan di celah-celah kisah-kisah itu atau selepasnya.[14]

**(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 73)**

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ نُوحٍ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكُم مَّقَامِى وَتَذْكِيرِى بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْتُ فَأَجْمِعُوٓا۟ أَمْرَكُمْ وَشُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً ثُمَّ ٱقْضُوٓا۟ إِلَىَّ وَلَا تُنظِرُونِ ﴿٧١﴾
فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَمَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ ۖ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٧٢﴾
فَكَذَّبُوهُ فَنَجَّيْنَٰهُ وَمَن مَّعَهُۥ فِى ٱلْفُلْكِ وَجَعَلْنَٰهُمْ خَلَٰٓئِفَ وَأَغْرَقْنَا ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾

*"Dan bacakanlah kepada mereka berita Nuh ketika ia berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Jika kamu merasa keberatan kerana aku tinggal bersama kamu dan kerana aku mengingatkan kamu dengan ayat-ayat Allah, maka aku tetap berserah kepada Allah. Oleh sebab itu bulatkanlah keputusan kamu dan kumpulkan sekutu-sekutu kamu dan janganlah keputusan kamu diselubungi sebarang kekeliruan kepada kamu, kemudian segeralah bertindak ke atasku dan jangan sekali-kali kamu menangguhkan tindakan-tindakan itu terhadapku(71). Jika kamu berpaling (dari da'wahku), maka aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu. Tiada upahanku melainkan terserah kepada Allah dan aku diperintah supaya aku jadikan diriku dari golongan Muslimin (yang berserah kepada Allah)(72). Mereka telah mendustakan Nuh, lalu Kami selamatkannya dan pengikut-*

---

[14] *Lihat bab "القصة في القرآن" dalam buku "التصوير الفني في القرآن" untuk mempelajari kaedah ini dengan terperinci.*

*pengikutnya dalam sebuah bahtera dan Kami jadikan mereka (pengikut-pengikutnya) pemerintah-pemerintah di bumi dan Kami telah menenggelamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Oleh itu lihatlah akibat orang-orang yang telah diberi peringatan (tetapi tidak menghiraukannya)."(73)*

### Babak Kisah Nuh a.s. Mencabar Kaumnya

Babak kisah Nuh yang ditayangkan di sini merupakan babak terakhir atau babak cabaran Nuh terakhir selepas sekian lama beliau memberi amaran dan peringatan dan sekian lama menghadapi pendustaan kaumnya. Di dalam babak ini tidak disebut maudhu' bahtera dan para penumpangnya, juga tidak disebut maudhu' banjir besar dan perincian-perinciannya, kerana tujuan ayat ini ialah untuk menonjolkan persoalan cabaran, memohon pertolongan kepada Allah Yang Maha Esa, keselamatan Nabi Nuh dan para pengikutnya yang kecil dan kebinasaan para pendusta da'wahnya yang ramai dan kuat. Oleh sebab itulah perincian kisah itu diringkaskan kepada satu babak sahaja dan perincian babak yang satu ini pula diringkas kepada natijah-natijahnya yang akhir sahaja kerana inilah tujuan penjelasan ayat itu di tempat ini.

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ نُوحٍ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكُم مَّقَامِى وَتَذْكِيرِى بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْتُ فَأَجْمِعُوٓا۟ أَمْرَكُمْ وَشُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً ثُمَّ ٱقْضُوٓا۟ إِلَىَّ وَلَا تُنظِرُونِ ﴿٧١﴾

*"Dan bacakanlah kepada mereka berita Nuh ketika ia berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Jika kamu merasa keberatan kerana aku tinggal bersama kamu dan kerana aku mengingatkan kamu dengan ayat-ayat Allah, maka aku tetap berserah kepada Allah. Oleh sebab itu bulatkanlah keputusan kamu dan kumpulkan sekutu-sekutu kamu dan janganlah keputusan kamu diselubungi sebarang kekeliruan kepada kamu, kemudian segeralah bertindak ke atasku dan jangan sekali-kali kamu menangguhkan tindakan-tindakan itu terhadapku."(71)*

Maksudnya, jika urusan da'wah ini telah menyebabkan kamu merasa begitu bosan hingga ke tahap kamu tidak sanggup lagi menerima kewujudanku dan da'wahku di kalangan kamu, juga tidak sanggup lagi mendengar peringatan-peringatan yang disampaikanku tentang ayat-ayat Allah, maka buatlah apa yang kamu suka dan aku tetap dengan perjuanganku dan aku tidak akan bergantung kepada sesiapa kecuali Allah:

فَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْتُ

*"Aku tetap berserah kepada Allah."*

Aku hanya berserah kepada-Nya sahaja. Cukuplah Allah membantuku tanpa penolong-penolong dan pelindung-pelindung yang lain.

*"Oleh sebab itu bulatkanlah keputusan kamu dan kumpulkan sekutu-sekutu kamu."*

Dan fikirankanlah segala punca keputusan kamu dan bersedialah dengan bersatu padu di antara satu sama lain:

ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً

*"Dan janganlah keputusan kamu diselubungi sebarang kekeliruan kepada kamu."*

Malah hendaklah situasi itu cukup jelas di dalam hati kamu dan segala keputusan kamu itu mantap dan terang tanpa dilitupi sebarang kekeliruan dan kesamaran, tanpa digugat keraguan dan ke terumbang-ambingan.

ثُمَّ ٱقْضُوٓا۟ إِلَىَّ

*"Kemudian segeralah bertindak ke atasku."*

Maksudnya: Laksanakanlah segala keputusan terhadap diriku. Setelah kamu berfikir dan membuat pertimbangan yang teliti dan setelah kamu mengaturkan perencanaan yang kukuh tanpa sebarang keraguan.

وَلَا تُنظِرُونِ ﴿٧١﴾

*"Dan jangan sekali-kali kamu menangguhkan tindakan-tindakan itu terhadapku."(71)*

Maksudnya, jangan kamu memberi tempoh kepada aku untuk membuat persediaan, kerana seluruh persediaanku ialah pergantunganku kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa yang lain dari-Nya.

Itulah cabaran Nuh yang terus terang dan membangkitkan perasaan, iaitu satu cabaran yang tidak diucapkan oleh seseorang kecuali ia mempunyai kekuatan yang cukup dan keyakinan yang kukuh terhadap kelengkapan dirinya sehingga ia berani mendedahkan dirinya kepada musuh-musuhnya dan merangsangkan mereka dengan kata-kata yang membangkitkan keghairahan mereka supaya bertindak menyerangnya. Apakah kekuatan dan pelengkapan yang ada di belakang Nuh? Dan siapakah kuasa-kuasa bumi yang ada bersama Nuh?

Kekuatan yang berdiri bersama Nuh ialah kekuatan iman, iaitu satu kekuatan yang membuat segala kekuatan yang lain menjadi begitu lemah di hadapannya dan membuat kekuatan bilangan yang ramai menjadi kecil dan seterusnya melemahkan segala perencanaan musuh. Yang sentiasa berada di belakang Nuh ialah Allah yang tidak membiarkan para hamba kesayangan-Nya kepada rakan-rakan setia syaitan.

Hanya keimanan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja yang menghubungkan seseorang dengan sumber kekuatan agung yang menguasai alam buana dengan segala isi dan penghuninya. Cabaran yang diperlihatkan Nuh ini bukannya suatu keangkuhan dan bukannya suatu keberanian membabi buta dan membunuh diri, malah ia merupakan suatu cabaran kekuatan haqiqi yang agung terhadap kekuatan makhluk yang kerdil dan fana yang menjadi begitu lemah dan kecil apabila berdepan dengan orang-orang yang beriman.

Para penda'wah kepada agama Allah harus mencontohi teladan-teladan yang baik yang telah ditunjukkan oleh para rasul. Mereka harus memenuhi hati mereka dengan kepercayaan yang kukuh dan bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dalam menghadapi kekuatan Taghut dalam apa bentuknya sekalipun.

Ingatlah bahawa kekuatan Taghut tidak dapat memudharatkan mereka kecuali dalam bentuk gangguan dan penindasan sahaja sebagai ujian dari Allah, bukannya kerana Allah tidak berupaya menolong para hamba kesayangan-Nya dan bukannya kerana Allah mahu membiarkan mereka begitu sahaja untuk menyerahkan mereka kepada pihak musuh, malah penindasan yang dialami mereka merupakan suatu ujian untuk menduga hati mereka dan barisan-barisan perjuangan mereka. Kemudian giliran kejayaan akan kembali kepada para Mu'minin, di mana janji Allah yang akan memberi kemenangan dan kedudukan yang teguh kepada mereka akan terlaksana.

Allah S.W.T. menceritakan kisah hamba-Nya Nabi Nuh a.s. ketika beliau mencabar kekuatan Taghut di zamannya dengan cabaran yang terus terang. Marilah kita ikuti kisah ini dari dekat hingga ke akhirnya:

فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَمَا سَأَلْتُكُم مِّنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى
اللَّهِ ۖ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٧٢﴾

*"Jika kamu berpaling (dari da'wahku), maka aku tidak meminta apa-apa upahan dari kamu. Tiada upahanku melainkan terserah kepada Allah dan aku diperintah supaya aku jadikan diriku dari golongan Muslimin (yang berserah kepada Allah)."(72)*

Maksudnya jika kamu berpaling dan menjauhi diri dariku, maka itu adalah urusan kamu, kerana selama ini aku tidak pernah meminta upah dari kamu kerana menyampaikan hidayat kepada kamu hingga menyebabkan upahanku itu merosot kerana kamu berpaling dariku:

إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى اللَّهِ ۖ

*"Tiada upahanku melainkan terserah kepada Allah."*

Perkara upahan tidak akan menggugat 'aqidahku, kerana aku diperintah menyerahkan seluruh diriku kepada Allah:

وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٧٢﴾

*"Dan aku diperintah supaya aku jadikan diriku dari golongan Muslimin (yang berserah kepada Allah)."(72)*

Sedangkan aku ketika diperintah begitu telah pun berada dalam golongan Muslimin.

Apakah yang telah terjadi selepas itu?

فَكَذَّبُوهُ فَنَجَّيْنَاهُ وَمَن مَّعَهُ فِي الْفُلْكِ وَجَعَلْنَاهُمْ
خَلَائِفَ وَأَغْرَقْنَا الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا ۖ

*"Mereka telah mendustakan Nuh, lalu Kami selamatkannya dan pengikut-pengikutnya dalam sebuah bahtera dan Kami jadikan mereka (pengikut-pengikutnya) pemerintah-pemerintah di bumi dan Kami telah menenggelamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami."*

Demikianlah diceritakan dengan ringkas bagaimana Nuh a.s. dan para pengikutnya yang beriman telah diselamatkan Allah dan bagaimana mereka dilantik menjadi pemerintah-pemerintah di bumi walaupun bilangan mereka kecil dan bagaimana golongan yang mendustakan da'wah telah ditenggelamkan Allah walaupun mereka begitu kuat dan ramai:

فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُنذَرِينَ ﴿٧٣﴾

*"Oleh itu lihatlah akibat orang-orang yang telah diberi peringatan (tetapi tidak menghiraukannya)."(73)*

Lihatlah akibat yang telah menimpa orang-orang yang telah diberi peringatan, dan ambillah pengajaran dari golongan para Mu'minin yang telah diselamatkan Allah.

Keselamatan Nuh a.s. dan para pengikutnya diumumkan dengan segera dalam ayat ini, kerana Nuh dan para pengikutnya yang kecil, telah menghadapi ancaman tentangan dari golongan kafir yang ramai. Kesudahan kisah ini bukan sahaja memperlihatkan kebinasaan golongan kafir yang ramai, tetapi juga memperlihatkan keselamatan golongan Mu'minin yang kecil dari segala ancaman bahaya dan kejayaan mereka menjadi pemerintah-pemerintah di bumi untuk membangun dan memperbaharui semula kehidupan di bumi (yang telah ditenggelami dan dibinasakan banjir yang besar itu), juga untuk melaksanakan peranan asasi selama masa yang tertentu.

Inilah Sunnatullah di bumi ini dan inilah janji-Nya kepada para hamba kesayangan-Nya. Jika perjalanan itu dirasakan jauh oleh kelompok Mu'minin di suatu ketika, maka mereka harus mengetahui bahawa itulah satu-satunya jalan yang harus ditempoh mereka dan mereka harus yakin bahawa kejayaan dan janji menjadi pemerintah di bumi akan dicapai oleh orang-orang yang beriman. Mereka tidak seharusnya mendesak agar pelaksanaan janji itu disegerakan Allah sehingga tiba waktunya yang tepat dengan syarat mereka mengikuti jalan itu. Allah tidak

mengelirukan para hamba kesayangan-Nya dan bukan pula tidak berupaya menolong mereka dengan kuat kuasa-Nya dan tidak pula bermaksud menyerahkan mereka kepada musuh-musuh mereka, tetapi Allah mahu mengajar, melatih dan membekalkan mereka dalam ujian itu dengan bekalan-bekalan menuju jalan Allah.[15]

**(Pentafsiran ayat 74)**

Ayat yang berikut mengisyaratkan secara ringkas dan umum kepada rasul-rasul yang dibangkitkan selepas Nuh a.s. dan bukti-bukti yang nyata serta peristiwa-peristiwa mu'jizat yang dibawa mereka dan bagaimana ia disambut oleh para pendusta yang sesat:

ثم بعثنا من بعده رسلا إلى قومهم فجاءوهم بالبينات فما كانوا ليؤمنوا بما كذبوا به من قبل كذلك نطبع على قلوب المعتدين ﴿٧٤﴾

*"Kemudian Kami utuskan selepas Nuh beberapa rasul kepada kaum mereka masing-masing lalu rasul-rasul itu membawa kepada mereka bukti-bukti yang nyata, tetapi mereka tidak mahu beriman kepada apa yang mereka pernah mendustakannya sebelum ini. Demikianlah Kami meterai hati orang-orang yang melampaui batas."(74)*

Para rasul itu telah membawa kepada kaum mereka bukti-bukti yang jelas, dan ayat ini juga menyatakan bahawa mereka tetap tidak mahu beriman kepada da'wah yang pernah mereka mendustakannya sebelum ini. Kenyataan ini mungkin membawa erti bahawa selepas datangnya bukti-bukti yang jelas itu mereka terus mendustakannya sebagaimana yang telah dilakukan mereka sebelum ini, dan bukti-bukti yang jelas itu tidak dapat mengubahkan sikap mereka yang degil itu, dan mungkin pula membawa erti bahawa para pendusta itu adalah dari satu kelompok yang berlain-lainan generasinya tetapi mempunyai tabiat dan sikap yang sama. Mereka tidak mungkin beriman kepada da'wah yang pernah didustakan oleh datuk nenek mereka atau didustakan oleh mereka sendiri bagi pihak datuk nenek mereka kerana mereka adalah sebahagian dari datuk nenek mereka yang mempunyai sikap dan tabiat yang sama terhadap bukti-bukti yang jelas yang sama. Mereka tidak membuka pintu hati mereka kepada bukti-bukti yang jelas dan tidak pula memikirkannya dengan akal mereka. Mereka adalah golongan manusia yang melampaui batas kesederhanaan dan istiqamah di jalan hidayat. Ini disebabkan kerana mereka mensia-siakan daya pemikiran yang dikurniakan Allah kepada mereka untuk mereka berfikir dan mencari jalan yang benar. Dan dengan penyeksaan ini menyebabkan pintu hati mereka ditutup:

كذلك نطبع على قلوب المعتدين ﴿٧٤﴾

*"Demikianlah Kami meterai hati orang-orang yang melampaui batas."(74)*

Iaitu mengikut Sunnatullah yang qadim bahawa hati yang ditutup oleh tuannya sendiri itu akan termeterai begitu dan akan terus membeku dan keras membatu. Oleh sebab itu ia tidak akan kembali lembut untuk menerima dan menyambut da'wah. Ia bukan bermakna bahawa Allah sengaja menutup hati itu untuk menghalangnya dari awal-awal lagi dari menerima hidayat, malah itulah Sunnatullah yang direalisasikan mengikut kehendak-kehendak di setiap keadaan.

**(Pentafsiran ayat-ayat 75 - 78)**

Kisah Musa yang diceritakan dalam ayat-ayat berikut adalah dimulai dari peringkat pendustaan dan cabaran dan diakhiri dengan tenggelamnya Fir'aun dan kuncu-kuncunya iaitu lebih luas dari kisah Nuh, di mana disebut situasi-situasi yang mempunyai titik keserupaan dengan pendirian dan sikap kaum Musyrikin Makkah terhadap Rasulullah s.a.w. dan kedudukan golongan Mu'minin yang kecil yang mengikut beliau.

***Babak Kisah Musa a.s. Yang Mencabar Fir'aun***

Babak kisah Musa yang ditayangkan di sini dibahagikan kepada lima adegan dan diakhiri dengan ulasan yang mengandungi pengajaran dari kisah ini yang ditayangkan di dalam surah ini sedemikian rupa. Kelima-lima adegan itu ditayangkan berturut-turut seperti berikut:

ثم بعثنا من بعدهم موسى وهارون إلى فرعون وملإيه بآياتنا فاستكبروا وكانوا قوما مجرمين ﴿٧٥﴾ فلما جاءهم الحق من عندنا قالوا إن هذا لسحر مبين ﴿٧٦﴾

قال موسى أتقولون للحق لما جاءكم أسحر هذا ولا يفلح الساحرون ﴿٧٧﴾

قالوا أجئتنا لتلفتنا عما وجدنا عليه آباءنا وتكون لكما الكبرياء في الأرض وما نحن لكما بمؤمنين ﴿٧٨﴾

*"Kemudian sesudah nabi-nabi itu Kami utuskan Musa dan Harun kepada Fir'aun dan para pembesarnya membawa bukti-bukti yang jelas dari Kami, tetapi mereka berlagak angkuh dan mereka adalah golongan para pendosa(75). Dan apabila kebenaran dari sisi Kami datang kepada mereka lantas mereka berkata: Sesungguhnya ini adalah suatu sihir*

---

[15] *Lihat bab* "هذا هوالطريق" *dalam buku* "معالم في الطريق".

*yang nyata(76). Jawab Musa: Apakah wajar kamu berkata kepada kebenaran yang datang kepada kamu itu: Apakah ini suatu sihir? Sedangkan ahli-ahli sihir itu tidak pernah beruntung(77). Mereka berkata: Apakah kamu datang kepada kami untuk memalingkan kami dari kepercayaan yang kami dapati dipegang oleh datuk nenek kami dan supaya kamu berdua mempunyai kekuasaan di bumi ini? Kami tidak akan beriman kepada kamu berdua."(78)*

Bukti-bukti yang jelas yang di bawa oleh Musa kepada Fir'aun dan para pembesarnya ialah sambilan bukti yang disebut di dalam Surah al-A'raf, tetapi bukti-bukti itu tidak disebutkan di sini kerana penjelasan di sini tidak memerlukannya dan kerana penerangan secara umum sahaja sudah memadai di tempat ini. Yang penting di sini ialah menerangkan cara Fir'aun dan para pembesarnya menyambut bukti-bukti yang nyata dari Allah:

فَٱسۡتَكۡبَرُواْ وَكَانُواْ قَوۡمٗا مُّجۡرِمِينَ ٧٥

*"Tetapi mereka berlagak angkuh dan mereka adalah golongan para pendosa."(75)*

فَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلۡحَقُّ مِنۡ عِندِنَا

*"Apabila kebenaran dari sisi Kami datang kepada mereka."*

Ungkapan "dari sisi Kami" menekankan sedemikian rupa untuk menggambarkan betapa kejinya jenayah yang dikatakan mereka terhadap kebenaran yang datang dari sisi Allah:

قَالُوٓاْ إِنَّ هَٰذَا لَسِحۡرٞ مُّبِينٞ ٧٦

*"Sesungguhnya ini adalah suatu sihir yang nyata."(76)*

Mereka berkata dengan tegas dan angkuh tanpa berlandaskan sesuatu dalil. "Ini adalah suatu sihir yang nyata". Ungkapan ini seolah-olah suatu ungkapan yang lumrah di sisi para pendusta rasul di setiap zaman. Ungkapan ini juga pernah diluahkan oleh kaum Musyrikin kepada Rasulullah s.a.w. sebagaimana telah diceritakan di permulaan surah walaupun jarak zaman dan tempat begitu jauh dan walaupun perbezaan di antara mu'jizat-mu'jizat Musa dan mu'jizat Al-Qur'an begitu jauh:

قَالَ مُوسَىٰٓ أَتَقُولُونَ لِلۡحَقِّ لَمَّا جَآءَكُمۡۖ أَسِحۡرٌ هَٰذَا وَلَا يُفۡلِحُ ٱلسَّٰحِرُونَ ٧٧

*"Jawab Musa: Apakah wajar kamu berkata kepada kebenaran yang datang kepada kamu itu: Apakah ini suatu sihir? Sedangkan ahli-ahli sihir itu tidak pernah beruntung."(77)*

Di dalam ayat ini sanggahan pertama Musa dibuang kerana ia boleh dibayangkan oleh sanggahannya yang kedua. Seolah-olah Musa berkata kepada mereka: Apakah patut kamu berkata kepada kebenaran yang datang kepada kamu dari Allah: Ini adalah suatu sihir. Apakah ini suatu sihir? Pertanyaan pertama merupakan sanggahan kerana kebenaran itu disifatkan mereka sebagai sihir dan pertanyaan yang kedua merupakan pertanyaan yang melahirkan kehairanan terhadap orang yang mengatakan kebenaran itu suatu sihir, kerana sihir tidak bertujuan memberi hidayat kepada manusia dan tidak pula mengandungi sesuatu 'aqidah dan tidak pula mempunyai suatu gagasan tertentu mengenai Uluhiyah dan hubungan makhluk dengan Khaliq dan seterusnya sihir tidak mengandungi sesuatu peraturan hidup yang tertentu. Oleh sebab itu sihir tidak boleh bercampur aduk dan tidak boleh dikeliru dengan kebenaran, dan ahli-ahli sihir tidak pernah melaksanakan sesuatu yang boleh merealisasikan tujuan-tujuan ini dan mereka tidak pernah beruntung dan berjaya kerana seluruh perbuatan mereka ialah permainan khayalan dan penipuan belaka.

Dan dalam ayat yang berikut para pembesar Fir'aun mendedahkan sebab-sebab yang sebenar yang menghalangkan mereka dari menerima bukti-bukti yang benar dari Allah:

قَالُوٓاْ أَجِئۡتَنَا لِتَلۡفِتَنَا عَمَّا وَجَدۡنَا عَلَيۡهِ ءَابَآءَنَا وَتَكُونَ لَكُمَا ٱلۡكِبۡرِيَآءُ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا نَحۡنُ لَكُمَا بِمُؤۡمِنِينَ ٧٨

*"Mereka berkata: Apakah kamu datang kepada kami untuk memalingkan kami dari kepercayaan yang kami dapati dipegang oleh datuk nenek kami dan supaya kamu berdua mempunyai kekuasaan di bumi? Kami tidak akan beriman kepada kamu berdua."(78)*

Di sini jelaslah bahawa motif mereka yang sebenar ialah kerana mereka takut kepada kehancuran kepercayaan-kepercayaan tradisional yang diwarisi dari datuk nenek mereka, iaitu kepercayaan-kepercayaan karut yang menjadi batu asas sistem politik dan ekonomi mereka, mereka takut kehilangan kuasa di negeri itu, iaitu kuasa yang diambil dari kepercayaan-kepercayaan karut yang diwarisi mereka.

Itulah penyakit lama yang baru yang mendorong penguasa-penguasa yang zalim menentang da'wah Allah dan mengemukakan alasan-alasan dusta di samping melemparkan tuduhan-tuduhan yang paling keji kepada para penda'wah dan melakukan tindakan-tindakan yang jahat dalam rangka usaha menindas da'wah dan para penda'wah. Itulah "kekuasaan di bumi" yang ditegakkan di atas asas-asas kepercayaan yang karut yang mahu dipertahankan oleh penguasa-penguasa yang zalim itu supaya kekal tersemat di dalam hati rakyat jelata dengan segala penipuan, kerosakan, tanggapan karut dan tahyul yang wujud di dalam kepercayaan itu, kerana apabila hati rakyat jelata terbuka dan menerima 'aqidah yang betul dan apabila akal mereka disinari nur hidayat yang baru, maka ia akan mengancam nilai-nilai tradisional mereka yang diwarisi turun temurun di samping mengancam kedudukan penguasa-penguasa yang zalim dan kegerunan rakyat jelata terhadap mereka, malah ia akan mengancam asas-asas yang menjadi landasan ketakutan dan kegerunan rakyat terhadap mereka. Itulah kebimbangan kehilangan kuasa yang ditegakkan di atas kepercayaan-kepercayaan yang

karut dan penyembahan berhala, juga ditegakkan di atas prinsip memperhambakan manusia kepada tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Da'wah Islam yang diperjuangkan oleh seluruh rasul adalah bertujuan menegakkan Rububiyah Allah Yang Maha Esa bagi seluruh manusia dan menghapuskan tuhan-tuhan palsu yang merampas hak-hak Uluhiyah dan ciri-cirinya dan menggunakan hak-hak itu di dalam kehidupan manusia. Sudah tentu tuhan-tuhan palsu yang memperbodohkan rakyat ini tidak akan membenarkan kalimatul-haq dan hidayat itu sampai kepada rakyat jelata. Mereka tidak akan membenarkan perisytiharan umum Islam yang mahu menegakkan Rububiyah Allah Yang Maha Esa sahaja bagi seluruh manusia dan membebaskan manusia dari perhambaan kepada sesama manusia.... Mereka tidak akan membenarkan perisytiharan umum ini sampai kepada rakyat jelata kerana mereka tahu dan sedar bahawa perisytiharan itu merupakan pengumuman pemberontakan terhadap ketuhanan mereka yang palsu dan terhadap kuasa dan kerajaan mereka, malah ia merupakan titik tolak menuju kebebasan yang mulia yang layak dengan makhluk insan!

Itulah penyakit lama yang baru, yang muncul setiap kali wujudnya penda'wah yang menyeru manusia kepada Allah Tuhan semesta alam.

Sudah tentu cerdik pandai kaum Quraisy tidak tersalah untuk memahami kebenaran dan keluhuran kerasulan Muhammad s.a.w. Mereka juga tidak tersalah untuk memahami kereputan dan kerosakan yang wujud di dalam 'aqidah syirik, tetapi apa yang dibimbangkan mereka ialah kehilangan kedudukan tradisional mereka yang turun-temurun yang memang ditegakan di atas 'aqidah tradisional yang penuh dengan kepercayaan khurafat sebagaimana para pembesar Fir'aun takut kehilangan kuasa di bumi Mesir lalu mereka berkata dengan penuh angkuh:

*"Kami tidak akan beriman kepada kamu berdua."(78)*

**(Pentafsiran ayat-ayat 79 - 82)**

Fir'aun dan para pembesarnya tertarik kepada kepandaian ilmu sihir dan besar kemungkinan mereka mahu mempengaruhi rakyat jelata dengan kepandaian ini dengan bertindak mengadakan gelanggang pertandingan bagi ahli-ahli sihir untuk mencabar Musa dan bukti-bukti yang jelas yang dibawa oleh beliau yang pada lahirnya seolah-olah menyerupai kepandaian sihir dengan tujuan supaya mereka pada akhirnya dapat membuat kesimpulan bahawa Musa tidak lain melainkan hanya seorang ahli sihir yang bijak sahaja. Dan dengan cara begini hilanglah ancaman yang ditakuti mereka akan menggugatkan kepercayaan-kepercayaan tradisional yang diwarisi mereka di samping menggugatkan kuasa mereka di negeri itu. Inilah asas perhitungan mereka. Pada hemat kami inilah motif yang sebenar yang mendorong mereka mengadakan temasya pertandingan sihir setelah mereka menyatakan kebimbangan mereka terhadap ancaman yang haqiqi yang didugakan mereka:

وَقَالَ فِرْعَوْنُ ٱئْتُونِي بِكُلِّ سَٰحِرٍ عَلِيمٍ ﴿٧٩﴾ فَلَمَّا جَآءَ ٱلسَّحَرَةُ قَالَ لَهُم مُّوسَىٰٓ أَلْقُوا۟ مَآ أَنتُم مُّلْقُونَ ﴿٨٠﴾ فَلَمَّآ أَلْقَوْا۟ قَالَ مُوسَىٰ مَا جِئْتُم بِهِ ٱلسِّحْرُ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ سَيُبْطِلُهُۥٓ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُصْلِحُ عَمَلَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٨١﴾ وَيُحِقُّ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٨٢﴾

*"Lalu Fir'aun berkata (kepada para pembesarnya): Bawalah kepadaku semua ahli-ahli sihir yang pintar(79). Setelah ahli-ahli sihir itu datang, maka Musa berkata kepada mereka: Campakkanlah apa sahaja yang kamu mahu dicampakkannya(80). Dan setelah mereka mencampakkannya, Musa pun berkata: Apa yang telah ditunjukkan kamu ini, itulah perbuatan sihir. Sesungguhnya Allah akan menunjukkan kepalsuannya, dan sesungguhnya Allah tidak akan menjayakan perbuatan orang-orang yang melakukan kerosakan(81). Dan Allah akan menunjukkan kebenaran dengan kalimat-Nya walaupun tidak disukai oleh para pendosa."(82)*

Di sini kita dapat perhatikan betapa ringkasnya penjelasan ayat ini dalam situasi perlawanan itu, kerana maksud yang penting ialah kesudahan perlawanan itu. Pernyataan Musa yang berbunyi:

مَا جِئْتُم بِهِ ٱلسِّحْرُ

*"Apa yang telah ditunjukkan kamu ini, itulah perbuatan sihir"*

merupakan jawapan terhadap tuduhan sihir yang telah dilemparkan mereka kepada beliau, iaitu perbuatan yang dilakukan mereka itulah perbuatan sihir yang sebenar, kerana perbuatan mereka tidak lebih dari mempermainkan imaginasi manusia dan mempesonakan penglihatan mata mereka. Perbuatan itu tidak mempunyai matlamat selain dari mempermain-mainkan akal manusia sahaja. Perbuatan itu tidak disertai da'wah dan tidak pula mendokong harakat perjuangan. Itulah perbuatan sihir yang sebenar, bukannya perbuatan-perbuatan yang merupakan ayat Allah seperti yang telah dibawa Musa kepada mereka dari sisi Allah.

Perkataan Musa:

إِنَّ ٱللَّهَ سَيُبْطِلُهُۥٓ

*"Sesungguhnya Allah akan menunjukkan kepalsuannya"*

memperlihatkan betapa kuatnya kepercayaan orang yang beriman kepada Allah dan betapa kuat

keyakinannya bahawa Allah tidak redha menjayakan perbuatan sihir yang tidak baik itu:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُصْلِحُ عَمَلَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٨١﴾

*"Sesungguhnya Allah tidak akan menjayakan perbuatan orang-orang yang melakukan kerosakan."(81)*

Yakni orang-orang yang menyesatkan manusia dengan ilmu sihir atau para pembesar Fir'aun yang membawa ahli-ahli sihir dengan niat merosakkan manusia dan mengekalkan mereka dalam kesesatan.

وَيُحِقُّ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ

*"Dan Allah akan menunjukkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya."*

Iaitu kalimat-kalimat ciptaan-Nya "كن فيكون" iaitu kata-kata yang mengungkapkan kehendak masyi'ah Allah atau kalimat-kalimat yang merupakan ayat-ayat dan bukti-buktinya yang jelas.

وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٨٢﴾

*"Walaupun tidak disukai oleh para pendosa."(82)*

Kerana kebencian mereka tidak membatalkan kehendak masyi'ah Allah dan tidak dapat menghalangkan ayat-ayat-Nya.

Semuanya telah berlaku, di mana perbuatan sihir tewas dan kebenaran menang, tetapi penjelasan ayat-ayat ini meringkaskan pemandangan-pemandangan itu di sini, kerana penjelasan terperinci tidak diperlukan di tempat ini.

**(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 87)**

Di sini tirai dilabuhkan kemudian disingkapkan kembali untuk menayangkan senario Musa bersama para pengikutnya yang kecil yang terdiri dari orang-orang muda dari kaum Musa bukannya dari orang-orang tua, dan ini merupakan salah satu dari pengajaran-pengajaran kisah Musa yang hendak ditampilkan di sini.

فَمَآ ءَامَنَ لِمُوسَىٰٓ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِۦ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن
فِرْعَوْنَ وَمَلَإِي۟هِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ ۚ وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالٍ
فِى ٱلْأَرْضِ وَإِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿٨٣﴾
وَقَالَ مُوسَىٰ يَٰقَوْمِ إِن كُنتُمْ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ فَعَلَيْهِ
تَوَكَّلُوٓا۟ إِن كُنتُم مُّسْلِمِينَ ﴿٨٤﴾
فَقَالُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ
ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٥﴾
وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٦﴾
وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰ وَأَخِيهِ أَن تَبَوَّءَا لِقَوْمِكُمَا
بِمِصْرَ بُيُوتًا وَٱجْعَلُوا۟ بُيُوتَكُمْ قِبْلَةً وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ ۗ
وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٧﴾

*"Tiada siapa yang beriman kepada Musa kecuali anak-anak muda dari kaumnya kerana mereka takut kepada Fir'aun dan para pembesarnya bertindak menindaskan mereka, dan sesungguhnya Fir'aun bertindak sewenang-wenang di negeri itu dan sesungguhnya dia termasuk dalam golongan orang-orang yang melampaui batas(83). Lalu Musa berkata: Wahai kaumku, jika kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah kepada-Nya sekiranya kamu benar-benar golongan Muslimin (yang berserah kepada Allah)(84). Lalu mereka berkata: Kami tetap bertawakkal kepada Allah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan kepada golongan orang-orang yang zalim(85). Dan selamatkan kami dengan limpah rahmat-Mu dari golongan orang-orang yang kafir(86). Dan Kami telah mewahyukan kepada Musa dan saudaranya: Ambillah beberapa buah rumah di Mesir untuk dijadikan tempat kediaman kepada kaum kamu berdua dan jadikan rumah-rumah kamu itu menghadapi satu arah yang sama dan dirikanlah solat, dan sampaikan berita gembira kepada para Mu'minin."(87)*

Ayat ini menerangkan kepada kita bahawa orang-orang yang melahirkan keimanan mereka dan menggabungkan diri dengan Musa a.s. dari Bani Israel adalah terdiri dari angkatan muda bukannya keseluruhan Bani Israel. Orang-orang muda ini bimbang kepada tindakan keras golongan orang-orang tua mereka yang menghalangkan mereka dari mengikut Musa kerana mereka takut kepada Fir'aun dan pengaruh pembesar-pembesar kaum mereka yang mempunyai kepentingan-kepentingan dengan pihak pemerintah, juga kepada talibarut-talibarut dari Bani Israel yang selalu mencari perlindungan pada setiap pihak yang berkuasa, sedangkan Fir'aun mempunyai kuasa yang luas dan sewenang-wenang dan seorang pemerintah yang amat zalim, tidak mengenal batasan dan tidak teragak-agak dari bertindak kejam dan ganas.

Di sini keimanan amat diperlukan untuk menenangkan ketakutan-ketakutan dan mententeramkan hati mereka dan menegakkannya di atas landasan kebenaran yang dipilih mereka:

وَقَالَ مُوسَىٰ يَٰقَوْمِ إِن كُنتُمْ ءَامَنتُم بِٱللَّهِ فَعَلَيْهِ
تَوَكَّلُوٓا۟ إِن كُنتُم مُّسْلِمِينَ ﴿٨٤﴾

*"Lalu Musa berkata: Wahai kaumku, jika kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah kepada-Nya sekiranya kamu benar-benar golongan Muslimin (yang berserah kepada Allah)."(84)*

Sikap berserah kepada Allah merupakan bukti dan tuntutan keimanan, di samping merupakan unsur kekuatan yang ditambahkan kepada stok kekuatan iman kelompok Mu'minin yang kecil untuk

menghadapi penguasa-penguasa yang berleluasa dan zalim, dan dengan itu mereka akan menjadi lebih kuat dan lebih teguh pendirian mereka. Musa telah menyebut kepentingan keimanan dan keislaman kepada para pengikutnya dan menjadikan tawakkal kepada Allah sebagai kehendak dan tuntutan keimanan dan keislaman, juga sebagai tuntutan kepercayaan kepada Allah dan tuntutan penyerahan diri yang bulat kepada-Nya dan bertindak mengikut kehendak-Nya.

Para Mu'minin yang mengikut Musa telah menyambut seruan iman yang telah diungkapkan oleh nabi mereka:

فَقَالُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا

*"Lalu mereka berkata: Kami tetap bertawakkal kepada Allah."*

Oleh sebab itulah mereka telah berdo'a kepada Allah:

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٥﴾

*"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran penindasan kepada golongan orang-orang yang zalim."(85)*

Permohonan mereka agar Allah tidak menjadikan mereka sasaran penindasan kepada golongan orang-orang yang zalim adalah bertujuan supaya Allah tidak memberi peluang kepada golongan yang zalim itu mengalahkan mereka, kerana ini akan menyebabkan mereka menyangka bahawa kekalahan orang-orang yang beriman kepada Allah itu menunjukkan bahawa 'aqidah mereka lebih betul dari 'aqidah para Mu'minin dan oleh sebab itulah mereka menang dan para Mu'minin kalah, malah ini juga merupakan istidraj dan ujian Allah kepada mereka agar mereka terus hanyut di dalam kesesatan, tetapi para Mu'minin berdo'a kepada Allah agar melindungi mereka dari dikalahkan orang-orang yang zalim walaupun dengan tujuan untuk mengistidrajkan orang-orang yang zalim. Ayat yang berikut lebih jelas lagi menerangkan maksud yang dikehendaki mereka:

وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٦﴾

*"Dan selamatkan kami dengan limpah rahmat-Mu dari golongan orang-orang yang kafir."(86)*

Permohonan mereka agar Allah tidak menjadikan mereka sasaran penindasan kepada golongan orang-orang yang zalim dan menyelamatkan mereka dengan limpah rahmat-Nya dari golongan orang-orang yang kafir adalah tidak bertentangan dengan konsep bertawakkal dan bergantung kepada Allah, malah ia lebih menunjukkan kepada sikap bertawakkal dan bergantung kepada Allah, kerana orang yang beriman tidak bercita-cita ditimpa bala bencana, tetapi ia akan menghadapi bala bencana itu dengan hati yang teguh dan sabar.

Selepas pembezaan kelompok ini dan ketika berada dalam tempoh menunggu selepas pusingan perjuangan da'wah yang pertama dan selepas berimannya orang-orang yang beriman kepada Musa, Allah mewahyukan kepada beliau dan saudaranya Harun agar mengadakan rumah-rumah kediaman yang khas kepada Bani Isreal untuk tujuan mengasingkan mereka dan mengaturkan pergerakan mereka sebagai persediaan untuk berhijrah dan meninggalkan negeri Mesir pada waktu yang akan dipilihkan nanti. Di samping itu Allah memerintah mereka supaya membersihkan rumah-rumah kediaman mereka di samping membersihkan hati mereka dan bergembira dengan pertolongan yang akan diberikan Allah:

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰ وَأَخِيهِ أَن تَبَوَّءَا لِقَوْمِكُمَا بِمِصْرَ بُيُوتًا وَٱجْعَلُوا۟ بُيُوتَكُمْ قِبْلَةً وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٧﴾

*"Dan Kami telah mewahyukan kepada Musa dan saudaranya: Ambillah beberapa buah rumah di Mesir untuk dijadikan tempat kediaman kepada kaum kamu berdua dan jadikan rumah-rumah kamu itu menghadapi satu arah yang sama dan dirikanlah solat, dan sampaikan berita gembira kepada para Mu'minin."(87)*

Itulah langkah persediaan spiritual dan langkah persediaan disiplin yang amat perlu kepada individu-individu dan kelompok-kelompok terutama sebelum menghadapi perjuangan-perjuangan dan kesulitan-kesulitan. Kadang-kadang ada golongan yang memperkecilkan langkah persediaan spiritual, tetapi sehingga ke sa'at ini pengalaman-pengalaman masih membuktikan bahawa 'aqidah merupakan senjata yang paling utama di dalam perjuangan, sedangkan alat-alat senjata yang berada di tangan perajurit yang lemah 'aqidahnya tidak banyak mempunyai nilai di sa'at-sa'at menghadapi kesulitan.

Pengalaman yang dibentangkan Allah ini kepada kelompok Mu'minin supaya menjadi teladan dan pengajaran kepada mereka bukanlah khusus untuk Bani Israel sahaja malah ia merupakan pengalaman keimanan yang tulen (kepada seluruh Muslimin). Kadang-kadang para Mu'minin dapati diri mereka pada suatu hari ditindas dan diburu dalam masyarakat jahiliyah, di mana penindasan telah berleluasa dan penguasa yang zalim bertindak sewenang-wenang, orang ramai dilanda keruntuhan akhlak dan masyarakat telah kotor dan busuk sebagaimana yang telah berlaku di zaman Fir'aun. Di sini Allah memberi garis panduan supaya mengambil langkah-langkah yang berikut:

- Memisahkan diri dari jahiliyah iaitu dari kebusukannya, kerosakannya dan kejahatannya sedapat mungkin dan mengumpulkan kelompok Mu'minin yang terpilih dan bersih dalam satu

kelompok yang padu untuk membersihkan mereka, mengatur dan mendisiplinkan mereka sehingga tiba janji Allah yang dijanjikan kepada mereka.

• Menjauhkan diri dari rumah-rumah ibadat jahiliyah dan menggunakan rumah-rumah kediaman kelompok Muslimin sebagai masjid-masjid, di mana dirasakan situasi terpisah dari masyarakat jahiliyah dan di mana mereka dapat melakukan amalan ibadat mereka kepada Allah mengikut peraturan yang betul dan menjadikan ibadat itu sendiri sejenis disiplin dalam suasana ibadat yang bersih.

**(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 89)**

Kemudian Musa a.s. berdo'a kepada Allah setelah beliau tidak mempunyai apa-apa harapan terhadap kebaikan dan keimanan Fir'aun dan para pembesarnya, juga tidak ada saki-baki dalam kalangan mereka yang dapat diharap menerima da'wah dan islah... Musa berdo'a kepada Allah supaya membinasakan Fir'aun dan para pembesarnya yang memiliki harta kekayaan dan perhiasan-perhiasan yang mahal yang melemahkan hati kebanyakan rakyat jelata dan akhirnya mereka melutut di hadapan pangkat kebesaran, kekayaan dan kesesatan.... Musa berdo'a agar Allah menghancurkan harta kekayaan ini dan mengikatkan hati para penguasa yang kaya raya itu dari beriman melainkan ketika keimanan tidak lagi berguna kepada mereka, lalu Allah memperkenankan permohonan itu:

وَقَالَ مُوسَىٰ رَبَّنَآ إِنَّكَ ءَاتَيْتَ فِرْعَوْنَ وَمَلَأَهُۥ زِينَةً وَأَمْوَٰلًا فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا رَبَّنَا لِيُضِلُّوا۟ عَن سَبِيلِكَ رَبَّنَا ٱطْمِسْ عَلَىٰٓ أَمْوَٰلِهِمْ وَٱشْدُدْ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُوا۟ حَتَّىٰ يَرَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَلِيمَ ﴿٨٨﴾ قَالَ قَدْ أُجِيبَت دَّعْوَتُكُمَا فَٱسْتَقِيمَا وَلَا تَتَّبِعَآنِّ سَبِيلَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨٩﴾

*"Lalu Musa berdo'a: Wahai Tuhan kami, engkau telah mengurniakan kepada Fir'aun dan para pembesarnya perhiasan dan kekayaan harta dalam kehidupan dunia. (Tetapi) wahai Tuhan kami, mereka menyesatkan manusia dari jalan-Mu. Wahai Tuhan kami! Binasakanlah harta kekayaan mereka dan ikatkanlah hati mereka sampai mereka tidak beriman hingga mereka melihat 'azab yang amat pedih(88). Allah menjawab: Sesungguhnya permohonan kamu berdua telah diperkenankan oleh itu hendaklah kamu beristiqamah dan jangan sekali-kali kamu mengikut jalan orang-orang yang tidak mengetahui.(89)*

رَبَّنَآ إِنَّكَ ءَاتَيْتَ فِرْعَوْنَ وَمَلَأَهُۥ زِينَةً وَأَمْوَٰلًا فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا

*"Wahai Tuhan kami, Engkau telah mengurniakan kepada Fir'aun dan para pembesarnya perhiasan dan kekayaan harta dalam kehidupan dunia."*

Tetapi akibat dari pengurniaan ini mereka menyesatkan manusia dari jalan-Mu sama ada dengan perantaraan tarikan dan godaan yang ditimbulkan oleh ni'mat kekayaan itu di dalam hati mereka atau dengan perantaraan kekuatan dan kuasa yang diberikan harta kekayaan itu kepada penguasa-penguasa yang kaya raya hingga mereka dapat menundukkan rakyat jelata dan menarik mereka ke arah kesesatan. Sebenarnya apabila harta kekayaan berada di tangan insan-insan perosak, maka tidak syak lagi ia dapat menggoncangkan hati sebahagian besar orang ramai, di mana keyakinan mereka terhadap Allah belum lagi sampai ke tahap yang dapat memahami bahawa ni'mat kekayaan ini hanya merupakan suatu ujian dan dugaan dari Allah sahaja dan seterusnya tidak dapat memahami bahawa harta kekayaan itu tidak mempunyai apa-apa nilai di samping limpah kurnia Allah yang lain di dunia dan Akhirat. Nabi Musa a.s. memperkatakan di sini tentang realiti yang dilihatnya pada kebanyakan orang ramai di zaman itu dan beliau memohon untuk memberhentikan perbuatan yang menyesatkan orang ramai dan untuk melucutkan kekuatan dan kekuasaan penguasa-penguasa yang zalim itu dari sarana-sarana kezaliman dan godaan... Beliau memohon agar Allah menghapus dan membinasakan harta kekayaan mereka supaya mereka tidak dapat memanfa'atkannya lagi. Permohonan Musa supaya Allah mengikatkan hati para penguasa itu dari beriman sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih merupakan suatu permohonan dari orang yang tidak menaruh harapan terhadap kemungkinan mereka membetulkan hati mereka dan bertaubat kepada Allah, suatu permohonan agar Allah menambahkan lagi kekerasan dan ketertutupan hati mereka sehingga mereka melihat 'azab agar di waktu itu keimanan mereka tidak diterima, kerana keimanan yang diikrarkan ketika ditimpakan 'azab itu tidak diterima Allah sebab keimanan itu tidak membayangkan taubat yang haqiqi yang lahir dari pilihan seseorang.

قَالَ قَدْ أُجِيبَت دَّعْوَتُكُمَا

*"Allah menjawab: Sesungguhnya permohonan kamu berdua telah diperkenankan."*

Maksudnya, permintaan itu telah diterima dan dilaksanakan.

فَٱسْتَقِيمَا

*"Oleh itu hendaklah kamu berdua beristiqamah."*

Di sepanjang jalan hidup kamu di samping berpegang teguh dengan hidayat Allah sehingga kamu didatangi ajal.

وَلَا تَتَّبِعَآنِّ سَبِيلَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨٩﴾

*"Dan jangan sekali-kali kamu mengikut jalan orang-orang yang tidak mengetahui."(89)*

Iaitu jalan-jalan di mana mereka meraba-raba tanpa ilmu pengetahuan dan terumbang-ambing dalam mengaturkan rancangan-rancangan dan pentadbiran-pentadbiran, di samping dilambung kebimbangan dan keluh resah terhadap masa depan mereka, kerana mereka tidak mengetahui apakah mereka berjalan di jalan yang betul atau jalan yang sesat.

### (Pentafsiran ayat-ayat 90 - 92)

Pemandangan dalam ayat-ayat yang berikut ialah pemandangan pelaksanaan keputusan Allah.

وَجَٰوَزۡنَا بِبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱلۡبَحۡرَ فَأَتۡبَعَهُمۡ فِرۡعَوۡنُ وَجُنُودُهُۥ بَغۡيٗا وَعَدۡوًاۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَدۡرَكَهُ ٱلۡغَرَقُ قَالَ ءَامَنتُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱلَّذِيٓ ءَامَنَتۡ بِهِۦ بَنُوٓاْ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿٩٠﴾
ءَآلۡـَٰٔنَ وَقَدۡ عَصَيۡتَ قَبۡلُ وَكُنتَ مِنَ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿٩١﴾
فَٱلۡيَوۡمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ لِتَكُونَ لِمَنۡ خَلۡفَكَ ءَايَةٗۚ وَإِنَّ كَثِيرٗا مِّنَ ٱلنَّاسِ عَنۡ ءَايَٰتِنَا لَغَٰفِلُونَ ﴿٩٢﴾

*"Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi lautan lalu diikuti oleh Fir'aun dan bala tenteranya dengan tujuan untuk menganiayai dan menindas mereka hingga apabila ia hampir tenggelam barulah ia berkata: Sesungguhnya aku beriman tiada Tuhan selain Allah yang diimani Bani Israel dan aku (sekarang) adalah dari golongan Muslimin (yang menyerahkan diri kepada Allah)(90). Apakah sekarang baru engkau beriman? Sedangkan dulunya engkau telah menderhaka dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kerosakan?(91). Dan pada hari ini Kami selamatkan badanmu supaya menjadi bukti kebenaran kepada mereka yang datang selepasmu. Sesungguhnya kebanyakan manusia itu lalai dari memikirkan ayat-ayat Kami."(92)*

Itulah situasi pemutus dan pemandangan akhir dari kisah yang penuh cabaran dan pendustaan. Ia dijelaskan oleh ayat-ayat tersebut secara ringkas dan umum, kerana tujuan penjelasan babak ini dari kisah Musa di dalam surah ini ialah untuk menerangkan penghabisan kisah ini, iaitu menerangkan bagaimana Allah memelihara dan melindungi para hamba kesayangan-Nya dan bagaimana Allah menimpakan 'azab dan kebinasaan ke atas para musuhnya yang lalai dari memikirkan ayat-ayat atau bukti-bukti kekuasaan-Nya di dalam kejadian-kejadian alam dan bukti-bukti kekuasaannya bersama para rasul-Nya sehingga mereka dibinasakan oleh bukti kekuasaan-Nya, di mana penyesalan dan taubat tidak lagi berguna selepas itu dan ini tepat dengan janji Allah terhadap para pendusta yang diterangkan sebelum ini di dalam firman-Nya:

وَلِكُلِّ أُمَّةٖ رَّسُولٞۖ فَإِذَا جَآءَ رَسُولُهُمۡ قُضِيَ بَيۡنَهُم بِٱلۡقِسۡطِ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ﴿٤٧﴾
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿٤٨﴾
قُل لَّآ أَمۡلِكُ لِنَفۡسِي ضَرّٗا وَلَا نَفۡعًا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُۗ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌۚ إِذَا جَآءَ أَجَلُهُمۡ فَلَا يَسۡتَـٔۡخِرُونَ سَاعَةٗ وَلَا يَسۡتَقۡدِمُونَ ﴿٤٩﴾
قُلۡ أَرَءَيۡتُمۡ إِنۡ أَتَىٰكُمۡ عَذَابُهُۥ بَيَٰتًا أَوۡ نَهَارٗا مَّاذَا يَسۡتَعۡجِلُ مِنۡهُ ٱلۡمُجۡرِمُونَ ﴿٥٠﴾
أَثُمَّ إِذَا مَا وَقَعَ ءَامَنتُم بِهِۦٓۚ ءَآلۡـَٰٔنَ وَقَدۡ كُنتُم بِهِۦ تَسۡتَعۡجِلُونَ ﴿٥١﴾

*"Dan setiap umat mempunyai rasul masing-masing, oleh itu apabila mereka telah didatangi rasul mereka, maka mereka kelak akan diadili di antara mereka dengan adil dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai(47). Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini, jika kamu benar?(48). Katakanlah: Aku tidak berkuasa memberikan kemudharatan dan tidak pula kemanfa'atan kepada diriku sendiri kecuali apa yang dikehendaki Allah. Setiap umat mempunyai ajal masing-masing. Apabila ajal mereka tiba, mereka tidak dapat memohon supaya ditunda dan tidak pula dapat memohon supaya dipercepatkannya walau sesa'at pun(49). Katakanlah: Terangkan kepadaku jika kamu ditimpakan 'azab-Nya di waktu malam atau di siang hari, apakah orang-orang yang berdosa itu masih hendak memohon supaya disegerakan 'azab itu?(50). Apakah sesudah berlakunya 'azab itu barulah kamu percaya kepadanya? Apakah sekarang kamu telah percaya kepadanya? Sedangkan dulunya kamu meminta supaya disegerakannya?"(51)*

Di sini datanglah cerita-cerita untuk membenarkan janji 'azab yang dijanjikan Allah:

وَجَٰوَزۡنَا بِبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱلۡبَحۡرَ

*"Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi laut."*

Di bawah pimpinan, bimbingan dan pengawasan kami. Kata-kata "Kami" dalam ayat ini mengandungi maksudnya yang khusus.

فَأَتۡبَعَهُمۡ فِرۡعَوۡنُ وَجُنُودُهُۥ

*"Lalu diikuti oleh Fir'aun dan bala tenteranya."*

Mereka mengikut Musa dan para pengikutnya bukan untuk mendapat hidayat dan beriman, malah untuk:

بَغْيًا وَعَدْوًا

*"Menganiayai dan menindas mereka."*

Iaitu bertindak di luar batas dan melakukan kezaliman.

Kemudian ayat yang berikut beralih secara langsung dari pemandangan penganiayaan dan penindasan kepada pemandangan tenggelam di dalam lautan dalam sekelip mata:

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَدْرَكَهُ ٱلْغَرَقُ

*"Hingga apabila ia hampir tenggelam."*

Dan melihat maut dan merasa tidak berupaya untuk menyelamatkan diri...

قَالَ ءَامَنتُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱلَّذِىٓ ءَامَنَتْ بِهِۦ بَنُوٓا۟ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٩٠﴾

*"Barulah ia berkata: Sesungguhnya aku beriman tiada Tuhan selain Allah yang diimani Bani Israel dan aku (sekarang) adalah dari golongan Muslimin (yang menyerahkan diri kepada Allah)."(90)*

Kini gugurlah dari Fir'aun yang bermaharajalela dan zalim itu segala pakaian palsunya, di mana ia berlagak dan memperlihatkan diri kepada kaumnya dan kepada dirinya sendiri sebagai seorang yang mempunyai kekuatan yang besar dan menakutkan. Kini dia telah menjadi begitu lemah, kerdil dan menyerah kalah. Dia bukan sahaja merasa tidak cukup mengemukakan keimanan bahawa tiada Tuhan selain Allah yang diimani Bani Israel, malah menambahkan pula bahawa dia menyerah diri sepenuhnya kepada Allah....

*"Dan aku (sekarang) adalah dari golongan Muslimin." (90)*

Yang menyerahkan diri kepada Allah.

ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ عَصَيْتَ قَبْلُ وَكُنتَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٩١﴾

*"Apakah sekarang baru engkau beriman? Sedangkan dulunya engkau telah menderhaka dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kerosakan?"(91)*

Baru sekarang, sesudah engkau kehilangan ikhtiar dan tidak menemui jalan melarikan diri... baru sekarang engkau mengaku beriman, sedangkan sebelum ini engkau berlagak angkuh dan menderhaka... sekarang baru engkau mengaku beriman?

فَٱلْيَوْمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ

*"Pada hari ini Kami selamatkan badanmu"*

dari dimakan ikan dan dari kehilangan dalam arus yang deras hingga tidak diketahui manusia supaya selepas engkau nanti manusia mengetahui bagaimana nasib kesudahan hidupmu:

لِتَكُونَ لِمَنْ خَلْفَكَ ءَايَةً

*"Supaya menjadi bukti kebenaran kepada mereka yang datang selepasmu"(92)*

agar mereka mengambil pengajaran dan i'tibar di samping melihat bagaimana akibat perbuatan menentang kekuatan Allah dan janji seksa-Nya dengan pendustaan:

وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ عَنْ ءَايَٰتِنَا لَغَٰفِلُونَ ﴿٩٢﴾

*"Sesungguhnya kebanyakan manusia itu lalai dari memikirkan ayat-ayat Kami."(92)*

Mereka tidak mendorong hati dan akal mereka ke arah memikirkan ayat-ayat Allah dan tidak pula memerhatikan bukti-bukti kekuasaan Allah yang wujud di merata pelosok alam dan di dalam diri mereka sendiri.

**(Pentafsiran ayat 93)**

Kemudian tirai dilabuhkan menutup senario akhir tragedi itu, iaitu tragedi kezaliman, kefasadan, cabaran dan penderhakaan, kemudian ayat yang berikut mengemukakan ulasan sepintas lalu mengenai kedudukan Bani Israel selepas tragedi itu yang merangkumi segala peristiwa yang telah berlaku di dalam beberapa generasi mereka:

وَلَقَدْ بَوَّأْنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ مُبَوَّأَ صِدْقٍ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ فَمَا ٱخْتَلَفُوا۟ حَتَّىٰ جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِى بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٩٣﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah menempatkan Bani Israel di tempat kediaman yang benar-benar teguh dan Kami kurniakan rezeki-rezeki yang baik kepada mereka. Kemudian mereka tidak berselisih kecuali setelah datang ilmu pengetahuan. Sesungguhnya Allah Tuhanmu akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat dalam perkara-perkara yang dipertentangkan mereka."(93)*

***Punca Perselisihan Dan Pepecahan Bani Israel Setelah Menghayati Zaman Keamanan Dan Kemakmuran***

Kata-kata "مبوأ صدق" ialah tempat kediaman yang aman dan benar-benar kukuh dan teguh persis keteguhan perkataan yang benar yang tidak bergoncang seperti kegoncangan perkataan yang dusta. Bani Israel telah mendapat kedudukan yang stabil dalam masa yang tertentu selepas menempoh berbagai-bagai ujian dalam masa yang panjang, yang tidak disebut oleh ayat ini kerana ia di luar dari maksudnya. Di sepanjang masa itu mereka telah meni'mati berbagai-bagai rezeki yang baik dan halal

sehingga mereka menyeleweng dari perintah Allah dan di waktu inilah rezeki-rezeki yang baik itu dinafikan kepada mereka. Ayat ini hanya menyebut tentang perselisihan yang telah berlaku di antara mereka setelah sekian lama hidup seia sekata. Mereka berselisih dalam urusan agama dan urusan hidup duniawi. Mereka berselisih bukan kerana jahil, tetapi mereka berselisih setelah datang ilmu pengetahuan. Dan dengan sebab ilmu pengetahuan inilah mereka berselisih kerana mereka menggunakan ilmu itu untuk ta'wilan-ta'wilan yang salah.

Oleh sebab pembicaraan di sini mengenai kemenangan iman dan kekalahan kezaliman, maka ayat ini tidak memanjangkan penjelasannya mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada Bani Israel selepas itu dan tidak pula menyelesaikan perselisihan mereka yang telah berlaku selepas mendapat ilmu pengetahuan yang jelas, tetapi lembaran ini digulung begitu sahaja di samping menyerahkan perkara-perkara itu kepada pengadilan Allah pada hari Qiamat kelak:

إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِي بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٩٣﴾

*"Sesungguhnya Allah Tuhanmu akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat dalam perkara-perkara yang dipertentangkan mereka."(93)*

Dengan ini kehebatan kisah ini terus kekal dan kesan pemandangan yang akhir ini juga terus mantap.

Demikianlah kita dapat memahami mengapakah kisah-kisah Al-Qur'an itu diceritakan dan bagaimana ia diceritakan di setiap tempat yang sesuai dengannya. Kisah-kisah itu bukannya merupakan semata-mata hikayat-hikayat yang diceritakan, malah ia merupakan sentuhan-sentuhan dan saranan-saranan yang dirancangkan dengan halus.

### (Pentafsiran ayat-ayat 94 - 103)

Selepas itu datang pula ayat-ayat yang berikut mengulas penghabisan kisah Musa dan kisah Nuh sebelumnya dimulai dengan firman yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menguatkan daya juangnya dengan berteladankan kepada apa yang telah berlaku kepada para rasul sebelumnya dan untuk menjelaskan penyebab mengapa beliau telah didustakan oleh kaumnya. Mereka mendustakan beliau bukan kerana kekurangan bukti-bukti yang jelas, malah kerana pendustaan itu merupakan Sunnatullah yang berlaku kepada para pendusta sebelum mereka, juga merupakan Sunnatullah yang telah menciptakan manusia dengan bakat-bakat kesediaan menuju ke arah kebaikan dan kejahatan, hidayat dan kesesatan... dan di tengah jalan penjelasan itu ia menceritakan secara sepintas lalu kisah Yunus a.s. dan kisah keimanan kaumnya setelah hampir-hampir ditimpa 'azab Allah lalu Allah menahankan 'azab itu dari mereka, semoga kisah ini menjadi pendorong kepada para pendusta Rasulullah s.a.w. untuk pulang ke pangkal jalan sebelum waktunya terluput. Penjelasan itu diakhiri dengan kesimpulan yang dapat diambil dari kisah-kisah itu seluruhnya, iaitu Sunnatullah dalam bentuk 'azab dan kebinasaan yang ditimpakan ke atas para pendusta di zaman silam akan terus berlaku ke atas para pendusta di zaman-zaman kebelakangan, begitu juga keselamatan para rasul dan para Mu'minin merupakan suatu peraturan yang ditetapkan Allah ke atas dirinya dan merupakan suatu Sunnatullah yang tetap berlaku tanpa pernah mungkir dan menyimpang:

فَإِن كُنتَ فِي شَكٍّ مِّمَّا أَنزَلْنَا إِلَيْكَ فَسْـَٔلِ الَّذِينَ يَقْرَءُونَ الْكِتَابَ مِن قَبْلِكَ ۚ لَقَدْ جَاءَكَ الْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٩٤﴾

وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ فَتَكُونَ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٩٥﴾

إِنَّ الَّذِينَ حَقَّتْ عَلَيْهِمْ كَلِمَتُ رَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٩٦﴾

وَلَوْ جَاءَتْهُمْ كُلُّ آيَةٍ حَتَّىٰ يَرَوُا الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٩٧﴾

فَلَوْلَا كَانَتْ قَرْيَةٌ آمَنَتْ فَنَفَعَهَا إِيمَانُهَا إِلَّا قَوْمَ يُونُسَ لَمَّا آمَنُوا كَشَفْنَا عَنْهُمْ عَذَابَ الْخِزْيِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَتَّعْنَاهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٩٨﴾

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَآمَنَ مَن فِي الْأَرْضِ كُلُّهُمْ جَمِيعًا ۚ أَفَأَنتَ تُكْرِهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٩٩﴾

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَن تُؤْمِنَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ وَيَجْعَلُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٠٠﴾

قُلِ انظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ عَن قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠١﴾

فَهَلْ يَنتَظِرُونَ إِلَّا مِثْلَ أَيَّامِ الَّذِينَ خَلَوْا مِن

قَبْلِهِمْ قُلْ فَانتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿١٠٢﴾ ثُمَّ نُنَجِّى رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كَذَٰلِكَ حَقًّا عَلَيْنَا نُنجِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

*"Dan seandainya engkau (wahai Muhammad) berada di dalam keraguan terhadap wahyu-wahyu yang Kami telah turunkannya kepadamu, maka silalah engkau bertanya orang-orang yang membaca kitab-kitab suci sebelum engkau. Sesungguhnya kebenaran telah datang kepadamu dari Tuhanmu dan oleh sebab itu janganlah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu(94). Dan janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang mendustakan ayat Allah, yang menyebabkan engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi(95). Sesungguhnya orang-orang yang telah ditetapkan keputusan Allah ke atas mereka tidak akan beriman(96). Walaupun mereka didatangi segala bukti yang jelas sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih(97). Mengapa tidak ada sebuah negeri yang (seluruh penduduknya) telah beriman lalu keimanan itu telah berguna kepadanya kecuali kaum Yunus? Apabila mereka beriman Kami hapuskan dari mereka 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia dan Kami kurniakan kesenangan kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu(98). Dan seandainya Tuhanmu kehendaki nescaya seluruh manusia di bumi ini beriman belaka. Apakah engkau mahu memaksa seluruh manusia sehingga mereka beriman belaka?(99). Dan tiada sesiapa pun yang beriman kecuali dengan keizinan Allah dan Dia menimpakan noda kesesatan ke atas mereka yang tidak menggunakan akal mereka(100). Katakanlah: Telitilah apakah kejadian-kejadian yang ada di langit dan di bumi, tetapi segala bukti-bukti dan amaran-amaran tidak berguna kepada golongan orang-orang yang tidak beriman(101). Oleh itu mereka tidak menunggu kecuali hari malapetaka yang sama dengan hari malapetaka yang telah menimpa orang-orang yang dahulu sebelum mereka. Katakanlah: Tunggulah (hari itu) sesungguhnya aku juga termasuk dari orang-orang yang menunggu bersama kamu(102). Kemudian Kami selamatkan rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman. Demikianlah telah menjadi kewajipan Kami menyelamatkan orang-orang yang beriman."(103)*

Itulah cerita terakhir Bani Israel. Sebagai Ahlil-Kitab mereka mengetahui kisah Nuh dengan kaumnya dan kisah Musa dengan Fir'aun dari kitab suci Taurat yang dibaca oleh mereka. Di sini Allah menghadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w., jika beliau ragu-ragu terhadap kisah-kisah atau lainnya yang diturunkan kepada beliau, maka hendaklah beliau bertanya kepada orang-orang yang membaca kitab suci sebelum mereka, kerana mereka memang mengetahui kisah-kisah ini dari kitab yang dibacakan mereka.

### *Situasi Genting Peristiwa Isra' Mi'raj*

فَإِن كُنتَ فِى شَكٍّ مِّمَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ فَسْـَٔلِ ٱلَّذِينَ يَقْرَءُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكَ لَقَدْ جَآءَكَ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿٩٤﴾

*"Dan seandainya engkau (wahai Muhammad) berada di dalam keraguan terhadap wahyu-wahyu yang Kami telah turunkannya kepadamu, maka silalah engkau, bertanya orang-orang yang membaca kitab-kitab suci sebelum engkau. Sesungguhnya kebenaran telah datang kepadamu dari Tuhanmu dan oleh sebab itu janganlah engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu."(94)*

Tetapi Rasulullah s.a.w. tidak pernah meragui segala apa yang diturunkan Allah kepadanya sebagaimana telah diceritakan oleh beliau sendiri:

لا أشك ولا أسأل

*"Aku tidak pernah meragui dan tidak pula pernah bertanya."*

Jika begitu, mengapa pula beliau disuruh bertanya jika beliau merasa ragu-ragu, kerana keterangan ayat yang berikut sudah cukup untuk menyakinkannya:

لَقَدْ جَآءَكَ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ

*"Sesungguhnya kebenaran telah datang kepadamu dari Tuhanmu."*

Tetapi perintah atau arahan ini membayangkan wujudnya situasi yang genting di Makkah selepas berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj, yang mana setengah-setengah orang Islam telah murtad kerana tidak percayakan peristiwa itu. Ia berlaku selepas kewafatan Khadijah dan Abu Talib dan selepas memuncaknya tindak-tanduk menyakiti Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya, juga selepas gerakan da'wah Islamiyah hampir-hampir lumpuh dan membeku di negeri Makkah akibat pendirian kaum Quraisy yang degil. Semuanya ini merupakan latarbelakang-latarbelakang yang memilukan hati Rasulullah s.a.w. Oleh kerana itulah Allah menghiburkan beliau dengan pernyataan-pernyataan yang tegas selepas mengemukakan kisah-kisah yang menarik itu.

Kemudian ayat berikut menyindir orang-orang yang ragu-ragu dan mendustakan ayat-ayat Allah:

وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَتَكُونَ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٩٥﴾

*"Dan janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, yang menyebabkan engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(95)*

### *Gunakan Kaedah Bertanya Jika Tidak Yakin*

Sindiran ini memberi peluang kepada sesiapa sahaja dari kalangan orang-orang yang ragu-ragu yang ingin kembali ke pangkal jalan supaya kembali dengan segera, kerana jika Rasulullah s.a.w. sendiri diizinkan bertanya jika ia merasa ragu-ragu, kemudian beliau tidak bertanya dan tidak pula ragu-ragu, maka ini menunjukkan bahawa beliau yakin bahawa segala apa yang dibawanya itu adalah benar dan sikap ini

menyarankan kepada orang lain supaya jangan ragu-ragu dan jangan menjadikan diri mereka dari golongan orang-orang yang ragu.

Kemudian kaedah bertanya itu merupakan suatu peraturan yang digariskan Allah kepada umat Muslimin apabila menghadapi sesuatu persoalan yang tidak diyakini kebenarannya supaya mereka bertanya kepada orang-orang yang mengetahui walaupun dalam persoalan-persoalan yang menyentuh ciri paling utama dari ciri-ciri 'aqidah, kerana setiap Muslim bertanggungjawab supaya mencari keterangan-keterangan yang meyakinkan mereka berhubung dengan 'aqidah dan syari'at yang dipegangnya dan supaya mereka jangan berpegang dengan taqlid tanpa kepastian, dan keyakinan.

Kemudian bukankah di sana terdapat pertentangan di antara kebenaran bertanya ketika ragu-ragu dengan firman Allah: "Janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu". Sebenarnya di sana tidak ada pertentangan, kerana yang dilarangkan di sini ialah ragu-ragu dan kekal dalam keraguan hingga menjadi sifat yang berterusan dan tergolong dalam golongan orang-orang yang ragu "من الممترين" dan ia tidak berusaha untuk mendapat keyakinan. Ini adalah suatu sikap yang buruk yang tidak akan membawa kepada ilmu pengetahuan, di samping tidak menggalakkan ke arah mendapatkan sesuatu manfa'at dan tidak pula membawa kepada keyakinan.

Kemudian, jika segala apa yang disampaikan kepada rasul itu benar dan tanpa keraguan, maka mengapa masih ada golongan manusia yang sanggup mendustakannya dengan penuh kedegilan dan keras kepala? Sebabnya kerana keputusan dan Sunnatullah telah menetapkan bahawa sesiapa yang tidak mengikut sebab-sebab bagi mendapatkan hidayat ia tidak akan menemui hidayat dan sesiapa yang tidak membuka matanya melihat cahaya nescaya ia tidak akan nampak cahaya dan sesiapa yang tidak menggunakan daya intelektual dan pemikirannya tentulah dia tidak akan mendapat manfa'at dari fungsi-fungsinya dan akhirnya ia akan terus sesat walau dikemukakan bukti-bukti dan keterangan-keterangan yang jelas, kerana orang yang seperti ini tidak dapat mengambil apa-apa manfa'at dari bukti-bukti dan keterangan-keterangan yang jelas itu dan di waktu inilah keputusan dan Sunnatullah akan berlaku ke atas mereka:

إِنَّ ٱلَّذِينَ حَقَّتۡ عَلَيۡهِمۡ كَلِمَتُ رَبِّكَ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٩٦﴾ وَلَوۡ جَآءَتۡهُمۡ كُلُّ ءَايَةٍ حَتَّىٰ يَرَوُاْ ٱلۡعَذَابَ ٱلۡأَلِيمَ ﴿٩٧﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang telah ditetapkan keputusan Allah ke atas mereka tidak akan beriman(96). Walaupun mereka didatangi segala bukti yang jelas sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih."(97)*

Oleh sebab itulah keimanan tidak berguna lagi kepada mereka di waktu itu, kerana ia tidak lahir dari pilihan hati mereka dan di sana tidak ada lagi peluang untuk merealisasikan pengertian iman dalam kehidupannya. Baru sebentar tadi kita berhadapan dengan pemandangan yang membenarkan hakikat ini, iaitu pemandangan Fir'aun ketika dia hampir tenggelam di dalam lautan di mana dia berkata:

قَالَ ءَامَنتُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱلَّذِيٓ ءَامَنَتۡ بِهِۦ بَنُوٓاْ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿٩٠﴾

*"Barulah dia berkata: Sesungguhnya aku beriman tiada Tuhan selain Allah yang diimani Bani Israel dan aku (sekarang) adalah dari golongan Muslimin (yang menyerahkan diri kepada Allah)."(90)*

Lalu dijawab kepadanya:

ءَآلۡـَٰٔنَ وَقَدۡ عَصَيۡتَ قَبۡلُ وَكُنتَ مِنَ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿٩١﴾

*"Apakah sekarang baru engkau beriman? Sedangkan dulunya engkau telah menderhaka dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kerosakan?"(91)*

Dalam situasi ini, di mana ketaranya kepastian berlakunya Sunnatullah yang berakhir pada titik penghabisannya yang telah ditetapkan Allah, maka apabila seseorang itu menghadapinya dengan spontan nescaya terbukalah jendela yang membawa cahaya terakhir dari cahaya-cahaya harapan terselamat dari 'azab Allah, iaitu harapan kembalinya para pendusta itu ke pangkal jalan sebelum berlakunya 'azab Allah:

فَلَوۡلَا كَانَتۡ قَرۡيَةٌ ءَامَنَتۡ فَنَفَعَهَآ إِيمَٰنُهَآ إِلَّا قَوۡمَ يُونُسَ لَمَّآ ءَامَنُواْ كَشَفۡنَا عَنۡهُمۡ عَذَابَ ٱلۡخِزۡيِ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَمَتَّعۡنَٰهُمۡ إِلَىٰ حِينٖ ﴿٩٨﴾

*"Mengapa tidak ada sebuah negeri yang (seluruh penduduknya) telah beriman lalu keimanan itu telah berguna kepadanya kecuali kaum Yunus? Apabila mereka beriman Kami hapuskan dari mereka 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia dan Kami kurniakan kesenangan kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu."(98)*

Ayat ini merupakan galakan ke arah keimanan yang berlaku di masa yang silam dan ia menyarankan bahawa 'azab itu tidak berlaku:

فَلَوۡلَا كَانَتۡ قَرۡيَةٌ ءَامَنَتۡ

*"Mengapa tidak ada sebuah negeri yang (seluruh penduduknya) telah beriman."(98)*

Iaitu sebuah kota dari kota-kota yang telah disebutkan sebelum ini, tetapi penduduk kota-kota itu tidak beriman kecuali sebilangan kecil sahaja, sedangkan kebanyakannya tidak beriman kecuali penduduk sebuah kota sahaja. Yang dimaksudkan dengan kata-kata "القرية" (kota) itu ialah para penduduknya. Ia diistilahkan begitu untuk menunjukkan bahawa kebangkitan atau penghantaran para rasul itu dilakukan di kota-kota yang bertamadun (kawasan yang mempunyai bandar-bandar dan kampung-kampung yang berpenduduk yang tetap) bukannya di kawasan-kawasan desa belantara (yang berpenduduk yang berpindah randah). Kisah Yunus dan kaumnya tidak diceritakan secara terperinci di sini, malah ia hanya disebut penghabisan kisah itu dengan isyarat yang ringkas ini sahaja, kerana penghabisan kisah itu sahaja yang dipentingkan di sini. Oleh sebab itu kami tidak menambahkan kisah ini dengan huraian yang terperinci. Cukuplah bagi kita memahami bahawa kaum Yunus pernah diancam dengan 'azab yang akan menjadikan mereka hina dina, tetapi apabila mereka telah beriman di sa'at terakhir sebelum mereka ditimpakan 'azab itu, maka Allah telah menghapuskan 'azab itu dari mereka dan meluangkan mereka hidup senang lenang hingga ke satu masa yang tertentu. Jika tidak kerana mereka beriman, sudah tentu mereka akan ditimpakan 'azab mengikut Sunnatullah yang bertindak mengikut perilaku dan tindakan makhluk-Nya. Cukuplah sekadar ini sahaja untuk kita memahami dua perkara yang penting:

Pertama: Memberi galakan kepada golongan pendusta supaya mereka berpegang dengan tali-tali keselamatan yang terakhir agar mereka terselamat dari 'azab Allah sebagaimana kaum Yunus telah terselamat dari 'azab yang hina dalam kehidupan duniawi ini. Inilah tujuan secara langsung dari penceritaan kisah itu di tempat ini.

Kedua: Sunnatullah tidak akan lumpuh dan tidak akan berhenti setelah menghapuskan 'azab itu dan meluangkan kaum Yunus hidup senang lenang untuk satu masa yang tertentu, malah undang-undang itu terus berfungsi dan berkuatkuasa, kerana kehendak undang-undang Allah akan menimpakan 'azab ke atas mereka, jika mereka terus mendustakan da'wah rasul-Nya dengan degil, tetapi apabila mereka mengubahkan pendirian sebelum ditimpakan 'azab, maka undang-undang Allah akan bertindak menyelamatkan mereka sebagai reaksi dari tindakan mereka yang telah mengubahkan pendirian mereka. Di sini jelaslah tiada paksaan (jabriyah) di dalam tindak-tanduk manusia, tetapi jabriah itu berlaku dalam reaksinya terhadap kesan-kesan tindak-tanduk manusia.

Oleh sebab itulah ayat yang berikut mengemukakan kaedah umum mengenai kekufuran dan keimanan:

وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ لَءَامَنَ مَن فِى ٱلْأَرْضِ كُلُّهُمْ جَمِيعًا

أَفَأَنتَ تُكْرِهُ ٱلنَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٩﴾ وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَن تُؤْمِنَ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ وَيَجْعَلُ ٱلرِّجْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٠٠﴾

*"Dan seandainya Tuhanmu kehendaki nescaya seluruh manusia di bumi ini beriman belaka. Apakah engkau mahu memaksa seluruh manusia sehingga mereka beriman belaka?(99). Dan tiada siapa pun yang beriman kecuali dengan keizinan Allah dan Dia menimpakan noda kesesatan ke atas mereka yang tidak menggunakan akal mereka."(100)*

Maksudnya, jika Allah kehendaki tentulah Dia menciptakan manusia sejenis makhluk yang lain, iaitu satu makhluk yang hanya mengenal satu jalan hidup sahaja, iaitu jalan hidup beriman seperti makhluk malaikat atau Dia menjadikan manusia selaku makhluk yang hanya mempunyai satu kesediaan semula jadi yang membimbing seluruh individunya ke arah keimanan.

Begitu juga jika Allah kehendaki, tentulah Dia berkuasa memaksa seluruh mereka beriman hingga mereka tidak mempunyai iradat untuk membuat pilihan, tetapi hikmat kebijaksanaan Allah yang kadang-kadang kita memahami setengah-tengah tujuannya dan kadang-kadang tidak memahaminya, namun ketidakfahaman kita terhadap hikmat itu tidak pula menafikan kewujudannya... Hikmat Allah menghendaki menciptakan makhluk insan ini dengan kesediaan semulajadi yang boleh mendorongnya ke arah kebaikan dan kejahatan, ke arah hidayat dan kesesatan dan mengurniakan kepadanya kebolehan memilih di antara dua arah itu, kemudian hikmat itu menetapkan pula jika seseorang itu pandai menggunakan bakat-bakat semulajadinya, iaitu daya-daya pancaindera, daya-daya perasaan dan daya-daya intelektual dan pemikiran, dan mengarahkan daya-daya ini untuk memahami bukti-bukti hidayat yang terdapat dalam kejadian-kejadian alam buana dan di dalam diri manusia, juga memahami ayat-ayat dan pernyataan-pernyataan yang jelas yang dibawa oleh para rasul, maka ia akan beriman dan mendapat bimbingan melalui keimanan ini ke arah jalan yang selamat, tetapi sebaliknya apabila ia tidak menggunakan bakat-bakat semulajadinya dan menutup daya intelektual dan pemikirannya dari meneliti bukti-bukti keimanan, maka hatinya akan menjadi keras dan akalnya akan tertutup dan akhirnya ia bertindak mendustakan da'wah atau mengingkarkannya, dan seterusnya ia akan dibalas dengan 'azab yang telah ditetapkan Allah kepada para pendusta dan para pengingkar.

Oleh sebab itu keimanan harus ditinggalkan bebas kepada pilihan manusia, di mana rasul tidak boleh memaksa seseorang supaya beriman, kerana paksaan tidak mempunyai ruang di dalam perasaan-perasaan dan kecenderungan-kecenderungan hati manusia:

أَفَأَنتَ تُكْرِهُ ٱلنَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٩﴾

*"Apakah engkau mahu memaksa seluruh manusia sehingga mereka beriman belaka?"(99)*

Pertanyaan ini bertujuan untuk melahirkan sangkalan sahaja, kerana paksaan ini tidak pernah berlaku:

***Jalan Menuju Keimanan***

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَن تُؤْمِنَ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ

*"Dan tiada siapa pun yang beriman kecuali dengan keizinan Allah"*

mengikut Sunnatullah yang telah kami terangkan sebelum ini. Justeru itu seseorang itu tidak akan sampai kepada keimanan sekiranya ia mengikut jalan yang lain, yang tidak membawa kepada keimanan... bukannya dia mahu beriman dan mengikut jalan yang membawa kepada keimanan, tetapi ia dihalang. Ini bukanlah maksud ayat ini, malah apa yang dimaksudkan ayat ini ialah seseorang itu tidak akan sampai kepada keimanan kecuali ia berjalan mengikut keizinan dan Sunnatullah yang menyampaikannya kepada keimanan. Di waktu ini Allah akan memberi hidayat kepadanya dan keimanan akan dicapai olehnya dengan keizinan Allah. Tiada suatu yang berlaku kecuali mengikut perencanaan Allah yang khusus dengannya. Manusia hanya berjalan mengikut sesuatu jalan, dan Allah akan menentukan akibat jalan itu kepada mereka dan memberi balasan kepada mereka sebagai ganjaran terhadap perjuangan mereka yang ikhlas kerana Allah untuk mendapat hidayat.

Maksud ini dijelaskan oleh ayat selanjutnya:

*"Dan Dia menimpakan noda kesesatan ke atas mereka yang tidak menggunakan akal mereka."(100)*

Orang-orang yang tidak menggunakan akal fikiran mereka akan ditimpa noda iaitu rohaniyah yang paling buruk. Mereka memperolehi noda itu dengan sebab mereka tidak menggunakan daya pemikiran mereka untuk memahami dan meneliti dan akhirnya membawa mereka kepada pendustaan dan kekufuran.

Ayat yang berikut menerangkan perkara ini lebih jelas lagi, iaitu bukti-bukti yang jelas dan amaran-amaran tidak memberi apa-apa faedah kepada orang-orang yang tidak beriman kerana mereka tidak meneliti dan memikirkannya, sedangkan bukti-bukti itu terbentang di hadapan mereka di langit dan di bumi:

قُلِ ٱنظُرُوا۟ مَاذَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَمَا تُغْنِى ٱلْـَٔايَـٰتُ وَٱلنُّذُرُ عَن قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠١﴾

*"Katakanlah: Telitilah apakah kejadian-kejadian yang ada di langit dan di bumi, tetapi segala bukti-bukti dan amaran-amaran tidak berguna kepada golongan orang-orang yang tidak beriman."(101)*

Adalah sama sahaja sama ada ayat ini dimaksudkan sebagai pertanyaan atau sebagai penjelasan kerana tujuannya sama sahaja, iaitu segala isi langit dan bumi adalah penuh tepu dengan bukti-bukti keimanan, tetapi bukti-bukti dan amaran-amaran itu tidak berguna kepada orang-orang yang tidak beriman kerana mereka sebelum ini tidak pernah memberi perhatian kepada bukti-bukti itu dan tidak pula pernah memikirkannya.

Sebelum kita meneruskan perbicaraan kita hingga ke akhirnya marilah kita berhenti sejenak di hadapan firman Allah:

*"Katakanlah: 'Telitilah apakah kejadian-kejadian yang ada di langit dan di bumi, tetapi segala bukti-bukti dan amaran-amaran tidak berguna kepada golongan orang-orang yang tidak beriman."(101)*

Orang-orang Arab yang ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka bagi pertama kalinya tidak mempunyai pengetahuan-pengetahuan 'ilmiyah mengenai isi langit dan bumi kecuali segelintir sahaja, tetapi hakikat yang berlaku, yang kami sebut berulang kali ialah bahawa di antara fitrah manusia dan alam buana yang kita hayati ini terdapat satu bahasa rahsia yang kaya, dan fitrah manusia dapat mendengar bisikan alam buana ini apabila ia membuka pintu hatinya dan jaga, di mana ia mendengar berbagai-bagai sarana dari alam buana.

***Methodologi Al-Qur'an Membentuk Kefahaman Islam Melalui Kejadian-kejadian Alam***

Methodologi Al-Qur'an dalam membentuk kefahaman Islam dalam fikiran manusia adalah berlandaskan kejadian-kejadian yang wujud di langit dan di bumi. Ia mencari ilham dari alam buana, di mana ia mengarahkan pandangan, pendengaran, hati dan akal manusia supaya memikirkannya tanpa merosakkan tabiat keselarasan dan keseimbangan yang wujud pada alam dan tanpa menjadikan alam ini sebagai Tuhan yang berkuasa memberi kesan kepada manusia seperti Allah sebagaimana yang dilakukan oleh kaum materialis yang kafir dan buta mata hati. Mereka namakan kepercayaan yang kafir itu sebagai aliran fikiran "'Ilmiyah" yang menjadi landasan satu sistem sosial yang dinamakan sebagai "sosialisme 'Ilmiyah", sedangkan keilmuan yang sebenar adalah bersih dari kekufuran itu.

Memikir dan meneliti kejadian-kejadian di langit dan di bumi dapat membekalkan hati dan akal dengan berbagai-bagai bekalan perasaan, persepsi, perhatian, pengamatan dan berbagai-bagai bekalan reaksi-reaksi dan rasa-rasa keterharuan, berbagai-bagai bekalan

dari kesedaran yang luas terhadap kewujudan alam dan bekalan saling mesra terhadap alam buana dan semuanya itu membawa ke jalan yang memenuhkan entiti manusia dengan nada-nada dan irama-irama alam buana yang menyarankan kewujudan Allah, keagungan Allah, pentadbiran Allah, kekuasaan Allah, kebijaksanaan Allah dan ilmu Allah.....

Zaman beredar dan pengetahuan 'ilmiyah manusia mengenai alam ini semakin bertambah subur. Oleh itu jika seorang manusia mendapat hidayat Allah di samping mendapat pengetahuan-pengetahuan 'ilmiyah, maka pengetahuan 'ilmiyah ini akan menambahkan kepada stok bekalan-bekalannya yang diperolehinya melalui pemerhatian dan penelitiannya terhadap alam buana, melalui perhubungan mesra dan perkenalan dengan alam buana, melalui hubungan sahut menyahut dan sambut menyambut dengan alam buana dan seterusnya melalui penyertaannya bersama alam buana dalam kegiatan bertasbih memuji Allah:

وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ

*"Tiada suatu makhluk pun melainkan semuanya bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak mengerti tasbih mereka."*

(Surah al-Isra': 44)

Tiada yang dapat memahami tasbih segala sesuatu dari makhluk Allah itu kecuali orang yang hatinya sentiasa berhubung dengan Allah. Sebaliknya jika pengetahuan-pengetahuan 'ilmiyah itu tidak disertai dengan kemanisan iman dan nurnya, maka ia akan membawa insan-insan yang malang kepada kecelakaan yang bertambah besar apabila ia membawa mereka bertambah jauh dari Allah dan bertambah ternafi dari kemanisan iman, nur iman, pancaran iman dan keharuman iman.

وَمَا تُغْنِي ٱلْـَٔايَٰتُ وَٱلنُّذُرُ عَن قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠١﴾

*"Tetapi segala bukti-bukti dan amaran-amaran tidak berguna kepada golongan orang-orang yang tidak beriman."(101)*

Apakah faedah yang dapat diberikan oleh bukti-bukti dan amaran-amaran itu jika hati mereka telah tertutup akal mereka telah membeku dan alat-alat penerima fitrah mereka telah tidak berfungsi, iaitu keseluruhan makhluk insan telah terhijab dari alam buana, di mana ia tidak dapat mendengar nada-nada dan irama-iramanya yang memuji Allah dan bertasbih kepada-Nya.

"Methodologi Al-Qur'an dalam rangka usaha memperkenalkan hakikat Uluhiyah telah menjadikan alam buana dan hayat ini sebagai pameran yang indah, di mana dapat dilihat dengan jelas hakikat Uluhiyah dan kesan-kesannya yang aktif. Kewujudan dan kehadiran hakikat Uluhiyah itu memenuhi segala sudut entiti insan yang memahami dan mengerti. Methodologi Al-Qur'an tidak menjadikan 'kewujudan Allah' S.W.T. sebagai isu perdebatan, kerana kewujudan Allah telah memenuhi hati manusia melalui wawasan Al-Qur'an dan pemandangan-pemandangan di alam kenyataan, di mana tidak ada ruang untuk dijadikan Allah sebagai isu perdebatan. Methodologi Al-Qur'an secara langsung membicarakan kesan-kesan kewujudan. Allah di seluruh alam buana ini, di samping membicarakan kehendak-kehendak dan tuntutan-tuntutannya di dalam hati dan kehidupan manusia.

"Methodologi Al-Qur'an yang mengikut cara ini adalah berlandaskan hakikat asasi penciptaan kejadian manusia iaitu Allah selaku Tuhan Pencipta, maka Dialah yang lebih mengetahui hakikat makhluk-makhluk yang telah diciptakannya:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ

*"Sesungguhnya Kamilah yang telah menciptakan manusia dan Kami mengetahui segala apa yang dibisikkan hatinya."*

(Surah Qaf: 16)

"Fitrah manusia memerlukan kepada agama dan kepada kepercayaan adanya Tuhan, malah apabila fitrah ini sihat dan beristiqamah, maka dalam lubuk hatinya terdapat kecenderungan kepada Tuhan Yang Maha Esa, juga terdapat perasaan yang kuat terhadap wujudnya Tuhan Yang Maha Esa ini. Fungsi 'aqidah yang betul bukannya mewujudkan perasaan perlunya kepada Tuhan dan bertawajjuh kepada-Nya, kerana perasaan ini memang telah tersemat dalam fitrah manusia, tetapi fungsi 'aqidah ialah membetulkan kefahaman manusia terhadap Tuhan dan memperkenalkan kepada mereka Tuhan yang sebenar, yang tiada Tuhan selain Dia, juga memperkenalkan kepada mereka hakikat Tuhan dan sifat-Nya, bukannya memperkenalkan kewujudan-Nya dan membuktikan kewujudan-Nya, kemudian memperkenalkan kepada mereka kehendak-kehendak dan tuntutan Uluhiyah di dalam kehidupan mereka, iaitu menegakkan Rububiyah, Qiwamah dan Hakimiyah Allah di dalam kehidupan mereka. Keraguan terhadap hakikat kewujudan Allah atau mengingkarkan-Nya merupakan dalil dan pertanda yang kuat adanya kerosakan di dalam entiti insan dan adanya kemacetan di dalam alat-alat penerima fitrah dan kemacetan itu tidak boleh diubati dengan perdebatan kerana perdebatan itu bukannya cara perubatan.

### *Alam Buana Merupakan Alam Yang Mu'min Dan Muslim*

"Alam buana ini adalah alam yang Mu'min dan Muslim. Ia mengenal Tuhannya dan tunduk kepada-Nya. Segala sesuatu yang wujud dan segala yang hidup di alam ini adalah bertasbih memuji Allah kecuali setengah-setengah manusia sahaja. 'Manusia' hidup di alam ini, di mana seluruh sudut dan pelosoknya bersahut-sahutan dengan gema-gema iman dan Islam, gema-gema tasbih dan sujud. Segala atom dan sel dirinya juga turut serta dalam gema-gema itu. Segala gerak dan harakat semulajadinya

tunduk kepada undang-undang yang telah ditetapkan Allah. Justeru itu mana-mana makhluk yang fitrahnya tidak merasakan seluruh gema-gema ini dan tidak merasakan kesan undang-undang Ilahiyah di dalam dirinya, dan alat-alat penerima semulajadinya tidak dapat menangkap gelombang-gelombang alam buana ini adalah makhluk yang macet segala alat-alat penerima semulajadinya. Dan justeru itu tiada jalan lagi untuk sampai kepada hati dengan akalnya melalui perdebatan, malah satu-satunya jalan untuk mengubatinya ialah berusaha menggerakkan semula alat-alat penerima semula jadinya yang macet itu dan merangsangkan daya-daya yang tersembunyi di dalam entitinya supaya bergerak dan berfungsi semula."[16]

Usaha menarik perhatian perasaan, hati dan akal supaya meneliti kejadian-kejadian di langit dan di bumi merupakan salah satu sarana yang digunakan oleh methodologi Al-Qur'an untuk menghidupkan hati manusia supaya berdenyut dan bergerak untuk menerima dan menyambut ilham-ilham dari alam buana.

Tetapi malangnya golongan pendusta dari orang-orang Arab jahiliyah dan orang-orang yang sama seperti mereka tidak pernah memikir dan memperhatikannya. Oleh itu apakah yang ditunggu-tunggu mereka?

Sunnatullah tidak pernah mungkir dan akibat yang akan diterima para pendusta itu memang diketahui umum. Mereka tidak mungkin mengharapkan kemungkiran perjalanan Sunnatullah. Mungkin Allah menangguhkan pelaksanaan hukuman terhadap mereka, iaitu Dia tidak menimpakan mereka dengan 'azab penghapusan, tetapi mereka yang terus berdegil mendustakan rasul-Nya pasti akan ditimpakan 'azab:

فَهَلْ يَنتَظِرُونَ إِلَّا مِثْلَ أَيَّامِ ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِهِمْ ۚ قُلْ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿١٠٢﴾

*"Oleh itu mereka tidak menunggu kecuali hari malapetaka yang sama dengan hari malapetaka yang telah menimpa orang-orang yang dahulu sebelum mereka. Katakanlah: Tunggulah (hari itu) sesungguhnya aku juga termasuk dari orang-orang yang menunggu bersama kamu."(102)*

Itulah ancaman yang menamatkan perdebatan, tetapi ancaman itu benar-benar mencabutkan hati.

Bahagian rangkaian ayat-ayat ini diakhiri dengan pernyataan natijah terakhir bagi setiap risalah dan setiap pendustaan, juga diakhiri dengan contoh i'tibar yang akhir dari kisah-kisah para anbia itu dan ulasan-ulasannya:

ثُمَّ نُنَجِّى رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ كَذَٰلِكَ حَقًّا عَلَيْنَا نُنجِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

*"Kemudian Kami selamatkan rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman. Demikianlah telah menjadi kewajipan Kami menyelamatkan orang-orang yang beriman."(103)*

Itulah keputusan yang telah ditetapkan Allah ke atas diri-Nya, iaitu mengekalkan benih yang beriman agar tumbuh dan selamat selepas menghadapi segala penindasan dan segala bahaya dan selepas berdepan dengan segala pendustaan dan penyeksaan.

Demikianlah akibat yang telah berlaku dan sedang berlaku, yang disaksikan oleh kisah-kisah yang diceritakan di dalam surah ini. Oleh itu hendaklah para Mu'minin bertenang!

**(Kumpulan ayat-ayat 104 - 109)**

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمْ فِى شَكٍّ مِّن دِينِى فَلَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِنْ أَعْبُدُ ٱللَّهَ ٱلَّذِى يَتَوَفَّىٰكُمْ ۖ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٤﴾ وَأَنْ أَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٥﴾ وَلَا تَدْعُ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ ۖ فَإِن فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذًا مِّنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠٦﴾ وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَآدَّ لِفَضْلِهِۦ ۚ يُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٧﴾ قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَكُمُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۖ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيْكُم بِوَكِيلٍ ﴿١٠٨﴾ وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ وَٱصْبِرْ حَتَّىٰ يَحْكُمَ ٱللَّهُ ۚ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿١٠٩﴾

*"Katakanlah: Wahai manusia! Jika kamu masih berada di dalam keraguan terhadap agamaku, maka (ketahuilah) bahawa aku tidak menyembah tuhan-tuhan yang disembah kamu selain Allah, tetapi aku hanya menyembah Allah yang*

[16] *Dari buku "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته" bahagian yang kedua*

*berkuasa mematikan kamu dan aku diperintah supaya berada di dalam golongan orang-orang yang beriman(104). Dan (aku diperintah:) Hendaklah engkau hadapkan mukamu kepada agama Allah dengan mentauhidkan-Nya dan jangan sekali-kali engkau berada dalam golongan para Musyrikin(105). Dan janganlah engkau sembah selain Allah sesuatu yang tidak memberi sebarang manfa'at kepadamu dan tidak pula memberi sebarang mudharat kepadamu. Oleh itu jika engkau lakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang zalim(106). Dan seandainya Allah menyentuhmu dengan sesuatu bencana, maka tiada siapa yang berkuasa menghapuskannya melainkan Dia. Dan seandainya Allah hendak mengurniakan sesuatu kebaikan kepadamu, maka tiada sesiapa yang berkuasa menolak limpah kurnia-Nya yang diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya. Dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih(107). Katakanlah: Wahai manusia! Kebenaran telah pun datang kepada kamu dari Tuhan kamu. Oleh itu sesiapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya ia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan sesiapa yang sesat, maka kesesatan itu hanya membawa kecelakaan ke atas dirinya sendiri dan aku bukannya penguasa yang menjaga kamu (108). Dan ikutilah perintah yang diwahyukan kepadamu dan bersabarlah sehingga Allah memberi keputusan-Nya dan Dia adalah sebaik-baik Pengadil."(109)*

Inilah akhiran surah dan penghabisan perjalanan dari penjelajahan-penjelajahan di merata ufuk alam, iaitu penjelajahan-penjelajahan yang membuat kita merasa bahawa kita sedang pulang darinya setelah menjelajah sekian lama di merata pelosok alam buana, di merata sudut jiwa, di alam-alam fikiran, perasaan dan pemerhatian-pemerhatian, kita merasa sedang pulang darinya dengan agak penat kerana terlalu jauh mengembara, terlalu banyak menggendung hasil dan mendokong karung-karung perolehan yang penuh.

Inilah akhiran surah yang mengandungi penjelajahan-penjelajahan yang jauh di sekitar 'aqidah yang menyentuh persoalan-persoalan pokoknya yang besar, iaitu persoalan-persoalan mentauhidkan Rububiyah, Qiwamah dan Hakimiyah di samping menolak sekutu-sekutu dan pemberi-pemberi syafa'at yang palsu dan memulangkan seluruh urusan itu kepada Allah, kepada undang-undang dan peraturan-Nya yang tetap, di mana tiada seorang pun yang berkuasa mengubah dan menukar-gantikannya, juga memulangkannya kepada wahyunya yang benar, kepada kebenaran tulen yang dibawa wahyu, kepada hari kebangkitan semula, kepada hari Akhirat dan kepada pengadilan Ilahi yang adil.

Inilah prinsip-prinsip pokok 'aqidah yang dibicarakan oleh rangkaian ayat-ayat surah ini semuanya, di mana dibentangkan berbagai-bagai kisah dan perbandingan untuk menerang dan menjelaskannya.

Semuanya itu diintisarikan dalam akhiran surah ini, di mana Rasulullah s.a.w. diperintah supaya mengumumkannya kepada seluruh manusia dan menyampaikan kepada mereka keputusan akhir yang tegas bahawa beliau akan terus berjuang mengikut programnya, berdiri teguh dan jujur mengikut jalannya sehingga Allah membuat keputusannya selaku sebaik-baik pengadil.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 104 - 109)**

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمْ فِى شَكٍّ مِّن دِينِى فَلَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِنْ أَعْبُدُ ٱللَّهَ ٱلَّذِى يَتَوَفَّىٰكُمْ ۖ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٤﴾

*"Katakanlah: Wahai manusia! jika kamu masih berada di dalam keraguan terhadap agamaku, maka (ketahuilah) bahawa aku tidak menyembah tuhan-tuhan yang disembah kamu selain Allah, tetapi aku hanya menyembah Allah yang berkuasa mematikan kamu dan aku diperintah supaya berada di dalam golongan orang-orang yang beriman."(104)*

***Intisari Da'wah Allah***

Maksudnya, katakanlah: Wahai seluruh manusia - walaupun yang menerima perintah ini di masa itu ialah kaum Musyrikin Quraisy sahaja - jika kamu ragu-ragu terhadap kebenaran agamaku, yang aku serukan kamu kepadanya, maka ketahuilah bahawa keraguan itu tidak dapat mengubah keyakinanku dan tidak akan mendorongku menyembah tuhan-tuhan yang disembahkan kamu selain Allah.

وَلَٰكِنْ أَعْبُدُ ٱللَّهَ ٱلَّذِى يَتَوَفَّىٰكُمْ ۖ

*"Tetapi aku hanya menyembah Allah yang berkuasa mematikan kamu."*

Aku hanya menyembah Allah yang memiliki ajal dan umur kamu. Penonjolan sifat ini bagi Allah di sini mempunyai nilai-nilai dan maksudnya yang khusus, iaitu untuk mengingatkan mereka terhadap kekuasaan Allah yang menguasai mereka dan terhadap ajal mereka yang akan berakhir di tangan kekuasaan Allah. Oleh kerana itu Allahlah yang paling wajar disembah mereka dari tuhan-tuhan palsu yang tidak berkuasa menghidup dan mematikan.

وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٤﴾

*"Dan aku diperintah supaya berada di dalam golongan orang-orang yang beriman."*

Dan aku tetap mematuhi perintah dan tidak akan melanggarkannya.

وَأَنْ أَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٥﴾

*"Dan (aku diperintah:) Hendaklah engkau hadapkan mukamu kepada agama Allah dengan mentauhidkan-Nya dan jangan sekali-kali engkau berada dalam golongan para Musyrikin."(105)*

Di sini penjelasan ayat ini berubah dari uslub bercerita kepada uslub perintah secara langsung seolah-olah Rasulullah s.a.w. menerima perintah di hadapan khalayak yang ramai dan uslub ini adalah lebih kuat dan lebih mendalam keberkesanannya.

أَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا

*"Hendaklah engkau hadapkan mukamu kepada agama Allah dengan mentauhidkan-Nya."(105)*

Yakni tumpukan kepada Allah sahaja dan jangan sekali-kali kamu memasukkan diri kamu ke dalam golongan orang-orang yang mempersekutukan Allah:

وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٥﴾

*"Dan jangan sekali-kali engkau berada dalam golongan para Musyrikin."(105)*

Ayat ini menguatkan lagi konsep istiqamah dalam agama dan konsep bergabung dalam golongan para Mu'minin melalui larangan secara langsung terhadap kepercayaan setelah disampaikan perintah beriman secara langsung.

وَلَا تَدْعُ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِن فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذًا مِّنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠٦﴾

*"Dan janganlah engkau sembah selain Allah sesuatu yang tidak memberi sebarang manfa'at kepadamu dan tidak pula memberi sebarang mudharat kepadamu. Oleh itu jika engkau lakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang zalim."(106)*

Yakni janganlah kamu menyembah selain Allah, iaitu menyembah sekutu-sekutu dan pemberi-pemberi syafa'at (mengikut anggapan kamu) yang tidak memberi faedah dan mendatangkan mudharat kepada kamu, iaitu sekutu-sekutu yang disembah oleh kaum Musyrikin untuk mendapat sesuatu faedah dan menolak sesuatu kemudharatan. Dan andainya engkau berbuat begitu nescaya engkau termasuk dalam golongan kaum Musyrikin, dan ingatlah bahawa undang-undang Allah tidak memilih bulu dan tidak pula bersikap lembut...

وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ وَإِن يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَآدَّ لِفَضْلِهِۦ ۚ يُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٧﴾

*"Dan seandainya Allah menyentuhmu dengan sesuatu bencana, maka tiada siapa yang berkuasa menghapuskannya melainkan Dia. Dan seandainya Allah hendak mengurniakan sesuatu kebaikan kepadamu, maka tiada sesiapa yang berkuasa menolak limpah kurnia-Nya yang diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya. Dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(107)*

Malapetaka itu merupakan hasil yang pasti dari undang-undang Allah yang berkuatkuasa apabila seseorang itu melakukan sebab-sebabnya, begitu juga kebaikan dan kesenangan. Oleh sebab itu apabila Allah menimpakan sesuatu bencana ke atas anda melalui kehendak undang-undang-Nya, maka tiada siapapun yang berkuasa menghapuskannya, dan satu-satunya jalan untuk menghindari bala bencana itu ialah mengikut undang-undang-Nya dan menjauhi segala sebab yang boleh membawa bala bencana itu jika sebab-sebab itu diketahui atau berlindung pada Allah agar Allah memberi hidayat kepada anda untuk menjauhi sebab-sebab bencana itu jika sebab-sebab itu tidak diketahui. Sebaliknya jika Allah mahu mengurniakan kebaikan sebagai hasil dari perbuatan anda mengikut kehendak undang-undang-Nya, maka tiada siapa dari makhluk Allah yang berkuasa menolak dan menghalangkan kebaikan itu dari anda, kerana limpah kurnia Allah dianugerahkan kepada para hamba-Nya yang mematuhi sebab-sebabnya mengikut kehendak masyi'ah-Nya yang am dan undang-undang dan peraturan-Nya yang berkuatkuasa.

وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٧﴾

*"Dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih"(107)*

yang bersedia mengampunkan dosa-dosa yang silam apabila pesalah itu bertaubat, dan Allah amat mengasihi para hamba-Nya dan bersedia menghapuskan dosa-dosa mereka apabila mereka bertaubat dengan melakukan amalan yang soleh dan pulang kembali ke jalan yang lurus.

Inilah intisari 'aqidah seluruhnya yang dibicarakan di dalam surah ini, di mana Rasulullah s.a.w. diperintah mengumumkannya kepada seluruh manusia dan perintah ini ditujukan kepada beliau seolah-olah beliau berada di hadapan khalayak yang ramai sedangkan yang sebenarnya merekalah sasaran perintah itu. Ini merupakan suatu cara arahan yang menarik dan memberi kesan yang mendalam kepada manusia. Rasulullah s.a.w. berdiri mengumumkan intisari 'aqidah ini di hadapan kekuatan manusia dan bilangan mereka yang ramai, di hadapan keladak-keladak jahiliyah dan di hadapan sejarah yang telah membawa kaum Musyrikin begitu jauh ke dalam kancah syirik. Beliau mengumumkannya dengan nada yang lantang dan terus terang, sedangkan beliau berada dalam kumpulan Muslimin yang amat kecil di kota Makkah di tengah-tengah kekuatan kaum Musyrikin yang begitu menonjol.

Tetapi itulah da'wah dan beban-beban tanggung-jawabnya dan itulah kebenaran yang memerlukan kekuatan dan keyakinan.

Oleh sebab itulah ayat yang berikut membuat perisytiharan terakhir kepada manusia:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَكُمُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَنِ

ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا
يَضِلُّ عَلَيْهَا ۖ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيْكُم بِوَكِيلٍ ﴿١٠٨﴾

*"Katakanlah: Wahai manusia! Kebenaran telah pun datang kepada kamu dari Tuhan kamu. Oleh itu sesiapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya ia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan sesiapa yang sesat, maka kesesatan itu hanya membawa kecelakaan ke atas dirinya sendiri dan aku bukannya penguasa yang menjaga kamu."(108)*

Inilah pengumuman terakhir, inilah keputusan yang tegas dan inilah pemisahan diri yang total, di mana setiap orang harus membuat pilihan sendiri, kerana kebenaran telah pun datang dari Allah kepada mereka.

فَمَنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ
فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۖ

*"Oleh itu sesiapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya ia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan sesiapa yang sesat, maka kesesatan itu hanya membawa kecelakaan ke atas dirinya sendiri."*

Tugas seorang rasul bukan menjadi pengawal yang mengheret manusia kepada hidayat secara kekerasan, malah tugasnya yang sebenar ialah menyampaikan perutusan Allah kepada manusia kemudian terserahlah kepada kemahuan dan pilihan mereka, juga terserah kepada tanggungjawab mereka dan pada akhirnya terserah pula kepada perencanaan Allah terhadap mereka.

Kemudian titah penamat ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. supaya mematuhi segala perintah-Nya dan bersabar dalam menghadapi rintangan-rintangan da'wah sehingga Allah membuat keputusan mengikut perencanaan qadha' dan qadar-Nya:

وَٱتَّبِعْ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيْكَ وَٱصْبِرْ حَتَّىٰ يَحْكُمَ ٱللَّهُ ۚ وَهُوَ
خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿١٠٩﴾

*"Dan ikutilah perintah yang diwahyukan kepadamu dan bersabarlah sehingga Allah memberi keputusan-Nya dan Dia adalah sebaik-baik Pengadil."(109)*

Itulah penamat kata yang sesuai dengan pernyataan di permulaan surah dan selaras dengan keseluruhan isi kandungannya mengikut cara penggambaran dan penyelarasan Al-Qur'an.

**(Tamat Juzu' Yang Kesebelas)**